LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

NEGERI SABAH
TAHUN 2003

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	v
INTISARI LAPORAN	ix
BAHAGIAN I – PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003	
Pendahuluan	1
Pengesahan Penyata Akaun Awam	5
Analisis Terhadap Penyata Akaun Awam	5
Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan RMK8	19
Rumusan Dan Syor Audit	21
BAHAGIAN II – PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/ JABATAN NEGERI	
Pendahuluan	22
Jabatan Bendahari Negeri	24
Kementerian/Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri	47
Program *Audit Presence*	62
Program Anak Angkat	65

PERKARA **MUKA SURAT**

BAHAGIAN III – AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Pendahuluan 71

Jabatan Ketua Menteri 71
- Projek Pembangunan Khas

Jabatan Perhutanan Sabah 92
- Pengurusan Sumber Dan Pemuliharaan Hutan

Jabatan Tanah Dan Ukur 123
- Pelesenan Dan Pengawalan Operasi Kuari Swasta

Jabatan Perikanan Sabah 146
- Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Jabatan Pertanian Sabah 166
- Pengurusan Subsidi Padi

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 185
- Pembinaan, Penggunaan Dan Penyenggaraan Kapal Dan Lanca

Jabatan Hidupan Liar 213
- Perlindungan Dan Pemulihan Orang Utan Di Sepilok, Sandakan

BAHAGIAN IV – BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Pendahuluan 238

Pengauditan Penyata Kewangan 238

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan 238

Persijilan Penyata Kewangan 239

Pembentangan Penyata Kewangan 241

PERKARA **MUKA SURAT**

Prestasi Kewangan 241

Rumusan Dan Syor Audit 242

Pengurusan Kewangan

- Lembaga Sukan Negeri Sabah Dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah 244

- Lembaga Bandaran Kudat Dan Majlis Daerah Kota Belud 253

Kajian Aktiviti

Taman-taman Sabah 261
- Program Penswastaan Perkhidmatan Dan Kemudahan Pelancongan

Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar 285
- Program Penempatan Semula Setinggan

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu 314
- Pengurusan Sisa Pepejal

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan 345
- Penggunaan Geran Modal Dan Geran Khas Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Di Sabah

BAHAGIAN V – PERKARA AM

Pendahuluan 375

Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002 375

Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Sebelum Tahun 2002 Yang Masih Belum Selesai 397

PERKARA		MUKA SURAT

	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Jabatan	398
	Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri	399
PENUTUP		401
LAMPIRAN		
I	Sijil Ketua Audit Negara 2003	402
II	Lembaran Imbangan	403
III	Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Setakat 31 Julai 2004	406
IV	Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 31 Julai 2004	407
V	Kelewatan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri	408
VI	Persijilan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Setakat 31 Julai 2004	410
VII	Persijilan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 31 Julai 2004	411
VIII	Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Setakat 31 Julai 2004	412
IX	Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 31 Julai 2004	413
X	Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002	414

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 kaedah pengauditan seperti berikut:

1.1 **Pengauditan Penyata Kewangan** - untuk memberi pendapat sama ada Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini juga dibuat terhadap penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan.

1.2 **Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan/Agensi dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3 **Pengauditan Prestasi** - untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/matlamat yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian/ Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2003 ini disediakan hasil daripada pengauditan yang telah dijalankan di beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2003 melalui 3 kaedah pengauditan yang telah dinyatakan.

Bagi tujuan pengesahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Tahun 2003, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Perbendaharaan Negeri, dengan turut mengadakan pemeriksaan di 8 pejabat Bendahari Daerah. Pengauditan tersebut melibatkan pemeriksaan terhadap 540 baucar bayaran bernilai RM250.15 juta, sebanyak 342 penyata pemungut bernilai RM77.09 juta dan 2,615 baucar jurnal bernilai RM341.87 juta. Pada masa yang sama, pengauditan pengurusan kewangan di 19 Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri dan 11 pengauditan prestasi telah dijalankan. Berhubung dengan pengauditan prestasi, program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan pertanian/penternakan, projek pembangunan, perhutanan, program pelancongan dan pelbagai kajian lain.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2002 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Pada umumnya, pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2003 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya. Berhubung dengan pelaksanaan aktiviti pula, pada umumnya Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti mereka dengan baik seperti menyediakan garis panduan yang lengkap, menetapkan matlamat pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan guna tenaga serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, dari segi pelaksanaan aktivitinya, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan.

5. Jabatan Audit Negara terus mengambil beberapa pendekatan untuk membantu Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktivitinya. Antara pendekatan yang telah diambil adalah seperti berikut :

5.1 Program Anak Angkat. Mulai tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan Program Anak Angkat. Asas pelaksanaan program ini adalah bagi mengatasi tanggapan bahawa Jabatan Audit Negara adalah sebuah Jabatan yang bersifat '*fault finder'* - hanya mencari kesalahan kepada sifat '*developmental'.* Melalui program ini, lapan pejabat telah dipilih untuk diberikan bimbingan dan nasihat oleh Jabatan Audit Negara bagi memantapkan lagi tahap pengurusan kewangan. Sehingga akhir bulan Julai 2004, lima daripada 8 telah berjaya mengikuti program ini dan diberi sijil penyertaan. Harapan saya Jabatan/Agensi Negeri yang menamatkan program ini akan terus berusaha mengekalkan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri masing-masing. Pencapaian pelaksanaan program ini juga dilaporkan dalam Laporan ini.

5.2 Pengauditan Syarikat Kerajaan. Memandangkan penglibatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan dalam syarikat Kerajaan/swasta melalui pegangan ekuiti dan pemberian pinjaman/geran melibatkan jumlah kewangan yang besar dan meningkat dari tahun ke setahun, pengauditan terhadap syarikat berkenaan amatlah penting untuk menentukan wang awam yang terlibat digunakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, Jabatan Audit Negara telah mendapatkan perintah daripada Yang di-Pertuan Agong untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan selaras dengan peruntukan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pada 19 November 2003.

6. Laporan ini disediakan dalam 5 Bahagian seperti berikut :

Bahagian I	**:**	Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2003
Bahagian II	**:**	Pengurusan Kewangan Kementerian/Jabatan Negeri

Bahagian III	**:**	Aktiviti Kementerian/Jabatan Negeri Dan Kajian Khas
Bahagian IV	**:**	Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Bahagian V	**:**	Perkara Am

7. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat sesebuah negeri. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

8. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

14 Ogos 2004

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah dapat disahkan kerana dokumen sokongan bagi mengesahkan semua angka telah disediakan dengan sewajarnya. Pada keseluruhannya, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tempoh berakhir 31 Disember 2003.

2. Pada tahun 2003, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah baik berbanding kedudukan tahun 2002. Kerajaan Negeri memperolehi surplus sejumlah RM154.34 juta kerana hasil sebenar yang diperolehi adalah sejumlah RM1.88 bilion berbanding perbelanjaan sebenar berjumlah RM1.73 bilion. Dengan surplus ini, Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2003 dengan lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM476.66 juta berbanding RM322.32 juta pada akhir tahun 2002.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

3. Jabatan Bendahari Negeri

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Jabatan Bendahari Negeri telah menunjukkan tahap yang memuaskan. Jabatan telah mematuhi beberapa aspek kawalan hasil untuk memastikan hasil Negeri diurus, dipungut dan direkod dengan teratur. Prosedur dan arahan yang ditetapkan telah dipatuhi dalam proses perbelanjaan. Tindakan proaktif terhadap teguran Audit berkaitan pengurusan Akaun Amanah dan deposit telah diambil oleh pihak Bendahari Negeri.

4. Kementerian/Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri

Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan di 14 Kementerian/Jabatan/Pejabat Kerajaan Negeri. Objektif pengauditan ini adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di pejabat berkenaan telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Hasil daripada pengauditan itu mendapati pada umumnya ada kemajuan dalam prestasi pengurusan kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati masih wujud beberapa kelemahan dari segi kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset. Rekod perakaunan juga tidak diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini di beberapa pejabat yang dilawati.

BAHAGIAN III - AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

5. Jabatan Ketua Menteri : Projek Pembangunan Khas

Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, Jabatan Ketua Menteri telah membelanjakan sejumlah RM49.87 juta untuk Projek Pembangunan Khas. Semakan Audit mendapati projek yang dilaksanakan telah mencapai matlamatnya iaitu memberi kemudahan asas kepada kumpulan sasar. Namun demikian, Jawatankuasa Khas Pemantauan tidak diwujudkan dan garis panduan khusus untuk permohonan dan pelaksanaan projek masih belum diluluskan dan belum diedarkan kepada agensi pelaksana.

6. Jabatan Perhutanan : Pengurusan Sumber Dan Pemuliharaan Hutan

Kerajaan telah memperkenalkan kaedah sistem Pengurusan Hutan Mampan pada tahun 1997 yang dikenali sebagai *Sustainable Forest Management* (SFM). Kaedah ini adalah berasaskan kepada teknologi Kerajaan Jerman yang diperkenalkan di kawasan Hutan Simpan Deramakot sebagai model kepada sistem Pengurusan

Hutan Mampan. Berdasarkan kepada kejayaan sistem ini di Hutan Simpan Deramakot, Kerajaan Negeri telah mengeluarkan lesen perjanjian *Sustainable Forest Management Agreement* kepada 16 syarikat selama 100 tahun. Bagaimanapun, sehingga tahun 2003, hanya 1 pelesen menunjukkan prestasi yang baik dan mematuhi kehendak lesen perjanjian dan 4 pelesen menunjukkan prestasi memuaskan. Manakala prestasi 10 pelesen lagi tidak memuaskan dan seorang pelesen telah ditamatkan perjanjian kerana gagal mematuhi lesen perjanjian.

7. Jabatan Tanah Dan Ukur :
Pelesenan Dan Pengawalan Operasi Kuari Swasta

Jabatan Tanah Dan Ukur bertanggungjawab mengeluarkan lesen dan memungut cukai tambahan terhadap operasi kuari di Negeri Sabah. Semakan Audit mendapati banyak permohonan lesen lewat diluluskan oleh Jabatan. Kelewatan pengeluaran lesen telah mengakibatkan banyak kuari beroperasi tanpa lesen. Punca kelewatan adalah kerana pengeluaran lesen juga tertakluk kepada kelulusan Menteri dan komen teknikal daripada beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain. Selain itu, permohonan yang tidak disertakan dokumen lengkap dan tidak mengikut syarat juga menyebabkan permohonan lewat diproses di samping kelewatan berpunca daripada pihak Jabatan sendiri. Jabatan perlu mengkaji semula beberapa perkara seperti perundangan dan peraturan yang kurang mantap, garis panduan dan tatacara permohonan lesen dan kadar bayaran lesen di samping penambahan tenaga kerja dan logistik bagi menggerakkan jentera pentadbiran Jabatan.

8. Jabatan Perikanan : Pengurusan Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Jabatan Perikanan Sabah mengendalikan projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar sejak tahun 1976. Kawasan yang telah dikenal pasti sesuai sebagai zon penternakan ikan dalam sangkar adalah seluas 4,380 hektar. Bagi menggalakkan nelayan dan pihak swasta menyertai projek ini, bantuan berbentuk peralatan sangkar dan benih ikan serta khidmat nasihat diberikan kepada para penternak. Bagaimanapun, pengeluaran hasil ternakan ikan dalam sangkar tidak mencapai

sasaran disebabkan kekurangan bekalan benih ikan. Selain itu, adalah didapati zon penternakan yang dikenal pasti sesuai untuk projek ternakan ikan dalam sangkar belum diwartakan dan lesen perikanan tidak dikeluarkan kepada penternak yang mengusahakan projek ini.

9. Jabatan Pertanian : Pengurusan Subsidi Padi

Lapan belas Daerah di Negeri Sabah dengan keluasan 41,706 hektar adalah sesuai untuk penanaman padi. Jumlah petani yang berdaftar adalah lebih kurang 38,310 orang. Untuk menggalakkan petani mengusahakan tanaman padi dan mengekalkan keluasan sawah padi, Jabatan Pertanian Sabah melaksanakan Skim Subsidi Padi yang terdiri daripada subsidi pembajakan sawah dan subsidi baja. Subsidi baja diberhentikan pada pertengahan tahun 2002 apabila Kerajaan Persekutuan mengambil alih pemberian baja. Adalah didapati bilangan petani yang berdaftar dengan Jabatan semakin bertambah dan keluasan sawah yang dibajak menunjukkan peningkatan. Bagaimanapun, akibat kekurangan peruntukan kewangan, bayaran subsidi pembajakan sawah tertangguh setiap tahun. Jabatan juga mengalami kekurangan anggota pelaksana disebabkan kekosongan jawatan belum diisi.

10. Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga :
Pembinaan, Penggunaan Dan Penyenggaraan Kapal Dan Lanca

Aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan, penggunaan serta penyenggaraan kapal dan lanca Jabatan pada keseluruhannya adalah baik. Kapal dan lanca ini telah dapat membantu Jabatan mencapai matlamatnya untuk mengawal dan menguruskan sistem lalu lintas air yang selamat serta cekap di pelabuhan, dermaga dan sungai di Sabah. Bagaimanapun, Jabatan menghadapi masalah untuk melaksanakan program pembinaan dan penyenggaraan kapal serta lanca sebagaimana dirancang kerana peruntukan yang mencukupi tidak diperolehi. Selain itu, Jabatan perlu menjalankan kajian menyeluruh terhadap kesesuaian untuk meneruskan pemilikan kapal dan lanca tertentu berasaskan kos penyenggaraan yang tinggi dan kadar penggunaan yang rendah. Ini disebabkan 17

daripada 20 kapal dan lancanya (tidak termasuk 3 kapal feri yang diswastakan) adalah berusia antara 20 hingga 41 tahun.

11. Jabatan Hidupan Liar :
Perlindungan Dan Pemulihan Orang Utan Di Sepilok, Sandakan

Aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perlindungan dan pemulihan Orang Utan Sepilok pada keseluruhannya adalah baik. Usaha perlindungan dan pemulihan yang dijalankan oleh Jabatan Hidupan Liar adalah bertujuan untuk mengelakkan kepupusan Orang Utan di Negeri Sabah yang dianggarkan berjumlah 12,755 kesemuanya. Antara aktiviti perlindungan yang dijalankan adalah pemindahan Orang Utan ke kawasan perlindungan yang telah dikenal pasti dan juga penguatkuasaan berdasarkan kepada Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Manakala aktiviti pemulihan dijalankan oleh Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok, Sandakan. Pusat ini juga adalah merupakan tempat untuk menjalankan penyelidikan dan menjadi daya tarikan utama para pelancong berkunjung ke Negeri Sabah. Oleh itu, bagi melancarkan perjalanan aktiviti di Pusat ini, tenaga kerja perlu ditambah dan bangunan Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan perlu dibina bagi memudahkan para penyelidik menjalankan penyelidikan.

BAHAGIAN IV - BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

12. Lembaga Sukan Negeri Sabah Dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah : Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga Sukan Negeri Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah perlu dipertingkatkan. Tumpuan hendaklah diberi kepada penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja, penyelenggaraan Daftar Bil yang kemas kini dan penyediaan Daftar Pelaburan. Selain itu, pengurusan aset boleh diperbaiki lagi sekiranya Lembaga dan Perbadanan menyelenggara Daftar Harta Modal Dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini,

menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset dan mematuhi prosedur pelupusan dengan sepenuhnya.

13. Lembaga Bandaran Kudat Dan Majlis Daerah Kota Belud : Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis Daerah Kota Belud perlu dipertingkatkan. Antara aspek yang perlu diberi perhatian ialah penyediaan Fail Meja, penyediaan penyata penyesuaian bank, pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga, penyelenggaraan Daftar Bil, pengurusan pinjaman/hutang, deposit dan pendahuluan diri serta penyelenggaraan Buku Log kenderaan. Selain itu, penyeliaan dan pemantauan yang berterusan oleh pihak pengurusan terhadap kerja yang dijalankan oleh pegawai bawahan perlu diberi perhatian.

14. Taman-Taman Sabah : Program Penswastaan Perkhidmatan Dan Kemudahan Pelancongan

Bagi meningkatkan tahap perkhidmatan dan kemudahan pelancongan, Kabinet Negeri telah meluluskan rancangan penswastaan perkhidmatan dan kemudahan pelancongan terhadap 5 Taman Sabah iaitu Taman Bukit Tawau, Taman Pulau Penyu, Taman Kinabalu, Taman Pulau Tiga dan Taman Tunku Abdul Rahman. Kaedah penswastaan yang diguna pakai ialah bayaran sewa tahunan bagi taman yang mempunyai kemudahan sedia ada dan konsep Bina-Kendali-Pindah untuk taman yang masih belum mempunyai kemudahan pelancongan. Sebanyak 7 syarikat konsesi telah diluluskan untuk menyertai program ini. Pada keseluruhannya, perancangan yang dibuat untuk menswastakan Taman Sabah adalah teratur. Bagaimanapun, ada syarikat konsesi yang gagal mematuhi syarat perjanjian untuk membangunkan kemudahan baru. Selain itu, konsesi juga gagal membayar sewa mengikut jadual dan mengakibatkan tunggakan sewa sejumlah RM115,212 dan bayaran lain berjumlah RM1.42 juta.

15. Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar : Program Penempatan Semula Setinggan

Sebagai langkah untuk mengurangkan bilangan setinggan khususnya di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu, pihak Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar telah membina 1,285 unit rumah di Kg. Kalansanan dengan kos berjumlah RM92.79 juta. Program ini meliputi pembinaan 500 unit rumah kayu 6 tiang yang telah siap dan 785 unit rumah pangsa masih dalam pembinaan. Tujuan utama projek ini adalah untuk menempatkan setinggan tempatan dari Kg. Pantai Teluk Likas, Kg. Kuala Likas dan Kg. Gusung. Semua rumah yang siap telah diagihkan kepada setinggan tempatan dari kawasan penempatan setinggan tersebut. Secara amnya program ini telah mengurangkan jumlah setinggan di kawasan Kota Kinabalu. Bagaimanapun mengikut bancian terkini, Kg. Pantai Teluk Likas masih didiami 2,354 setinggan dan Kg. Gusung masih ada 558 setinggan. Hanya di Kg. Kuala Likas, penempatan setinggan telah dikosongkan.

16. Dewan Bandaraya Kota Kinabalu : Pengurusan Sisa Pepejal

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah menamatkan kontrak penswastaan pelupusan sampah dengan syarikat kontraktor tempatan pada pertengahan bulan November 2003 disebabkan oleh prestasi kerja kontraktor yang tidak memuaskan. Oleh itu, kerja pembersihan sampah kini dilaksanakan sendiri oleh kakitangannya. Semasa penamatan kontrak penswastaan, semua lori kompaktor yang dipulangkan kepada Bandaraya berkeadaan usang dan sering mengalami kerosakan. Oleh itu, Bandaraya telah membeli 20 lori kompaktor baru bagi menggantikan lori kompaktor yang tidak boleh digunakan lagi. Bagaimanapun, jumlah ini masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan mengutip 300 tan sampah setiap hari. Hal ini menyebabkan prestasi kutipan sampah masih kurang memuaskan dan Bandaraya tidak dapat melaksanakan aktiviti kutipan sampah dengan cekap.

17. Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan :

Penggunaan Geran Modal Dan Geran Khas Oleh Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Sabah

Pada tahun 2001 hingga 2003, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan memberi geran modal dan geran khas berjumlah RM43.66 juta kepada 21 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah bagi maksud pelaksanaan berbagai projek dan perolehan harta modal yang tidak mampu dibiayai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dengan sumber hasilnya. Adalah didapati penggunaan geran modal dan geran khas telah dirancang dan pelaksanaannya adalah memuaskan kecuali 2 projek yang tidak dipantau dengan berkesan menyebabkan bayaran dibuat melebihi tahap kemajuan fizikal. Selain itu, Pasar Awam Baru Beaufort dan Dewan Masyarakat Bongawan yang bernilai RM8.86 juta belum dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar disebabkan kemudahan asas seperti meja gerai dan bekalan elektrik tidak disediakan walaupun projek tersebut telah siap melebihi satu tahun.

BAHAGIAN I

PENYATA AKAUN AWAM KERAJAAN NEGERI SABAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

1. PENDAHULUAN

1.1 Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah melaporkan semua urus niaga kewangan bagi tahun 2003 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut antara lainnya mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Akaun.

1.2 Selaras dengan Seksyen 16(1) Akta Acara Kewangan 1957, Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dikehendaki menyediakan Penyata Akaun Awam secepat mungkin selepas penutupan akaun tahunan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957. Jabatan Bendahari Negeri telah mengemukakan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 kepada Jabatan Audit Negara pada 30 April 2004.

1.3 Penyata Akaun Awam telah disediakan mengikut format yang diseragamkan bagi setiap negeri selaras dengan cadangan yang dibuat oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Namun demikian, pengubahsuaian dibuat sekiranya ia berkaitan dengan undang-undang negeri yang menghendaki sebaliknya.

1.4 Pengauditan terhadap Penyata Akaun Awam adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada Penyata itu menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama serta mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum. Dalam menentukan sama ada sesuatu kesilapan adalah *material*, faktor yang diambil kira ialah jumlah nilai

kesilapan dalam akaun, corak (*nature*) kesilapan dan juga keadaan di bawah mana transaksi itu timbul.

1.5 Pada tahun 2003, beberapa usaha yang berterusan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Negeri. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

1.5.1 Kerajaan Negeri telah menerajui dasar *redressal* ke atas aliran perbelanjaan yang meningkat setiap tahun, khususnya yang melibatkan beberapa program penswastaan, antaranya penswastaan Konsesi Bekalan Air, *Management Consultancy Services* (MCS) yang menguruskan peningkatan hasil air dan penswastaan kenderaan. Perundingan dan penyemakan dibuat ke atas syarat perjanjian, khususnya yang tidak menguntungkan pihak Kerajaan untuk ditamatkan lebih awal secara beransur-ansur.

Kerajaan Negeri terus mengamalkan dasar perbelanjaan yang berhemat dan pragmatik sebagai teras untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan meningkatkan penyampaian serta keberkesanan program sosioekonomi bagi masyarakat yang memerlukan. Hasil daripada strategi perbelanjaan berhemat, Kerajaan telah dapat mengurangkan perbelanjaan mengurus pada tahun 2003. Pemantauan rapi yang merangkumi pelaksanaan dan pengubahsuaian projek penswastaan serta peningkatan prestasi masing-masing juga diutamakan. Selain itu, Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri telah bermesyuarat 2 kali pada tahun 2003 bagi membincangkan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan Negeri.

1.5.2 Pada tahun 2003, Kementerian Kewangan Negeri mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk mempertingkatkan pengurusan kewangan Negeri. Mesyuarat telah diadakan bertujuan untuk memperbaiki sistem dan menangani beberapa masalah berbangkit.

Antara mesyuarat yang telah diadakan adalah seperti mesyuarat untuk membincangkan penambahan kutipan hasil melalui perubahan kadar cukai jualan dan pelaksanaan cukai jualan atas mesin slot serta kajian harga perkhidmatan rawatan di klinik Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Selain itu, pemantauan oleh Bahagian Audit Dalaman, Kementerian Kewangan terhadap prosedur kawalan terimaan dan simpanan hasil pungutan di kalangan semua pemungut hasil dan penghantaran laporan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri turut dilakukan. Bahagian Audit Dalaman, Kementerian Kewangan telah menjalankan kajian khas terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri, antaranya ialah kajian terhadap Program Subsidi Penternak Lembu di bawah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, kajian mengenai tunggakan pinjaman Kerajaan Negeri kepada Korporasi Pembangunan Desa serta kajian terhadap aktiviti kuari di Pejabat Pemungut Hasil Tanah.

1.5.3 Jabatan Bendahari Negeri juga telah mengambil langkah dan tindakan untuk mempertingkatkan pengurusan kewangan Negeri dan memperbaiki sistem serta rekod perakaunan. Antara tindakan yang diambil adalah melengkapkan Surat Pekeliling yang sedia ada pada tahun 2003 yang melibatkan pengemaskinian nama dan kod bank di bawah Sistem Penyelenggaraan Buku Vot dan Penyediaan Baucar Berkomputer, pelaksanaan Sistem E-pay-A3 untuk pemprosesan saraan dan potongan bulanan dan Penutupan Akaun Kerajaan Negeri Tahun 2003. Selain itu, pihak Bendahari Negeri juga telah mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun sebanyak 4 kali dan mesyuarat dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah mengenai penyesuaian Akaun Pendahuluan Diri, seminar bagi ahli *Malaysia Institute of Accountants*, Bengkel Audit Kualiti Dalaman dan Latihan Sistem Penyelenggaraan Buku Vot dan Penyediaan Baucar Berkomputer, Sistem Kewangan Bendahari Daerah dan Sistem Akaun Bendahari Daerah. Pihak

Bendahari Negeri telah membuat lawatan ke Pejabat Daerah dan Pejabat Bendahari Daerah untuk memberi tunjuk ajar mengenai Tatacara Pengendalian Akaun Deposit dan Amanah, penyesuaian akaun dan penyediaan Penyata Akaun.

1.6 Sumbangan Audit kepada pengukuhan akauntabiliti pengurusan wang awam di peringkat Negeri Sabah adalah seperti berikut:

1.6.1 Ketua Audit Negara telah memberi ceramah eksekutif kepada 40 Ketua Jabatan terdiri daripada 20 Sektor Negeri dan 20 Sektor Persekutuan pada bulan Disember 2003.

1.6.2 Pada tahun 2003, sebanyak 66 mesyuarat *entrance* dan *exit* telah diadakan di antara Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Sabah dengan Ketua Jabatan/Agensi untuk memaklum dan membincangkan mengenai pengauditan yang dilaksanakan.

1.6.3 Sebanyak 8 Jabatan/Agensi telah dikenal pasti dan dijadikan Anak Angkat yang mendapat bimbingan dan nasihat Audit bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan masing-masing. Pemeriksaan Audit Khas juga diperkenalkan yang melibatkan 53 Jabatan serta cawangannya bagi membantu Jabatan/Agensi tersebut meningkatkan kawalan dalaman di bidang tertentu.

1.6.4 Pegawai Audit turut menghadiri mesyuarat yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan Negeri dan Jabatan Bendahari Negeri pada tahun 2003 untuk memberi pandangan serta nasihat dan bekerjasama rapat bagi mempertingkatkan tahap akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Negeri. Antaranya ialah mesyuarat mengenai prosedur baru mengemukakan jawapan ke atas teguran Audit serta mesyuarat mengenai pembangunan aplikasi Sistem Kewangan Bendahari Daerah.

2. PENGESAHAN PENYATA AKAUN AWAM

Pengauditan Penyata Akaun Awam telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan kepada Piawaian Pengauditan Yang Diluluskan. Akta dan Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Akaun Awam adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Akaun Awam. **Pada pendapat Audit, Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri ini menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 31 Disember 2003**. Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam ini dan ringkasan Penyata Akaun Awam yang telah diaudit adalah seperti di **Lampiran I** dan **II.**

Prestasi persembahan Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri hendaklah terus dikekalkan supaya sijil berbentuk tanpa berteguran terus dapat dikeluarkan pada tahun akan datang. Usaha ini penting bagi memastikan akauntabiliti awam terhadap pengurusan kewangan Kerajaan Negeri terus dipertingkatkan.

3. ANALISIS TERHADAP PENYATA AKAUN AWAM

Analisis Audit adalah berdasarkan maklumat di Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Manakala Penyata Akaun Memorandum terdiri daripada pinjaman boleh dituntut, pelaburan dalam badan berkanun, syarikat dan agensi lain, tunggakan hasil dan hutang awam.

3.1 KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Kerajaan Negeri menganggarkan defisit sejumlah RM236.42 juta dalam Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2003 berdasarkan anggaran hasil berjumlah RM1.62 bilion dan anggaran perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.85 bilion. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri sebenarnya memperolehi surplus sejumlah RM154.34 juta kerana hasil sebenar yang diperolehi adalah berjumlah RM1.88 bilion berbanding perbelanjaan sebenar berjumlah RM1.73 bilion. Dengan surplus ini, Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan dengan lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM476.66 juta pada akhir tahun 2003 berbanding RM322.32 juta pada akhir tahun 2002. Dengan perubahan ini, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah baik berbanding kedudukan tahun 2002. Bagaimanapun, aset berjumlah RM400.75 juta tidak dapat menampung tanggungan Kerajaan Negeri yang berjumlah RM462.55 juta, iaitu terdiri daripada deposit berjumlah RM269.42 juta dan Akaun Kena Bayar berjumlah RM193.13 juta. Keadaan menjadi bertambah sukar apabila mengambil kira tunggakan ansuran bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM49.15 juta. Manakala Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan yang sebaliknya. Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil berjumlah RM4.59 bilion adalah 6 kali melebihi Hutang Kerajaan Negeri yang berjumlah RM762.59 juta.

Pada pendapat Audit, tindakan positif perlu diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan kedudukan kewangannya. Antara tindakan yang boleh diambil adalah dengan mengambil langkah tertentu untuk memungut tunggakan hasil berjumlah RM446.99 juta dan bayaran balik pinjaman Agensi dengan Kerajaan Negeri yang tertunggak berjumlah RM1.07 bilion.

3.2 AKAUN HASIL DISATUKAN

Pada tahun 2003, hasil Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM380 juta iaitu daripada RM1.50 bilion pada tahun 2002 menjadi RM1.88 bilion pada tahun 2003. Perbelanjaan mengurus juga meningkat daripada RM1.34 bilion pada tahun 2002 menjadi RM1.73 bilion, iaitu peningkatan sejumlah RM383 juta. Dengan itu, Kerajaan Negeri mengakhiri tahun kewangan 2003 dengan surplus terkumpul Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM476.66 juta berbanding RM322.32 juta pada akhir tahun 2002.

3.2.1 HASIL

Kutipan hasil Kerajaan Negeri telah meningkat sejumlah RM380 juta atau 25%. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan ketara 7 butiran hasil berjumlah RM570.69 juta dan penurunan ketara 2 butiran hasil berjumlah RM190.47 juta seperti berikut:

i) Peningkatan Hasil Yang Ketara

a) Perolehan Daripada Pemindahan Pinjaman-pinjaman Kepada Kumpulan Wang Badan-badan Berkanun Dan Lain-lain

Perolehan daripada pemindahan pinjaman kepada Kumpulan Wang Badan-badan Berkanun dan lain-lain telah meningkat sejumlah RM177.82 juta. Hasil yang dikutip pada tahun 2003 berjumlah RM195.27 juta berbanding RM17.45 juta pada tahun 2002. Kelebihan butiran hasil ini disebabkan oleh bayaran balik pokok pinjaman yang dikeluarkan daripada sumber pinjaman dan juga pertukaran pinjaman kepada ekuiti dan pemberian.

b) Cukai Jualan Atas Minyak Kelapa Sawit

Cukai jualan kelapa sawit telah meningkat sejumlah RM124.07 juta. Hasil cukai ini yang dikutip pada tahun 2003 berjumlah RM326.62 juta berbanding RM202.55 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini disebabkan perubahan kaedah perkiraan kutipan cukai jualan atas minyak kelapa sawit mentah pada awal bulan Januari 2003 iaitu berdasarkan 5% daripada nilai jualan berbanding RM50 satu tan metrik sebelumnya.

c) Royalti Dan Bayaran Keluaran Hutan

Kutipan royalti dan bayaran keluaran hutan telah meningkat sejumlah RM74.31 juta menjadi RM262.36 juta pada tahun 2003 berbanding RM188.05 juta pada tahun 2002. Hasil ini meningkat disebabkan peningkatan eksport balak, di mana royalti satu meter padu balak yang dieksport adalah lebih tinggi daripada balak yang diproses di kilang tempatan.

d) Penjualan Pelaburan

Hasil daripada penjualan pelaburan berjumlah RM63 juta dikutip pada tahun 2003 berbanding tiada kutipan pada tahun 2002. Ini merupakan bayaran deposit dan pendahuluan kepada Kerajaan Negeri bagi penjualan pelaburan menerusi penswastaan operasi 7 buah pelabuhan dari Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah kepada sebuah syarikat swasta.

e) Sumbangan Kepada Kos Pelaksanaan Projek Pembangunan Persekutuan

Sumbangan kepada kos pelaksanaan projek pembangunan Persekutuan berjumlah RM44.17 juta dikutip pada tahun 2003 berbanding tiada kutipan pada

tahun 2002. Sumbangan ini merupakan pembayaran tuntutan bagi tahun 2001 dan tahun 2002 yang hanya diterima pada tahun 2003.

f) Faedah Daripada Pinjaman-pinjaman Kepada Badan-badan Berkanun

Faedah daripada pinjaman kepada Badan-badan Berkanun telah meningkat sejumlah RM46.51 juta menjadi RM51.69 juta pada tahun 2003 berbanding RM5.18 juta pada tahun 2002. Peningkatan hasil disebabkan pertukaran pinjaman kepada Perbadanan Pinjaman Sabah menjadi ekuiti dan pertukaran pinjaman kepada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah menjadi pemberian.

g) Royalti Petroleum

Royalti petroleum telah meningkat sejumlah RM40.82 juta menjadi RM207.36 juta berbanding RM166.54 juta pada tahun 2002. Peningkatan disebabkan oleh prestasi pengeluaran bertambah baik dan kenaikan harga petroleum pada tahun 2003 berbanding tahun sebelumnya.

ii) Penurunan Hasil Yang Ketara

a) Dividen Daripada Perbadanan Awam

Pada tahun 2003, kutipan hasil dividen daripada perbadanan awam telah menurun sejumlah RM175.33 juta menjadi RM29.09 juta berbanding RM204.42 juta pada tahun 2002. Punca utama penurunan hasil adalah kerana penerimaan bayaran balik *tax credit* pada tahun 2003 hanya berjumlah RM18.88 juta berbanding RM201 juta pada tahun 2002.

b) Pemberian Untuk Mengganti Cukai Import/Eksais Ke Atas Petroleum

Pemberian untuk mengganti cukai import/eksais ke atas petroleum telah menurun sejumlah RM15.14 juta menjadi RM184.86 juta pada tahun 2003 berbanding RM200 juta pada tahun 2002. Penurunan hasil disebabkan perubahan kaedah bayaran iaitu berdasarkan kutipan cukai jualan yang dikenakan pada tahun 2003 berbanding dengan pampasan berjumlah RM200 juta setahun bagi menggantikan duti import/eksais ke atas petroleum pada tahun 2002.

3.2.2 Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus pada tahun 2003 berjumlah RM1.73 bilion berbanding RM1.34 bilion pada tahun 2002 iaitu meningkat sejumlah RM383.09 juta atau 29%. Pada keseluruhannya, peningkatan perbelanjaan mengurus tahun 2003 adalah disebabkan perbelanjaan khas, perbelanjaan gaji dan perbelanjaan lain berulang tiap-tiap tahun masing-masing meningkat sejumlah RM335.14 juta, RM40.66 juta dan RM7.29 juta. Punca utama peningkatan perbelanjaan khas adalah disebabkan oleh pertambahan ekuiti sejumlah RM205.93 juta dalam 4 Perbadanan Awam dan 1 Badan Berkanun. Kerajaan Negeri juga meluluskan pertukaran pinjaman 1 Perbadanan Awam dan 1 Badan Berkanun menjadi pemberian masing-masing berjumlah RM86.72 juta dan RM64.26 juta.

3.3 AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengandungi 6 Akaun Amanah iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Khas, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Wang Amanah Pelbagai, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Pada akhir tahun 2003, Akaun Amanah Disatukan mempunyai baki debit berjumlah RM75.91 juta berbanding baki debit RM111.02 juta pada akhir tahun 2002.

3.3.1 Kumpulan Wang Pembangunan

Kerajaan Negeri memperolehi dana pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Dana tersebut akan disalurkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek pembangunan Negeri dan dipinjam semula kepada Agensi Negeri. Pada tahun 2003, Kumpulan Wang Pembangunan menunjukkan lebihan sejumlah RM32.57 juta menyebabkan baki defisit terkumpul menurun menjadi RM700.22 juta berbanding RM732.79 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 menurun sejumlah RM79.92 juta menjadi RM400.55 juta berbanding RM480.47 juta pada tahun 2002. Penurunan perbelanjaan pembangunan adalah disebabkan perbelanjaan di bawah 1 Jabatan dan 2 Kementerian telah menurun sejumlah RM104.07 juta menjadi RM53.72 juta berbanding RM157.79 juta pada tahun 2002. Manakala perbelanjaan di bawah 2 Kementerian meningkat sejumlah RM23.94 juta menjadi RM203.64 juta berbanding RM179.70 juta pada tahun 2002. Berikut adalah prestasi beberapa butiran perbelanjaan yang berubah dengan ketara:

i) Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara

Pada tahun 2003, beberapa butiran perbelanjaan pembangunan meningkat dengan ketara. Antaranya perbelanjaan bagi projek Bekalan Air Serta Merta, Pengeluaran Bahan-bahan Tanaman dan Bekalan Air Kawasan Luar Bandar. Perbelanjaan di bawah projek Bekalan Air Serta Merta meningkat sejumlah RM44.58 juta menjadi RM48.65 juta pada tahun 2003 berbanding RM4.07 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan di bawah projek Pengeluaran Bahan-bahan Tanaman pula meningkat sejumlah RM7.89 juta menjadi RM11.08 juta pada tahun 2003 berbanding RM3.19 juta pada tahun 2002. Manakala perbelanjaan di bawah projek Bekalan Air Kawasan Luar Bandar meningkat RM7.81 juta menjadi RM15.69 juta pada tahun 2003 berbanding RM7.88 juta pada tahun 2002.

ii) Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara

Beberapa butiran perbelanjaan pembangunan menurun dengan ketara pada tahun 2003. Antaranya perbelanjaan bagi Pembaikan Kemudahan Sukan, Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Program Khas Bekalan Air dan Projek Pembangunan Khas. Perbelanjaan di bawah projek Pembaikan Kemudahan Sukan hanya berjumlah RM403,916 pada tahun 2003 berbanding sejumlah RM48.53 juta pada tahun 2002. Pada tahun 2003, tiada perbelanjaan di bawah projek Taman Perindustrian Kota Kinabalu berbanding sejumlah RM31.20 juta pada tahun 2002. Perbelanjaan untuk Program Khas Bekalan Air pula menurun sejumlah RM24.24 juta menjadi RM44 juta pada tahun 2003 berbanding RM68.24 juta pada tahun 2002. Manakala perbelanjaan di bawah Projek Pembangunan Khas menurun sejumlah RM14.71 juta menjadi RM10.23 juta berbanding RM24.94 juta pada tahun 2002.

3.3.2 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Acara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sebahagian daripada Kumpulan Wang ini adalah bercorak Kumpulan Wang pusingan. Sumber kewangan Kumpulan Wang ini adalah peruntukan daripada Kerajaan. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada 5 Akaun utama iaitu Akaun Antara Pentadbiran, Akaun Amanah Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman dan Kumpulan Wang Luar Jangka seperti di **Jadual 1.**

Jadual 1
Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Tahun 2002 Dan 2003

Akaun	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
Akaun Antara Pentadbiran	(18.48)	(8.21)	10.27
Akaun Penyelesaian	0.10	0.42	0.32
Akaun Perniagaan	(55.69)	35.97	91.66
Akaun Pinjaman	(6.80)	(19.37)	(12.57)
Kumpulan Wang Luar Jangka	70.00	70.00	-
Jumlah	**(10.87)**	**78.81**	**89.68**

Sumber : Penyata Akaun Awam Negeri Sabah

Pada 31 Disember 2003, baki keseluruhan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan berbaki kredit berjumlah RM78.81 juta berbanding baki debit berjumlah RM10.87 juta pada tahun 2002. Punca utama peningkatan ini adalah disebabkan peningkatan dalam Akaun Perniagaan yang terdiri daripada 8 Kumpulan Wang Amanah. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah mencarum sejumlah RM57.29 juta kepada Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Bekalan Air (Pembaharuan) sejumlah RM22.38 juta, Kumpulan Wang Kuari Dan Premix (Pengendalian Dan Penyelenggaraan) sejumlah RM2.29 juta dan Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air (Pengendalian Dan Penyenggaraan) sejumlah RM32.62 juta bertujuan menyelesaikan sebahagian daripada jumlah yang terlebih dikeluarkan. Selain itu, Kumpulan Wang Amanah Jalan-jalan Dan Jambatan-jambatan telah mencatat lebihan hasil daripada perbelanjaan dengan sejumlah RM32.37 juta. Dengan itu, lebihan Kumpulan Wang menjadi RM51.49 juta pada akhir tahun 2003 berbanding RM19.12 juta pada akhir tahun 2002.

3.3.3 Akaun Amanah Pelbagai

Baki keseluruhan Akaun Amanah Pelbagai yang terdiri daripada 46 Akaun telah meningkat sejumlah RM4.04 juta atau 14% menjadi RM32.90 juta pada tahun 2003 berbanding RM28.86 juta pada tahun

2002. Peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan Projek Perhutanan Masyarakat sejumlah RM2.40 juta dan Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok sejumlah RM0.77 juta. Di samping itu, Tabung Penanaman Semula Getah dan Akaun Mengendalikan Sarang Burung Gomantong masing-masing melibatkan peningkatan sejumlah RM0.48 juta dan RM0.32 juta.

3.3.4 Deposit

Pada 31 Disember 2003, baki deposit yang terdiri daripada 56 akaun deposit berjumlah RM269.42 juta. Jumlah ini meningkat sejumlah RM4.42 juta berbanding RM265 juta pada tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam Cagaran Pengguna air sejumlah RM2.16 juta, deposit Tabung Pemulihan Hutan sejumlah RM1.24 juta dan Deposit Am sejumlah RM0.94 juta pada tahun 2003.

3.3.5 Akaun Kena Bayar

Akaun Kena Bayar ialah jumlah yang terhutang kepada pembekal barangan, perkhidmatan dan kerja yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri pada akhir tahun sebelumnya di mana bayaran dibuat pada bulan Januari tahun berikutnya. Analisis Audit menunjukkan perbelanjaan yang dikenakan kepada Akaun Kena Bayar pada 31 Disember 2003 berjumlah RM193.13 juta iaitu menurun sejumlah RM95.60 juta atau 33% berbanding RM288.73 juta pada tahun 2002. Sebab utama penurunan tersebut adalah kecekapan proses pembayaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Bendahari Negeri dan 2 Jabatan Mengakaun Sendiri iaitu Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perhutanan yang masing-masing mencatatkan penurunan sejumlah RM89.84 juta, RM6.19 juta dan RM1.87 juta pada tahun 2003. Bagaimanapun, baki Akaun ini masih berada di tahap yang tinggi.

3.4 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau sumber lain. Pada akhir tahun 2003,

Akaun ini tidak mempunyai baki seperti pada tahun 2002 dan tahun sebelumnya. Pinjaman yang diperolehi akan diambil kira dalam Akaun ini sebelum dipindahkan kesemuanya kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2003, sejumlah RM39.23 juta diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan Negeri. Sejumlah RM33.39 juta daripadanya adalah untuk membiayai projek bekalan air yang diuruskan sendiri oleh Kerajaan Negeri. Manakala bakinya sejumlah RM5.84 juta adalah untuk dipinjamkan semula kepada 2 Badan Berkanun iaitu Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah. Setakat akhir tahun 2003, hanya sejumlah RM5.39 juta telah dipinjamkan semula kepada 2 Badan Berkanun berkenaan.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

3.5 PINJAMAN BOLEH DITUNTUT

Pada tahun 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri kepada 34 Agensi adalah berjumlah RM1.65 bilion. Pinjaman ini menurun sejumlah RM290.37 juta berbanding RM1.94 bilion pada tahun 2002. Penurunan ini adalah disebabkan pembayaran balik pinjaman berjumlah RM295.80 juta oleh 13 Agensi pada tahun 2003. Bagaimanapun, hanya sejumlah RM22.93 juta yang diterima daripada 7 Agensi adalah merupakan bayaran secara tunai. Manakala baki berjumlah RM272.87 juta merupakan penukaran pinjaman kepada ekuiti (RM139.62 juta), penukaran pinjaman kepada geran (RM129.76 juta) dan kontra dengan bayaran sewa pejabat (RM3.49 juta). Selain itu, hanya 2 pinjaman baru berjumlah RM5.39 juta telah diluluskan kepada 2 Agensi Peminjam untuk membiayai projek Pembangunan Ekonomi Negeri sejumlah RM1.47 juta dan Perumahan Awam Kos Rendah sejumlah RM3.92 juta pada tahun 2003 berbanding RM34.36 juta pada tahun 2002.

3.6 PELABURAN

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan Kerajaan Negeri mempunyai pelaburan berjumlah RM2.48 bilion dalam 26 Perbadanan Awam dan 3 Badan Berkanun. Angka ini meningkat sejumlah RM230.93 juta berbanding RM2.25 bilion pada akhir tahun 2002. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penukaran dividen, pinjaman dan bayaran premium jualan tanah masing-masing berjumlah RM25 juta, RM165.21 juta dan RM40.72 juta kepada ekuiti Kerajaan Negeri daripada 4 Perbadanan Awam dan 1 Badan Berkanun. Semua dividen dan pinjaman telah ditukar kepada ekuiti Kerajaan Negeri dalam Perbadanan Awam/Badan Berkanun tersebut.

3.7 TUNGGAKAN HASIL

Pada akhir tahun 2003, tunggakan hasil berjumlah RM446.99 juta iaitu berkurangan sejumlah RM65.53 juta berbanding RM512.52 juta pada tahun 2002. Butiran terperinci tunggakan hasil pada akhir tahun 2003 berbanding tahun 2002 adalah seperti di **Jadual 2.**

Jadual 2
Tunggakan Hasil Negeri Tahun 2002 Dan 2003

Jenis Hasil	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)
Faedah Pinjaman	257.19	220.21	(36.98)
Air	176.02	172.92	(3.10)
Sewa Perkhidmatan Pembetungan	32.17	5.54	(26.63)
Cukai Tanah	29.16	31.34	2.18
Lain-lain	17.98	16.98	(1.00)
Jumlah	**512.52**	**446.99**	**(65.53)**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sabah

Analisis Audit terhadap tunggakan hasil itu mendapati perkara berikut:

3.7.1 Tunggakan bayaran balik faedah pinjaman berkurangan sejumlah RM36.98 juta menjadi RM220.21 juta pada tahun 2003 berbanding RM257.19 juta pada tahun 2002. Penurunan ini disebabkan pembayaran balik pinjaman oleh Agensi peminjam pada tahun 2003.

3.7.2 Tunggakan hasil air berjumlah RM172.92 juta pada tahun 2003 iaitu berkurangan sejumlah RM3.10 juta berbanding RM176.02 juta pada tahun 2002. Pengurangan ini disebabkan Jabatan telah mengambil tindakan seperti memotong bekalan air bagi pengguna yang tidak membayar bil, menggunakan *hand-held spot billing computer* bagi memastikan bil disampaikan kepada pengguna, memberi kesedaran melalui kenyataan akhbar supaya pengguna menjelaskan bil air dan menawarkan pembayaran secara ansuran kepada pengguna yang memerlukan.

3.7.3 Jumlah tunggakan sewa perkhidmatan pembetungan telah berkurangan sejumlah RM26.63 juta pada tahun 2003 menjadi RM5.54 juta berbanding RM32.17 juta pada tahun 2002. Ini disebabkan perubahan kadar bayaran sewa pembetungan yang dikenakan. Tunggakan sewa pembetungan yang dikenakan kepada semua Majlis Perbandaran dan Daerah pada tahun 2000 hingga 2002 adalah merangkumi pembayaran balik kos modal, bayaran faedah sebanyak 5.5% ke atas kos modal, bayaran caj 1.67% untuk kos pembangunan, kos penyenggaraan tahunan dan kos penyeliaan 10%. Pada tahun 2003, Kementerian Kewangan melalui Surat Pekeliling Bil. 5 Tahun 2003 telah menetapkan kadar bayaran sewa pembetungan adalah berdasarkan kepada kos penyenggaraan sistem pembetungan sahaja berkuat kuasa mulai 1 Januari 2000.

3.7.4 Tunggakan hasil cukai tanah meningkat sejumlah RM2.18 juta pada tahun 2003 menjadi RM31.34 juta berbanding RM29.16 juta pada tahun 2002. Pertambahan ini disebabkan kesukaran Jabatan untuk

mengesan pemilik tanah kerana alamat pemilik tidak lengkap dan ada pemilik sudah berpindah tanpa memaklumkan alamat terkini kepada Jabatan.

3.8 HUTANG KERAJAAN NEGERI

Pada 31 Disember 2003, baki pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM762.59 juta berbanding sejumlah RM711.86 juta pada akhir tahun 2002 iaitu meningkat sejumlah RM50.73 juta. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan menerima 9 pinjaman baru berjumlah RM39.23 juta bagi tujuan membiayai projek Perumahan Awam Kos Rendah, Pembangunan Ekonomi Negeri dan Bekalan Air serta faedah dipermodalkan sejumlah RM11.50 juta. Baki hutang mengikut jenis pinjaman adalah seperti di **Jadual 3.**

Jadual 3
Baki Hutang Mengikut Jenis Pinjaman
Pada Tahun 2002 Dan 2003

Jenis Pinjaman	Tahun		Peningkatan
	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	(RM Juta)
1. Perumahan Awam Kos Rendah	67.47	71.84	4.37
2. Pembangunan Ekonomi Negeri	124.70	126.17	1.47
3. Bekalan Air	211.08	244.47	33.39
4. Pelbagai	308.61	320.11	11.50
Jumlah	**711.86**	**762.59**	**50.73**

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

Selain itu, pada tahun 2003 Kerajaan Negeri juga tidak membuat sebarang bayaran balik pinjaman yang berjumlah RM49.15 juta kepada Kerajaan Persekutuan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM16.38 juta merupakan ansuran bagi tahun 2003 dan selebihnya adalah tunggakan ansuran pinjaman bagi tahun 1999 hingga 2002. Kegagalan membayar balik pinjaman ini adalah berikutan kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan.

4. KEMAJUAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMK8

Mengikut Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2003, sejumlah RM2.38 bilion telah diperuntukkan di bawah RMK8 bagi program/projek pembangunan Negeri. Peruntukan yang disediakan ini adalah untuk membiayai 309 program/projek yang melibatkan Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah 10 Kementerian dan 1 Jabatan. Prestasi perbelanjaan program/projek pembangunan adalah seperti di **Jadual 4.**

Jadual 4
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMK8

Bil.	Nama Kementerian/ Jabatan	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31.12.2003 (RM Juta)	Peratus (%)
1.	Jabatan Ketua Menteri	322.87	175.46	54
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	105.05	57.35	55
3.	Kementerian Kewangan	51.71	30.33	59
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	493.01	282.01	57
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	982.25	508.18	52
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	115.12	56.63	49
7.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	39.33	19.25	49
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	38.63	13.60	35
9.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	134.87	94.92	70
10.	Kementerian Belia Dan Sukan	80.37	80.25	100
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	12.97	10.20	79
Jumlah		**2,376.18**	**1,328.18**	**56**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sabah

Mengikut rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Ketua Menteri, sejumlah 12,986 projek telah diluluskan. Status pelaksanaan projek adalah seperti di **Jadual 5.**

Jadual 5
Status Pelaksanaan Projek RMK8 Setakat 31 Disember 2003

Bil.	Nama Kementerian/ Jabatan	Bil. Projek	Status Pelaksanaan		
			Siap	Sedang Laksana	Belum Mula
1.	Jabatan Ketua Menteri	102	17	24	61
2.	Kementerian Pembangunan Luar Bandar	12,067	4,380	2,149	5,538
3.	Kementerian Kewangan	11	5	5	1
4.	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan	238	25	210	3
5.	Kementerian Pembangunan Infrastruktur	379	143	104	132
6.	Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan	61	20	12	29
7.	Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna	23	5	3	15
8.	Kementerian Pelancongan, Kebudayaan Dan Alam Sekitar	68	12	11	45
9.	Kementerian Pembangunan Perindustrian	20	7	6	7
10.	Kementerian Belia Dan Sukan	10	5	3	2
11.	Kementerian Pembangunan Sumber Dan Kemajuan Teknologi Maklumat	7	2	2	3
Jumlah		**12,986**	**4,621**	**2,529**	**5,836**

Sumber : Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Ketua Menteri

Projek besar yang sudah siap adalah Projek Menaik Taraf Kompleks Sukan Likas Untuk SUKMA Ke IX (RM77.83 juta), *Economic Rental Housing Project* Kg. Kalansanan Fasa 3 (RM28.04 juta) dan Projek Kompleks Pemulihan Orang-orang Kurang Upaya (RM11 juta). Manakala projek besar

yang lewat disiapkan/belum mula adalah Projek *Membakut Water Supply* Fasa 1, Beaufort (RM51 juta), Projek Pembinaan Ibu Pejabat Perpustakaan Negeri Sabah (RM10.72 juta) dan Projek Perumahan Awam Kos Rendah Fasa 3 Peringkat 2 Tenom (RM5.25 juta).

5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, mutu penyediaan Penyata Akaun Awam pada tahun 2003 adalah memuaskan. Semua butiran dalam Penyata ini telah dapat disahkan dengan dokumen sokongan. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2003 adalah bertambah baik berbanding kedudukan tahun 2002. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan masih tidak kukuh kerana aset Kerajaan Negeri yang berjumlah RM400.75 juta tidak dapat mengimbangi tanggungan semasa yang berjumlah RM462.55 juta. Tindakan berterusan perlulah diambil untuk menambah dana dan meningkatkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri terutamanya mendapatkan balik tunggakan pinjaman, memungut tunggakan hasil dan memperkemaskan pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan Negeri.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

6. PENDAHULUAN

6.1 Seksyen 15(A) Akta Acara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan/Pejabat bagi menjamin wujudnya akauntabiliti dalam pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, seseorang Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa wujudnya kawalan dalaman yang berkesan terhadap terimaan hasil dan peruntukan kewangan serta sumber lain yang secukupnya diperolehi, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2 Mengikut Seksyen 6 Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara dikehendaki menjalankan pengauditan pematuhan bagi menentukan sama ada kutipan hasil, perbelanjaan, pinjaman, akaun amanah dan pengurusan harta modal Jabatan Kerajaan diurus mengikut peraturan yang ditetapkan. Di samping itu, pengauditan ini juga bertujuan untuk memastikan semua rekod dan dokumen kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

6.3 Pada tahun 2003, Jabatan Audit Negara telah menggunakan 3 pendekatan pengauditan iaitu pengauditan pengurusan kewangan, program Anak Angkat dan program Pemeriksaan Audit Khas (*Audit Presence*) bagi membantu mempertingkatkan tahap akauntabiliti pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Negeri. Pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di 14 Kementerian/Jabatan yang dipilih, manakala 8 pejabat telah diambil menjadi Anak Angkat Jabatan Audit Negara dan 53 Jabatan/Pejabat telah dipilih untuk Pemeriksaan Audit Khas. Meskipun pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Negeri bertambah baik, hasil pemeriksaan Audit mendapati masih ada Kementerian/Jabatan yang tidak

mematuhi peraturan berhubung dengan pengurusan kewangan dengan sepenuhnya. Antara ketidakpatuhan peraturan kewangan termasuk kelemahan dalam kawalan hasil dan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah, aset dan penyelenggaraan rekod kewangan. Pegawai Pengawal yang terlibat telah dimaklumkan mengenai kelemahan pengurusan kewangannya melalui surat pemerhatian Audit dan *Exit Conference.* Aspek positif yang ditemui juga turut dimaklumkan. Hanya isu penting dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

JABATAN BENDAHARI NEGERI

7. LATAR BELAKANG

Jabatan Bendahari Negeri (Jabatan) adalah merupakan Jabatan utama Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab kepada Pegawai Kewangan Negeri bagi kerja pengakaunan Perbendaharaan. Tanggungjawab ini meliputi mengendali dan menyelenggara akaun awam Kerajaan Negeri serta menyediakan penyata akaun awam tahunan, menerima dan mengakaun hasil dan terimaan Kerajaan Negeri, memproses dan membayar perbelanjaan Kerajaan Negeri, mengawal dan mengurus dana akaun awam Kerajaan Negeri dan mengurus sistem perakaunan Kerajaan Negeri.

Jabatan Bendahari Negeri diketuai oleh Bendahari Negeri dan dibantu oleh 239 pegawai/kakitangan. Pada tahun 2003, Jabatan mempunyai 254 jawatan yang diluluskan tetapi hanya 240 jawatan diisi. Bagi memudahkan urusan dengan Jabatan pelanggan, Jabatan mempunyai 5 bahagian di mana 4 daripadanya adalah bertanggungjawab memberi khidmat berkaitan dengan tugas perakaunan. Jabatan mempunyai 22 cawangan di seluruh negeri dan pengendaliannya dipantau oleh Bahagian Bendahari Daerah Dan Kewangan di Ibu Pejabat. Selain itu, Jabatan mengendalikan perkhidmatan perakaunan 64 Kementerian/Jabatan/Pejabat yang mana 4 daripadanya adalah Jabatan Mengakaun Sendiri. Semua Kementerian/Jabatan/Pejabat dikehendaki menyelenggara dan mengemukakan laporan dan rekod berkenaan kutipan hasil dan perbelanjaan bulanan kepada Jabatan. Berdasarkan laporan dan rekod berkenaan, Jabatan Bendahari Negeri akan menyediakan Penyata Akaun Awam Tahunan Kerajaan Negeri.

Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 1998, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hendaklah ditubuhkan dan bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Pada tahun 2003, Jawatankuasa berkenaan telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dengan dipengerusikan oleh Penolong Bendahari Negeri Bahagian Daerah Dan Kewangan. Laporan Suku Tahunan telah disediakan bagi mematuhi Surat Pekeliling tersebut. Selain itu, jawatankuasa seperti Jawatankuasa Kualiti Dan Produktiviti,

Jawatankuasa Audit Kualiti Dalaman dan Jawatankuasa Kerja MS ISO 9000 telah ditubuhkan sebelum ini untuk tujuan mempertingkatkan lagi tahap pengurusan kewangan.

Pada tahun 2003, Sistem Perakaunan Berkomputer Kerajaan Negeri (SPEK) belum digunakan di Negeri Sabah. Bagaimanapun, sistem perakaunan hasil yang dikendalikan oleh Jabatan adalah secara berkomputer. Bagi sistem perakaunan perbelanjaan, Jabatan Bendahari Negeri menggunakan Sistem Penyelenggaraan Buku Vot dan Penyediaan Baucar Berkomputer, manakala Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara secara berkomputer melalui Sistem Pengurusan Harta Awam Negeri Sabah. Selain itu, Jabatan juga mengendalikan Sistem Kewangan Bendahari Negeri untuk mengakaun pungutan hasil dan pembayaran Kerajaan di peringkat Bendahari Daerah.

8. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan pengurusan kewangan adalah untuk menentukan keberkesanan Jabatan dalam mengawal pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Negeri dan memastikan 64 Pegawai Pengawal mematuhi peraturan kewangan. Pengauditan dijalankan dengan menguji sistem kawalan dalaman bagi memastikan sama ada sistemnya adalah berkesan dan rekod yang diselenggarakan adalah lengkap dan kemas kini. Selain itu, tujuan pengauditan adalah untuk menilai sejauh mana Jabatan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Agensi Pengawal Kewangan.

Skop pengauditan yang dijalankan adalah meliputi pemeriksaan rekod kewangan bagi tahun 2003. Pengauditan ditumpukan terhadap rekod yang diselenggarakan di semua 5 bahagian di Jabatan. Rekod utama yang diperiksa ialah baucar bayaran, penyata penyesuaian bank, baucar jurnal, waran peruntukan, lejar, Buku Tunai dan Buku Vot. Pemantauan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan Pemungut Hasil sepanjang tahun oleh Bendahari Negeri juga dilakukan. Baucar bayaran telah dipilih secara persampelan untuk semakan Audit melalui 2 kaedah. Sampel dipilih berdasarkan jumlah bayaran iaitu 100% bagi jumlah yang melebihi RM10,000 untuk 3 bulan yang dipilih dan 10% bagi jumlah yang melebihi RM1,000 untuk setiap bulan. Perbincangan dengan pegawai yang

terlibat juga telah diadakan. Selain itu, pihak Audit juga telah melawat 8 daripada 22 Bendahari Daerah.

9. PENEMUAN AUDIT

9.1 KAWALAN BAJET

Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 1 Tahun 2002 bertarikh 28 Februari 2002 yang diedarkan kepada semua Setiausaha Tetap Kementerian dan Ketua Jabatan Negeri menggariskan panduan mengenai penyediaan bajet tahun 2003. Pada tahun 2003, terimaan hasil dianggarkan berjumlah RM1.94 bilion manakala anggaran perbelanjaan berjumlah RM1.99 bilion. Anggaran hasil terdiri daripada hasil Negeri berjumlah RM1.20 bilion, pemberian Persekutuan, sumbangan dan bayaran balik berjumlah RM362.52 juta dan terimaan Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM375.48 juta. Anggaran perbelanjaan pula terdiri daripada perbelanjaan perbekalan yang berjumlah RM1.42 bilion dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM570.30 juta. Pada keseluruhannya, bajet 2003 ini merupakan bajet defisit dengan kekurangan berjumlah RM59.69 juta. Defisit ini akan ditampung daripada lebihan wang dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Bajet 2003 ini dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada akhir bulan Oktober 2002 untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri. Selepas diluluskan, waran perbelanjaan dikeluarkan dan ditandatangani oleh Menteri Kewangan. Pada tahun 2003, satu anggaran peruntukan tambahan bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan masing-masing berjumlah RM177.75 juta dan RM32.57 juta telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Keadaan ini adalah teratur dan selaras dengan kehendak Seksyen 13 Akta Acara Kewangan 1957.

Bajet Negeri bagi tahun 2003 disediakan dengan menggunakan Sistem Belanjawan Tradisional. Jabatan Audit mengalu-alukan cadangan Kementerian Kewangan untuk menggunakan Sistem Belanjawan Yang Diubahsuai selaras dengan amalan yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Pada pendapat Audit, kawalan bajet Kerajaan Negeri bagi tahun 2003 adalah memuaskan dan mengikut prosedur yang ditetapkan.

9.2 KAWALAN HASIL

Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab mengawal dan menerima hasil Kerajaan Negeri. Pada tahun 2003, hasil Kerajaan Negeri yang dikutip berjumlah RM1.88 bilion berbanding RM1.50 bilion pada tahun 2002. Hasil utama Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada cukai jualan (RM391.07 juta), hasil hutan (RM336.23 juta), peruntukan dan sumbangan Persekutuan (RM296.56 juta) dan royalti petroleum (RM207.36 juta). Pemeriksaan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara berikut:

9.2.1 Penyerahan Akaun Tunai Bulanan Oleh Pemungut Hasil

Jabatan Bendahari Negeri bertanggungjawab mengawal dan memantau semua pemungut hasil di peringkat Negeri. Mengikut Arahan Perbendaharaan 145, setiap pemungut hasil hendaklah mengemukakan Akaun Tunai Bulanan dalam tempoh 10 hari selepas akhir tiap-tiap bulan. Pemeriksaan Audit mendapati semua 22 pemungut hasil di peringkat Kota Kinabalu telah mengemukakan Akaun Tunai Bulanan kepada Jabatan Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Di peringkat daerah, Pejabat Bendahari Daerah berfungsi untuk menerima semua kutipan hasil dan menghantar akaun bulanan ke Jabatan Bendahari Negeri. Semua pemungut hasil dikehendaki mengemukakan Akaun Tunai Bulanan sehari selepas akhir bulan ke Bendahari Daerah. Bendahari Daerah akan menghantar akaun berkenaan kepada Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri dalam tempoh 5 hari bekerja selepas akhir setiap bulan. Pemeriksaan Audit mendapati tahap penyerahan Akaun Tunai Bulanan oleh pemungut hasil adalah memuaskan. Pada tahun 2003, Akaun Tunai Bulanan daripada 229 pemungut hasil di bawah kawalan 22 Pejabat Bendahari Daerah telah diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan.

9.2.2 Pemprosesan Penyata Pemungut Dan Pengeluaran Resit Perbendaharaan

Pemungut Hasil dikehendaki menyediakan penyata pemungut untuk memasukkan semua kutipan hasil ke dalam bank. Pihak Bendahari Negeri akan mengambil penyata pemungut yang telah diakui terima oleh bank pada keesokan harinya. Resit akan dikeluarkan oleh Bendahari Negeri selepas penyata pemungut disemak. Di peringkat Daerah pula, Pemungut Hasil akan menghantar penyata pemungut ke pejabat Bendahari Daerah. Bendahari Daerah akan mengeluarkan resit pada hari yang sama. Semakan Audit terhadap pemprosesan penyata pemungut bagi satu bulan akaun mendapati secara amnya sistem kawalan dalaman adalah memuaskan.

9.2.3 Pengesahan Laporan Hasil Bulanan Dan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), semua Pegawai Pengawal perlu menyesuaikan Laporan Hasil Bulanan yang diterima daripada Bendahari Negeri dengan rekod perakaunan masing-masing dan menyediakan penyata penyesuaian untuk dikemukakan kepada Bendahari Negeri. Semakan Audit mendapati pihak Bendahari Negeri telah menyediakan daftar untuk merekodkan serahan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan oleh semua Pegawai Pengawal. Adalah didapati tahap proses pengesahan dan penyesuaian hasil oleh Pegawai Pengawal adalah memuaskan. Sembilan belas daripada 20 Pegawai Pengawal telah mengemukakan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan pada tahun 2003. Hanya 1 Pegawai Pengawal yang tidak mengemukakan penyata tersebut bagi bulan Julai hingga Disember 2003.

9.2.4 Penyata Penyesuaian Bank

Mengikut Arahan Perbendaharaan 146, Penyata Penyesuaian Bank hendaklah disedia dan dihantar kepada Bendahari Negeri dalam tempoh 2 minggu selepas akhir tiap-tiap bulan. Pemeriksaan Audit terhadap rekod tersebut mendapati penyerahan Penyata Penyesuaian Bank pada tahun 2003 adalah memuaskan di mana

semua penyata penyesuaian bank bagi 29 akaun bank telah diterima dalam tempoh yang ditetapkan.

9.2.5 Tunggakan Hasil

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1986 menghendaki semua Pegawai Pengawal mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil 2 kali setahun kepada Bendahari Negeri iaitu pada pertengahan dan akhir tahun. Semakan Audit terhadap rekod Bendahari Negeri mendapati 19 daripada 20 Pegawai Pengawal telah mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil pada tahun 2003. Satu jawatankuasa untuk melaksanakan kajian terhadap tunggakan hasil khususnya hutang Agensi yang melebihi 10 tahun dan hutang bil air dari Kementerian/Jabatan yang telah melebihi 5 tahun belum ditubuhkan seperti yang dicadangkan pada tahun 2002 dan dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas. Berdasarkan kepada Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan, adalah didapati 14 Pegawai Pengawal mempunyai tunggakan hasil pada 31 Disember 2003 berjumlah RM446.99 juta berbanding RM512.52 juta pada tahun 2002. Kementerian Kewangan bertanggungjawab memantau tunggakan hutang bayaran balik pinjaman manakala tunggakan yang lain dipantau oleh Pegawai Pengawal Jabatan masing-masing.

Pada pendapat Audit, beberapa aspek kawalan hasil telah dipatuhi untuk memastikan hasil Negeri diurus, dipungut dan direkod dengan teratur. Pada keseluruhannya, pemantauan terhadap pengurusan hasil adalah memuaskan. Kawalan hasil akan bertambah baik sekiranya Pegawai Pengawal yang terlibat mengambil tindakan yang serius dan melaksanakan kajian bagi memungut tunggakan hasil.

9.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Pada tahun 2003, sejumlah RM1.73 bilion telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus. Bagi perbelanjaan pembangunan pula, sejumlah RM400.55 juta telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

9.3.1 Kawalan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus terdiri daripada perbelanjaan gaji, perbelanjaan lain yang berulang dan perbelanjaan khas. Pada tahun 2003, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri Sabah berjumlah RM1.73 bilion berbanding RM1.34 bilion pada tahun 2002 iaitu meningkat sejumlah RM383.09 juta atau 29%. Semua 64 Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mengawal peruntukan dan perbelanjaan masing-masing. Analisis Audit ke atas kawalan perbelanjaan mengurus mendapati perkara berikut:

i) Kawalan Peruntukan

a) Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung

Pada tahun 2003, peruntukan berjumlah RM10.72 juta bagi 18 Kementerian/Jabatan/Pejabat tidak dibelanjakan langsung. Antara punca utama adalah kerana RM10.35 juta yang diperuntukkan untuk bayaran hutang awam tidak dibayar pada tahun 2003 dan peruntukan berjumlah RM150,000 bagi perbelanjaan dana pembangunan usaha kecil langsung tidak dibelanjakan.

b) Perbelanjaan Kurang 50% Daripada Peruntukan Yang Dibenarkan

Peruntukan bagi 29 Kementerian/Jabatan/Pejabat kurang dibelanjakan. Peruntukan adalah berjumlah RM77.27 juta manakala perbelanjaan hanya berjumlah RM21.66 juta atau 28%. Pada amnya, Kerajaan Negeri mengamalkan perbelanjaan berhemat bagi perbelanjaan mengurus pada tahun 2003. Antara sebab lain adalah kerana hanya RM3.85 juta dibayar balik untuk pinjaman daripada sebuah bank berbanding RM10 juta yang diperuntukkan dan pembayaran bantuan am hanya berjumlah RM8.43 juta berbanding RM18.96 juta yang diperuntukkan. Penurunan perbelanjaan ini adalah berikutan kajian semula terhadap semua penerima bantuan di bawah Skim

Bantuan Am yang telah menerima bantuan melebihi 5 tahun pada bulan Januari 2003 bagi memastikan mereka masih memerlukan bantuan dan layak dipertimbangkan mengikut kriteria yang ditetapkan. Hasil kajian tersebut, seramai 17,453 penerima bantuan melebihi 5 tahun telah diberhentikan bantuan.

c) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

Sebanyak 11 Kementerian/Jabatan/Pejabat telah berbelanja lebih daripada peruntukan yang diluluskan iaitu berjumlah RM159,471. Peruntukan yang diluluskan berjumlah RM3.59 juta manakala perbelanjaan sebenar adalah berjumlah RM3.75 juta.

ii) Justifikasi Tambahan Peruntukan

a) Pindah Peruntukan Tidak Diperlukan

Daripada 419 pindah peruntukan berjumlah RM25.45 juta yang diluluskan pada tahun 2003, sebanyak 18 pindah peruntukan berjumlah RM255,885 yang dibuat oleh 16 Kementerian/Jabatan adalah tidak perlu. Peruntukan asal berjumlah RM4.11 juta adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar berjumlah RM3.87 juta.

b) Tambahan Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Pada awal bulan Oktober 2003, satu tambahan peruntukan berjumlah RM177.75 juta telah diluluskan untuk membiayai perbelanjaan bekalan. Tambahan peruntukan tersebut adalah untuk menampung perbelanjaan bagi 34 Kementerian/Jabatan/Pejabat. Pada akhir tahun 2003, hanya sejumlah RM9.32 juta atau 5% daripada tambahan peruntukan yang dikendalikan oleh 7 Kementerian/Jabatan/Pejabat tidak digunakan.

iii) Kelulusan Waran Pindah Peruntukan Dan Anggaran Tambahan

Waran pindah peruntukan adalah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan anggaran tambahan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

9.3.2 Kawalan Perbelanjaan Pembangunan

Pada tahun 2003, sejumlah RM602.87 juta diluluskan untuk melaksanakan projek pembangunan. Perbelanjaan pembangunan terdiri daripada perbelanjaan untuk membiayai program dan projek pembangunan di seluruh Negeri Sabah. Prestasi perbelanjaan pembangunan pada tahun 2003 adalah kurang menggalakkan di mana sejumlah RM400.55 juta atau 66% dibelanjakan berbanding pencapaian perbelanjaan berjumlah RM480.47 juta atau 80% pada tahun 2002. Analisis Audit terhadap perbelanjaan pembangunan mendapati perkara berikut:

i) Kawalan Peruntukan

a) Peruntukan Tidak Dibelanjakan Langsung

Peruntukan berjumlah RM24.36 juta untuk 17 projek di bawah 5 Kementerian dan 1 Jabatan tidak dibelanjakan langsung pada tahun 2003. Punca utama peruntukan tidak dibelanjakan langsung adalah disebabkan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan tidak diterima, projek tidak mendapat kelulusan untuk dimulakan dan kelulusan untuk memanggil tender lewat diterima daripada Kementerian Kewangan.

b) Peruntukan Kurang Dibelanjakan

Peruntukan bagi 23 projek/program di bawah 5 Kementerian dan 1 Jabatan kurang dibelanjakan. Peruntukan adalah berjumlah RM147.07 juta manakala perbelanjaan adalah berjumlah RM59.95 juta atau 41%.

ii) Justifikasi Tambahan Peruntukan

a) Pindah Peruntukan Tidak Diperlukan

Pada tahun 2003, sebanyak 35 waran pindah peruntukan berjumlah RM30.34 juta telah diluluskan kepada 5 Kementerian/Jabatan. Pindah peruntukan berjumlah RM1.13 juta bagi 5 projek di bawah 3 Kementerian adalah tidak perlu kerana peruntukan asal berjumlah RM5.87 juta adalah mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar yang berjumlah RM5.81 juta.

b) Tambahan Peruntukan Tidak Dibelanjakan

Pada tahun 2003, satu anggaran tambahan peruntukan sejumlah RM32.57 juta telah diluluskan untuk menampung perbelanjaan bagi 8 Kementerian/Jabatan. Sejumlah RM17.69 juta atau 54% daripada tambahan peruntukan kepada 3 projek pembangunan yang dikendalikan oleh 3 Kementerian tidak digunakan sehingga akhir tahun.

9.3.3 Kawalan Pembayaran

Semakan Audit terhadap kawalan pembayaran oleh Jabatan Bendahari Negeri mendapati perkara berikut:

i) Prosedur Pemprosesan Bayaran

Proses pembayaran di Jabatan Bendahari Negeri dijalankan oleh 2 seksyen iaitu Seksyen Penyemakan dan Seksyen Pembayaran Dan Penerimaan. Seksyen Penyemakan akan menyemak baucar sama ada untuk dilulus atau ditegur berdasarkan Garis Panduan Penyemakan Baucar yang mengambil masa 4 hari sebagaimana ditetapkan dalam Piagam Pelanggan Jabatan. Baucar yang dilulus akan dikemukakan ke Seksyen Pembayaran Dan Penerimaan untuk pembayaran. Mulai pertengahan bulan November 2002, cek bayaran dicetak sendiri oleh Seksyen Pembayaran Dan

Penerimaan yang mana sebelumnya dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Komputer. Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 14 Tahun 2002 bertarikh awal bulan November 2002 menyatakan bahawa semua Jabatan Mengakaun Sendiri termasuk Kementerian/Jabatan di mana Bahagian Akaun diketuai oleh seorang Akauntan Kanan (gred W48) adalah bertanggungjawab ke atas kelulusan semua baucar bayaran tanpa merujuk kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk disemak semula. Prosedur ini mula dilaksanakan pada awal bulan Januari 2003. Semakan Audit mendapati prosedur pemprosesan bayaran telah dipatuhi.

ii) Pengesahan Laporan Perbelanjaan Bulanan Dan Penyesuaian Perbelanjaan Oleh Pegawai Pengawal

Pegawai Pengawal dikehendaki mengawal perbelanjaan Kementerian/Jabatan dengan teratur. Mereka dikehendaki merekodkan perbelanjaan ke dalam Buku Vot dan menyesuaikannya dengan Laporan Perbelanjaan Bulanan yang dikeluarkan oleh Bendahari Negeri. Mengikut Arahan Perbendaharaan 143(b), Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan hendaklah disedia dan dikemukakan kepada Bendahari Negeri. Semakan Audit terhadap Daftar Penyerahan Penyata Penyesuaian yang diselenggara oleh Bendahari Negeri mendapati ia diselenggarakan dengan kemas kini dan teratur. Berdasarkan daftar tersebut, seramai 61 daripada 64 Pegawai Pengawal telah mengemukakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Bulanan kepada Bendahari Negeri dengan kemas kini, manakala 3 Pegawai Pengawal lagi tidak menyerahkan penyata tersebut bagi bulan tertentu iaitu bagi bulan April hingga Disember 2003. Bendahari Negeri telah mengeluarkan surat peringatan kepada Pegawai Pengawal yang berkenaan.

iii) Kawalan Stok Cek Oleh Bendahari Negeri

Mengikut Arahan Perbendaharaan 115, stok cek Kerajaan hendaklah diperiksa dengan serta-merta apabila diterima daripada bank untuk menentukan bahawa tiada cek yang hilang. Pemeriksaan Audit mendapati daftar untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran cek di pejabat Bendahari Negeri telah diselenggara dengan kemas kini dan teratur. Stok cek yang belum dikeluarkan untuk digunakan telah disimpan dalam peti besi yang kuncinya dipegang oleh Ketua Seksyen Pembayaran Dan Penerimaan.

iv) Kawalan Cek Terbatal

Mengikut Arahan Perbendaharaan 118(a), mana-mana cek yang tidak ditunaikan pada akhir tempoh 3 bulan dari tarikh ia dikeluarkan hendaklah disifatkan sebagai terbatal dan diselaraskan dengan mendebit Akaun Tunai dan mengkredit Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Pada tahun 2003, baki Akaun ini berjumlah RM9.22 juta berbanding RM9.42 juta pada tahun 2002. Pemeriksaan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank bulan Mac 2004 mendapati masih ada cek yang dikeluarkan pada bulan Disember 2003 dan sebelumnya belum diselaraskan ke dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal. Bagaimanapun, bilangan cek serta jumlah yang terlibat adalah tidak *material* jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan cek yang dikeluarkan.

Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 118(c) jumlah bagi cek yang terbatal dan tidak dituntut selepas 6 tahun dari tarikh dikeluarkan hendaklah dikredit kepada hasil Negeri. Pemeriksaan Audit mendapati masih terdapat cek terbatal yang berkenaan belum diselaraskan. Bagaimanapun, jumlah yang terlibat adalah tidak *material* berbanding dengan baki dalam Akaun Penyelesaian Cek Terbatal.

v) Pembayaran Dengan Kelulusan Khas (Arahan Perbendaharaan 58)

Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) memerlukan kelulusan khas oleh Bendahari bagi membayar atau menyelaras baucar yang dikemukakan pada tahun kewangan yang baru bagi tanggungan yang kena dibayar pada tahun kewangan yang terdahulu. Pada tahun 2003, sejumlah 1,748 baucar bernilai RM4.39 juta bagi bil dan invois 2002 dan tahun sebelumnya telah dibayar oleh 54 Kementerian/Jabatan/ Pejabat di bawah peraturan ini. Jumlah ini telah menurun sejumlah RM67,997 berbanding RM4.46 juta yang dibayar oleh 42 Kementerian/Jabatan/Pejabat pada tahun 2002 bagi maksud yang sama. Pemeriksaan Audit terhadap 360 sampel baucar bagi 3 Jabatan yang melibatkan sejumlah RM1.59 juta mendapati baki peruntukan tahun terdahulu adalah mencukupi untuk membayar perbelanjaan yang berkenaan.

vi) Akaun Kena Bayar

Analisis Audit menunjukkan perbelanjaan yang dikenakan kepada Akaun Kena Bayar pada 31 Disember 2003 berjumlah RM193.13 juta telah menurun sejumlah RM95.60 juta berbanding tahun 2002 berjumlah RM288.73 juta. Jabatan yang terlibat adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6

Kedudukan Akaun Kena Bayar Tahun 2002 Dan 2003

Jabatan	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM Juta)	Peratus (%)
Pelbagai	243.77	153.93	(89.84)	(37)
Kerja Raya	32.05	25.86	(6.19)	(19)
Pertanian	6.99	8.97	1.98	28
Tanah Dan Ukur	2.07	2.39	0.32	15
Perhutanan	3.85	1.98	(1.87)	(49)
Jumlah	**288.73**	**193.13**	**(95.60)**	**(33)**

Sumber: Rekod Jabatan Bendahari Negeri

Pemeriksaan terhadap 100 baucar bayaran Akaun Kena Bayar secara persampelan telah dijalankan di 3 Jabatan iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Tanah Dan Ukur dan Jabatan Air. Pemeriksaan fizikal di sekitar Ibu Pejabat Kota Kinabalu bagi 50 bayaran perolehan kerja dan bekalan telah dilaksanakan. Pemeriksaan Audit mendapati bayaran tersebut adalah teratur dan boleh dikenakan di bawah Akaun Kena Bayar.

Secara amnya, kawalan perbelanjaan adalah memuaskan. Prosedur dan arahan telah dipatuhi dalam proses perbelanjaan. Di samping itu, rekod berhubung dengan kawalan pembayaran telah diselenggara dengan kemas kini dan teratur mengikut peraturan yang ditetapkan.

9.4 PENGURUSAN PINJAMAN

Mengikut Perkara 111 Perlembagaan Persekutuan, Kerajaan Negeri tidak boleh meminjam kecuali daripada Kerajaan Persekutuan, manakala Seksyen 4 Enakmen Pinjaman 23 (Sumber Kewangan) Kerajaan Negeri Sabah 1976 menyatakan sebarang pinjaman oleh Kerajaan Negeri yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah diagihkan mengikut tujuan ia dipohon. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri telah mendapat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai projek pembangunan negeri seperti Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Kos Rendah, Projek Pembangunan Ekonomi Negeri dan lain-lain. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri juga memberi pinjaman kepada Agensi Negeri bagi membiayai pelbagai projek dan aktiviti. Secara keseluruhannya, pinjaman yang dikeluarkan telah digunakan mengikut maksud asal pinjaman. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman, perjanjian pinjaman dan penyesuaian pinjaman mendapati perkara berikut:

9.4.1 Pinjaman Daripada Kerajaan Persekutuan

Pada 31 Disember 2003, baki pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Pusat berjumlah RM762.59 juta. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman dan perjanjian serta penyesuaian pinjaman mendapati pinjaman baru yang dikeluarkan pada tahun 2003

berjumlah RM39.23 juta. Pinjaman tersebut telah mendapat kelulusan Dewan Undangan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan telah digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan. Manakala rekod pinjaman dan perjanjian pinjaman telah diselenggara dengan baik, teratur dan kemas kini serta penyesuaian baki pinjaman antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah dibuat.

Tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2003 meningkat sejumlah RM16.38 juta menjadi RM49.15 juta berbanding RM32.77 juta pada tahun 2002. Tunggakan tersebut bertambah kerana Kerajaan Negeri tidak membuat sebarang bayaran balik pada tahun 2003. Kegagalan membayar balik pinjaman itu disebabkan keadaan kewangan Kerajaan Negeri yang tidak mengizinkan. Pada tahun 2002, Kementerian Kewangan Malaysia telah bersetuju membantu mengatasi masalah tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri dan perkara ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun lepas. Bagaimanapun, setakat bulan April 2004, Kementerian Kewangan Malaysia belum melaksanakan keputusan yang dicadangkannya.

9.4.2 Pinjaman Kerajaan Negeri Kepada Agensi

Pada akhir tahun 2003, baki pinjaman 34 Agensi Negeri daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM1.65 bilion. Semakan Audit terhadap rekod pinjaman dan perjanjian pinjaman mendapati ia telah diselenggara dengan baik, teratur dan kemas kini. Surat pengesahan baki pinjaman telah dikeluarkan oleh Jabatan Bendahari Negeri kepada semua Agensi peminjam.

Pada tahun 2003, tiga belas Agensi peminjam membuat bayaran balik pinjaman berjumlah RM295.80 juta. Dengan itu, tunggakan bayaran balik pinjaman menurun sejumlah RM156.67 juta menjadi RM1.07 bilion berbanding RM1.23 bilion pada akhir tahun 2002. Kedudukan tunggakan ansuran bayaran balik oleh Agensi berkenaan adalah seperti di **Jadual 7.**

Jadual 7
Perbandingan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman
Pada Tahun 2002 Dan 2003

Agensi Peminjam	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)
Perbadanan Awam	379.92	268.31
Badan Berkanun	794.48	751.35
Pihak Berkuasa Tempatan	46.02	44.10
Agensi Lain	6.37	6.36
Jumlah	**1,226.79**	**1,070.12**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sabah

Analisis Audit terhadap tunggakan bayaran balik pinjaman mendedahkan bahawa sejumlah RM803.80 juta atau 75% daripada tunggakan itu telah tertunggak melebihi 5 tahun. Tunggakan yang dimaksudkan adalah seperti di **Jadual 8.** Antara sebab Agensi gagal membuat bayaran balik adalah kerana keadaan kewangan yang tidak mengizinkan di mana Agensi berkenaan mengalami kerugian.

Jadual 8
Pengusiaan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

Tahun Tertunggak	Jumlah (RM Juta)	Peratus (%)
Kurang dari 5 tahun	266.32	25
6 hingga 10 tahun	431.41	40
Melebihi 10 tahun	372.39	35
Jumlah	**1,070.12**	**100**

Sumber : Rekod Jabatan Bendahari Negeri

Pada tahun 2003, Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan mengikut saranan Jawatankuasa Akaun Awam Negeri Sabah dengan meluluskan sejumlah RM316.21 juta untuk ditukarkan menjadi ekuiti, geran atau dikontra daripada baki pinjaman 6 Agensi. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengurangkan baki pinjaman Agensi terlibat. Pada tahun 2003, sejumlah RM150.98 juta daripada jumlah tersebut telah

ditukar menjadi geran. Manakala sejumlah RM165.21 juta ditukarkan menjadi ekuiti. Penukaran ini dibuat berlandaskan kepada asas yang munasabah dan dilakukan dengan teratur.

Pada tahun 2003, dua pinjaman berjumlah RM5.39 juta telah diluluskan kepada 2 Agensi iaitu Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah dan Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar. Semakan Audit mendapati pengurusan/penggunaan pinjaman adalah teratur kerana pinjaman yang dikeluarkan kepada Agensi telah digunakan untuk tujuan yang telah ditetapkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman adalah baik. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri harus berusaha untuk menentukan tunggakan bayaran balik diberi perhatian dan diambil tindakan yang sewajarnya.

9.5 PENGURUSAN PELABURAN

Pelaburan dalam bentuk simpanan tetap dan saham telah diluluskan oleh pihak berkuasa seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 8, Akta Acara Kewangan 1957. Pada 31 Disember 2003, pelaburan Kerajaan Negeri berjumlah RM2.81 bilion. Pelaburan tersebut terdiri daripada simpanan tetap berjumlah RM327.27 juta dan pelaburan dalam 26 Perbadanan Awam dan 3 Badan Berkanun berjumlah RM2.48 bilion.

9.5.1 Jawatankuasa Pelaburan

Setakat kini Jawatankuasa Pelaburan belum ditubuhkan untuk mengurus pelaburan saham dan simpanan tetap. Bagaimanapun, pemantauan dan keputusan mengenai pelaburan saham telah dibuat oleh Kementerian Kewangan. Manakala simpanan tetap telah diuruskan oleh Bendahari Negeri yang bertanggungjawab melaporkan secara mingguan kepada Kementerian Kewangan.

9.5.2 Simpanan Tetap

Pemeriksaan Audit terhadap daftar dan sijil simpanan tetap mendapati semua rekod telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Semua pengesahan baki simpanan tetap dari bank telah diperolehi. Selain itu, faedah berjumlah RM8.75 juta telah diterima dan diakaunkan dengan betul oleh Kerajaan Negeri. Adalah didapati tiada kes simpanan tetap dikeluarkan sebelum tarikh matang pada tahun 2003.

9.5.3 Pelaburan Saham

Perakaunan dan penyimpanan sijil saham adalah dikendalikan oleh Jabatan Bendahari Negeri. Bahagian Pengawasan Agensi Awam, Kementerian Kewangan menggunakan Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan Negeri untuk menyediakan pangkalan data berpusat bagi data kewangan dan bukan kewangan untuk digunakan bagi tujuan analisis untuk merumus dasar, perancangan dan keputusan pelaburan. Pada tahun 2003, Kerajaan Negeri menerima dividen berjumlah RM54.09 juta. Sejumlah RM29.09 juta adalah merupakan dividen yang diterima secara tunai. Manakala sejumlah RM25 juta adalah daripada Perbadanan Pinjaman Sabah yang ditukarkan kepada ekuiti Kerajaan Negeri. Dividen tersebut telah diisytiharkan pada tahun 2002 tetapi hanya diterima dan diambil kira oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2003. Pada tahun 2003, Jabatan Bendahari Negeri telah menghantar surat pengesahan ekuiti kepada semua 29 Perbadanan Awam/Badan Berkanun. Setakat akhir bulan Jun 2004, tujuh belas daripadanya telah memberi pengesahan.

9.5.4 Pengurusan Portfolio

Kerajaan Negeri tidak mempunyai pelaburan yang dikendalikan oleh pengurusan portfolio.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan adalah memuaskan. Bagaimanapun, pelaburan akan menjadi lebih telus sekiranya satu

jawatankuasa pelaburan ditubuhkan untuk mengurus pelaburan saham dan simpanan tetap.

9.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN KUMPULAN WANG AMANAH

Seksyen 9(1) dan 10 Akta Acara Kewangan 1957 masing-masing menetapkan penubuhan dan pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah. Pada tahun 2003, sejumlah 22 Akaun Amanah telah ditubuhkan. Kementerian Kewangan Negeri dan Jabatan Bendahari Negeri mengendalikan 6 Akaun Amanah utama iaitu Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Khas, Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Akaun Amanah Pelbagai, Deposit dan Akaun Kena Bayar. Semakan Audit mendapati pada akhir tahun 2003, baki keseluruhan Kumpulan Wang dan Akaun Amanah tersebut mempunyai baki debit berjumlah RM75.91 juta berbanding baki debit berjumlah RM111.02 juta pada tahun 2002. Pihak Bendahari Negeri telah menyediakan daftar untuk merekodkan penyerahan penyata penyesuaian amanah ini. Selain itu, semakan Audit juga mendapati Penyesuaian Amanah antara rekod Perbendaharaan dengan Jabatan ada disediakan setiap bulan. Semakan Audit selanjutnya terhadap pengurusan Kumpulan Wang Amanah, Deposit dan Wang Amanah yang lain mendapati perkara berikut:

9.6.1 Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

i) Kumpulan Wang Amanah Lebih Dikeluarkan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 155, Kumpulan Wang Amanah tidak boleh dikeluarkan melebihi dana yang ada. Semakan Audit mendapati 2 Kumpulan Wang Amanah telah lebih dikeluarkan berjumlah RM160.03 juta. Kumpulan Wang Amanah ini adalah seperti di **Jadual 9.**

Jadual 9
Kumpulan Wang Amanah Yang
Terlebih Dikeluarkan Pada 31 Disember 2003

Bil.	Kumpulan Wang	Peruntukan (RM Juta)	Jumlah Dikeluarkan (RM Juta)	Jumlah Terlebih Dikeluarkan (RM Juta)
1.	Kumpulan Wang Bekalan Air (Pengendalian Dan Penyenggaraan)	12.00	93.08	(81.08)
2.	Akaun Pendahuluan Diri	12.00	90.95	(78.95)
Jumlah		**24.00**	**184.03**	**(160.03)**

Sumber: Penyata Akaun Awam Negeri Sabah

ii) Penutupan Kumpulan Wang Amanah Tidak Aktif

Pada tahun 2003, hanya 2 Kumpulan Wang Amanah tidak aktif antara 5 tahun hingga melebihi 15 tahun berbanding dengan 6 Kumpulan Wang Amanah pada tahun 2002. Kumpulan Wang yang dimaksudkan ialah Kumpulan Wang Rancangan Kemajuan Tanah Belia dengan baki RM0.56 juta dan Kumpulan Wang Amanah Kuari Dan Premix (Pembaharuan) dengan baki RM0.02 juta.

Pihak Kementerian Kewangan Negeri telah mengambil tindakan untuk menutup Kumpulan Wang Amanah yang tidak aktif dan terlebih bayar secara berperingkat. Pada tahun 2003, Kumpulan Wang Amanah Pusingan Perumahan Kos Rendah yang tidak aktif sejak tahun 1989 dan berbaki RM1.11 juta telah ditutup. Baki Akaun Amanah berkenaan telah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan selaras dengan ketetapan Seksyen 9(6) Akta Acara Kewangan 1957. Selain itu, Kementerian Kewangan telah memperuntukkan sejumlah RM24.67 juta bagi menyelesaikan jumlah yang terlebih dikeluarkan untuk tujuan penutupan kedua Kumpulan Wang Amanah iaitu Kumpulan Wang Bekalan Air (Pembaharuan) dan Kumpulan Wang Amanah Kuari Dan Premix (Pengendalian Dan

Penyenggaraan) yang tidak aktif sejak tahun 1997 dan masing-masing mempunyai baki debit RM22.38 juta dan RM2.29 juta.

iii) Akaun Pendahuluan Diri

Akaun Pendahuluan Diri diwujudkan bagi maksud memberi pendahuluan kepada para pegawai Negeri semasa menjalankan tugas rasmi, pendahuluan gaji sementara menunggu surat pelantikan atau bagi menyelesaikan kehilangan wang atau sebab-sebab lain sementara menanti penyiasatan dan penyelesaian muktamad. Peruntukan bagi Akaun Pendahuluan Diri adalah berjumlah RM12 juta. Pada tahun 2003, sejumlah RM90.95 juta telah dikeluarkan menjadikan Akaun Pendahuluan Diri lebih dikeluarkan sejumlah RM78.95 juta. Ini menunjukkan peningkatan sejumlah RM14.16 juta atau 22% berbanding dengan RM64.79 juta pada tahun 2002. Semakan Audit mendapati rekod berkenaan akaun ini yang diselenggara oleh Bendahari Negeri adalah memuaskan dan teratur. Semakan selanjutnya mendapati jumlah hutang yang tidak dijelaskan sejak tahun 2002 dan sebelumnya berjumlah RM9.61 juta. Sejumlah RM5.99 juta atau 62% daripada akaun yang tidak dijelaskan itu merupakan pendahuluan gaji kepada kakitangan berjawatan sementara dan kontrak yang belum mendapat surat pelantikan khususnya di Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah. Lanjutan daripada teguran Audit, pihak Kementerian Kewangan Negeri sedang dan akan mengambil tindakan terhadap perkara ini. Antara tindakan yang sedang dan akan diambil ialah:

a) mengenal pasti senarai pendahuluan diri yang diluluskan melalui semakan terhadap setiap fail pemohon;

b) memaklumkan kepada Kementerian/Jabatan/Pejabat supaya mengambil tindakan terhadap pendahuluan yang belum selesai sama ada melalui tambahan

peruntukan untuk menjelaskan pendahuluan tersebut atau dihapus kira;

c) mengenakan surcaj terhadap Pegawai Pengawal yang terlibat; dan

d) menyelenggara dengan kemas kini Daftar Pendahuluan Diri bagi setiap permohonan pendahuluan diri yang diluluskan.

Bayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 54 ini memerlukan kelulusan khas Pegawai Kewangan Negeri bagi membayar perbelanjaan yang tidak mempunyai baki peruntukan. Perbelanjaan tersebut hendaklah dipertanggungkan kepada Akaun Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) sebagai suatu pendahuluan kepada Pegawai atas nama jawatannya, sementara menunggu keputusan mengenai cara penyelesaiannya. Pada tahun 2003, pihak Kementerian Kewangan telah meluluskan pembayaran dan penyelesaian masing-masing berjumlah RM52.37 juta dan RM69.87 juta berbanding RM87.61 juta dan RM66.93 juta pada tahun 2002.

iv) Akaun Deposit

Pada 31 Disember 2003, baki 56 akaun deposit berjumlah RM269.43 juta. Mengikut Arahan Perbendaharaan 159 dan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 6 Tahun 2003 bertarikh 7 Oktober 2003, semua Pegawai Pengawal adalah dikehendaki menyerahkan senarai baki deposit kepada Jabatan Bendahari Negeri dan wakil Ketua Audit Negara sebelum 15 April 2004. Pemeriksaan Audit terhadap pengurusan pengendalian Akaun Deposit mendapati senarai baki individu bagi akaun deposit telah diserahkan. Perbezaan baki yang wujud antara baki individu dengan baki di Perbendaharaan Negeri telah disokong dengan Penyata Penyesuaian.

Pada pendapat Audit, pengurusan Akaun Amanah dan Kumpulan Wang Amanah adalah memuaskan. Tindakan proaktif terhadap teguran Audit berkaitan pengurusan dan kawalan Kumpulan Wang Amanah dan Akaun Amanah sedang diambil oleh pihak Kementerian Kewangan.

10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan kewangan Jabatan Bendahari Negeri adalah memuaskan. Usaha berterusan telah dilakukan bagi meningkatkan lagi kawalan dalam aspek pengurusan kewangan khususnya pematuhan kepada peraturan kewangan seperti penyerahan penyata bulanan, penyesuaian hasil dan perbelanjaan, ketepatan baki deposit dan akaun amanah. Selain itu, kawalan hasil dan perbelanjaan juga bertambah baik walaupun kelemahan pada tahun lalu masih berulang dan dilaporkan dalam Laporan ini. Adalah disyorkan tindakan berkesan diambil secara berterusan bagi meningkatkan tahap pengurusan kewangan dari semasa ke semasa.

KEMENTERIAN/JABATAN/PEJABAT KERAJAAN NEGERI

11. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, selain daripada pengauditan pengurusan kewangan di Jabatan Bendahari Negeri, pengauditan pengurusan kewangan juga dijalankan di 14 Kementerian/Jabatan di seluruh Negeri Sabah. Jabatan tersebut ialah:

i) Dewan Undangan Negeri Sabah
ii) Jabatan Muzium Negeri
iii) Kementerian Pembangunan Infrastruktur
iv) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri
v) Perpustakaan Negeri
vi) Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak
vii) Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Kota Kinabalu
viii) Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Cawangan Sandakan
ix) Jabatan Peguam Besar Negeri
x) Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun Sandakan
xi) Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan
xii) Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tawau
xiii) Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kunak
xiv) Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Tawau

Bagi melaksanakan aktiviti/program pada tahun 2003, Kementerian/Jabatan tersebut telah membelanjakan sejumlah RM61.89 juta untuk mengurus dan RM211.55 juta untuk pembangunan. Manakala jumlah kutipan hasil pada tahun 2003 ialah RM7.12 juta.

12. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif Audit adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Pejabat berkenaan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan serta wujud kawalan dalaman yang kukuh. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini.

Semakan Audit telah dibuat terhadap rekod kewangan dan dokumen yang berkaitan seperti Akaun Tunai Bulanan, Buku Vot, Penyata Penyesuaian, Akaun Kumpulan Wang Amanah/Deposit serta Daftar Aset dan Inventori bagi tahun 2002 dan 2003. Bagi menilai kawalan dalaman, pendekatan pengauditan secara *System Based* telah dijalankan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dijalankan mengenai perkara berbangkit untuk mendapatkan penjelasan.

13. PENEMUAN AUDIT

13.1 KAWALAN PENGURUSAN

Pengurusan sesebuah Kementerian/Jabatan perlu menitikberatkan mengenai kecekapan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan kerja oleh setiap kakitangan. Selaras dengan ini, sesebuah Kementerian/Jabatan hendaklah mempunyai satu struktur organisasi yang jelas, sistem pengurusan yang teratur dan prosedur yang lengkap serta praktikal untuk membantu meningkatkan produktiviti. Menurut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, semua Kementerian/Jabatan perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk setiap jawatan. Tujuan menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja adalah untuk memberi panduan terperinci mengenai tatacara kerja secara sistematik dan yang dijalankan oleh seseorang anggota.

Bagi mengawal dan memantapkan pengurusan kewangan, Kementerian Kewangan Negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bil. 1 Tahun 1998 yang menghendaki satu Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun ditubuhkan di peringkat Kementerian/Jabatan dan diadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 bulan sekali. Semakan Audit terhadap kawalan pengurusan di Kementerian/Jabatan menunjukkan kedudukan kawalan pengurusan seperti di **Jadual 10.**

Jadual 10

Kedudukan Kawalan Pengurusan

KEMENTERIAN/JABATAN	KAWALAN PENGURUSAN					
	a	b	c	d	e	f
Dewan Undangan Negeri Sabah	/	/	/	/	/	/
Jabatan Muzium Negeri	/	/	/	X	/	X
Kementerian Pembangunan Infrastruktur	/	/	X	X	/	X
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	X	X	/	/	/	X
Perpustakaan Negeri	/	/	/	/	/	X
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	/	X	/	/	X	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah	X	X	X	X	/	X
Jabatan Peguam Besar Negeri	/	/	/	X	/	X
Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun Sandakan	/	/	/	/	TB	TB
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sandakan	X	X	X	X	TB	TB
Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan	/	/	X	/	TB	TB
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tawau	X	X	/	X	TB	TB
Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kunak	X	X	X	X	TB	TB
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Tawau	X	X	/	/	X	X

Nota : / : Mematuhi x: Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
b Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
c Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
d Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
e Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
f Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali

Pada pandangan Audit, kawalan pengurusan di Kementerian/Jabatan yang diaudit pada umumnya masih perlu ditingkatkan. Beberapa Pegawai Pengawal masih belum menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja dengan lengkap. Selain itu, kebanyakan Kementerian/Jabatan tidak mengadakan mesyuarat 2 bulan sekali seperti yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Negeri Sabah.

13.2 KAWALAN HASIL

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab mengawal dan menerima hasil Kerajaan Negeri di bawah kuasa Kementerian/Jabatan. Pada tahun 2003, jumlah hasil yang dipungut oleh 8 daripada 14 Kementerian/Jabatan yang dilawati adalah berjumlah RM7.12 juta. Ini adalah kerana 6 Kementerian/Jabatan lagi tidak terlibat dalam mengendalikan urusan kutipan hasil. Kutipan hasil bagi semua Kementerian/Jabatan yang diaudit masih dijalankan secara manual iaitu resit hasil dikeluarkan kepada semua pembayar kecuali Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Kunak yang menggunakan sistem pungutan berkomputer. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

13.2.1 Menandatangani Resit

Arahan Perbendaharaan 70 menyatakan resit mesti ditandatangani dengan berkarbon oleh pegawai yang menerima wang tetapi hendaklah ditulis oleh seorang pegawai lain. Manakala Arahan Perbendaharaan 73 menghendaki pungutan direkodkan oleh pegawai lain selain juruwang kecuali kebenaran khusus diperolehi daripada Bendahari Negeri. Semakan Audit mendapati 3 daripada 7 pejabat yang terlibat dengan kutipan hasil secara manual tidak mengamalkan pengasingan tugas dan kebenaran khusus belum diperolehi daripada Bendahari Negeri.

13.2.2 Semakan Harian Buku Tunai Dan Resit

Arahan Perbendaharaan 80 menghendaki pegawai yang bertanggungjawab memeriksa dan menyemak buku resit dan Buku Tunai setiap hari untuk memastikan catatan adalah kemas kini dan betul. Pegawai yang menyemak hendaklah menandatangani ringkas dan mencatat tarikh setakat mana semakan telah dibuat. Semakan Audit mendapati semua pemungut telah menjalankan pemeriksaan harian seperti yang ditetapkan kecuali Jabatan Muzium Negeri.

13.2.3 Kebenaran Bertulis Menerima Wang

Mengikut Arahan Perbendaharaan 69, dalam sesuatu pejabat di mana ada seorang pemungut, tiada seseorang pegawai boleh menerima wang kecuali diberi kebenaran khusus secara bertulis oleh pemungut untuk berbuat demikian. Pemeriksaan Audit mendapati semua pemungut di Kementerian/Jabatan yang dilawati telah mematuhi arahan tersebut kecuali Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan.

13.2.4 Notis Pemberitahuan

Mengikut Arahan Perbendaharaan 61, Pegawai Pengawal dan pemungut wang awam hendaklah menentukan supaya orang awam diberitahu dengan sepenuhnya bahawa mereka hendaklah meminta resit bagi semua wang yang dibayar. Notis pemberitahuan ini perlu dipamerkan di tempat yang sesuai dan mudah dilihat. Semakan Audit mendapati 3 daripada 8 Kementerian/Jabatan tidak mematuhi arahan ini.

13.2.5 Kemasukan Wang Ke Dalam Bank

Wang hasil yang dipungut hendaklah dibankkan dengan segera selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 78. Sebagai langkah keselamatan, kaunter bilik juruwang hendaklah dalam keadaan terkawal dan peti besi disediakan bagi menyimpan kutipan yang belum diserahkan ke bank. Semakan Audit mendapati semua pemungut telah menyerahkan wang ke bank dengan segera kecuali pungutan bagi Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun yang lewat dibankkan antara 2 hingga 5 hari.

13.2.6 Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan mengejut hendaklah dilakukan tidak kurang sekali dalam tempoh 6 bulan dan hasil pemeriksaan hendaklah direkodkan ke dalam buku yang disimpan bagi maksud itu. Semakan Audit mendapati 7 daripada 8 Kementerian/Jabatan yang diaudit tidak menjalankan pemeriksaan mengejut dan menyelenggarakan rekod seperti yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 309.

13.2.7 Penyata Penyesuaian

Pegawai Pengawal hendaklah menyesuaikan Laporan Terperinci Bulanan Bendahari Negeri dengan rekod perakaunannya seperti yang dikehendaki oleh Arahan Perbendaharaan 143. Semakan Audit mendapati daripada 8 pemungut hasil, tiga pemungut telah membuat penyesuaian hasil dengan teratur dan terkini dan 5 pemungut tidak perlu membuat penyesuaian hasil kerana pungutannya adalah diakaunkan ke dalam kod hasil gunasama.

Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil mengikut Kementerian/Jabatan adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

KEMENTERIAN/JABATAN	PERATURAN KAWALAN HASIL						
	a	b	c	d	e	f	g
Dewan Undangan Negeri Sabah	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Jabatan Muzium Negeri	X	X	/	X	/	X	/
Kementerian Pembangunan Infrastruktur	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Perpustakaan Negeri	/	X	/	X	/	X	TB
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	/	/	/	X	/	X	/
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah	/	/	/	/	/	X	TB
Jabatan Peguam Besar Negeri	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun Sandakan	/	/	/	/	X	X	TB
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sandakan	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan	/	/	X	/	/	X	TB
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri, Tawau	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kunak	TB	/	/	/	/	X	TB
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Tawau	X	/	/	/	/	/	/

Nota: / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai pengawal yang berasingan
b Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit

c Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
d Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
g Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini

Pada pandangan Audit, kawalan hasil di Kementerian/Jabatan yang dilawati pada amnya adalah memuaskan yang mana kebanyakan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil telah dipatuhi. Bagaimanapun, pemungut masih perlu meningkatkan kawalan terhadap kutipan hasil dengan menjalankan semakan harian terhadap Buku Tunai dan resit serta membuat pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai dan barang berharga.

13.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Arahan Perbendaharaan menetapkan beberapa peraturan supaya Pegawai Pengawal dapat mengawal perbelanjaan dengan baik. Hanya 8 daripada 14 Kementerian/Jabatan yang dilawati terlibat secara langsung dengan perbelanjaan. Ini adalah kerana 6 daripada pejabat yang dilawati adalah peringkat cawangan dan pembayaran dibuat di Ibu Pejabat masing-masing.

13.3.1 Buku Vot

Sistem Buku Vot berkomputer bertujuan untuk memudahkan kerja penyelenggaraan Buku Vot di samping membolehkan laporan pengurusan disediakan pada bila-bila masa dengan mudah dan tepat. Adalah didapati semua Kementerian/Jabatan yang dilawati telah menggunakan Buku Vot Berkomputer (SISVOT). Bagaimanapun, semakan Audit mendapati 5 Jabatan iaitu Jabatan Peguam Besar Negeri, Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Dewan Undangan Negeri dan Jabatan Muzium tidak menyelenggarakan Buku Vot dengan lengkap kerana tanggungan tidak dicatat di dalam Buku Vot. Selain itu, tiada bukti Buku Vot di Jabatan Peguam Besar Negeri telah disemak dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab.

13.3.2 Penyesuaian Perbelanjaan

Surat Pekeliling Bendahari Negeri Sabah Bil. 15 Tahun 2000 menghendaki pengesahan terhadap laporan perbelanjaan bulanan disediakan dan dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri dalam tempoh 14 hari dari tarikh laporan diterima. Pemeriksaan Audit mendapati 6 Jabatan telah menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dengan lengkap dan kemas kini serta dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun 2 Jabatan langsung tidak menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan.

13.3.3 Kawalan Perolehan

Peraturan kewangan Kerajaan Negeri membenarkan bekalan dan perkhidmatan yang kurang dari RM10,000 satu tahun untuk satu item atau kelas jenis item dibeli secara terus. Perolehan bekalan dan perkhidmatan yang bernilai antara RM10,000 hingga RM50,000 pula dibuat melalui pelawaan sebut harga. Manakala perolehan melebihi RM50,000 perlu dibuat melalui tender. Semakan Audit mendapati sebahagian besar perolehan Kementerian/Jabatan dibuat melalui pembelian terus dengan menggunakan Pesanan Pembelian atau Perintah Kerja Am dan berpandukan kepada tatacara yang ditetapkan di dalam Arahan Perbendaharaan. Jawatankuasa Sebut Harga ada ditubuhkan oleh Kementerian/Jabatan. Borang pesanan direkod dan kawalan mencukupi terhadap borang pesanan yang belum digunakan juga diadakan. Kebanyakan Kementerian/Jabatan telah mengisi Pesanan Pembelian dan Perintah Kerja Am dengan lengkap dan ditandatangani oleh pegawai yang telah diberi kuasa. Pembayaran juga dibuat mengikut kadar yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, ada kes Pesanan Pembelian hanya dikeluarkan selepas bekalan diterima di Jabatan Peguam Besar Negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

13.3.4 Kuasa Untuk Tandatangani Pesanan Kerajaan

Selaras dengan kehendak Arahan Perbendaharaan 11, semakan Audit mendapati semua Kementerian/Jabatan ada membuat surat penurunan kuasa secara bertulis kepada kakitangannya untuk menandatangani Pesanan Pembelian dan Perintah Kerja Am kecuali Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sandakan yang belum mematuhi arahan berkenaan.

13.3.5 Daftar Bil

Arahan Perbendaharaan 103 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2002 menghendaki supaya Daftar Bil diselenggara dan bil dijelaskan dalam tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima. Semakan Audit mendapati kebanyakan pejabat telah menyelenggarakan Daftar Bil. Bagaimanapun, adalah didapati beberapa Kementerian/Jabatan mempunyai kelemahan dari segi penyelenggaraan Daftar Bil di mana ia tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta tidak disemak oleh Pegawai Penyelia. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

KEMENTERIAN/JABATAN	PERATURAN KAWALAN PERBELANJAAN							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Dewan Undangan Negeri Sabah	/	/	X	/	/	/	/	/
Jabatan Muzium Negeri	/	/	X	/	/	/	X	X
Kementerian Pembangunan Infrastruktur	/	/	/	/	/	/	/	/
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	/	/	/	/	X	/	X	X
Perpustakaan Negeri	/	/	/	/	/	/	/	X
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	/	/	X	/	/	/	X	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah	/	/	X	X	/	/	X	X
Jabatan Peguam Besar Negeri	X	X	X	X	/	/	X	X
Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun Sandakan	TB	TB	TB	TB	/	/	/	/
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sandakan	TB	TB	TB	TB	/	X	X	TB
Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan	TB	TB	TB	TB	X	/	/	X
Pejabat Perkhidmatan Komputer Negeri, Tawau	TB	TB	TB	TB	/	/	X	/
Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kunak	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB	TB
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Tawau	TB	TB	TB	/	/	/	/	/

Nota: / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
b Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia
c Tanggungan direkod dengan segera dalam Buku Vot
d Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
e Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
f Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
g Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
h Daftar Bil diperiksa oleh Pegawai Kanan

Pada pendapat Audit, kawalan perbelanjaan di kebanyakan Kementerian/Jabatan yang dilawati adalah memuaskan kecuali beberapa pejabat yang masih tidak menyelenggara dan menyemak Daftar Bil. Selain itu, ruangan tanggungan dalam Buku Vot juga tidak dicatat di beberapa Kementerian/Jabatan.

13.4 PENGURUSAN AKAUN AMANAH/DEPOSIT

Akaun Amanah yang diselenggarakan oleh pejabat yang dilawati adalah terdiri daripada Deposit, Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer serta Pendahuluan Diri.

13.4.1 Pengurusan Deposit

Daripada 14 Jabatan/Pejabat yang dilawati, hanya Jabatan Muzium mempunyai baki deposit pada akhir tahun 2003 berjumlah RM11,190. Deposit berkenaan adalah berkaitan dengan sewa kedai dan kafeteria. Rekod bagi deposit berkenaan ada diselenggarakan dengan lengkap. Penyesuaian antara rekod Jabatan dengan rekod Bendahari Negeri telah dibuat. Bagaimanapun, tempoh bagi 3 deposit berjumlah RM8,250 telah tamat melebihi 12 bulan dan tindakan belum diambil untuk memberitahu pendeposit melalui warta Kerajaan.

13.4.2 Pengurusan Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer Dan Pendahuluan Diri

Kerajaan Negeri menyediakan kemudahan pinjaman kepada kakitangan yang berjawatan tetap untuk membeli kenderaan dan komputer. Semakan Audit mendapati pada umumnya pengurusan pinjaman diuruskan dengan teratur. Pembayaran balik pinjaman kenderaan dan komputer melalui potongan gaji adalah memuaskan. Bagaimanapun, beberapa Jabatan mempunyai kelemahan seperti daftar pinjaman tidak disediakan atau tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini, salinan insurans komprehensif kenderaan bagi tahun kedua dan seterusnya sehingga pinjaman selesai tidak disimpan di dalam fail peribadi dan pendahuluan diri yang lama masih belum diselesaikan.

Selain itu, tujuh Jabatan mempunyai baki Pendahuluan Diri berjumlah RM1.64 juta. Tujuan pendahuluan diberi adalah bagi urusan rasmi di luar pejabat, gaji, elaun dan sebagainya. Walaupun kebanyakan Jabatan telah menyelenggarakan Daftar Pendahuluan

dengan lengkap dan kemas kini tetapi sebahagian daripada pendahuluan tersebut telah terbiar melebihi 2 tahun dan masih belum diambil tindakan untuk menyelesaikannya.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan Akaun Amanah/Deposit pada umumnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Jabatan berkenaan hendaklah memastikan rekod berkaitan dengan pinjaman kakitangan sentiasa lengkap dan kemas kini serta mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Pendahuluan Diri yang belum dibayar balik.

13.5 PENGURUSAN ASET

Bagi menjamin pengurusan harta modal, inventori dan bekalan pejabat yang baik dan teratur, Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 1993 menghendaki maklumat asas seperti nombor Pesanan Pembelian, nama barang, nombor siri pendaftaran, harga, tarikh pembelian dan sebagainya direkodkan ke dalam Daftar Harta Modal dan Daftar Inventori. Daftar Stok Bekalan Pejabat juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan teratur bagi mengawal penerimaan dan pengeluaran bekalan pejabat. Pada tahun 2003, antara aset yang dibeli oleh Kementerian/Jabatan yang dilawati ialah kenderaan, komputer dan kelengkapan pejabat. Semakan Audit mendapati daftar tersebut telah disediakan di kebanyakan pejabat yang dilawati. Bagaimanapun, adalah didapati kebanyakan daftar tersebut tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

Tatacara Pengurusan Stor menetapkan bahawa Ketua Jabatan hendaklah menjalankan pemeriksaan ke atas harta modal dan inventori setiap 2 tahun sekali bagi memastikan aset berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, verifikasi stok hendaklah dijalankan setiap tahun untuk memastikan ketepatan baki barang stor. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kebanyakan pejabat tidak melaksanakan kedua prosedur ini seperti yang ditetapkan.

Bagi memastikan kenderaan diurus dengan baik, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980 menggariskan beberapa tatacara berhubung dengan

pembukaan fail kenderaan, pelantikan pegawai pengangkutan, penyelenggaraan Buku Log, pembaikan dan prosedur pelupusan. Semakan Audit terhadap pengurusan kenderaan mendapati kebanyakan pejabat yang dilawati ada menyelenggara fail kenderaan bagi menyimpan kad kenderaan, rekod penyenggaraan, rekod pembaikan dan sebagainya. Bagi penyelenggaraan Buku Log, pekeliling tersebut menetapkan bahawa ia perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati banyak Buku Log tidak dikemaskinikan dengan butiran lengkap seperti nama dan tandatangan pegawai yang memberi kuasa, kegunaan minyak dan sebagainya. Selain itu, kebanyakan Kementerian/Jabatan tidak melantik secara bertulis seorang pegawai untuk menjaga pengangkutan, walaupun tanggungjawab tersebut ada dinyatakan dalam senarai tugas.

Perkara 212 Tatacara Pengurusan Stor menyatakan Lembaga Pemeriksa hendaklah dilantik oleh Pegawai Pengawal untuk membuat laporan mengenai harta benda Kerajaan yang tidak boleh digunakan atau ia berlebihan untuk dilupuskan secara paling berfaedah. Manakala perkara 233 tatacara yang sama pula menyatakan semua harta Kerajaan hendaklah mempunyai tanda hak milik Kerajaan. Semakan Audit mendapati beberapa pejabat yang mempunyai harta modal tidak ekonomik untuk dibaiki sejak beberapa tahun masih belum dilupuskan dan ada aset di 7 Kementerian/Jabatan yang tidak mempunyai tanda pengenalan ‘Hak Milik Kerajaan’.

Pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Pengurusan Aset

KEMENTERIAN/JABATAN	PERATURAN PENGURUSAN ASET								
	a	b	c	d	e	f	g	h	i
Dewan Undangan Negeri Sabah	X	X	/	/	TB	/	/	/	/
Jabatan Muzium Negeri	X	X	/	/	TB	/	/	/	/
Kementerian Pembangunan Infrastruktur	X	X	/	X	TB	/	X	/	/
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	X	X	/	X	TB	/	X	/	/
Perpustakaan Negeri	X	X	/	/	TB	/	/	X	X
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	X	X	X	/	TB	/	X	/	/
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah	X	X	X	/	TB	X	X	X	X
Jabatan Peguam Besar Negeri	X	X	X	/	TB	/	/	/	TB
Stesen Penyelidikan Pertanian Ulu Dusun Sandakan	X	/	/	/	/	/	X	/	X
Jabatan Perancang Bandar Dan Wilayah Sandakan	X	X	X	/	TB		X	X	X
Jabatan Perikanan Cawangan Sandakan	X	X	X	/	TB	/	/	/	TB
Pejabat Perkhidmatan Komputer Negeri, Tawau	/	/	X	/	TB	X	X	/	/
Pejabat Pemungut Hasil Tanah Kunak	X	/	X	/	TB	/	X	X	X
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Tawau	X	X	/	/	TB	/	X	X	X

Nota: / : Mematuhi X : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Kerajaan'
d Verifikasi stok dijalankan
e Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
f Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
g Buku log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
h Aset usang diambil tindakan pelupusan
i Pelupusan aset disegerakan

Pada pendapat Audit, tahap pengurusan aset dari segi perekodan, penyenggaraan, pelupusan dan pemeriksaan fizikal di Kementerian/Jabatan yang dilawati masih perlu dipertingkatkan. Kebanyakan pejabat yang dilawati masih tidak mematuhi sepenuhnya peraturan dari segi pemeriksaan fizikal aset serta penyelenggaraan rekod dan daftar.

14. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan yang dilawati masih boleh dipertingkatkan. Sungguhpun kebanyakan peraturan kewangan telah dipatuhi, namun terdapat Kementerian/Jabatan masih tidak mematuhi peraturan kewangan sepenuhnya terutamanya dari segi kawalan pengurusan aset. Sehubungan dengan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak pengurusan meningkatkan peranan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bagi memantau secara berterusan tugas yang dijalankan oleh pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kewangan dan perakaunan. Selain itu, pihak pengurusan perlu memastikan Manual Prosedur Kerja disediakan oleh setiap Kementerian/Jabatan dan setiap kakitangannya mempunyai Fail Meja yang lengkap dan kemas kini bagi memudahkan mereka memahami tugas dan tanggungjawab masing-masing.

15. PROGRAM *AUDIT PRESENCE*

15.1 PENDAHULUAN

Program *Audit Presence* atau pemeriksaan Audit Khas merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membantu Jabatan/Pejabat meningkatkan akauntabiliti pengurusan wang awam. Pendekatan ini dijalankan kerana ada jabatan, pejabat atau cawangan pejabat yang tidak terpilih dalam program pengauditan pengurusan kewangan kerana faktor masa, guna tenaga yang terhad dan kewangan.

15.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini pada umumnya adalah seperti berikut:

i) Sebagai langkah pencegahan daripada berlaku kelemahan pengurusan kewangan yang berterusan.

ii) Mewujudkan kesedaran di kalangan Auditi terhadap pentingnya mengurus kewangan dan harta benda awam dengan cermat serta berhemat.

iii) Melaksanakan peranan Audit bagi memantau dan menasihati pihak Auditi.

15.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN AUDIT

Pada tahun 2003, pemilihan Jabatan/Pejabat bagi pemeriksaan Audit Khas adalah ditumpukan kepada Jabatan/Pejabat yang memungut hasil. Sebanyak 53 Jabatan/Pejabat dipilih pada tahun 2003 melibatkan jabatan seperti Jabatan Perhutanan Sabah, Jabatan Air, Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak, Perpustakaan Negeri, Pejabat Pemungut Hasil Tanah dan cawangan jabatan atau Pejabat di daerah. Pengauditan ini dilaksanakan berpandukan Tatacara Pengurusan Kewangan dan dijalankan selama 2 hari.

15.4 PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati pada amnya sebahagian besar peraturan mengenai kawalan hasil telah dipatuhi. Daripada 53 Jabatan/Pejabat yang dilawati, sebanyak 48 Jabatan/Pejabat mencatatkan kawalan hasil yang memuaskan manakala 5 Jabatan/Pejabat lagi mencatatkan kawalan hasil yang kurang memuaskan. **Jadual 14** berikut menunjukkan jumlah Jabatan/Pejabat yang terlibat dan ringkasan pematuhan terhadap peraturan kewangan.

Jadual 14

Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bil. Pejabat/ Cawangan Dilawati	Pematuhan Terhadap Peraturan Kawalan Hasil	
			M	TM
1	Jabatan Perhutanan Sabah	10	9	1
2	Jabatan Cetak Kerajaan	1	1	-
3	Pejabat Daerah	7	5	2
4	Pejabat Pemungut Hasil Tanah	7	7	-
5	Jabatan Air Sabah	11	11	-
6	Jabatan Hidupan Liar	2	2	-
7	Jabatan Perikanan	3	3	-
8	Jabatan Pertanian	6	6	-
9	Jabatan Perkhidmatan Haiwan Dan Perusahaan Ternak	2	2	-
10	Perpustakaan Negeri	2	-	2
11	Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga	2	2	-
Jumlah		**53**	**48**	**5**

Nota: M= Memuaskan TM= Tidak Memuaskan

15.5 KELEMAHAN YANG DIKENAL PASTI

Pada keseluruhannya, kelemahan ketara yang dikenal pasti adalah pemeriksaan mengejut terhadap wang tunai tidak dijalankan dan daftarnya tidak diselenggara. Selain itu, berlaku juga kes penyelewengan wang tunai oleh pegawai bertugas kerana pengagihan tugas tidak dibuat dengan sempurna dan tidak ada penyeliaan daripada ketua pejabat.

15.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pandangan Audit, kawalan hasil bagi 48 Jabatan/Pejabat adalah memuaskan iaitu aspek penurunan kuasa, semakan harian terhadap rekod hasil, keselamatan wang awam dan lain-lain adalah dikawal dengan sempurna. Bagaimanapun, masih ada ruang penambahbaikan yang perlu diambil tindakan bagi mengatasi kelemahan berbangkit. Sehubungan ini, pihak pengurusan perlu memastikan penyeliaan yang berterusan terhadap kerja yang dijalankan oleh pegawai bagi menentukan peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

16. PROGRAM ANAK ANGKAT

16.1 PENDAHULUAN

Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 serta undang-undang lain yang berkaitan telah menetapkan bahawa Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab untuk mengaudit dan melaporkan kedudukan penyata kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam. Berdasarkan kepada pengauditan yang telah dijalankan, adalah didapati bahawa kelemahan yang sama dalam pengurusan kewangan/aktiviti di Jabatan/Agensi Kerajaan masih berterusan sungguhpun seringkali dibangkitkan oleh pihak Audit. Sehubungan dengan ini, Jabatan Audit Negara telah mengambil langkah yang lebih sistematik dan memutuskan untuk membantu Jabatan/Agensi berkenaan dengan melaksanakan program 'Anak Angkat'.

16.2 OBJEKTIF PROGRAM

Objektif program ini adalah untuk membantu Jabatan/Agensi Negeri dalam mengatasi kelemahan pengurusan kewangan terutamanya berhubung penyelenggaraan rekod perakaunan.

16.3 PELAKSANAAN DAN PENDEKATAN AUDIT

Pendekatan yang diambil oleh Jabatan Audit Negara bagi melaksanakan program ini adalah seperti berikut:

16.3.1 Kaedah Pemilihan Pejabat

Kriteria asas terhadap pemilihan Jabatan/Agensi sebagai Anak Angkat adalah pejabat yang mempunyai ruang untuk memantapkan pengurusan kewangannya. Pejabat berkenaan dikenal pasti melalui:

i) hasil pemerhatian Audit yang telah dilakukan;

ii) aduan awam melalui media dan juga sumber tertentu seperti Biro Pengaduan Awam; dan

iii) cadangan oleh Ketua Jabatan/Agensi yang menunjukkan minat/inisiatif untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangannya.

16.3.2 Bilangan Jabatan Yang Dipilih

Pada tahun 2003, sejumlah 8 Jabatan/Agensi telah dipilih sebagai Anak Angkat seperti berikut:

i) Pejabat Pemungut Hasil Tanah Penampang
ii) Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am
iii) Jabatan Keretapi Negeri Sabah
iv) Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
v) Majlis Ugama Islam Sabah
vi) Majlis Daerah Semporna
vii) Majlis Daerah Kinabatangan
viii) Lembaga Pembangunan Perhutanan Sabah

16.3.3 Tatacara Pelaksanaan

Program Anak Angkat dijalankan melalui beberapa peringkat seperti berikut:

i) Penilaian Masalah

Program Anak Angkat dilaksanakan melalui penilaian Audit secara menyeluruh di Pejabat yang dipilih sebagai Anak Angkat untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam pengurusan kewangan dan puncanya. Penilaian ini merangkumi komponen kawalan dalaman, kawalan pengurusan dan penyelenggaraan rekod mengenai pengurusan hasil, pengurusan perbelanjaan, pengurusan pinjaman, pengurusan amanah dan deposit serta pengurusan aset dan inventori.

ii) Perbincangan Dengan Ketua Jabatan/Agensi/Ketua Pejabat

Daripada penilaian yang dijalankan, kelemahan yang dikenal pasti dan puncanya serta langkah pembetulan yang dicadangkan akan dibincangkan bersama Ketua Jabatan/Agensi atau Ketua Pejabat berkenaan.

iii) Lawatan Susulan

Bagi memastikan bahawa pejabat yang dipilih sebagai Anak Angkat membuat tindakan pembetulan terhadap kelemahan yang dibangkitkan, tindakan berikut telah diambil:

a) Memberi latihan secara teori dan praktikal kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan.

b) Memberi input kepada Ketua Jabatan/Pejabat bagi menyediakan Panduan Kerja yang berkaitan dengan pengurusan kewangan dan penyelenggaraan rekod perakaunan.

c) Memantau kemajuan pelaksanaan kerja pembetulan dan memastikan bahawa kerja tersebut dilaksanakan dengan teratur dan secara berterusan. Bagi tujuan pemantauan, lawatan ke Jabatan/Pejabat berkenaan dibuat dari semasa ke semasa sekurang-kurangnya setiap 3 bulan sekali dalam tempoh satu tahun.

16.4 PENEMUAN AUDIT

Hasil daripada lawatan, perbincangan, penilaian masalah dan bimbingan Audit kepada pegawai yang berkenaan mendapati perkara berikut:

16.4.1 Kelemahan Yang Dikenal Pasti

i) Kawalan Pengurusan

Adalah didapati 4 Jabatan/Agensi tidak mempunyai Carta Organisasi yang lengkap dan kemas kini. Manakala 6

Jabatan/Agensi tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja serta senarai tugas bagi anggotanya. Selain itu, empat Jabatan/Agensi tidak menghantar anggota di Bahagian Kewangan untuk mengikuti kursus kewangan dan 5 Jabatan/Agensi belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

ii) Kawalan Hasil

Kelemahan kawalan hasil yang berlaku di Jabatan/Agensi adalah seperti tiada pembahagian tugas berkaitan resit, tiada semakan terhadap Buku Tunai setiap hari, tiada penurunan kuasa secara bertulis kepada pegawai yang memungut wang awam dan notis pemberitahuan mendapatkan resit tidak dipamerkan. Selain itu, Jabatan/Agensi lewat memasukkan wang ke bank antara 2 hingga 7 hari dan tidak pernah membuat pemeriksaan mengejut terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas lain.

iii) Kawalan Perbelanjaan

Lawatan Audit mendapati antara peraturan kewangan berkaitan kawalan perbelanjaan yang tidak dipatuhi ialah Buku Vot tidak disemak, penyata penyesuaian perbelanjaan/bank tidak disediakan, tiada penurunan kuasa untuk menandatangani pesanan kerja/pembelian kepada pegawai bertanggungjawab dan Daftar Bil tidak diselenggara.

iv) Pengurusan Amanah

Pegawai Pengawal di 4 Jabatan/Agensi tidak menyemak Daftar Akaun Amanah manakala Daftar Akaun amanah di 4 Jabatan/Agensi lagi tidak dikemaskinikan.

v) Pengurusan Aset

Adalah didapati Jabatan/Agensi tidak menyelenggara Daftar Harta Modal Dan Inventori dengan lengkap dan kemas kini serta tidak menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap aset

pejabat. Selain itu, Pegawai Pengangkutan tidak dilantik secara bertulis, aset tidak ditanda 'Hak Milik Kerajaan', Buku Log tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini serta Jabatan/Agensi tidak mengambil tindakan pelupusan terhadap aset yang usang dengan segera.

16.4.2 Tindakan Pembetulan Oleh Jabatan/Agensi

Pada keseluruhannya, lima daripada 8 Jabatan/Agensi yang menjadi Anak Angkat telah atau sedang mengambil tindakan yang positif terhadap teguran dan kelemahan yang berbangkit dari segi kawalan pengurusan, kawalan hasil, kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah dan pengurusan aset. Bagaimanapun, tiga lagi Anak Angkat lambat bertindak untuk mengatasi masalah dan kelemahan yang dibangkitkan khasnya mengemaskinikan Buku Vot, menyediakan penyata penyesuaian perbelanjaan, membuat pemeriksaan terhadap aset dan membuat pelupusan dengan segera terhadap aset usang.

16.5 PENCAPAIAN PROGRAM ANAK ANGKAT

Berdasarkan laporan penilaian terhadap Program Anak Angkat yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara pada akhir tahun 2003, lima daripada 8 Jabatan/Agensi yang dipilih sebagai Anak Angkat telah menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Semua perkara yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara telah diambil tindakan oleh pihak pengurusan. Oleh itu, Program Anak Angkat bagi 5 Jabatan/Agensi tersebut ditamatkan. Manakala Program Anak Angkat 3 Jabatan/Agensi lagi iaitu Majlis Daerah Kinabatangan, Majlis Ugama Islam Sabah dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah masih perlu diteruskan ke tahun 2004.

16.6 RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kaedah Anak Angkat yang dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara telah mendatangkan kesan yang positif kepada Jabatan/Agensi yang dipilih. Program Anak Angkat ini telah membantu Jabatan/Agensi yang dipilih untuk

menyelesaikan masalah yang dihadapi terutamanya berkaitan pengurusan kewangan. Selain itu, khidmat nasihat dan bimbingan yang diberikan oleh pegawai Jabatan Audit Negara telah banyak membantu pegawai di Jabatan/Agensi berkenaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Jabatan/Agensi. Bagaimanapun, masih ada Jabatan/Agensi yang memerlukan bimbingan berterusan untuk memperbaiki kelemahan pengurusan kewangan.

BAHAGIAN III

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

17. PENDAHULUAN

Selain daripada mengesahkan akaun dan menjalankan auditan pengurusan kewangan, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki di bawah Seksyen 6 Akta Audit 1957 mengaudit program atau aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, sebanyak 7 aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan telah dipilih dan dikaji pada tahun 2003. Hasil kajian tersebut telah dimaklumkan kepada Jabatan berkenaan dan isu yang dibangkitkan dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

JABATAN KETUA MENTERI

PROJEK PEMBANGUNAN KHAS

18. LATAR BELAKANG

Projek Pembangunan Khas (Projek Khas) di bawah Jabatan Ketua Menteri (Jabatan) diwujudkan pada tahun 1996 setelah Projek Pembangunan Kecil dan Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri diserah dan diletakkan di bawah kawalan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada tahun tersebut. Projek Khas ini bertujuan untuk meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk luar bandar dengan cara menyediakan prasarana dan pelbagai kemudahan sebagaimana dipohon oleh masyarakat setempat, Badan/Pertubuhan dan Agensi Kerajaan. Bahagian Pengurusan Dan Kewangan di Jabatan Ketua Menteri adalah bertanggungjawab menyedia dan menyalurkan peruntukan Projek Khas kepada agensi pelaksana yang

terdiri daripada Dewan Bandaraya, Majlis Perbandaran, Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air dan lain-lain Agensi Kerajaan. Di bawah RMK8 (2001 hingga 2005), peruntukan berjumlah RM75 juta diluluskan untuk Projek Khas. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM60 juta telah diperuntukkan untuk tempoh tahun 2001 hingga 2003. Jumlah perbelanjaan sebenar bagi tempoh yang sama adalah RM59.87 juta.

19. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah bagi menentukan sama ada Projek Khas telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta memberi faedah kepada golongan sasar.

20. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi projek yang dilaksanakan pada tahun 2002 dan 2003 melibatkan 4 Daerah iaitu Tawau, Kota Kinabalu, Kudat dan Kuala Penyu. Asas pemilihan Daerah ini ialah jumlah agihan peruntukan tertinggi yang diterima oleh setiap Daerah. Sejumlah 24 projek dengan kos berjumlah RM2.23 juta daripada keseluruhan 194 projek telah dipilih untuk pemeriksaan Audit. Projek tersebut adalah merupakan projek kecil seperti pembinaan jeti, jalan raya, jalan kampung, pembetungan dan sebagainya. Agensi yang melaksanakan projek tersebut adalah terdiri daripada Majlis Perbandaran Tawau, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Pejabat Daerah Kudat dan Pejabat Daerah Kuala Penyu (termasuk Pejabat Daerah Kecil Menumbok). Kaedah pengauditan adalah dengan memeriksa rekod dan dokumen seperti surat permohonan daripada individu atau agensi pelaksana, daftar, surat kelulusan, fail tender dan sebut harga. Lawatan Audit ke tapak 24 projek berkenaan telah dilakukan untuk melihat dan meneliti prestasi projek keseluruhannya. Selain itu, temu bual dengan pegawai di Bahagian Pengurusan Dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri dan agensi pelaksana juga telah diadakan bagi mendapatkan maklumat tambahan.

21. PENEMUAN AUDIT

21.1 PERANCANGAN

Perancangan Projek Khas adalah melibatkan Jabatan Ketua Menteri dan agensi pelaksana. Dengan adanya perancangan yang rapi akan melicinkan lagi pelaksanaan Projek Khas yang bertujuan meningkatkan tahap sosioekonomi masyarakat setempat. Pihak Audit telah meneliti aspek perancangan berikut:

21.1.1 Struktur Pengurusan Dan Guna Tenaga

Struktur pengurusan Projek Khas terbahagi kepada 2 peringkat seperti berikut:

i) Jabatan Ketua Menteri

Pengurusan Projek Khas Jabatan Ketua Menteri dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Pengurusan Dan Kewangan. Bahagian ini diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha dan dibantu oleh 3 kakitangan yang terlibat secara langsung dalam pengurusan Projek Khas. Bahagian ini dikehendaki menyediakan anggaran dan mengagihkan peruntukan selain memproses permohonan yang diterima. Bahagian ini juga bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek oleh agensi pelaksana di samping membuat lawatan ke tapak projek.

ii) Agensi Pelaksana

Di peringkat ini, pengurusan Projek Khas diketuai oleh Pegawai Penguasa dengan dibantu oleh pegawai di Bahagian Pembangunan di agensi berkenaan. Agensi pelaksana berperanan mengemukakan permohonan yang diterima kepada Jabatan Ketua Menteri dan melaksanakan Projek Khas yang diluluskan setelah peruntukan diterima.

21.1.2 Garis Panduan

Pada tahun 2002, Bahagian Pengurusan Dan Kewangan telah menyediakan garis panduan terhadap pengendalian Projek Khas. Antara kandungan garis panduan ini adalah jenis projek yang boleh dilaksanakan, had nilai projek, prosedur permohonan dan pemantauan projek. Garis panduan juga menghendaki supaya satu Jawatankuasa Penilaian Projek diwujudkan. Jawatankuasa ini terdiri daripada 4 ahli yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Pengurusan Dan Kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati garis panduan ini belum diluluskan oleh Ketua Menteri selaku Pegawai Pengawal dan tidak diedarkan kepada agensi pelaksana dan hanya untuk kegunaan dalaman sahaja.

i) Jenis Projek

Mengikut Garis Panduan Pengendalian Projek Khas, projek dan bekalan yang boleh dilaksanakan adalah pelbagai. Setakat ini, projek yang telah dilaksanakan adalah seperti penyenggaraan jalan raya, pembinaan balai raya, rumah ibadat dan sebagainya. Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Dan Kewangan tidak menyediakan spesifikasi projek yang hendak dilaksanakan. Penentuannya adalah tertakluk kepada kelulusan Ketua Menteri dan berasaskan permohonan yang diterima daripada orang awam dan agensi pelaksana.

ii) Had Nilai

Garis panduan yang disediakan tidak menetapkan had nilai Projek Khas yang boleh dilaksanakan. Ini disebabkan penentuan kos projek adalah tertakluk kepada permohonan yang diterima dan diluluskan oleh Ketua Menteri.

iii) Prosedur Permohonan

Prosedur permohonan Projek Khas dibuat melalui 2 cara iaitu:

a) Melalui Ketua Menteri

Mengikut kaedah ini, permohonan diterima terus oleh Ketua Menteri daripada agensi pelaksana, badan dan persatuan serta syarikat. Kelulusan permohonan Projek Khas ditentukan oleh Ketua Menteri sendiri.

b) Melalui Bahagian Pengurusan Dan Kewangan

Permohonan Projek Khas melalui Bahagian Pengurusan Dan Kewangan akan ditapis oleh Jawatankuasa Penilaian sebelum dikemukakan kepada Ketua Menteri untuk kelulusan.

iv) Pemantauan

Bahagian Pengurusan Dan Kewangan yang terdiri daripada 4 anggota juga bertindak sebagai Jawatankuasa Penilaian Projek yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan Projek Khas oleh agensi pelaksana. Ahli Jawatankuasa ini akan membuat lawatan fizikal terhadap projek khas yang dilaksanakan.

Pada pandangan Audit, garis panduan yang ada perlu dikaji semula supaya menjadi lengkap dan jelas. Garis panduan tersebut hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh Ketua Menteri dan diedarkan kepada agensi pelaksana sebagai panduan.

21.1.3 Anggaran Kos Projek

Bahagian Pengurusan Dan Kewangan bertanggungjawab menyediakan anggaran peruntukan tahunan bagi Projek Khas. Anggaran tersebut akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Negeri untuk dipertimbangkan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2002 dan 2003, peruntukan yang dipohon adalah masing-masing berjumlah RM25 juta dan RM15 juta. Selain itu, anggaran perbelanjaan

yang disediakan adalah secara *Lump-Sum* dengan berasaskan peruntukan siling yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu menyediakan perancangan yang lebih rapi supaya Projek Khas dapat dilaksanakan dengan berkesan. Di samping itu, bagi memastikan Projek Khas diuruskan dengan cekap dan teratur, Garis Panduan Pengendalian Projek Khas perlu dikemaskinikan supaya lebih lengkap dan jelas.

21.2 PELAKSANAAN

Projek yang dilaksanakan adalah berdasarkan peruntukan diluluskan dan tertakluk kepada peraturan Kerajaan yang berkuat kuasa. Pelaksanaan projek bermula daripada peringkat permohonan hingga pencapaian projek adalah dihuraikan seperti berikut:

21.2.1 Peruntukan Yang Diluluskan

Peruntukan yang diluluskan bagi Projek Khas pada tahun 2002 adalah berjumlah RM25 juta dan bagi tahun 2003 berjumlah RM10.23 juta. Peruntukan tersebut telah diagihkan mengikut Daerah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15

Agihan Peruntukan Projek Khas Mengikut Daerah

Tahun	Daerah				
	Kota Kinabalu (RM)	Tawau (RM)	Kudat (RM)	Kuala Penyu (RM)	Lain-Lain Daerah (RM)
2002	7,746,447	57,330	15,587,973	-	1,547,549
2003	1,704,860	2,714,000	400,500	959,000	4,452,619

Sumber: Rekod Bahagian Pengurusan Dan Kewangan

Adalah didapati pengagihan peruntukan bergantung sepenuhnya kepada budi bicara Ketua Menteri. Pada tahun 2002, pengagihan

peruntukan lebih tertumpu ke Daerah Kudat manakala Daerah Kuala Penyu tidak menerima sebarang peruntukan. Setelah pertukaran Ketua Menteri, Daerah Kuala Penyu menerima peruntukan sejumlah RM959,000 manakala peruntukan untuk Daerah Kudat telah berkurangan pada tahun 2003.

21.2.2 Proses Permohonan Dan Kelulusan

Permohonan Projek Khas dibuat melalui 2 cara iaitu permohonan terus kepada Ketua Menteri atau melalui Bahagian Pengurusan Dan Kewangan seperti berikut:

i) Permohonan Terus Kepada Ketua Menteri

Berdasarkan kepada senarai projek yang dipilih, adalah didapati sebanyak 3 Projek Khas bernilai RM0.92 juta telah diluluskan oleh Ketua Menteri melalui kaedah ini pada tahun 2002. Permohonan terus tersebut diterima daripada 3 syarikat. Semakan selanjutnya mendapati pada tahun 2003, tidak ada permohonan terus diterima oleh Ketua Menteri. Butiran terperinci projek yang diluluskan melalui kaedah permohonan terus oleh syarikat adalah seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Senarai Projek Khas Yang Dipohon Terus Kepada Ketua Menteri

Bil.	Butiran Projek	Kos (RM)
1.	Projek *Access Road To Marina Court,* Kudat.	600,000
2.	Pembaikan Masjid Asy-Syakirin.	170,521
3.	*Proposed Fisherman Jetty At Seawall Beside Ko-Nelayan Complex,* Kudat.	150,000

Sumber : Rekod Bahagian Pengurusan Dan Kewangan

ii) Permohonan Melalui Bahagian Pengurusan Dan Kewangan

Semakan Audit mendapati permohonan yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Dan Kewangan tidak ditapis oleh

Jawatankuasa Penilaian Projek. Ini disebabkan Jawatankuasa tersebut tidak mengadakan mesyuarat bagi menilai permohonan tersebut. Bagaimanapun, Jawatankuasa Penilaian Projek telah bermesyuarat selepas teguran Audit. Pihak Audit juga mendapati daftar permohonan Projek Khas tidak diselenggara dan dengan itu jumlah permohonan diterima dan ditolak tidak dapat ditentukan.

Pada pandangan Audit, permohonan terus kepada Ketua Menteri oleh syarikat tidak mengikut peraturan yang sewajarnya. Selain itu, semua permohonan Projek Khas perlu ditapis dengan teliti oleh Jawatankuasa Penilaian Projek.

21.2.3 Kaedah Pelaksanaan Projek

Setelah mendapat kelulusan Ketua Menteri, Bahagian Pengurusan Dan Kewangan akan mengeluarkan waran peruntukan kepada agensi pelaksana. Agensi pelaksana pula akan mengurus perolehan kerja atau bekalan sama ada melalui gotong-royong, sebut harga atau tender bergantung kepada kos projek. Bagi Projek Khas yang mendapat pemberian terus dan dipersetujui oleh Ketua Menteri, agensi pelaksana akan memohon kelulusan pengecualian sebut harga atau tender daripada Kementerian Kewangan sebelum kerja dilaksanakan.

i) Projek Melalui Gotong-Royong

Melalui kaedah ini, Projek Khas akan dilaksanakan secara bergotong-royong berasaskan permohonan dan dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Pada tahun 2003, sebanyak 118 projek bernilai RM2.71 juta di Daerah Tawau telah dilaksanakan dengan kaedah ini oleh Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Dalam Bandar. Pelaksanaan kaedah ini adalah tertakluk kepada permohonan yang diterima daripada agensi pelaksana. Semakan Audit mendapati senarai pekerja, upah dan senarai bahan yang

digunakan tidak dikemukakan bersama Perintah Kerja Am semasa tuntutan dibuat.

ii) Perolehan Melalui Sebut Harga Atau Tender

Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 1995, perolehan yang bernilai melebihi RM10,000 setahun hendaklah dibuat secara sebut harga. Manakala projek yang bernilai melebihi RM50,000 pula hendaklah melalui tender. Bahagian Pengurusan Dan Kewangan telah mengarah agensi pelaksana supaya mematuhi semua peraturan yang ditetapkan bagi maksud perolehan. Sebagai contoh, berasaskan Projek Khas yang dipilih, sebanyak 7 projek bernilai RM308,730 telah diurus secara sebut harga dan 1 projek bernilai RM240,000 telah dilaksanakan melalui tender. Semakan Audit mendapati peraturan sebut harga dan tender telah dipatuhi oleh agensi pelaksana.

iii) Pemberian Terus

Semakan Audit mendapati pada tahun 2002, sebanyak 3 projek bernilai RM0.92 juta telah diberikan kepada 3 syarikat melalui kaedah pemberian terus. Melalui kaedah ini, agensi pelaksana akan memohon terlebih dahulu pengecualian tatacara sebut harga atau tender daripada Kementerian Kewangan Negeri. Semakan Audit selanjutnya mendapati kesemua projek tersebut telahpun mendapat surat pengecualian berkenaan.

Pada pandangan Audit, pengecualian daripada tender tanpa justifikasi yang kukuh adalah tidak teratur dan boleh menjejaskan kewibawaan Kementerian Kewangan Negeri.

21.2.4 Jenis Projek

Jenis projek yang dilaksanakan melalui peruntukan Projek Khas adalah pelbagai. Contoh Projek Khas yang dilaksanakan adalah seperti

pembinaan kemudahan asas, menaik taraf jalan kampung, pembinaan jeti, rumah ibadat dan sebagainya. Pada tahun 2002, projek yang melibatkan kos yang tinggi iaitu melebihi RM1 juta telah diluluskan dan dilaksanakan melalui peruntukan Projek Khas. Projek tersebut adalah seperti pembinaan rumah kedai, kompleks sukan dan pembinaan semula rumah rehat di Daerah Kudat. Bagaimanapun, pada tahun 2003, hanya projek kecil dan berbentuk kemudahan asas sahaja yang telah diluluskan melalui Projek Khas ini.

21.2.5 Prestasi Projek

Pemeriksaan Audit terhadap dokumen dan fail berkaitan telah dilaksanakan di Bahagian Pengurusan Dan Kewangan serta pejabat agensi pelaksana. Selain itu, lawatan ke tapak projek juga dijalankan bersama pegawai dari Bahagian Pengurusan Dan Kewangan serta agensi pelaksana. Sejumlah 24 Projek Khas bernilai RM2.23 juta di 4 Daerah telah dipilih untuk pengauditan. Hasil semakan dan lawatan Audit terhadap projek tersebut adalah seperti berikut:

i) Daerah Tawau

Pada tahun 2003, sebanyak 118 Projek Khas melibatkan perbelanjaan berjumlah RM2.71 juta telah diberi kepada Daerah Tawau melalui Majlis Perbandaran Tawau sebagai agensi pelaksana. Kesemua Pojek Khas tersebut yang dilaksanakan secara gotong-royong menerusi Perintah Kerja Am merupakan projek pembaikan jalan kampung. Sebanyak 11 projek bernilai RM253,000 atau 10% daripada jumlah keseluruhan projek telah dipilih untuk tujuan pengauditan. Senarai projek yang dilawati adalah seperti di **Jadual 17.**

Jadual 17
Senarai Projek Yang Dilawati Di Daerah Tawau

Bil	Spesifikasi Kerja	Jumlah (RM)
1.	Membaiki Jalan Loo Kang Meng Kg. Ulu Panas 0.6 km	24,000
2.	Membaiki Jalan Yap Ken Lung Kg. Batu 11 0.6 km	22,000
3.	Membaiki Jalan Chin Yet Kg. Air Panas 0.7 km	23,000
4.	Membaiki Jalan Suon Fook Kg. Kuhara/Panas 0.7 km	23,000
5.	Membaiki Jalan Kahal Kg Batu 13 Apas 0.6 km	22,000
6.	Membaiki Jalan Hong Kwang Kg. Panas Tengah 0.8 km	24,000
7.	Membaiki Jalan Yusof Talib Kg. Batu 14 Apas 0.7 km	23,000
8.	Membaiki Jalan Zainal Kg. Batu 5 Apas 0.7 km	22,000
9.	Membaiki Jalan Nam King Kg. Simpang Panas 0.7 km	23,000
10.	Membaiki Jalan Simpang 1 Kg. Andrassy 0.6 km	24,000
11.	Membaiki Jalan Kassim Kg. Andrassy	23,000

Sumber: Rekod Majlis Perbandaran Tawau

a) Tempoh Siap Kerja

Semakan Audit mendapati projek pembaikan jalan ini telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu antara 1 hingga 3 minggu. Semakan lanjut juga mendapati Laporan Pengesahan Kerja Siap ada disediakan.

b) Mutu Kerja

Semakan Audit mendapati Majlis Perbandaran Tawau selaku agensi pelaksana telah menyelia secara keseluruhan pelaksanaan projek ini. Projek pembaikan jalan kampung ini adalah menabur dan merata batu kelikir dan dijalankan secara gotong-royong. Pemeriksaan Audit mendapati kerja telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan serta mematuhi spesifikasi yang ditetapkan. Demikian juga, projek yang dilaksanakan adalah menepati tujuan dan dapat dinikmati oleh golongan sasar.

c) Kewangan

Semakan Audit mendapati Projek Khas yang siap dilaksanakan telah dibayar sepenuhnya oleh agensi pelaksana. Bagaimanapun, tuntutan bayaran melalui Perintah Kerja Am yang dibuat ke Majlis Perbandaran Tawau bagi kerja tersebut tidak disokong dengan senarai nama peserta dan jumlah upahnya.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Projek Khas di Daerah Tawau telah mencapai matlamat yang disasarkan dan kemudahan yang disediakan melalui projek ini telah dinikmati oleh golongan sasar.

ii) Daerah Kota Kinabalu

Pada tahun 2002 dan 2003, peruntukan yang disalurkan ke Daerah Kota Kinabalu adalah masing-masing berjumlah RM7.75 juta dan RM1.70 juta melibatkan 18 Projek Khas. Antara agensi pelaksana yang menerima peruntukan adalah Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Air dan Pejabat Mufti Negeri. Daripada jumlah tersebut, tiga projek khas berjumlah RM744,400 seperti di **Jadual 18** telah dipilih untuk sampel pengauditan.

Jadual 18
Senarai Projek Yang Dilawati Di Daerah Kota Kinabalu

Bil.	Senarai Projek Khas	Kos (RM)
1.	Projek *Proposed Port Side Walk At* Jalan Tun Fuad Stephen, Kota Kinabalu.	240,000
2.	Projek Pembersihan Sisa Bahan Rumah Setinggan Kg Pondo Pulau Gaya, Kota Kinabalu.	214,400
3.	*Proposed Repairing Of Damage Sewerage Pumping At Penampang-Lido Traffic Light Junction* dan *KK By-Pass (In front of* Wisma Inti Utama*).*	290,000

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Daripada 3 projek yang dipilih, dua projek telah dilaksanakan melalui pemberian terus berasaskan permohonan daripada 2 syarikat yang diterima dan diluluskan oleh Ketua Menteri. Agensi pelaksana telah mendapatkan kelulusan pengecualian tatacara tender biasa daripada Kementerian Kewangan Negeri Sabah. Manakala 1 projek lagi iaitu projek *Proposed Port Side Walk At* Jalan Tun Fuad Stephen, Kota Kinabalu dikendalikan melalui tender terbuka. Hasil pemeriksaan dan lawatan Audit bersama pegawai dari agensi pelaksana mendapati perkara seperti berikut:

a) Tempoh Siap Kerja

Semakan Audit mendapati Projek Khas yang dilaksanakan telah siap dalam tempoh ditetapkan dan Laporan Pengesahan Kerja Siap ada disertakan. Bukti bergambar sebelum, semasa kerja dijalankan dan selepas siap juga disertakan untuk menyokong laporan tersebut.

b) Mutu Kerja

Lawatan Audit mendapati kerja telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan serta mematuhi spesifikasi kerja. Selain itu, projek yang dilaksanakan adalah menepati tujuan dan dapat dinikmati oleh golongan sasar, contohnya seperti **Foto 1.**

Foto 1
Rumah Pam Yang Dibaik Pulih Di K.K By-Pass

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 17 Disember 2003

c) Kewangan

Semakan Audit mendapati Projek Khas yang siap dilaksanakan telah dibayar sepenuhnya oleh agensi pelaksana. Dokumen pembayaran telah disediakan dengan lengkap dan teratur.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Projek Khas di Daerah Kota Kinabalu telah mencapai matlamat yang disasarkan dan kemudahan yang disediakan melalui projek ini telah dinikmati oleh golongan sasar.

iii) Daerah Kudat

Pejabat Daerah Kudat telah menerima peruntukan Projek Khas berjumlah RM15.59 juta pada tahun 2002 dan RM400,500 pada

tahun 2003 untuk melaksanakan 21 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 Projek Khas berjumlah RM1.05 juta telah dipilih untuk tujuan pengauditan seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Senarai Projek Yang Dilawati Di Daerah Kudat

Bil.	Butiran Projek Yang Dilawati	Kos (RM)
1.	Projek *Access Road to Marina Court*, Kudat.	600,000
2.	Pembaikan Masjid Asy-Syakirin.	170,521
3.	*Proposed Fisherman Jetty at Seawall Beside Ko-Nelayan Complex,* Kudat.	150,000
4.	Membaiki Jalan Raya Kg. Buanog sejauh 1.0 km X 3 m menabur batu merah, meratakan dan memampatkan.	42,980
5.	Membaiki Jalan Gereja Lama Pinangsoo sejauh 500 kaki X 2“ konkrit.	42,950
6.	Membaiki Jalan Raya Kg Rukom Laut sejauh 1.0 km X 3 m menggred, menabur batu merah, meratakan, memampatkan dan memasang 1 batang kalbut.	42,800

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Kudat

Semakan Audit terhadap pengurusan perolehan mendapati 3 projek berjumlah RM920,521 telah diberi secara pemberian terus. Pemberian terus ini dilaksanakan berasaskan permohonan daripada 3 syarikat yang diterima dan diluluskan oleh Ketua Menteri. Kelulusan pengecualian daripada Kementerian Kewangan Negeri telah diperolehi sebelum projek tersebut dilaksanakan. Manakala 3 projek lagi berjumlah RM128,730 pula telah diurus melalui sebut harga. Hasil lawatan dan pemeriksaan Audit bersama pegawai dari Bahagian Pengurusan Dan Kewangan dan wakil Pejabat Daerah Kudat mendapati perkara berikut:

a) Tempoh Siap Kerja

Semakan Audit mendapati Projek Khas tersebut telah siap dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan dan

Laporan Pengesahan Kerja Siap telah disediakan. Bagaimanapun, bukti bergambar sebelum, semasa kerja dijalankan dan selepas siap tidak disertakan untuk menyokong laporan tersebut. Amalan ini adalah tidak mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Dan Kewangan.

b) Mutu Kerja

Pemeriksaan Audit mendapati kerja telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan serta mematuhi spesifikasi dan tempoh yang ditetapkan. Selain itu, projek yang dilaksanakan adalah menepati tujuan dan dapat dinikmati oleh golongan sasar. Bagaimanapun, hasil temu bual dengan golongan sasar mendapati kemudahan jeti yang dibina di Kompleks Ko-Nelayan, Kudat adalah masih tidak mencukupi untuk menampung jumlah pengguna kerana tiang tempat mengikat perahu hanya 10 batang. Manakala jumlah perahu yang berlabuh adalah lebih daripada 10 buah sehari. Golongan sasar juga mengesyorkan agar kemudahan jeti di waktu “musim angin barat“ juga turut disediakan. Jeti yang dimaksudkan adalah seperti **Foto 2.**

Foto 2

Jeti Yang Dibina Bersebelahan Kompleks Ko-Nelayan, Kudat

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 15 Januari 2004

c) Kewangan

Semakan Audit mendapati Projek Khas yang siap dilaksanakan telah dibayar sepenuhnya dan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap dan teratur oleh agensi pelaksana.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Projek Khas di Daerah Kudat telah mencapai matlamat yang ditetapkan dan kemudahan yang disediakan melalui projek ini telah dinikmati oleh golongan sasar.

iv) Daerah Kuala Penyu

Pada tahun 2003, Pejabat Daerah Kuala Penyu (termasuk Daerah Kecil Menumbok) telah menerima peruntukan berjumlah RM959,000 bagi 26 Projek Khas. Daripada jumlah tersebut,

empat Projek Khas berjumlah RM180,000 telah dipilih untuk tujuan pengauditan seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20

Senarai Projek Yang Dilawati Di Daerah Kuala Penyu

Bil.	Butiran Projek Yang Dilawati	Kos (RM)
1.	Membina baru *Box Concert* di simpang jalan menuju ke Kg. Tidong Kuala Penyu.	50,000
2.	Membaiki serta menabur batu kelikir jalan menuju ke Tanah Perkuburan Islam Kg. Jangkit sejauh 0.5 km.	35,000
3.	Membina baru jeti tambahan pendaratan ikan berukuran 80' x 6' dan pondok perhentian nelayan beratap berukuran 14' x 20' di Kg Laut Tengah, Menumbok.	50,000
4.	Membaik pulih jalan gravel Jalan Pengkalan Nelayan Kg Melikai sejauh 0.6 km x 3.3 m.	45,000

Sumber : Rekod Pejabat Daerah Kuala Penyu

Kesemua Projek Khas dilaksanakan melalui pelawaan sebut harga dan diuruskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga di Pejabat Daerah Kuala Penyu dan Pejabat Daerah Kecil Menumbok. Semakan Audit mendapati proses perolehan telah diurus dengan sempurna mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Berikut adalah penemuan Audit hasil semakan dan lawatan yang dijalankan:

a) Tempoh Siap Kerja

Semakan Audit mendapati Projek Khas yang telah siap dilaksanakan ada disediakan Laporan Pengesahan Kerja Siap. Bukti bergambar sebelum dan semasa kerja dijalankan serta selepas siap juga disertakan untuk menyokong laporan tersebut.

b) Mutu Kerja

Pemeriksaan Audit mendapati kerja telah dilaksanakan dengan baik dan memuaskan serta mematuhi spesifikasi

dan tempoh yang ditetapkan. Selain itu, projek yang dilaksanakan adalah menepati tujuan dan dapat dinikmati oleh golongan sasar. **Foto 3** menunjukkan salah satu projek iaitu jeti pendaratan ikan yang telah siap dibina.

Foto 3
Jeti Nelayan Yang Telah Siap Dibina
Di Kg. Laut Tengah, Menumbok

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 26 Disember 2003

c) Kewangan

Semakan Audit ke atas rekod kewangan mendapati 4 Projek Khas bernilai RM180,000 yang siap dilaksanakan telah dibayar sepenuhnya dan disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap oleh agensi pelaksana.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Projek Khas di Daerah Kuala Penyu telah mencapai matlamat yang ditetapkan dan kemudahan yang disediakan melalui projek ini telah dinikmati oleh golongan sasar.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Projek Khas adalah memuaskan kerana telah mencapai matlamat yang dirancang dan kemudahan yang disediakan telah dinikmati oleh golongan sasar. Bagaimanapun, proses pelaksanaan boleh dibuat dengan telus dan menjimatkan kos sekiranya tawaran kerja dijalankan mengikut peraturan perolehan yang berkuat kuasa. Bagi meningkatkan kawalan pelaksanaan, agensi pelaksana hendaklah menyediakan semua dokumen sokongan bagi membuktikan kerja telah dilaksanakan.

21.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan adalah penting bagi memastikan Projek Khas dijalankan dengan lancar dan sempurna. Pelaksanaan Projek Khas adalah dipantau melalui 2 peringkat seperti berikut:

21.3.1 Peringkat Jabatan Ketua Menteri

Bahagian Pengurusan Dan Kewangan adalah bertanggungjawab dan berperanan sebagai pemantau terhadap Projek Khas yang dijalankan oleh agensi pelaksana. Antara pemantauan yang dijalankan adalah seperti lawatan ke tapak pembinaan projek, mengenal pasti dan menyelia kemajuan projek dari segi fizikal dan kewangan. Bagaimanapun, satu Jawatankuasa Khas sebagai badan bebas yang diwakili oleh pelbagai agensi yang berkaitan masih belum diwujudkan. Jawatankuasa ini penting bagi menghasilkan laporan yang telus berhubung dengan pencapaian Projek Khas.

21.3.2 Peringkat Agensi Pelaksana

Pemantauan juga dibuat dengan mengarahkan agensi pelaksana supaya mematuhi semua peraturan kewangan semasa mengurus proses perolehan. Bagi Projek Khas yang telah siap, agensi pelaksana perlu mengemukakan Laporan Pengesahan Kerja Siap dengan bukti bergambar sebelum, semasa dan setelah kerja siap bagi setiap projek.

Agensi pelaksana juga dikehendaki mengemukakan Laporan Perbelanjaan Bulanan. Di samping Bahagian Pengurusan Dan Kewangan, agensi pelaksana juga bertanggungjawab menyelia kemajuan projek, menilai kualiti dan spesifikasi setiap projek.

Pada pandangan Audit, hasil tindakan pemantauan oleh Bahagian Pengurusan Dan Kewangan dan agensi pelaksana, semua Projek Khas yang dirancang dan dilaksanakan telah disempurnakan dengan mematuhi peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Bagaimanapun, pencapaian Projek Khas ini boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Jawatankuasa Khas Pemantauan diwujudkan.

22. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan Projek Khas ini telah dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan dan mencapai tujuannya kerana semua projek yang dilaksanakan telah dinikmati oleh golongan sasar. Selain itu, Projek Khas yang dilaksanakan pada tahun 2002 dan 2003 telah menyediakan sebahagian daripada kemudahan asas yang diperlukan terutamanya bagi penduduk luar bandar. Dari aspek pemantauan, koordinasi antara Bahagian Pengurusan Dan Kewangan dengan agensi pelaksana adalah memuaskan kerana telah bersama menjalankan tugas dan tanggungjawab secara berkesan. Bagaimanapun, tahap pencapaian boleh dipertingkatkan sekiranya Garis Panduan Pengendalian Projek Khas yang diluluskan oleh Ketua Menteri dapat diedarkan kepada semua agensi pelaksana sebagai panduan.

JABATAN PERHUTANAN SABAH

PENGURUSAN SUMBER DAN PEMULIHARAAN HUTAN

23. LATAR BELAKANG

Jabatan Perhutanan Sabah (Jabatan) yang beribu pejabat di Sandakan dipertanggungjawabkan untuk mengurus, mengawal dan memantau semua aktiviti berkaitan dengan pengurusan hutan Negeri. Negeri Sabah dengan keluasan 72,500 kilometer persegi, mempunyai keluasan tanah berjumlah 7.37 juta hektar dan 4.40 juta hektar daripadanya adalah dilitupi oleh hutan. Hutan Negeri Sabah kaya dengan sumber kayu yang bermutu tinggi seperti selangan batu, belian, kapur, keruing dan lain-lain lagi. Bagaimanapun, akibat aktiviti pembalakan yang kurang terkawal pada masa lalu maka kawasan hutan di Negeri Sabah semakin mengecil. Bagi mengatasi masalah ini, Pengurusan Hutan Mampan atau *Sustainable Forest Management* telah diperkenalkan dan dilaksanakan melalui kaedah *Forest Management Unit* (FMU). Kerajaan melalui Jabatan telah membahagikan hutan Negeri Sabah kepada 27 kawasan FMU. Kawasan FMU yang dikenal pasti untuk diurus bagi tujuan pengeluaran sumber dan pemuliharaan hutan secara berterusan adalah meliputi kawasan seluas 2.67 juta hektar iaitu kawasan hutan simpan kelas II bagi tujuan komersial. Pengurusan Hutan Mampan ini diurus dan diselaras oleh Unit FMU di Ibu Pejabat.

24. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan hutan melalui kaedah FMU yang diperkenalkan oleh Jabatan telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan cekap dan berkesan.

25. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini ditumpukan kepada pengurusan sumber dan pemuliharaan hutan di kawasan FMU bagi tempoh tahun 1997 hingga 2003. Sejumlah 4 daripada 27 kawasan FMU atau 15% telah dipilih untuk pemeriksaan semasa lawatan Audit. Kawasan tersebut adalah kawasan FMU8, FMU13, FMU14 dan FMU19. Pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa rekod, dokumen, fail dan surat perjanjian serta minit mesyuarat di peringkat Ibu Pejabat dan 4 Pejabat Perhutanan Daerah iaitu Daerah Tawau, Kalabakan, Keningau dan Nabawan. Selain itu, temu bual dengan Pegawai Perhutanan juga diadakan. Lawatan Audit telah dijalankan ke sebuah kilang dan 4 lapangan di kawasan FMU untuk melihat dan meneliti aktiviti yang dijalankan.

26. PENEMUAN AUDIT

26.1 PERANCANGAN

Kerajaan Negeri Sabah komited terhadap Pengurusan Hutan Mampan kerana pendapatan daripada sektor hutan merupakan salah satu sumber utama bagi pembangunan ekonomi Negeri. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah merancang beberapa langkah pemuliharaan untuk mengekalkan sumber hutannya.

26.1.1 Polisi Perhutanan

Kerajaan Negeri menerima pakai Dasar Perhutanan Negara untuk mengurus hutan secara lebih teratur sejajar dengan konsep Pengurusan Hutan Mampan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menetapkan polisi perhutanannya sendiri seperti berikut:

i) Menyediakan kawasan yang sesuai dan strategik sebagai Kawasan Hutan Kekal yang selaras dengan konsep guna tanah yang rasional bagi memastikan wujudnya kawasan hutan perlindungan (*protective forest*), hutan produktif (*productive forest*)

dan hutan ameniti iaitu kawasan hutan yang khas untuk tujuan rekreasi, pelajaran, penyelidikan dan kawasan hidupan flora dan fauna.

ii) Menguruskan Kawasan Hutan Kekal bagi mendapatkan faedah maksimum dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran bagi Kerajaan Negeri dan masyarakatnya selaras dengan prinsip Pengurusan Hutan Mampan.

iii) Menyediakan program pembangunan hutan melalui operasi regenerasi dan rehabilitasi selaras dengan praktis silvikultur bagi mencapai produktiviti yang maksimum dari Kawasan Hutan Kekal.

iv) Memastikan penggunaan sumber hutan yang efisien dari kawasan yang bukan termasuk dalam Kawasan Hutan Kekal dengan menyediakan perancangan koordinasi yang sempurna oleh agensi yang terlibat dalam pembangunan tanah untuk memberikan faedah yang maksimum kepada masyarakat melalui penuaian balak yang sempurna dan pemprosesan sumber berkaitan untuk industri tempatan.

v) Memperkenalkan penuaian balak efisien melalui pengeluaran semua lesen pembalakan dan menggalakkan pembangunan industri yang berasaskan kayu dengan memastikan pengeluaran kapasiti sumber kayu yang maksimum seterusnya menyediakan peluang pekerjaan dan mendapat keuntungan tukaran wang asing.

vi) Menyelaras dan menyokong tujuan pembangunan hutan melalui program penyelidikan intensif dari Kawasan Hutan Kekal bagi mencapai hasil langsung atau tidak langsung dari penuaian sumber balak dan penggunaannya untuk memaksimumkan pulangan kewangan dari pelaburan terhadap aktiviti pembangunan hutan.

26.1.2 Jawatankuasa Menteri

Pada akhir tahun 1995, Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan) telah ditubuhkan bagi tujuan memantapkan lagi pengurusan hutan Negeri. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri adalah merupakan Jawatankuasa tertinggi mengenai polisi perhutanan Negeri. Ahli Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan) terdiri daripada Ketua Menteri (Pengerusi), Setiausaha Hasil Bumi, Pengarah Hutan Negeri, Timbalan Pengarah Kanan Hutan Negeri dan Peguam Besar Negeri.

Tugas Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan) adalah untuk:

i) menyelia dan memantau pelaksanaan strategi berkaitan perhutanan yang dicadangkan untuk memastikan strategi pelaksanaan berjalan dengan teratur; dan

ii) mengkaji semula dasar perhutanan Negeri Sabah dari semasa ke semasa.

Semakan Audit selanjutnya mendapati Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan) tidak mengkaji dasar perhutanan Negeri tetapi telah meluluskan kawasan konsesi kepada syarikat untuk mengurus dan mengusahakan kawasan hutan Negeri iaitu dengan memperkenalkan *Sustainable Forest Management Licence Agreement.*

26.1.3 Objektif Jabatan Perhutanan

Selaras dengan dasar Kerajaan dan antarabangsa terhadap pengurusan hutan dan pembalakan yang terkandung dalam *International Tropical Timber Organization 2000* (ITTO Year 2000), Jabatan telah menetapkan 5 objektifnya iaitu:

i) memastikan pengurusan dan pembangunan hutan simpan adalah selari dengan prinsip hutan berkekalan;

ii) mengoptimumkan penggunaan/pengeluaran sumber hutan di samping mengekalkan faedah sosioekonomi Kerajaan Negeri;

iii) menggalakkan industri perhutanan yang cekap menggunakan sumber hutan sambil memastikan industri ini mengeluarkan sumber hutan jangka panjang;

iv) pendekatan yang intensif di dalam penyelidikan terhadap pengurusan hutan yang mampan; dan

v) mengekalkan kawasan hutan semulajadi yang sesuai untuk perlindungan serta memelihara keadaan sekeliling, sumber air, tanah dan biodiversiti.

Bagi tujuan pengurusan hutan yang cekap dan berkesan, Jabatan telah mengklasifikasikan hutan Negeri kepada 7 Kelas iaitu Kelas I hingga Kelas VII. Jenis kelas Hutan adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Jenis Kelas Hutan

Bil.	Kelas	Jenis	Tujuan
1	I	Hutan Perlindungan	Hutan yang dikekalkan untuk kestabilan iklim, tadahan air dan alam sekitar serta tidak boleh dibalak.
2	II	Hutan Komersial	Hutan untuk dibalak dan pengurusan hutan.
3	III	Hutan Domestik	Hutan untuk kegunaan tempatan.
4	IV	Hutan Ameniti	Hutan untuk kawasan rekreasi.
5	V	Hutan Bakau	Hutan untuk membekalkan kayu bakau.
6	VI	Hutan Dara	Hutan yang dikekalkan untuk penyelidikan dan tidak boleh dibalak.
7	VII	Hutan Perlindungan Hidupan Liar	Hutan untuk kawasan perlindungan hidupan liar dan tidak boleh dibalak.

Sumber: Jabatan Perhutanan

26.1.4 Sistem Pengurusan Hutan Mampan (*Sustainable Forest Management*)

Sistem Pengurusan Hutan Mampan di Negeri Sabah adalah berteraskan kepada 3 perkara berikut:

i) Ciri-ciri Sistem Pengurusan Hutan Mampan

Jabatan telah menyediakan kertas kerja mengenai ciri-ciri Pengurusan Hutan Mampan yang bersesuaian dengan polisi perhutanan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan). Antara ciri-ciri yang ditetapkan adalah:

a) menyediakan kawasan yang sesuai dan strategik sebagai Kawasan Hutan Kekal yang selaras dengan konsep guna tanah yang rasional bagi memastikan wujudnya hutan perlindungan, hutan produktif dan hutan ameniti.

b) mengurus Kawasan Hutan Kekal bagi mendapatkan faedah maksimum dari segi sosial, ekonomi dan persekitaran selaras dengan Pengurusan Hutan Mampan; dan

c) menyediakan program pembangunan hutan melalui regenerasi dan rehabilitasi bagi mencapai produktiviti maksimum dan memperkenalkan penuaian balak yang efisien.

ii) Penanda Aras Pengurusan Hutan Mampan

Pengurusan Hutan Mampan telah mula diperkenalkan pada tahun 1989 dengan bantuan Kerajaan Republik Jerman iaitu melibatkan Kawasan Hutan Simpan Deramakot, Sandakan. Keluasan hutan simpan ini adalah 55,083 hektar. Kawasan ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu bahagian pengeluaran (pembalakan) dan bahagian perlindungan (*reserve*) dengan keluasan masing-masing 51,029 hektar dan 4,054 hektar. Pada tahun 1997, Kawasan Hutan Simpan Deramakot telah mendapat pengiktirafan antarabangsa dari segi pengurusan hutan yang baik dan sempurna kerana sistem *Reduced-Impact-Logging* yang digunakan untuk membalak telah mengurangkan kesan kerosakan teruk pada permukaan tanah dan hutan. Pada tahun

2000, bantuan teknikal dari Republik Jerman ditamatkan dan kawasan Deramakot dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan. Oleh kerana pengiktirafan dan kejayaan pengurusan hutan Deramakot, Kerajaan telah menjadikan ia sebagai model untuk dilaksanakan ke seluruh hutan di Negeri Sabah.

iii) *Forest Management Unit* (FMU)

Kawasan hutan Negeri akan dibahagikan kepada 27 kawasan FMU. Untuk mencapai ciri-ciri Pengurusan Hutan Mampan, Kerajaan Negeri merencanakan perancangan terhadap semua kawasan FMU. Setiap kawasan FMU akan dibahagikan kepada beberapa bahagian kecil bersaiz antara 200 hingga 600 hektar yang dikenali sebagai Kompartmen. Perancangan terhadap kawasan FMU dibuat secara berperingkat untuk membentuk pengurusan hutan yang efektif.

26.1.5 Garis Panduan Pengurusan Hutan

Jabatan telah menyediakan 2 garis panduan seperti berikut:

i) Garis Panduan Pemantauan

Jabatan telah menyediakan garis panduan pemantauan sebagai rujukan untuk dilaksanakan oleh anggota Jabatan. Garis panduan ini adalah mengenai pengauditan, pemantauan dan pelaporan bagi aktiviti hutan yang dilaksanakan oleh pelesen. Selain itu, tugas Pegawai Perhutanan Daerah juga ditetapkan secara terperinci antaranya:

a) membuat lawatan mengejut;
b) menilai kaedah alam sekitar dan sosial;
c) menentukan syarat kontrak dipatuhi; dan
d) membantu pemegang lesen di samping memberi khidmat nasihat.

Selain itu, jadual pengauditan juga perlu dirangka dan disediakan untuk tempoh masa setahun iaitu selaras dengan masa rancangan tahunan yang dilaporkan oleh pelesen. Aktiviti pengauditan oleh Pegawai Perhutanan Daerah dan kakitangannya adalah berasaskan masa setahun. Ini adalah kerana maklumat dan penilaian aktiviti perhutanan dibuat berdasarkan *Compliance Report* dan *Annual Work Plan* yang diluluskan oleh Ibu Pejabat.

ii) Garis Panduan Penilaian Pencapaian

Jabatan ada menyediakan garis panduan untuk menilai pencapaian pelesen yang dilantik untuk mengurus hutan dengan kaedah FMU. Garis panduan tersebut dinyatakan dalam *Part IV, Sustainable Forest Management Guidelines.* Jabatan akan menjalankan pengauditan dan melaporkan tahap pematuhan terhadap semua syarat yang terkandung dalam perjanjian. Penilaian pencapaian dibahagikan kepada 3 kategori iaitu *High Achiever, Moderate Achiever* dan *Low Achiever*.

26.1.6 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan adalah melalui perjanjian konsesi iaitu meliputi sejumlah 27 kawasan FMU yang telah dikenal pasti. Setiap konsesi perlu menandatangani perjanjian lesen jangka panjang dengan Kerajaan Negeri. Perjanjian tersebut dikenali sebagai *Sustainable Forest Management Licence Agreement* dan dikuatkuasakan di bawah Seksyen 15(1) Enakmen Hutan 1968. Melalui perjanjian ini, pelesen dikehendaki mengurus hutan secara mampan bagi tujuan komersial selama lebih kurang 100 tahun.

Selain itu, pelesen perlu menyediakan Rancangan Pengurusan 10 Tahun yang meliputi perancangan aktiviti pengurusan hutan seperti silvikultur, rehabilitasi, penanaman semula, penyediaan tapak semaian, penuaian balak, pewujudan kawasan perlindungan dan pencegahan

kebakaran. Rancangan tersebut perlu merangkumi aspek pemantauan dan penilaian terhadap pencapaian dan prestasi pelesen, kepatuhan terhadap kesan alam sekitar (EIA) serta maklumat mengenai kualiti dan stok balak (tidak termasuk kayu bakau dan rotan).

26.1.7 Sasaran

Kerajaan Negeri berharap melalui kaedah FMU, Standard Perhutanan Kebangsaan iaitu mengekalkan sejumlah 50% daripada keluasan Negeri adalah dilitupi hutan akan tercapai. Oleh itu, Jabatan telah menyediakan Pelan Perancangan Hutan yang berasaskan 4 fungsi utama iaitu kawasan pengeluaran kayu balak, kawasan pemuliharaan, kawasan rekreasi dan kawasan perhutanan masyarakat. Jabatan juga mensasarkan kutipan hasil sejumlah RM75.61 juta bersamaan 1.27 juta m^3 balak pada tahun 2002 dan sejumlah RM89.11 juta bersamaan 1.30 juta m^3 balak pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, perancangan Jabatan telah mengambil kira beberapa faktor penting untuk mengurus hutan Negeri dengan mampan sejajar dengan Dasar Perhutanan Negara. Penanda aras yang akan diguna pakai adalah berasaskan model Deramakot yang diiktiraf sebagai memenuhi ciri-ciri pembalakan bersistematik pada peringkat antarabangsa.

26.2 PELAKSANAAN

Semakan Audit terhadap pelaksanaan kaedah FMU bagi mencapai Pengurusan Hutan Mampan adalah seperti berikut:

26.2.1 Pembahagian Kawasan FMU

Pada tahun 1997, Kerajaan Negeri Sabah telah melaksanakan sistem pengurusan hutan Deramakot di seluruh Negeri. Memandangkan kawasan perhutanan Negeri yang luas iaitu berjumlah 4.40 juta hektar,

maka kawasan perhutanan tersebut telah dibahagikan kepada 27 kawasan yang dinamakan *Forest Management Unit* (FMU). . Pada mulanya, di bawah konsep FMU, hanya terdapat 16 pelesen dengan kawasan Hutan Simpan seluas 2.26 juta hektar. Adalah didapati seluas 2.67 juta hektar hutan simpan kelas II telah dikenal pasti bagi tujuan komersial dan diswastakan kepada 21 pelesen untuk menguruskannya. Keluasan setiap kawasan FMU yang diserahkan adalah antara 4,047 hektar hingga 779,828 hektar setiap syarikat konsesi. Kedudukan kawasan FMU adalah seperti di **Peta 1**.

Peta 1
Kedudukan Kawasan FMU



Sumber : Jabatan Perhutanan Sabah

Pihak Audit berpendapat keluasan hutan Negeri dapat dikekalkan sekiranya sistem Pengurusan Hutan Mampan di Deramakot dilaksanakan di semua 27 kawasan FMU.

26.2.2 Pemilihan Syarikat

Beberapa kriteria telah ditetapkan bagi memilih syarikat yang akan menguruskan kawasan hutan dengan kaedah FMU. Antara kriteria utama adalah pelesen selaku rakan kongsi atau *active partner* hendaklah berminat dan mampu dari segi kewangan dan kemahiran untuk merealisasikan matlamat Pengurusan Hutan Mampan. Berdasarkan anggaran Jabatan, sejumlah RM35 juta adalah diperlukan bagi tempoh 10 tahun pertama sebagai pelaburan oleh setiap pelesen untuk mengurus dan membangunkan kawasan FMU. Selain itu, syarikat yang dipilih hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah saham syarikat yang dimiliki oleh Bumiputera Sabah.

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Menteri (Operasi Perhutanan) telah melantik 21 pelesen bagi mengusahakan 27 kawasan FMU. Bagaimanapun, hanya 16 pelesen sahaja yang menandatangani perjanjian iaitu 2 perjanjian lesen konsesi dengan tempoh 94 tahun dan 14 *Sustainable Forest Management Licence Agreement* (Perjanjian Lesen) bagi tempoh 100 tahun. Bagaimanapun, dua pelesen konsesi telah diarah dan bersetuju untuk mematuhi kaedah Pengurusan Hutan Mampan walaupun Perjanjian Lesen tidak dimeterai.

Pihak Audit tidak dapat menentukan bahawa pemilihan syarikat adalah menepati kriteria yang telah ditetapkan kerana rekod dan dokumen mengenai pemilihan syarikat yang disimpan oleh Ibu Pejabat Jabatan telah musnah akibat kebakaran tidak lama dahulu. Walau bagaimanapun, pihak Audit dimaklumkan bahawa salinan dokumen pemilihan syarikat berada di Pejabat Hasil Bumi. Namun, pihak Audit gagal mendapatkan salinan dokumen tersebut daripada pegawai di Pejabat Hasil Bumi. **Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memberi pandangan terhadap kewajaran pemilihan syarikat kerana dokumen berkaitan tidak dapat diperolehi.**

26.2.3 Perjanjian Lesen Konsesi

Syarat Perjanjian Lesen antara Kerajaan Negeri dengan pelesen yang ditandatangani pada tahun 1997 telah disemak dan diperakui oleh Pejabat Peguam Besar Negeri. Mengikut Perjanjian Lesen, pelesen dikehendaki mematuhi syarat tertentu, iaitu:

i) menjalankan aktiviti pembalakan teratur seperti yang terkandung dalam Pelan Pengurusan Hutan;

ii) mematuhi tatacara atau teknik pembalakan yang dinyatakan dalam Perjanjian Lesen;

iii) menanam semula pokok di kawasan yang telah habis dibalak;

iv) membayar royalti mengikut tempoh yang ditetapkan dan membayar denda sekiranya didapati melakukan kesalahan berkaitan penjagaan hutan;

v) menghantar pekerja untuk mengikuti latihan *Reduced-Impact-Logging* (RIL) yang dianjurkan oleh Jabatan; dan

vi) menyediakan kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik, kemudahan pendidikan dan kemudahan kesihatan.

Selain itu, kepentingan Kerajaan telah dinyatakan dengan jelas, antaranya mengenai kuasa Jabatan, jumlah Bon Pelaksanaan dan teknik serta syarat penebangan bagi mengurangkan kerosakan hutan akibat aktiviti pembalakan. Sebagai contoh, aktiviti pembalakan di tebing sungai, kawasan tadahan air dan kawasan berkecerunan melebihi 25^0 adalah dilarang sama sekali.

Pada pendapat Audit, syarat Perjanjian Lesen adalah melindungi kepentingan Kerajaan Negeri.

a) Bon Pelaksanaan

Berdasarkan Perjanjian Lesen, pelesen dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM5 juta bagi setiap lesen. Semakan Audit mendapati daftar ada diselenggarakan bagi

merekod semua Bon Pelaksanaan yang diterima untuk memudahkan pemantauan dibuat oleh Jabatan. Adalah didapati hanya 9 daripada 16 pelesen sahaja mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah RM5 juta setiap satu. Manakala 6 pelesen lagi hanya mengemukakan Bon Pelaksanaan berjumlah antara RM500,000 hingga RM1 juta dan satu syarikat tidak mengemukakan Bon Pelaksanaan. Selain itu, dua daripada 16 pelesen tersebut telah tamat tempoh Bon Pelaksanaan mereka dan belum memperbaharuinya kerana menunggu keputusan Kerajaan Negeri sama ada lesen mereka ditamatkan atau sebaliknya.

Pada pandangan Audit, Bon Pelaksanaan yang dibayar oleh syarikat konsesi hendaklah dikaji semula dengan mengambil kira keluasan kawasan yang ditawarkan. Ini bagi memberi keadilan kepada syarikat konsesi yang ditawarkan kawasan kecil.

b) Latihan *Reduced- Impact- Logging (RIL)*

Jabatan telah mengadakan kursus *Reduced-Impact-Logging (RIL)* pada tahun 1998 hingga 2000 dan dihadiri seramai 265 peserta yang terdiri daripada pekerja syarikat dan orang perseorangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kursus tersebut tidak ditawarkan lagi sejak tahun 2001 hingga 2003. Semakan lanjut Audit mendapati pelaksanaan sistem RIL ini masih belum diguna pakai sepenuhnya. Sebagai contoh, di kompartmen 17 dalam kawasan FMU8, permukaan tanah telah rosak teruk akibat penarikan balak yang tidak sempurna seperti **Foto 4.** Manakala **Foto 5** menunjukkan tanah berkeadaan baik di kawasan FMU13 kerana sistem RIL diamalkan sepenuhnya.

Foto 4
***Skid Trail* Yang Telah Rosak Akibat Penarikan Balak**
Kerana Sistem RIL Tidak Dilaksanakan Di FMU8

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 18 September 2003

Foto 5
Keadaan Jalan Yang Tidak Rosak Kerana
Sistem RIL Dilaksanakan Di FMU13

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 18 September 2003

Pada pandangan Audit, latihan RIL hendaklah diteruskan kerana masih ada syarikat konsesi yang belum melaksanakan sepenuhnya sistem RIL tersebut.

26.2.4 Penilaian Syarikat

Pemeriksaan Audit terhadap dokumen penilaian pencapaian 16 pelesen yang dikemukakan mendapati hanya 1 pelesen sahaja telah mematuhi semua syarat perjanjian dan dikategorikan sebagai *high achiever,* manakala 4 pelesen telah dikategorikan sebagai *moderate achiever* dan 10 sebagai *low achiever.* Sementara 1 pelesen lagi telah ditamatkan perjanjian kerana gagal mengemukakan Pelan Pengurusan Hutan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 111, Perjanjian Lesen.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan yang diusahakan oleh pelesen belum menampakkan keberkesanannya kerana daripada 16 pelesen yang mengusahakan kawasan FMU, hanya satu pelesen sahaja yang benar-benar komited dan mencatatkan pencapaian yang baik.

26.2.5 Prestasi Fizikal

Lawatan dan pemeriksaan Audit ke 4 kawasan konsesi telah dibuat untuk menentukan sama ada pelesen yang dilantik telah memenuhi kriteria 4 fungsi utama kawasan konsesi yang diusahakan iaitu mengadakan kawasan pengeluaran, kawasan pemuliharaan, kawasan rekreasi dan kawasan perhutanan masyarakat. Empat kawasan konsesi yang dilawati ialah FMU8, FMU13, FMU14 dan FMU19 yang diusahakan oleh 3 syarikat. Berikut adalah penemuan Audit:

i) Kawasan Pengeluaran

Kawasan pengeluaran merupakan kawasan hutan yang terpenting kerana semua aktiviti utama seperti pentadbiran

pelesen, penuaian, silvikultur, rehabilitasi, penanaman semula dan penyediaan tapak semaian tertumpu di sini.

a) Pentadbiran

Sebelum kerja penuaian, penanaman semula, silvikultur, rehabilitasi dan penyediaan tapak semaian, pelesen perlu menyediakan terlebih dahulu Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan. Hasil pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

- **Kawasan FMU8, FMU13 Dan FMU19**

  Semakan Audit terhadap dokumen yang dikemukakan mendapati pelesen bagi 3 kawasan FMU tersebut ada menyediakan Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan serta mendapat *Compliance Certificate* daripada Jabatan.

- **Kawasan FMU14**

  Semakan Audit mendapati selepas tahun ketiga dari tarikh perjanjian ditandatangani, pelesen terbabit masih gagal mengemukakan Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan kerana Jabatan tidak berpuas hati dengan Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan yang disediakan oleh syarikat konsesi. Hanya pada akhir tahun 2003 dan awal tahun 2004, Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan masing-masing telah diluluskan dan mendapat *Compliance Certificate* daripada Jabatan untuk membolehkan syarikat konsesi memulakan operasinya.

b) Kemudahan Asas

Pelesen juga adalah bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas seperti rumah pekerja, bekalan air dan elektrik, kemudahan kesihatan, kemudahan pendidikan bagi anak pekerja dan kemudahan komunikasi serta menyediakan *Certificate of Identification* kepada pekerja. Pihak Audit mendapati perkara berikut:

- **Kawasan FMU8, FMU13 Dan FMU19**

  Pemeriksaan Audit mendapati pelesen bagi kawasan FMU terbabit ada menyediakan kemudahan asas seperti air dan elektrik, kuarters bagi pekerjanya dan juga jalan untuk tujuan komunikasi. Selain itu, pelesen bagi FMU19 ada menyediakan kemudahan seperti rumah pekerja, gereja dan surau untuk kemudahan beribadat serta bilik seminar untuk tujuan taklimat sekiranya ada pelawat yang berkunjung. Bagaimanapun, kemudahan lain seperti kemudahan kesihatan dan kemudahan pelajaran seperti sekolah belum dibangunkan. Mengikut syarat perjanjian, pengecualian tidak dinyatakan. Bagaimanapun, menurut Pegawai Perhutanan, kemudahan tersebut tidak dapat disediakan antaranya disebabkan telah ada kemudahan sekolah tidak jauh daripada kawasan konsesi, Klinik Desa berdekatan dengan kawasan konsesi dan pihak konsesi sendiri mempunyai ubat-ubatan asas, kawasan konsesi tidak mempunyai penduduk atau keluarga yang ramai dan penubuhan sekolah dan klinik kesihatan melibatkan urusan dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan.

Temu bual Audit dengan Pegawai Perhutanan Daerah dan kontraktor yang dilantik oleh pelesen untuk membuat kerja di lapangan mendapati hanya 25 daripada 92 pekerja di FMU8 memiliki *Certificate of Identification*. Setelah mendapat teguran Audit, kontraktor terbabit telah memohon *Certificate of Identification* untuk 67 pekerjanya daripada Pejabat Perhutanan Daerah Nabawan.

Manakala temu bual dengan Pegawai Perhutanan dan pemeriksaan terhadap dokumen mendapati semua pekerja di FMU13 dan FMU19 ada disediakan *Certificate of Identification* dan kebanyakan pekerjanya adalah penduduk tempatan.

- **Kawasan FMU14**

  Pemeriksaan Audit mendapati pelesen terbabit belum menyediakan sebarang kemudahan kecuali kemudahan jalan untuk memasuki kawasan FMU14 ini kerana Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan baru diluluskan. Manakala temu bual dengan Pegawai Perhutanan Daerah mengesahkan tidak ada sebarang permohonan diterima daripada pelesen terbabit untuk *Certificate of Identification* bagi pekerjanya.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengkaji syarat mengenai penyediaan kemudahan asas terutama kemudahan kesihatan dan pelajaran. Antara langkah alternatif yang boleh diambil ialah syarikat konsesi perlu menyediakan kemudahan kenderaan untuk menghantar penduduk yang memerlukan rawatan dan

menghantar anak-anak penduduk ke sekolah. Kenderaan ini perlu beroperasi dan bersedia 24 jam.

c) Penuaian

Kawasan penuaian merupakan kawasan penebangan pokok balak yang mendapat kelulusan daripada Jabatan. Pemeriksaan Audit terhadap dokumen dan lawatan ke lapangan mendapati perkara berikut:

- **Kawasan FMU8**

  Sebanyak 5,369 pokok berjumlah 44,595.14 m^3 telah dituai sehingga bulan Ogos 2003. Bagaimanapun, semasa lawatan Audit, sebanyak 24 batang balak yang telah dituai masih berada di lapangan kompartmen 16 dan belum dibayar royalti selepas ditebang lebih kurang 2 bulan. Mengikut Perkara 102(i) dalam Perjanjian Lesen, royalti tersebut sepatutnya dibayar dalam tempoh 30 hari selepas ditebang.

- **Kawasan FMU13**

  Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 341 pokok berjumlah 855.17 m^3 telah dituai. Penuaian balak dijalankan dengan menggunakan sistem RIL sepenuhnya.

- **Kawasan FMU14**

  Kerja penuaian belum dimulakan kerana Pelan Pengurusan Hutan dan Pelan Kerja Tahunan masing-masing baru diluluskan pada akhir tahun 2003 dan awal tahun 2004.

- **Kawasan FMU19**

  Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 12,398 pokok berjumlah 29,830.95 m^3 telah dituai pada tahun 2002. Penuaian balak dijalankan dengan menggunakan sistem RIL sepenuhnya kerana tenaga buruh yang bekerja di lapangan adalah terlatih.

Pada pandangan Audit, sistem penuaian balak adalah memuaskan dan mematuhi sistem RIL. Manakala bagi balak yang dituai, Pegawai Perhutanan perlu memastikan royalti dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh penuaian.

d) Rawatan Silvikultur

Rawatan silvikultur adalah operasi yang melibatkan kerja pemotongan pepanjat dan tumbuh-tumbuhan yang memberi persaingan kepada pokok kayu komersial serta mengganggu pertumbuhan pokok tersebut seperti kayu pepanjat dan bambu yang menjalar, melilit dan boleh merosakkan kayu komersial.

- **Kawasan FMU8, FMU13 Dan FMU14**

  Pemeriksaan Audit mendapati kerja silvikultur belum bermula dan ini bercanggah dengan kehendak syarat perjanjian yang ditandatangani.

- **Kawasan FMU19**

  Lawatan Audit mendapati silvikultur dan regenerasi pokok ada diusahakan masing-masing dengan keluasan berjumlah 1,105.40 hektar dan 3,817 hektar.

Pada pandangan Audit, rawatan silvikultur kurang memuaskan kerana hanya 1 daripada 4 kawasan FMU yang dilawati telah mematuhi perancangan kerja tahunan yang ditetapkan.

e) Rehabilitasi

Rehabilitasi adalah merangkumi kerja seperti penyediaan tapak semaian, penanaman semula dan penyenggaraan pokok.

- **Kawasan FMU8**

  Pemeriksaan Audit mendapati kerja yang sedang berjalan tertumpu kepada penuaian balak sahaja. Manakala kerja penanaman semula dan penyediaan tapak semaian belum dimulakan.

- **Kawasan FMU13**

  Pemeriksaan Audit mendapati kerja penyediaan tapak semaian dan penanaman semula sedang berjalan. Bagi penanaman semula, seluas 65.09 hektar telah diusahakan iaitu melibatkan 13,011 pokok setakat bulan Jun 2003. Demikian juga tapak semaian 90,000 *seedlings* telah diusahakan. Manakala penyenggaraan pokok yang dijalankan melibatkan kawasan seluas 35.73 hektar.

- **Kawasan FMU14**

  Semua kerja rehabilitasi seperti penyediaan tapak semaian, penanaman semula dan penyenggaraan pokok belum bermula.

- **Kawasan FMU19**

  Pemeriksaan Audit mendapati kerja penanaman semula dan penyenggaraan pokok yang dijalankan adalah melibatkan kawasan seluas 3,269 hektar dan 3,391 hektar. Selain itu, pelesen juga menyediakan tapak semaian pokok untuk tujuan penanaman semula.

Pada pandangan Audit, proses rehabilitasi bagi 2 daripada 4 kawasan FMU yang dilawati telah dilaksanakan dengan baik.

f) Pembinaan/Penyenggaraan Jalan

Mengikut Perjanjian Lesen, pelesen konsesi dikehendaki membina dan menyenggara jalan utama dari kawasan penuaian mengikut ukuran dan keluasan yang diluluskan dalam peta kawasan.

- **Kawasan FMU8**

  Pemeriksaan Audit mendapati pelesen telah membaik pulih dan menyenggara jalan bagi jalan utama sejauh 35 km iaitu dari Temalasak ke Kilang Atlantik, jalan kedua sejauh 17 km iaitu dari kawasan penuaian di kompartmen 216 dan 218 ke jalan Temalasak dan jalan *feeder* sejauh 7 km di kompartmen yang sama. Bagaimanapun, *skid trails* yang dibina di FMU8 menunjukkan permukaan tanah telah rosak.

- **Kawasan FMU13**

  Pelesen sedang giat membaik pulih dan menyenggara jalan di sekitar kawasan FMU. Jalan

utama sejauh 25 km sedang dibaik pulih iaitu bagi Jalan Batu 71 hingga Batu 93. Penyenggaraan pula membabitkan Jalan Batu 71 dan sekitarnya sejauh 5 km. Bagi jalan kedua, pembaikpulihan jalan dilakukan di Jalan Batu 90 hingga Batu 93 sejauh 9 km dan jalan sekitar kompartmen 104 sejauh 6 km.

- **Kawasan FMU14**

  Pemeriksaan Audit mendapati jalan utama memasuki kawasan FMU ada dibina dan disenggara.

- **Kawasan FMU19**

  Pemeriksaan Audit mendapati jalan utama memasuki kawasan FMU ada dibina dan disenggara. Selain itu, pelesen juga membina jambatan besi sepanjang 8 kilometer yang merentasi Sg. Lokan dan menyenggara jalan kedua untuk memasuki setiap kompartmen.

Pada pandangan Audit, pembinaan dan penyenggaraan jalan telah dilaksanakan dengan memuaskan.

g) Perlindungan

Perlindungan yang dimaksudkan adalah pengawalan sempadan setiap kawasan FMU dan kompartmen yang telah diluluskan dalam Pelan Kerja Tahunan serta pengawalan dan pencegahan kebakaran hutan. Komponen perlindungan yang perlu disediakan adalah seperti *Fire Tower* dan pengumpulan data bagi *Fire Danger System*.

- **Kawasan FMU8**

  Pemeriksaan Audit mendapati pelesen telah mengenal pasti kawasan untuk pembinaan *Fire Tower* iaitu di Bukit Harimau. Bagaimanapun, kerja pembinaan *Fire Tower* dan pengumpulan data bagi *Fire Danger System* belum bermula.

- **Kawasan FMU13**

  Pemeriksaan Audit mendapati sempadan bagi kawasan FMU ada diwujudkan dan telah dibersihkan serta dilabelkan dengan cat iaitu 6,000 meter dengan sempadan Bugaya *Forest*. Selain itu, pembinaan *Fire Tower* sedang dijalankan dan pengambilan data hujan sebagai kajian *Fire Danger System* telah selesai.

- **Kawasan FMU19**

  Kemudahan mencegah kebakaran seperti *Fire Tower* ada disediakan oleh pelesen untuk mengatasi kes kecemasan kebakaran hutan.

Pada pandangan Audit, perlindungan tidak memuaskan kerana 2 daripada 4 kawasan FMU yang dilawati belum menyediakan kemudahan pencegahan kebakaran.

ii) Kawasan Pemuliharaan

Kawasan pemuliharaan merupakan kawasan yang dilindungi dan larangan terhadap semua aktiviti penuaian. Kawasan hutan yang terlibat adalah seperti kawasan yang mempunyai ketinggian tanah melebihi 25^0, kawasan tadahan air yang kritikal bagi melindungi sumber air dan mengelakkan hakisan tanah serta

kawasan hutan tempat hidupan liar dan spesis endemik. **Pihak Audit mendapati kawasan pemuliharaan telah diselia dengan baik serta pencerobohan tidak berlaku bagi 4 kawasan konsesi iaitu FMU8, FMU13, FMU14 dan FMU19.**

iii) Kawasan Rekreasi

Kawasan rekreasi merupakan kawasan yang mempunyai nilai estetik dan menjadi daya tarikan pelancongan seperti air terjun, pemandangan yang menarik dan sebagainya yang memiliki potensi rekreasi dan pembangunan eko-pelancongan. Di kawasan FMU8, FMU13 dan FMU19, kerja *exploration* untuk mengenal pasti kawasan menarik seperti gua, spesis flora dan fauna dan air terjun masih berjalan.

iv) Kawasan Perhutanan Masyarakat

Kawasan perhutanan masyarakat merupakan kawasan yang berhampiran dengan kawasan penempatan penduduk. Kawasan ini sesuai untuk komuniti tradisional seperti penghasilan rotan dan pengambilan madu lebah. Di kawasan FMU8, FMU13 dan FMU19, kawasan perhutanan masyarakat tidak wujud. Bagaimanapun, komuniti setempat telah mendapat peluang pekerjaan daripada kemajuan di setiap kawasan FMU tersebut. Sebagai contoh 5 orang penduduk dan komuniti setempat di FMU8 telah diupah sebagai *Gatemen.*

Pada pendapat Audit, tahap pematuhan pelesen terhadap syarat perjanjian perlu dipertingkatkan terutamanya berkaitan rawatan silvikultur dan aktiviti perlindungan.

26.2.6 Pungutan Hasil

Mengikut Perjanjian Lesen, penuaian balak tidak boleh melebihi jumlah yang dianggarkan dalam Pelan Kerja Tahunan. Bagaimanapun, adalah

didapati kutipan hasil sebenar yang dipungut dari kawasan FMU lebih tinggi berbanding anggaran. Pada tahun 2002 dan 2003, jumlah hasil royalti yang dikutip daripada 21 kawasan konsesi adalah masing-masing berjumlah RM196.58 juta dan RM259.76 juta. Hasil ini meningkat selari dengan peningkatan pengeluaran balak daripada 3.30 juta m^3 pada tahun 2002 menjadi 3.78 juta m^3 pada tahun 2003. Selain itu, hasil yang dipungut juga 1 hingga 3 kali lebih tinggi berbanding anggaran sejumlah RM75.61 juta pada tahun 2002 dan RM89.11 juta pada tahun 2003. Jumlah hasil yang dikutip daripada kawasan FMU bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 22.**

Jadual 22
Jumlah Kutipan Hasil Hutan Daripada Kawasan FMU

Jumlah Hasil (Royalti)				
Tahun	Anggaran		Sebenar	
	Volume (Juta M^3)	Jumlah (RM Juta)	Volume (Juta M^3)	Jumlah (RM Juta)
2001	1.21	72.04	1.93	115.09
2002	1.27	75.61	3.30	196.58
2003	1.30	89.11	3.78	259.76

Sumber: Rekod Jabatan Perhutanan Sabah

Pihak Audit berpendapat penuaian balak perlu mengikut Pelan Kerja Tahunan untuk mengelakkan pembalakan yang tidak terkawal.

26.2.7 Kilang

Pemeriksaan Audit ke kilang papan yang baru beroperasi selama 2 minggu di FMU8 mendapati lesen pekilang adalah sah dan mendapat kelulusan daripada Pejabat Perhutanan Daerah Nabawan. Kilang ini beroperasi di bawah seliaan seorang kakitangan Jabatan yang diberikan kemudahan tempat tinggal dan pejabat sementara oleh

pekilang. Kilang tersebut menempatkan 6 *Bandsaw* bersaiz 40 cm, tiga *Forklift* dan 1 traktor yang telah dilesenkan serta 40 pekerja. Bagaimanapun, seramai 35 daripada 40 pekerja kilang tersebut adalah pekerja asing.

Selain itu, kilang yang beroperasi ini gagal mematuhi peraturan Jabatan Alam Sekitar yang mana sisa kayu dibakar secara terbuka. Kilang tersebut juga tidak menyediakan tempat pembakaran sisa kayu (*chimney*). **Foto 6** berikut menunjukkan pembakaran terbuka yang dimaksudkan.

Foto 6
Pembakaran Sisa Kayu Secara Terbuka Di Kawasan FMU8

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 18 September 2003

Dari aspek penggiliran tugas renjer, Jabatan telah merangka jadual penggiliran tugas renjer setelah mendapat syor daripada pihak Audit. Tugas penggiliran ini adalah bagi menyelia kilang.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengawasi operasi kilang dengan rapi dan mengambil tindakan tegas jika melanggar peraturan atau syarat yang ditetapkan.

26.2.8 Penguatkuasaan

Tugas Pegawai Perhutanan Daerah selaku penguat kuasa di peringkat Daerah ada dinyatakan di dalam *Part IV, Sustainable Forest Management Guidelines*. Antaranya adalah:

i) membuat lawatan mengejut dan pengesahan terhadap aktiviti di kawasan FMU;

ii) memberi tumpuan kepada isu alam sekitar dan sosial melalui operasi perhutanan dan aktiviti yang memberikan kesan negatif kepada sosial dan alam semulajadi;

iii) merancang dan melaksanakan penambahbaikan bagi mencapai Pengurusan Hutan Mampan;

iv) menyelia terhadap perkara yang terkandung dalam Perancangan Pengurusan Hutan dan melaporkan perkara yang sebenar ke Ibu Pejabat; dan

v) membantu pelesen seperti rakan kongsi jangka panjang untuk mencapai Pengurusan Hutan Mampan.

Semakan Audit mendapati penguatkuasaan ada dijalankan di mana Pegawai Perhutanan Daerah selaku penguat kuasa ada menyediakan laporan suku tahunan berkenaan prestasi pelesen untuk dihantar ke Ibu Pejabat.

Pihak Audit berpendapat peranan dan tanggungjawab penguatkuasaan telah dinyatakan dengan jelas dalam Perjanjian Lesen.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Pengurusan Hutan Mampan oleh pelesen belum menampakkan keberkesanannya berdasarkan prestasi

semua pelesen. Selain itu, masih banyak perkara yang perlu diperbaiki seperti menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau pelaksanaan kaedah FMU, jawatankuasa penilaian prestasi yang melibatkan Ibu Pejabat dan semua Pegawai Perhutanan Daerah serta kakitangan Mukim yang terlibat secara langsung di lapangan, mengkaji semula pelesen dan membuat pemeriksaan berkala ke lapangan bersama dengan pelesen yang terlibat.

26.3 PEMANTAUAN

Jabatan dan Pejabat Hutan Daerah hendaklah menjalankan pemantauan yang berterusan terhadap kawasan pembalakan yang diluluskan. Ia bertujuan menentukan pelesen mematuhi semua peraturan yang ditetapkan.

26.3.1 Jawatankuasa Pemantau

Jabatan tidak mewujudkan satu jawatankuasa khas untuk memantau aktiviti pelesen terbabit di kawasan FMU seperti penanaman semula, penuaian balak, nurseri dan silvikultur.

26.3.2 Peringkat Ibu Pejabat

Pemantauan aktiviti oleh pelesen dilakukan melalui *Compliance Report* yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat. Selain itu, Jabatan juga telah menetapkan arahan kerja bagi setiap pegawai di peringkat cawangan bagi tujuan pemantauan terhadap aktiviti pelesen.

26.3.3 Peringkat Daerah

Pemantauan di peringkat Daerah dibuat melalui Laporan Suku Tahun dan dikemukakan ke Ibu Pejabat oleh Pejabat Perhutanan Daerah. Bagaimanapun, jadual lawatan kerja pemantauan tidak disediakan oleh setiap Daerah dan hanya berpandukan kepada Pelan Kerja Tahunan semata-mata. Akibat pemantauan yang kurang diberi penekanan, maka kelemahan yang berlaku seperti *abandon logging*

dan kayu tidak dibayar royaltinya, jalan dan *skid trails* yang tidak ditanda dan tidak dilaporkan kedudukan sebenar serta kilang yang beroperasi tanpa mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar tidak dapat dikesan dan dicegah dengan segera.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang sistematik dan berterusan amat penting bagi mengurangkan atau mengatasi kelemahan seperti yang dibangkitkan di atas. Selain itu, arahan kerja yang ada sepatutnya disampaikan dan dijadikan garis panduan semasa membuat pemeriksaan dan pemantauan di lapangan. Dengan adanya garis panduan, semua Pegawai Perhutanan Daerah dan anggota Mukim akan lebih memahami tanggungjawab masing-masing dan seterusnya merancang jadual lawatan yang teratur dan berkesan bagi memantau aktiviti yang dijalankan oleh pelesen dan pekilang.

27. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Jabatan Perhutanan Sabah khasnya dan Kerajaan Negeri amnya telah mengambil tindakan yang wajar bagi mengekalkan sumber hasil hutan Negeri melalui pendekatan Pengurusan Hutan Mampan dengan kaedah *Forest Management Unit* (FMU). Walaupun ada kelemahan yang dikenal pasti dan dinyatakan di atas, pelesen telah sanggup melaksana dan Jabatan pula telah membuat pemantauan sewajarnya bagi merealisasikan hasrat Kerajaan terhadap Pengurusan Hutan Mampan. Usaha, semangat dan kesungguhan Kerajaan dan pihak swasta bekerjasama membangunkan dan mengekalkan sumber hutan Negeri adalah dibanggakan. Bagi memperkemaskan lagi pengurusan sumber dan pemuliharaan hutan, adalah disyorkan supaya tindakan berikut diambil oleh Jabatan:

i) mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pelesen yang gagal melaksanakan FMU mengikut jadual;

ii) mengetatkan kawalan terhadap pelesen untuk menentukan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi dengan sepenuhnya;

iii) bagi menjamin kepentingan Kerajaan, semua pelesen harus mengemukakan Bon Pelaksanaan mengikut jumlah yang ditetapkan;

iv) mengkaji kemungkinan menamatkan perjanjian yang dikeluarkan kepada pelesen yang masih menunjukkan prestasi hambar dan kurang memuaskan;

v) membuat semakan semula terhadap perjanjian contohnya memasukkan syarat tempoh semakan semula perjanjian, keperluan dan kesesuaian membangunkan kemudahan pendidikan dan kesihatan serta alternatif lain yang perlu jika pelesen tidak berkemampuan membangunkan kemudahan tersebut; dan

vi) memandangkan sumber hutan merupakan salah satu hasil utama Kerajaan Negeri, Kerajaan perlu menimbang dengan serius keutamaan memberi kawasan pembalakan secara tender yang lebih menguntungkan Kerajaan Negeri berbanding secara pemberian terus.

JABATAN TANAH DAN UKUR

PELESENAN DAN PENGAWALAN OPERASI KUARI SWASTA

28. LATAR BELAKANG

Jabatan Tanah Dan Ukur Negeri Sabah (Jabatan) adalah bertanggungjawab mengeluarkan lesen serta mengenakan dan memungut cukai tambahan terhadap pengeluaran artikel tanah iaitu tanah, batu, pasir dan galian lain. Mengikut Seksyen 23 Ordinan Tanah Bab 68, pemilik tanah tidak berhak memindah artikel tanah daripada sempadan tanpa memperolehi kelulusan. Sebahagian besar pengeluaran dan pemindahan artikel tanah ini adalah daripada kuari.

Aktiviti kuari dilaksanakan di atas tapak tanah berhak milik atau hak milik Kerajaan. Bagi tahun 2001, pelesen kuari yang dibenarkan beroperasi adalah seramai 29 pelesen, pada tahun 2002 seramai 23 pelesen dan 16 pelesen pada tahun 2003. Kutipan hasil cukai tambahan atau royalti daripada operasi kuari bagi 3 tahun berkenaan adalah berjumlah RM2.54 juta. Kebanyakan penggunaan batu kuari adalah untuk keperluan pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan raya, bangunan dan jambatan.

29. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pelesenan dan pengawalan operasi kuari swasta dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

30. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti kuari bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pengauditan ini dijalankan di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah di Daerah Keningau dan Tuaran. Di peringkat Ibu Pejabat, semakan dijalankan terhadap

fail individu kuari iaitu 26 daripada pengusaha kuari yang sah laku lesennya sama ada pada tahun 2001, 2002 atau 2003 selain semakan terhadap rekod berkaitan kutipan hasil. Manakala di peringkat Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah, pemeriksaan Audit telah dilakukan di tapak 13 kuari di Daerah Keningau dan Tuaran. Pemeriksaan Audit juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat mengenai kuantiti keperluan batu kuari daripada penerima/pembeli keluaran kuari seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Selain itu, pihak Audit juga menemu bual pegawai Jabatan Tanah Dan Ukur untuk mendapat maklumat dan keterangan yang diperlukan.

31. PENEMUAN AUDIT

31.1 PERANCANGAN

Bagi merancang aktiviti pelesenan dan pengawalan kuari, Jabatan akan berpandukan kepada undang-undang dan peraturan serta garis panduan atau prosedur yang telah ditetapkan bagi memproses dan meluluskan permohonan lesen.

31.1.1 Perundangan Dan Peraturan

Jabatan mempunyai undang-undang dan peraturan bagi membolehkan Jabatan merancang aktiviti pengeluaran lesen dan pengawalan operasi kuari dengan berkesan.

i) Kebenaran Mengusahakan Kuari

Jabatan telah diberi mandat untuk mengeluarkan Lesen Pemindahan Bahan mengikut Seksyen 23, Ordinan Tanah Bab 68. Pengurusan kuari boleh mendapat lesen menerusi 2 kaedah berikut:

a) Pengurusan kuari yang akan mengusahakan kuari di tanah milik Kerajaan perlu mendapatkan Lesen Pendudukan

Sementara (TOL) dan seterusnya Lesen Pemindahan Bahan.

b) Pengurusan kuari di tanah milik persendirian perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan tukar/tambah syarat kegunaan tanah sebelum diluluskan Lesen Pemindahan Bahan.

ii) Kuasa Kutipan Hasil

Jabatan telah diberi kebenaran mengenakan caj bayaran terhadap operasi kuari. Perkara 3(3) Peraturan Tanah Sabah (*Sabah Land Rule*) memperuntukkan kebenaran mengutip bayaran menerusi Lesen Pemindahan Bahan manakala Seksyen 54 atau 70(2) Ordinan Tanah Bab 68 pula membenarkan Jabatan mengenakan cukai tambahan.

iii) Peraturan/Kaedah Pelaksanaan Kuari

Jabatan telah diperuntukkan kuasa memantau operasi kuari mengikut Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997 yang telah dilulus dan diwarta pada tahun 1998.

iv) Penguatkuasaan Dan Pendakwaan

Jabatan berhak mengambil tindakan mahkamah terhadap pengusaha kuari yang mengingkari peraturan yang dikuatkuasakan. Seksyen 168 Ordinan Tanah menyatakan, jika disabitkan kesalahan akan dikenakan penalti RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau keduanya sekali. Manakala mengikut Seksyen 23(1) Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997, kuasa diberikan kepada Inspektor Kuari untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pelesen kuari.

Pada pandangan Audit, peruntukan undang-undang dan peraturan yang ada adalah memadai untuk membolehkan Jabatan melaksanakan fungsinya. Bagaimanapun, kuasa untuk menyita

kawasan dan merampas peralatan/jentera sekiranya terdapat pengusaha kuari yang melanggari syarat dan peraturan tidak diperuntukkan dalam mana-mana perundangan atau peraturan yang diguna pakai oleh Jabatan.

31.1.2 Struktur Pengurusan

Struktur pengurusan kuari dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu di peringkat Menteri, Ibu Pejabat Jabatan dan Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah.

i) Peringkat Menteri

Menteri di Jabatan Ketua Menteri mempunyai kuasa penuh mengikut Perkara 3(2) Peraturan Tanah Sabah terhadap pemberian Lesen Pemindahan Bahan kepada pengusaha kuari. Setiap permohonan yang lengkap akan dikemukakan kepada Menteri menerusi Setiausaha Hasil Bumi bagi tujuan kelulusan lesen dan menetapkan syarat lesen. Menteri juga berhak mengecualikan apa-apa bayaran terhadap pengusaha kuari.

ii) Peringkat Ibu Pejabat

Di peringkat ini, ada 3 Bahagian yang terlibat dengan pengurusan kuari iaitu Bahagian Galian, Bahagian Penilaian dan Unit Penguatkuasaan. Tanggungjawab dan peranan ketiga Bahagian/Unit tersebut adalah seperti berikut:

a) Bahagian Galian

Bahagian Galian diketuai oleh Penguasa Tanah Dan Ukur (Gred J48). Bahagian ini bertanggungjawab memproses permohonan kuari setelah menerima permohonan lengkap daripada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah, menjalankan pemantauan operasi kuari, meneliti Laporan Setengah Tahun Keluaran Batu daripada pengusaha kuari

dan menuntut bayaran cukai tambahan terhadap lebihan keluaran batu daripada had yang ditetapkan.

b) Bahagian Penilaian

Bahagian Penilaian yang diketuai oleh Ketua Pegawai Penilaian (Gred W48) bertanggungjawab untuk menetapkan kadar bayaran cukai tambahan tahunan berdasarkan jumlah keluaran bahan batu yang ditetapkan.

c) Unit Penguatkuasaan

Unit Penguatkuasaan yang diketuai oleh Penguasa Tanah Dan Ukur (Gred J48) bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan terhadap pematuhan peraturan oleh pelesen. Seterusnya, tindakan mahkamah akan diambil jika pelesen terus mengingkari peraturan yang ditetapkan.

iii) Peringkat Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah

Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah (Pejabat) akan memproses permohonan untuk mengusahakan kuari di peringkat Daerah dan memastikan dokumen permohonan adalah lengkap berserta ulasan/komen daripada Agensi/Jabatan Kerajaan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah sebelum dikemukakan kepada Ibu Pejabat Jabatan untuk proses selanjutnya. Pejabat akan mengeluarkan Lesen Pemindahan Bahan mengikut Seksyen 23 Ordinan Tanah Bab 68, mengutip deposit dan bayaran cukai tambahan tahunan setelah permohonan diluluskan dan Surat Tawaran telah ditandatangani. Selain itu, Pejabat juga bertanggungjawab mengemukakan Laporan Merinyu kepada Ibu Pejabat termasuk aktiviti kuari yang dijalankan di Daerah masing-masing.

31.1.3 Garis Panduan

Jabatan ada menyediakan garis panduan bagi menerangkan prosedur dan proses permohonan mengusahakan kuari supaya setiap pegawai Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah dapat melaksanakan tugas dengan berkesan dan teratur. Garis panduan dikeluarkan pada bulan Julai 2003 dan telah diedarkan kepada semua 23 Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah untuk diguna pakai dalam urusan pemprosesan permohonan mengusahakan kuari. Garis panduan tersebut antaranya mengandungi beberapa perkara seperti jenis kelulusan, maklumat yang perlu disediakan oleh pemohon, tanggungjawab Pejabat Tanah dan carta aliran kerja. Adalah didapati perkara seperti kelayakan pemohon, tanggungjawab pengusaha kuari, peraturan penjagaan alam sekitar dan kadar bayaran tidak dinyatakan dalam garis panduan berkenaan. Bagaimanapun, tindakan sedang diambil oleh Jabatan untuk mengemas kini garis panduan tersebut.

Pada pandangan Audit, garis panduan yang sedang diguna pakai adalah kurang lengkap dan perlu dikaji semula kerana perkara seperti kelayakan pemohon, tanggungjawab pengusaha kuari, penjagaan alam sekitar dan kadar bayaran perlu dinyatakan dengan jelas.

31.1.4 Prosedur Permohonan Dan Kelulusan Lesen

Permohonan mengusahakan kuari akan diproses di 2 peringkat seperti berikut:

i) Peringkat Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah

Permohonan secara bertulis akan dikemukakan kepada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah (Pejabat) masing-masing bersama dengan cadangan projek kuari. Pejabat akan memaparkan notis sekurang-kurangnya sebulan untuk tujuan menerima sebarang bantahan orang awam atau pihak yang

berkepentingan terhadap cadangan tapak kuari tersebut. Jika tidak ada sebarang bantahan, maka Pejabat akan mengemukakan cadangan projek kuari kepada beberapa Agensi Kerajaan untuk mendapatkan komen teknikal. Antara Agensi tersebut adalah Juruukur Daerah, Jabatan Konservasi Alam Sekitar Negeri, Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia (Sabah) dan lain-lain Agensi berkaitan. Permohonan kuari di tapak tanah hak milik Kerajaan akan melalui proses kelulusan daripada Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Jawatankuasa ini akan bermesyuarat setiap 3 bulan. Permohonan yang lengkap akan diajukan ke Ibu Pejabat untuk proses kelulusan selanjutnya.

ii) Peringkat Ibu Pejabat

Bahagian Galian akan meneliti dan memproses permohonan dan seterusnya merujuk kepada Bahagian Penilaian bagi menetapkan kadar bayaran operasi kuari. Permohonan tersebut selanjutnya dikemukakan kepada Setiausaha Hasil Bumi berserta syarat tawaran untuk mendapatkan kelulusan Menteri. Juruukur Berlesen akan dilantik untuk menjalankan kerja pengukuran terhadap cadangan tapak kuari. Surat tawaran kebenaran mengusahakan kuari akan dikeluarkan setelah segala proses dijalankan dan setelah mendapat kelulusan Pengarah Jabatan. Pemohon dikehendaki menandatangani surat tawaran sebagai tanda persetujuan terhadap kadar bayaran dan syarat yang ditetapkan. Bayaran cukai tambahan bagi tahun pertama dan deposit perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah mengeluarkan Lesen Pemindahan Bahan. Mengikut Piagam Pelanggan, pengeluaran Lesen Pemindahan Bahan akan diproses dalam tempoh 6 bulan iaitu tertakluk kepada semua dokumen adalah teratur dan mematuhi syarat Ordinan Perlombongan 1960 serta keperluan/peraturan perundangan yang berkaitan.

Pada pendapat Audit, tatacara permohonan mengusahakan kuari adalah kurang lengkap kerana tempoh masa tidak ditetapkan bagi setiap peringkat proses permohonan lesen sehingga ke tahap kelulusan lesen. Jabatan hanya menetapkan masa selama 6 bulan untuk memproses permohonan kuari di peringkat Ibu Pejabat manakala tempoh pemprosesan di peringkat Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah tidak dinyatakan dengan jelas.

31.1.5 Kadar Cukai Tambahan

Cukai tambahan ditetapkan berdasarkan kelulusan Kabinet pada bulan September 1964 dan disusuli dengan Surat Pekeliling Setiausaha Hasil Bumi pada bulan September 1965. Arahan ini berkuat kuasa pada tahun 1966 dan kadar cukai tambahan ditetapkan pada kadar 5% daripada anggaran had minima batu kuari. Bahagian Penilaian bertanggungjawab menetapkan kadar bayaran tahunan cukai tambahan oleh pengusaha kuari berpandukan kepada arahan Surat Pekeliling Setiausaha Hasil Bumi tersebut.

Pada pandangan Audit, arahan penetapan kadar cukai tambahan adalah kurang jelas kerana tidak dinyatakan sama ada cukai dikenakan pada harga pasaran batu kuari atau pada lain-lain harga.

31.1.6 Jawatankuasa Permohonan Dan Pemantauan Kuari

Jawatankuasa permohonan di peringkat Daerah ada ditubuhkan dan dikenali sebagai Jawatankuasa Penggunaan Tanah Daerah. Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah atau Pegawai Daerah, Jabatan Konservasi Alam Sekitar, Majlis Daerah, Jabatan Pengairan Dan Saliran dan lain-lain Jabatan Kerajaan berkaitan. Jawatankuasa ini bermesyuarat 3 bulan sekali bagi membincangkan mengenai permohonan penggunaan tanah hak milik Kerajaan termasuk permohonan mengusahakan kuari di

Daerah masing-masing. Bagaimanapun di peringkat Ibu Pejabat, Jawatankuasa Teknikal Galian hanya ditubuhkan secara *ad hoc* bagi tujuan tersebut.

Pada pandangan Audit, Jawatankuasa Teknikal Galian perlu diwujudkan secara formal untuk memantau operasi kuari.

31.1.7 Kajian Awal Sumber Dan Permintaan

Semakan Audit mendapati Jabatan tidak membuat kajian awal mengenai sumber dan permintaan batu kuari bagi membolehkan perancangan dibuat untuk mengawal pengeluaran bahan batu dan bagi memenuhi permintaan berdasarkan keperluan projek pembangunan infrastruktur. Kajian ini juga adalah perlu kerana batu kuari merupakan sumber asli yang terhad dan keupayaan Jabatan memenuhi permintaan bagi pembangunan infrastruktur hendaklah diberi keutamaan di samping menyumbang kepada kutipan hasil. Berikut adalah maklumat yang perlu diperolehi bagi tujuan kajian awal tersebut:

i) Sumber Dan Lokasi

Jabatan perlu menyelenggara rekod dan maklumat mengenai sumber asli (artikel tanah) seperti batu di seluruh Negeri Sabah. Maklumat tersebut perlu menunjukkan lokasi/kawasan berpotensi mengandungi bahan batu mengikut jenisnya dan anggaran jumlah rizab batu. Maklumat seumpama ini tidak diselenggarakan/diperolehi oleh Jabatan. Adalah difahamkan Jabatan Mineral Dan Geosains Malaysia telah melantik sebuah firma konsultan untuk menjalankan Kajian Projek Perindustrian Pengkuarian. Namun laporan lengkap kajian tersebut masih belum dikeluarkan. Bagaimanapun, Jabatan masih boleh mendapatkan maklumat mengenai lokasi bahan batu dan jenisnya di Negeri Sabah seperti di **Peta 2** daripada Jabatan Mineral Dan

Geosains (Sabah). Jenis batu yang terdapat di Negeri Sabah adalah terdiri daripada *sandstone, limestone, granodiorite, basalt, andesite, serpentinite, peridotite* dan *river gravel*. Bagaimanapun, jumlah rizab batu kuari di seluruh Negeri Sabah tidak dapat diperolehi.

Peta 2
Lokasi Batu Mengikut Jenis Di Negeri Sabah



Sumber: Fail Rekod Jabatan Mineral Dan Geosains (Sabah) Malaysia

ii) Keperluan/Permintaan

Jabatan perlu menyelenggara rekod dan maklumat mengenai keperluan batu kuari bagi kegunaan pembangunan infrastruktur di seluruh Negeri Sabah. Maklumat ini boleh diperolehi daripada beberapa pengguna utama iaitu Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah, Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak swasta. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan hanya menentukan jumlah keperluan batu kuari berdasarkan permohonan lesen kuari secara a*d hoc* sahaja. Ini adalah kerana Jabatan tidak menyelenggara maklumat mengenai jumlah keperluan semasa dan jangka panjang batu kuari.

Pada pandangan Audit, kajian awal sumber dan permintaan batu perlu dijalankan. Hasil daripada pengumpulan maklumat tersebut membolehkan analisis dibuat terhadap bekalan dan permintaan batu kuari. Penyesuaian antara jumlah bekalan dengan jumlah permintaan batu kuari perlu dibuat agar dapat menentukan jumlah lesen kuari dan jumlah kuantiti batu kuari yang perlu dikeluarkan/diluluskan. Kaedah ini bukan sahaja dapat mengawal tahap harga pasaran batu tetapi juga dapat meningkatkan pengurusan sumber asli ke tahap yang optima.

31.1.8 Keperluan Tenaga Kerja

Keperluan tenaga kerja ada dirancang oleh Jabatan. Jabatan merancang untuk menyusun semula Bahagian Galian dengan menambah kakitangan seramai 42 orang lagi di samping 7 kakitangan sedia ada. Jawatan yang diperlukan adalah Penolong Pengarah Galian (J52), Pegawai Kaji Bumi (C41), Penolong Juruukur Daerah (J32) dan sebagainya. Tambahan kakitangan ini bertujuan untuk meningkatkan aktiviti penguatkuasaan yang diperuntukkan di bawah Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997 dan Enakmen Mineral Negeri No.6 Tahun 1999.

31.1.9 Keperluan Logistik

Keperluan logistik ada dirancang dan memerlukan perbelanjaan berjumlah RM632,000 iaitu penambahan 2 buah kenderaan, peralatan seperti kamera digital dan *Hand-Held GPS* serta kelengkapan pejabat lain seperti komputer dan sebagainya. Cadangan ini selaras dengan penyusunan semula Bahagian Galian dan tambahan kakitangan.

31.1.10 Program Penguatkuasaan

Jabatan tidak menyediakan suatu program penguatkuasaan yang khusus untuk melaksanakan pemeriksaan operasi kuari di Negeri Sabah. Pemeriksaan penguatkuasaan hanya akan dijalankan berdasarkan aduan orang awam atau secara *ad hoc*.

31.1.11 Sasaran Pungutan Hasil

Kerajaan Negeri akan memperolehi hasil daripada Lesen Pemindahan Bahan dan cukai tambahan yang dikenakan terhadap pengusaha kuari. Berikut adalah sasaran pungutan hasil Jabatan:

i) Lesen Pemindahan Bahan

Jabatan menjangka akan memungut hasil daripada pengeluaran Lesen Pemindahan Bahan masing-masing sejumlah RM80,000 pada tahun 2001, RM60,000 pada tahun 2002 dan RM51,000 pada tahun 2003. Anggaran bayaran lesen ini juga termasuk lesen pengeluaran artikel tanah yang lain seperti pasir, tanah dan lain-lain kecuali petroleum.

ii) Cukai Tambahan

Pada tahun 2003, Jabatan menganggarkan hasil daripada cukai tambahan terhadap keluaran bahan batu berjumlah RM0.60 juta berbanding tahun 2001 dan 2002 masing-masing berjumlah RM1.57 juta dan RM0.95 juta. Sasaran pungutan ini adalah berdasarkan lesen yang telah diluluskan dan jumlah had minima keluaran batu (per ela padu) tahunan.

Pada pandangan Audit, perancangan pelesenan dan pengawalan aktiviti kuari adalah tidak menyeluruh. Tiada perancangan dibuat mengenai pengurusan sumber batu kuari di mana jumlah rizab yang sedia ada dan keperluan semasa serta jangka panjang tidak ditentukan. Sebaliknya keperluan batu kuari hanya berdasarkan permohonan lesen sahaja. Bagaimanapun, perancangan untuk menambah kakitangan dan keperluan logistik adalah memuaskan.

31.2 PELAKSANAAN

Bagi mencapai matlamat sesuatu program atau aktiviti, aspek pelaksanaan hendaklah mengikut perancangan yang sistematik. Semakan Audit mendapati:

31.2.1 Proses Permohonan Dan Kelulusan Lesen

Jabatan ada menyediakan garis panduan mengenai prosedur dan proses kelulusan permohonan lesen kuari tetapi garis panduan tersebut tidak lengkap kerana kelayakan pemohon tidak ditetapkan. Selain itu, beberapa garis panduan sedia ada juga tidak dipatuhi seperti berikut:

i) Pelan/Kertas Kerja Kuari

Menurut Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997, Pelan/Kertas Kerja Kuari (Skim Kuari) hendaklah dikemukakan dan surat kelulusan bertulis daripada Ketua Inspektor Kuari hendaklah diperolehi sebelum kerja kuari boleh dimulakan. Pelan/Kertas Kerja Kuari tersebut perlu mengandungi beberapa perkara antaranya adalah kenyataan mengenai cadangan projek, kos, pelan pelaksanaan, kaedah dan mesin pengeluaran, bilangan pekerja dan lain-lain. Pemeriksaan Audit mendapati 7 daripada 26 permohonan oleh pengusaha kuari berlesen tidak mengemukakan Pelan/Kertas Kerja Kuari kepada Jabatan.

ii) Laporan Kesan Alam Sekitar [*Environment Impact Assessment* (EIA)]

Penilaian impak alam sekitar terhadap projek kuari perlu dijalankan terlebih dahulu sebelum kerja kuari dimulakan. Ini adalah selaras dengan kehendak Enakmen Perlindungan Alam Sekitar yang telah dikuatkuasakan pada tahun 1998. Laporan EIA dan komen teknikalnya hendaklah diambil kira sebagai sebahagian daripada syarat kelulusan permohonan. Pemeriksaan

Audit mendapati sejumlah 20 pelesen kuari yang beroperasi antara tahun 2001 hingga 2003 tidak mempunyai laporan EIA sebelum kelulusan Lesen Pemindahan Bahan dikeluarkan.

iii) Kriteria Kelayakan Pemohon

Jabatan tidak menetapkan kriteria kelayakan pemohon sebagai salah satu asas pertimbangan bagi meluluskan permohonan mengusaha kuari. Sebagai contoh, kemampuan kewangan pemohon tidak diselidik sebelum meluluskan permohonan. Ini menyebabkan ada pengusaha yang diberi tawaran kebenaran mengusaha kuari enggan menandatangani tawaran tersebut dan membayar deposit atau cukai tambahan. Semakan Audit mendapati 4 tawaran kebenaran mengusaha kuari dilanjutkan setelah tempoh sah laku tawaran tamat kerana pemohon tidak berkemampuan membayar deposit yang ditetapkan oleh Jabatan. Manakala 1 pelesen telah memberhentikan operasi kuari dan gagal membayar cukai tambahan tahun pertama.

Pada pandangan Audit, prosedur permohonan dan kelulusan lesen perlu dikaji semula iaitu dengan memasukkan kriteria kelayakan pemohon lesen kuari. Di samping itu, Jabatan perlu tegas supaya pelesen mengemukakan Pelan/Kertas Kerja Kuari dan Laporan Kesan Alam Sekitar untuk memastikan bahawa operasi kuari dilaksanakan dengan cekap dan selamat serta melindungi alam sekitar.

31.2.2 Prestasi Pemprosesan Lesen

Permohonan Lesen Pemindahan Bahan sama ada pembaharuan lesen atau permohonan baru akan melalui proses yang sama dan tempoh pemprosesan adalah seperti yang dinyatakan pada Piagam Pelanggan Jabatan. Piagam Pelanggan Jabatan menetapkan proses pengeluaran permit/lesen adalah dalam tempoh 6 bulan tertakluk kepada semua

dokumen adalah teratur dan mematuhi Ordinan Perlombongan 1960 serta undang-undang/peraturan yang lain. Pembaharuan lesen pula hendaklah dibuat 6 bulan sebelum tamat tempoh lesen. Semakan Audit terhadap 26 fail pelesen menunjukkan kelulusan lesen mengambil masa antara 3 hingga 59 bulan. Bagaimanapun, Jabatan tidak menyelenggara Daftar Permohonan yang lengkap untuk merekod semua permohonan yang diterima dan kedudukan terkini setiap permohonan.

Semakan Audit mendapati antara sebab kelewatan pengeluaran lesen adalah kerana ia tertakluk kepada kelulusan daripada Setiausaha Hasil Bumi dan komen teknikal daripada beberapa Jabatan/Agensi Kerajaan yang lain. Selain itu, permohonan yang tidak disertakan dokumen yang lengkap dan tidak mengikut syarat serta kelewatan pihak Jabatan sendiri juga antara sebab permohonan lewat diproses. **Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu menyelenggara Daftar Permohonan yang lengkap dan mengambil tindakan untuk mengatasi kelewatan pengeluaran lesen. Ini kerana kelewatan mengeluarkan lesen boleh mengakibatkan kuari beroperasi tanpa lesen.**

31.2.3 Kadar Bayaran Lesen Dan Cukai Tambahan

Pada dasarnya, ada 2 jenis bayaran yang perlu dijelaskan oleh pengusaha kuari iaitu bayaran Lesen Pemindahan Bahan dan cukai tambahan.

i) Bayaran Lesen Pemindahan Bahan

Kadar bayaran Lesen Pemindahan Bahan adalah RM5 sebulan bagi setiap pekerja dan kadar ini telah diguna pakai sejak tahun 1930 lagi. Ini adalah kerana pada masa itu, penggunaan tenaga manusia merupakan pilihan terbaik. Bagaimanapun, pada masa kini penggunaan jentera berat adalah lebih praktikal dan telah digunakan secara meluas bagi menggantikan tenaga manusia.

Oleh itu, kadar Lesen Pemindahan Bahan berdasarkan bilangan pekerja adalah tidak praktikal lagi. Kadar ini perlu disemak semula dan disesuaikan dengan keadaan semasa.

ii) Kadar Cukai Tambahan

Kadar cukai tambahan RM0.35 satu ela padu yang telah diguna pakai sejak tahun 1966 adalah bersamaan dengan 5% daripada harga pasaran antara RM7 hingga RM8. Semakan Audit terhadap pasaran batu kuari pada masa kini mendapati harga bagi satu ela padu batu meningkat antara RM20 hingga RM30. Jika berasaskan harga ini, cukai tambahan yang patut dikenakan adalah antara RM1 hingga RM1.50 satu ela padu. Oleh itu, kadar cukai tambahan juga tidak realistik kerana tidak mengambil kira harga pasaran. Pihak Audit juga mendapati kadar cukai tambahan (royalti) yang dikenakan oleh beberapa Negeri di Semenanjung seperti Kelantan, Perak dan Johor adalah antara RM1 hingga RM2 satu tan metrik atau RM2.02 hingga RM4.04 bagi satu ela padu keluaran batu (1 ela padu bersamaan dengan 2.018 tan metrik).

Pada pandangan Audit, penyemakan semula untuk menaikkan kadar bayaran cukai tambahan adalah perlu selaras dengan kedudukan harga pasaran semasa.

31.2.4 Syarat Lesen Pemindahan Bahan

Pengusaha kuari adalah dikehendaki mematuhi syarat lesen kuari antaranya menjelaskan bayaran deposit dan menyerahkan Laporan Setengah Tahun Keluaran Batu. Penyerahan Laporan kepada Jabatan adalah bertujuan memantau jumlah pengeluaran batu mengikut had keluaran yang telah ditetapkan. Keluaran batu melebihi had yang ditetapkan akan dikenakan cukai tambahan berdasarkan lebihan keluaran tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 17

daripada 26 pengusaha kuari berlesen gagal menyerahkan Laporan tersebut. **Pada pandangan Audit, Laporan ini perlu dikemukakan agar cukai tambahan terhadap lebihan keluaran batu dapat dikutip di samping mengawal pengeluaran batu tanpa had.**

31.2.5 Insurans Pekerja

Insurans pekerja adalah bertujuan melindungi pekerja daripada apa-apa kemalangan yang mengakibatkan kecederaan badan yang serius dan pekerja akan memperolehi pampasan/ganti rugi akibat kemalangan tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati Jabatan tidak ada mensyaratkan pengusaha kuari supaya menyediakan perlindungan insurans pekerja. Oleh yang demikian, pekerja kuari tidak dilindungi insurans sekiranya berlaku kemalangan semasa bertugas. **Pada pandangan Audit, kelulusan lesen hendaklah mensyaratkan pengusaha mengambil perlindungan insurans pekerja mereka. Ini adalah bertujuan menjamin kebajikan pekerja kuari diambil perhatian oleh pengusaha kuari.**

31.2.6 Prestasi Kutipan Cukai Tambahan

Pada tahun 2001 hingga 2003, kutipan hasil daripada cukai tambahan batu kuari adalah masing-masing berjumlah RM1.15 juta, RM0.95 juta dan RM0.44 juta. Penurunan hasil ini adalah selari dengan penurunan jumlah lesen kuari yang dikeluarkan pada tahun-tahun berkenaan iaitu daripada 29 lesen pada tahun 2001 menjadi 23 pada tahun 2002 dan 16 pada tahun 2003.

Penurunan hasil ini adalah disebabkan kegagalan Jabatan meluluskan lesen dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh permohonan lesen iaitu tertakluk kepada semua dokumen adalah teratur dan mematuhi syarat Ordinan Perlombongan 1960 serta keperluan/peraturan perundangan yang berkaitan. Akibat kegagalan tersebut, Jabatan gagal mengutip hasil seperti yang dianggarkan. **Pada pandangan Audit, prestasi**

kutipan hasil boleh dipertingkatkan lagi jika kelewatan pengeluaran lesen dapat ditangani di samping menggandakan tindakan penguatkuasaan terhadap peraturan yang ditetapkan.

31.2.7 Keperluan Perundangan Dan Peraturan

i) Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997

Peraturan di bawah Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997 telah diluluskan dan diwartakan pada tahun 1998 tetapi sehingga kini peraturan tersebut masih belum dikuatkuasakan. Ini adalah kerana pelantikan Ketua Inspektor Kuari oleh Menteri masih belum dilaksanakan disebabkan kegawatan ekonomi pada ketika itu. Kegagalan melantik Ketua Inspektor Kuari menyebabkan Kaedah Tanah (Kuari) tidak boleh dikuatkuasakan. Penguatkuasaan peraturan ini boleh membantu Jabatan mengurus dan memantau aktiviti kuari dengan cara lebih berkesan. Di samping itu, kepentingan Kerajaan dan orang awam juga terpelihara tanpa mengabaikan keselamatan pekerja kuari.

Pada pandangan Audit, pelantikan Ketua Inspektor Kuari perlu disegerakan agar pemantauan terhadap aktiviti pengusaha kuari dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

ii) Peraturan Penguatkuasaan

Peraturan mengenai penguatkuasaan oleh Jabatan masih kurang mantap. Seksyen 168 Ordinan Tanah hanya menyatakan bahawa sesiapa yang beroperasi tanpa lesen dan menjalankan kerja memotong, menggali atau mengambil apa-apa produk dan jika disabitkan kesalahan akan dikenakan denda RM10,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau keduanya sekali. Bagaimanapun, mengikut penjelasan pegawai di Unit Penguatkuasaan, tindakan di bawah Ordinan tersebut adalah kurang berkesan kerana mengambil tempoh yang agak lama.

Manakala di bawah Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997, ada peraturan mengenai tindakan penguatkuasaan. Namun tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan masih tidak boleh dilakukan tanpa ada peruntukan Undang-undang (Asas) pada Ordinan Tanah Bab 68 atau Peraturan Tanah Sabah. Pegawai di Unit Penguatkuasaan memaklumkan dengan ketiadaan peruntukan undang-undang tersebut menyebabkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan tidak dapat dilaksanakan. Bagaimanapun, Jabatan sedang menyemak semula undang-undang yang ada terutamanya Ordinan Tanah dan Peraturan Tanah Sabah bersama dengan Jabatan Peguam Besar Negeri. Ini bertujuan membuat pindaan terhadap peraturan yang sedia ada dan memperuntukkan peraturan penguatkuasaan yang lebih berkesan.

iii) Tindakan Penguatkuasaan

Tindakan penguatkuasaan oleh Jabatan adalah kurang berkesan. Ini adalah disebabkan sepanjang tahun 2001 hingga 2003, tidak ada pengusaha kuari tanpa lesen yang telah dikenakan tindakan pendakwaan. Mengikut amalan biasa, Unit Penguatkuasaan hanya memberikan amaran secara lisan atau bertulis sahaja.

Pada tahun 2000, Jabatan telah merekodkan sejumlah 28 pengusaha kuari beroperasi tanpa lesen. Bagaimanapun, pada tahun berikutnya, Jabatan tidak menyelenggara rekod mengenai jumlah pengusaha kuari tanpa lesen. Lawatan Audit ke Daerah Keningau dan Tuaran mendapati ada 5 pengusaha kuari beroperasi tanpa lesen sedang menjalankan operasi masing-masing. **Foto 7 dan 8** berikut menunjukkan "*Stock File*" batu kuari oleh pengusaha kuari yang beroperasi tanpa lesen.

Foto 7
***"Stock File"* Oleh Pengusaha Kuari**
Yang Beroperasi Tanpa Lesen Di Keningau

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 16 Oktober 2003

Foto 8
Kerja Memproses Batu Sedang Dijalankan
Oleh Pengusaha Kuari Tanpa Lesen Di Keningau

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 16 Oktober 2003

Pada pandangan Audit, penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari adalah kurang berkesan kerana undang-undang yang ada adalah kurang mantap. Oleh demikian, semakan semula undang-undang perlu disegerakan agar tidak menjejaskan pengawalan operasi kuari. Selain itu, peraturan di bawah Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997 perlu dikuatkuasakan dengan segera.

31.2.8 Keperluan Tenaga Kerja Dan Logistik

Pada masa kini, Bahagian Galian diketuai oleh seorang Penguasa Tanah Dan Ukur (Gred J48) dan dibantu oleh 6 kakitangan. Cadangan keperluan tenaga kerja masih belum dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri bagi tujuan pertimbangan Kerajaan Negeri manakala keperluan logistik juga tidak diambil kira dalam belanjawan tahunan Jabatan. **Pada pandangan Audit, tenaga kerja yang sedia ada tidak mencukupi dari segi bilangan dan kepakaran untuk mentadbir serta melaksanakan Enakmen Mineral 1999 dan Kaedah Tanah (Kuari) Tahun 1997. Cadangan menambah 42 kakitangan oleh Bahagian Galian perlu dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri untuk tujuan pertimbangan berserta justifikasi keperluan tersebut.**

Pada pandangan Audit, pelesenan dan pengawalan operasi kuari tidak dilaksanakan dengan baik. Jabatan sepatutnya mengambil tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah kelewatan mengeluarkan lesen dengan menyediakan Daftar Permohonan dan menetapkan tempoh pemprosesan permohonan lesen di peringkat Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah.

31.3 PEMANTAUAN

Pemantauan adalah penting bagi memastikan tindakan yang berkesan dapat diambil untuk mengatasi sebarang masalah yang berbangkit di peringkat pelaksanaan. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati:

31.3.1 Jawatankuasa Pemantauan

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa tidak ditubuhkan di peringkat Jabatan untuk memantau operasi pengusaha kuari berlesen terhadap pematuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, Jabatan ada mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Galian (secara *ad hoc*) pada tahun 2002 dan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Tanah Dan Ukur. Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada 23 Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah, Juruukur Daerah, Jabatan Konservasi Alam Sekitar (sekarang ini dikenali sebagai Jabatan Perlindungan Alam Sekitar), Jabatan Pengairan Dan Saliran, Jabatan Perikanan, Jabatan Mineral Dan Geosains dan lain-lain Agensi Kerajaan berkaitan. Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat 2 kali sejak penubuhannya bagi membincangkan masalah yang perlu penyelesaian bersama seperti penentuan/semakan semula kadar cukai tambahan yang baru dan semakan semula Ordinan Tanah Bab 68.

31.3.2 Peringkat Daerah

Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah akan menyediakan Laporan Merinyu Tanah kepada Ibu Pejabat Jabatan di samping Laporan Penguatkuasaan Kuari. Laporan Penguatkuasaan Kuari tersebut adalah mengandungi perkembangan terkini kuari yang beroperasi tanpa lesen di Daerah masing-masing. Ini membolehkan Unit Penguatkuasaan (Ibu Pejabat) menjalankan tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha kuari tanpa lesen.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap aktiviti kuari hanya dilakukan melalui laporan yang diterima daripada Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah. Pemantauan akan lebih berkesan sekiranya Jabatan menjalankan pemeriksaan mengejut terhadap operasi kuari. Ini adalah bertujuan untuk membendung kegiatan pengusaha kuari tanpa lesen daripada berleluasa dan memastikan pengusaha kuari berlesen mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.

32. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, Jabatan telah mengambil tindakan untuk mengemas kini dan mengkaji semula perundangan dan kadar cukai tambahan. Bagaimanapun, masih ada ruang penambahbaikan terhadap beberapa perkara seperti berikut:

i) Kajian awal rizab sumber dan permintaan bahan batu hendaklah dibuat agar pengurusan sumber asli dapat dijalankan secara teratur. Jabatan dapat mengawal pengeluaran lesen kuari berdasarkan keperluan semasa dan jangka panjang batu kuari untuk projek pembangunan Negeri Sabah seperti pembinaan jalan raya, bangunan dan lain-lain.

ii) Mengkaji semula prosedur dan tatacara permohonan lesen dan menetapkan tempoh proses bagi setiap peringkat pemprosesan. Selain itu, penggunaan Borang Permohonan dan Senarai Semak (*Checklist*) perlu diperkenalkan bagi mengatasi masalah permohonan yang tidak lengkap. Kelewatan pemprosesan lesen hendaklah ditangani agar setiap pengusaha kuari memperolehi lesen dengan kadar segera.

iii) Menambah bilangan tenaga kerja terutamanya di Bahagian Galian (Pelesenan) dan Bahagian Penguatkuasaan supaya kelulusan lesen dapat dipercepatkan dan tindakan penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

JABATAN PERIKANAN SABAH

PENGURUSAN TERNAKAN IKAN DALAM SANGKAR

33. LATAR BELAKANG

Negeri Sabah mempunyai keluasan laut 92,000 batu nautika persegi dengan panjang garisan pantai 1,802 km. Jumlah nelayan dianggarkan seramai 25,000 orang setakat tahun 2002. Faktor ini menjadikan Negeri Sabah berpotensi bagi pembangunan industri perikanan. Jabatan Perikanan Sabah (Jabatan) yang diletak di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah adalah bertanggungjawab untuk merancang, mengurus dan memajukan sektor perikanan di Negeri Sabah.

Industri perikanan Negeri Sabah telah mencapai tahap sara diri dan telah menjadi *net-exporter of fish* dengan menghasilkan lebihan imbangan dagangan. Mengikut rekod Jabatan, eksport hasil perikanan pada tahun 2001 berjumlah 40,535 tan metrik dengan anggaran nilai RM261 juta berbanding dengan import sebanyak 8,819 tan metrik dengan nilai RM50 juta. Industri perikanan telah memberikan sumbangan sebanyak 2.8% Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang dianggarkan bernilai RM29 juta.

Salah satu aktiviti yang dilaksanakan untuk memajukan industri perikanan adalah pembangunan industri akuakultur. Industri akuakultur menjadi komponen penting dalam pengeluaran hasil perikanan Negeri. Projek ini diusahakan berasaskan kepada kekayaan habitat semulajadi di Sabah iaitu dasar laut yang berbatu karang, berpasir, berlumpur dengan julat saliniti air antara 27 hingga 32 ppt (*part per thousand*), kualiti air yang baik dan terlindung dari ombak. Penternakan ikan dalam sangkar merupakan projek pengkulturan yang berpotensi untuk menyumbangkan produk perikanan. Projek ini mula diperkenalkan di Negeri Sabah pada tahun 1976 dan bantuan peralatan mula diberi pada tahun 1994. Antara objektif projek ini adalah untuk meningkatkan pendapatan nelayan menjadi RM2,000 hingga RM5,000 sebulan,

menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam industri ternakan ikan dalam sangkar, meningkatkan eksport hasil perikanan dan menyediakan peluang pekerjaan.

34. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan teratur bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

35. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar bagi tempoh tahun 2002 hingga 2003. Pengauditan dijalankan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan dengan menyemak fail berkaitan dengan dasar dan perancangan, proses kelulusan, anggaran hasil dan perbelanjaan, pengurusan serta pemantauan terhadap Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar. Semakan dokumen yang berkaitan juga dilakukan di peringkat Cawangan Jabatan di 3 Daerah iaitu Kudat, Kota Marudu dan Sandakan. Lawatan ke tapak sangkar ikan di Daerah yang sama dilakukan pada bulan Disember 2003. Selain itu, perbincangan dengan pegawai yang terlibat dengan program ini serta temu bual dengan penternak juga diadakan.

36. PENEMUAN AUDIT

36.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting untuk memastikan projek yang akan dilaksanakan berjalan dengan lancar dan tersusun. Aspek perancangan Jabatan yang diteliti oleh pihak Audit adalah seperti berikut:

36.1.1 Struktur Pengurusan

Bagi memantapkan pengurusan aktiviti akuakultur, Jabatan telah membuat penstrukturan pada tahun 1999 dengan menubuhkan Cawangan Akuakultur Marin. Cawangan ini merupakan salah satu cawangan teknikal yang menjadi tulang belakang Jabatan. Cawangan Akuakultur Marin dipertanggungjawabkan untuk mengendali dan menguruskan sektor akuakultur marin. Antara fungsi utama cawangan ini adalah untuk merancang pelan strategik pembangunan akuakultur mengikut komoditi, merancang peruntukan kewangan, mengesan dan menilai pelaksanaan projek serta merancang tenaga kerja yang diperlukan.

36.1.2 Pemilihan Lokasi Penternakan

Sehingga akhir tahun 2003, Jabatan telah mengenal pasti lokasi seluas 82,346 hektar sebagai Zon Industri Akuakultur untuk penternakan pelbagai spesis makanan laut. Dari keluasan tersebut, seluas 4,380 hektar adalah dirancang untuk industri penternakan ikan dalam sangkar.

36.1.3 Garis Panduan

Pengendalian sesuatu projek perlu mempunyai kaedah atau prosedur sebagai panduan kepada pihak yang menjalankan sesuatu aktiviti. Prosedur ini juga merupakan garis panduan kepada penyertaan sesuatu projek. Untuk itu, Jabatan telah menambah baik Prosedur Pelaksanaan Pakej Insentif yang sedia ada dan prosedur yang baru telah diguna pakai mulai tahun 2000. Semakan Audit mendapati prosedur ini merangkumi semua komponen akuakultur termasuk penternakan ikan dalam sangkar. Antara kaedah yang telah digariskan dalam Prosedur Pelaksanaan Pakej Insentif adalah seperti berikut:

i) Kriteria Pemilihan Pemohon

Jabatan ada menetapkan kriteria sebagai panduan untuk menilai dan meluluskan permohonan bagi mendapatkan bantuan daripada Jabatan. Kriteria itu adalah seperti berikut:

a) Pemohon mestilah warganegara Malaysia yang berasal dan menetap di Sabah;

b) Berumur 18 tahun ke atas;

c) Keutamaan diberi kepada pemohon yang bekerja sebagai nelayan dan penternak ikan atau pemohon menjadikan projek ternakan sebagai sumber pendapatan utama, mempunyai pengalaman dalam bidang perikanan dan pernah menghadiri kursus yang berkaitan; dan

d) Pemohon tinggal di pesisiran pantai, sungai atau di sekitar kawasan yang dikenal pasti sesuai dengan penternakan ikan.

ii) Jenis Dan Syarat Bantuan

Bantuan akan diberikan kepada penternak individu dalam bentuk peralatan ternakan dan benih bagi memulakan projek. Manakala bantuan yang diberikan kepada penternak syarikat swasta hanyalah dalam bentuk khidmat nasihat. Jenis dan syarat bantuan adalah seperti berikut:

a) Peralatan sangkar yang berupa kayu beruti, papan, paku, *bolt, nut,* jaring *trawl* dan tali *nylon* diberikan sekali dalam masa 3 tahun. Pemasangan peralatan akan dibuat oleh penternak.

b) Benih ikan akan diberikan sebanyak 1 atau 2 kali kepada penternak. Pemberian benih ikan untuk kali ketiga dan seterusnya akan dikenakan bayaran.

c) Mesin *Fish Mincer* akan diberikan kepada kelompok penternak ikan dalam sangkar antara 5 hingga 10 orang pada satu tempat.

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai panduan dan kaedah pelaksanaan projek yang baik dan teratur.

36.1.4 Sasaran Projek

Mengikut rekod Jabatan, ada lebih kurang 25,000 nelayan yang menetap di pesisiran pantai di seluruh Negeri Sabah. Majoriti nelayan ini mengusahakan industri perikanan secara tradisional dan kecil-kecilan. Sumber pendapatan utama mereka adalah daripada hasil menangkap ikan di laut, teluk dan sungai. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk membangun dan meningkatkan sosioekonomi nelayan, Jabatan merancang untuk mengadakan projek penternakan ikan bagi memperbaiki taraf hidup nelayan dengan kerjasama Agensi Kerajaan Negeri seperti Ko-Nelayan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan sektor swasta. Selain itu, projek ini akan meningkatkan hasil pengeluaran perikanan Negeri. Oleh itu, Jabatan akan memberi fokus dan mengenal pasti golongan yang berpotensi mengikut kesesuaian kawasan penternakan.

Fokus utama pembangunan akuakultur adalah meningkatkan pengeluaran ikan selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Dasar Pertanian Negeri Sabah (DPNS2) dan objektif Jabatan Perikanan. Menurut kajian Jabatan, unjuran komoditi akuakultur akan meningkat dari 7,889 tan metrik pada tahun 2002 menjadi 94,756 tan metrik pada tahun 2010 selaras dengan pertambahan penduduk. Projek ternakan ikan dalam sangkar merupakan salah satu aktiviti akuakultur yang menyumbang kepada pengeluaran komoditi itu. Selaras dengan itu, Jabatan telah mengunjurkan pengeluaran ternakan

ikan dalam sangkar bagi tempoh tahun 2001 sehingga tahun 2005 seperti di **Carta 1.**

Carta 1
Unjuran Pengeluaran Ternakan Ikan Dalam Sangkar

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

36.1.5 Pemilihan Spesis Ikan

Jabatan telah mengenal pasti spesis ikan yang sesuai diternak dan mempunyai nilai komersial yang tinggi di pasaran tempatan dan luar negeri. Jenis ikan tersebut adalah seperti ikan merah, ikan kerapu, ikan siakap dan ikan maming. Pada tahun 2002 dan 2003, Jabatan memerlukan masing-masing sebanyak 40,000 ekor dan 49,300 ekor benih ikan pelbagai jenis.

36.1.6 Keperluan Tenaga Kerja

Jabatan perlu menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran, kompeten dan mencukupi bagi melicinkan pelaksanaan program yang dirancang. Bagi membolehkan Cawangan Akuakultur Marin dapat berfungsi dengan baik, Jabatan telah merancang untuk mendapat 20 jawatan iaitu Pegawai Perikanan Gred 41 (1), Penolong Pegawai Perikanan Gred 26 (5), Pembantu Perikanan Gred 17 (5), Pembantu Perikanan Gred 11 (5) dan Jaga Gred R1 (4) yang akan ditempatkan di Ibu Pejabat dan cawangan Daerah.

36.1.7 Program Kursus Khas

Jabatan telah menyediakan prosedur pelaksanaan kursus akuakultur. Dalam prosedur kursus ini, Jabatan telah menentukan jenis kursus, kriteria pengambilan peserta dan tatacara pengendalian kursus. Selain itu, Jabatan juga ada menyediakan kalendar tahunan yang mengandungi jadual pelaksanaan kursus. Bagi tahun 2002 dan 2003, Jabatan telah merancang mengadakan kursus kepada pegawainya sendiri dan juga khas untuk pengusaha ternakan ikan dalam sangkar seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Kursus Yang Dirancang Untuk Penternakan Ikan Dalam Sangkar

Tahun	Nama Kursus	Tarikh/Tempoh Kursus	Bilangan Peserta
2002	Kursus Asas Ternakan Ikan Dalam Sangkar	Mac/Jun 2002	20 orang
2003	Kursus Asas Ternakan Ikan Dalam Sangkar	2 - 5 September 2003	25 orang

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

36.1.8 Keperluan Kewangan

Bagi menentukan projek ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan, Jabatan telah menyediakan anggaran kos projek yang diperlukan. Mengikut perancangan asal, siling perbelanjaan yang diperlukan bagi tempoh RMK8 adalah berjumlah RM3 juta. Bagaimanapun, semasa kajian separuh penggal RMK8, siling peruntukan tersebut telah dikurangkan menjadi RM0.91 juta sahaja. Projek ini juga mendapat pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan. Siling asal peruntukan Persekutuan untuk RMK8 yang berjumlah RM1.78 juta telah dikurangkan menjadi RM1.45 juta semasa kajian separuh penggal RMK8. **Jadual 24** menunjukkan jumlah perbelanjaan yang diperlukan.

Jadual 24
Perbelanjaan Diperlukan Bagi Tahun 2001 Hingga 2005

Tahun	Pembiayaan Kerajaan Negeri (RM)	Pembiayaan Kerajaan Persekutuan (RM)
2001	290,108	267,354
2002	161,561	251,766
2003	161,074	276,052
2004	150,000	315,000
2005	150,000	338,000
Jumlah	**912,743**	**1,448,172**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai perancangan yang baik untuk menentukan projek penternakan ikan dalam sangkar dapat diurus dengan sempurna.

36.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan projek mencapai objektifnya, aktiviti yang dirancang perlu dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan. Kejayaan projek ternakan ikan dalam sangkar adalah bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan dan penglibatan secara aktif oleh penternak.

36.2.1 Pemilihan Lokasi Penternakan

Sebagai pengawalan dan menentukan pencemaran tidak berlaku di kawasan perairan Negeri Sabah, Jabatan telah menentukan zon yang sesuai dan kawasan yang boleh digunakan untuk penternakan ikan dalam sangkar. Zon ini telah dikenal pasti dan Jabatan telah pun membawa cadangan ini ke Dewan Undangan Negeri untuk mewartakan kawasan berkenaan pada awal tahun 2003. Bagaimanapun, sehingga kini zon berkenaan masih belum diwartakan. **Pada pandangan Audit, sebagai kawalan terhadap kawasan supaya tidak diekploitasikan sewenang-wenangnya, pewartaan**

haruslah dilakukan dengan segera. Penguatkuasaan undang-undang dapat dilaksanakan apabila kawasan telah diwartakan. Semakan lanjut Audit terhadap rekod Jabatan mendapati hanya seluas 5.05 hektar daripada 3,420 hektar kawasan yang sesuai untuk penternakan ikan dalam sangkar sedang diusahakan dan melibatkan seramai 308 penternak. **Jadual 25** menunjukkan keluasan kawasan ternakan dan bilangan penternak ikan dalam sangkar.

Jadual 25
Penternakan Ikan Dalam Sangkar Mengikut Daerah

Daerah	Keluasan (Hektar)	Bilangan Penternak
Tawau	0.30	26
Semporna	1.86	13
Sandakan	1.15	122
Beluran	0.07	2
Kudat	0.26	10
Matunggong	0.01	5
Kota Marudu	0.08	6
Pitas	0.03	9
Kota Belud	0.01	6
Tuaran	0.63	44
Kota Kinabalu	0.33	7
Lahad Datu	0.18	17
Kunak	0.03	13
Kuala Penyu	0.11	28
JUMLAH	**5.05**	**308**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

36.2.2 Proses Permohonan Dan Kelulusan Bantuan

Peserta projek ternakan ikan dalam sangkar yang memohon bantuan peralatan dari Jabatan dikehendaki mengisi borang yang disediakan

oleh Jabatan di Daerah masing-masing. Borang permohonan yang diterima akan disemak oleh Pegawai Perikanan Cawangan sebelum dihantar ke Ibu Pejabat untuk penilaian. Jabatan telah menerima masing-masing sebanyak 48 dan 39 permohonan bantuan pada tahun 2002 dan 2003. Semakan Audit di Cawangan Jabatan di 3 Daerah iaitu Kudat, Kota Marudu dan Sandakan mendapati borang permohonan tersebut adalah diproses mengikut garis panduan yang ditetapkan. Selain itu, Pegawai Perikanan juga telah membuat lawatan ke tapak projek untuk menentukan kesahihan dan kesesuaian tapak sebelum permohonan diluluskan.

Mengikut Prosedur Pelaksanaan Pakej Insentif, pertimbangan untuk meluluskan pemberian bantuan kepada penternak adalah melalui Jawatankuasa Pemberian Pakej Insentif Akuakultur Marin. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Penolong Pengarah II dan Timbalannya adalah Ketua Cawangan Akuakultur Marin serta ahlinya terdiri daripada ketua cawangan dan ketua unit yang berkaitan. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah bermesyuarat sebanyak 4 kali pada tahun 2002 dan 4 kali pada tahun 2003 untuk menimbang dan meluluskan permohonan bantuan berkenaan. Daripada 87 permohonan yang dinilai pada tahun 2002 dan 2003, sebanyak 76 permohonan telah diluluskan.

Pada pendapat Audit, proses kelulusan bantuan adalah teratur dan memuaskan.

36.2.3 Perjanjian Dengan Peserta

Dasar Jabatan adalah untuk menggalakkan nelayan menyertai projek ini secara aktif dan dapat berdikari. Oleh itu, Jabatan memberi bantuan peralatan kepada peserta projek selain daripada tunjuk ajar dan bimbingan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jabatan tidak membuat sebarang perjanjian dengan peserta atau meletakkan syarat

supaya peserta wajib mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar dalam jangka masa tertentu setelah bantuan diterima. Sebaliknya, Jabatan hanya menetapkan syarat, peraturan dan akuan penerima seperti Jabatan berhak menarik balik bantuan yang diberikan sekiranya peserta gagal mengusahakan projek ternakan ikan atau menyalahgunakan bantuan berkenaan.

Pada pendapat Audit, perjanjian perlu diikat antara Kerajaan dengan penerima bantuan supaya kepentingan kedua pihak terjamin.

36.2.4 Perolehan Peralatan

Bantuan yang diberikan kepada penternak untuk memulakan projek ternakan ikan dalam sangkar adalah peralatan seperti kayu beruti, papan, paku, *bolt, nut*, jaring, pelampung dan tali *nylon*. Manakala mesin *Fish Mincer* pula diberikan kepada penternak berkelompok. Kos yang terlibat untuk menampung perbelanjaan pembelian peralatan itu adalah berjumlah RM8,889 bagi tahun 2002 dan RM10,416 bagi tahun 2003. **Pihak Audit mendapati perolehan peralatan berkenaan adalah mematuhi peraturan kewangan.**

36.2.5 Prestasi Projek

Pemeriksaan Audit terhadap prestasi pelaksanaan projek ini mendapati perkara berikut:

i) Bilangan Peserta Projek

Mengikut rekod Jabatan, seramai 308 penternak individu sedang aktif mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar sehingga tahun 2003. **Foto 9** menunjukkan projek ternakan ikan dalam sangkar yang mendapat bantuan daripada Jabatan.

Foto 9
Projek Ternakan Berkelompok
Di Kg. Teritipan Kota Marudu

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 2 Disember 2003

ii) Pemilihan Spesis Ikan

Spesis ikan yang diternak secara meluas adalah ikan kerapu, ikan merah, ikan siakap dan jenahak. Ikan maming yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran belum berjaya diternak secara meluas disebabkan kesukaran mendapat benih dan pembiakan yang rumit.

Pada pandangan Audit, pemilihan spesis ikan adalah sesuai kerana mempunyai pasaran yang baik.

iii) Bekalan Benih Ikan

Bekalan benih ikan adalah perkara penting dan perlu diberi perhatian oleh Jabatan. Kegagalan mencapai pengeluaran benih ikan yang diperlukan boleh menyebabkan kegagalan mencapai sasaran projek ini. Jabatan mempunyai sebuah pusat pembenihan ikan di Tanjung Badak, Tuaran untuk menjalankan

penyelidikan dan pembenihan ikan untuk diagihkan kepada penternak. Bagaimanapun, pusat tersebut tidak dapat membekal benih ikan yang mencukupi bagi menampung permintaan penternak disebabkan keupayaan pengeluaran yang terhad. Pada tahun 2002 dan 2003, benih ikan yang dapat dibekalkan adalah masing-masing sebanyak 7,842 ekor dan 17,500 ekor pelbagai jenis berbanding 40,000 dan 49,300 ekor yang diperlukan oleh penternak.

Lawatan Audit ke lokasi penternakan ikan dalam sangkar di Kudat, Kota Marudu dan Sandakan mendapati beberapa sangkar tidak mempunyai ternakan ikan kerana tidak mendapat bekalan benih ikan. Temu bual Audit dengan penternak berkenaan mendapati mereka sedang berusaha mendapatkan benih ikan yang ditangkap sendiri secara tradisional. Menyedari tentang kekurangan benih ikan, Jabatan telah pun mengemukakan cadangan kepada Jabatan Perikanan Malaysia pada awal tahun 2003 untuk menaik taraf kemudahan pembenihan ikan di Pusat Pembenihan Ikan Tanjung Badak, Tuaran di samping merangka pelan tindakan pengeluaran benih ikan bagi tahun 2001 hingga 2010. Mulai tahun 2003, Jabatan Perikanan Malaysia telah menyalurkan peruntukan bagi maksud peningkatan pengeluaran benih ikan di pusat tersebut.

Pihak Audit juga telah melawat 2 pusat pembenihan ikan yang diusahakan oleh pihak swasta di Sandakan. Adalah didapati benih ikan yang dikeluarkan oleh pusat ini adalah untuk kegunaan sendiri dan juga dibekalkan kepada penternak yang memerlukan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mempercepatkan kelulusan untuk menaik taraf Pusat Pembenihan Ikan tersebut supaya bekalan benih ikan yang mencukupi dapat dikeluarkan.

iv) Khidmat Kepakaran Dan Latihan

Salah satu cara peningkatan kemahiran dan pengetahuan adalah melalui latihan berterusan dan menghadiri kursus yang berkaitan. Pada tahun 2002, Jabatan telah menghantar seorang pegawainya menghadiri kursus berkaitan pembenihan ikan anjuran agensi luar manakala seramai 43 penternak ikan sangkar telah mengikuti kursus asas ternakan ikan dalam sangkar yang dianjurkan oleh Jabatan pada tahun 2003.

Di samping latihan dan kursus dijalankan, Jabatan juga melakukan pemeriksaan terhadap kualiti air di kawasan penternakan. Bagaimanapun, tindakan pencegahan pencemaran di kawasan penternakan dilakukan oleh Cawangan Penyelidikan Marin. Selain itu, Jabatan juga mempunyai program untuk pengawalan penyakit ikan yang dilakukan oleh Cawangan Penyelidikan.

Pada pandangan Audit, khidmat kepakaran dan latihan yang diberi oleh Jabatan adalah memuaskan.

v) Penglibatan Pihak Swasta

Dasar Jabatan adalah menggalakkan pihak swasta untuk menyertai projek ternakan ikan dalam sangkar bagi meningkatkan lagi pengeluaran ikan tempatan di samping menjana pertumbuhan ekonomi Negeri. Mengikut rekod Jabatan, sebanyak 4 syarikat swasta dan orang perseorangan yang terlibat dengan perusahaan ternakan ikan dalam sangkar telah diberi khidmat nasihat dan bimbingan oleh Jabatan.

Pada pandangan Audit, penglibatan pihak swasta perlu dipertingkatkan lagi untuk menambah pengeluaran ikan.

vi) Kos Projek Berbanding Peruntukan Yang Diluluskan

Jabatan telah diluluskan peruntukan berjumlah RM163,000 masing-masing pada tahun 2002 dan 2003. Perbelanjaan yang dilakukan bagi tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah RM161,561 dan RM161,075. Projek ini juga mendapat pembiayaan daripada Kerajaan Persekutuan dan menerima peruntukan masing-masing berjumlah RM300,000 pada tahun 2002 dan 2003. Manakala perbelanjaan pada tahun 2002 berjumlah RM251,766 dan pada tahun 2003 berjumlah RM276,052.

Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan projek adalah terdiri daripada kos operasi dan pembangunan projek. Analisis Audit terhadap perbelanjaan daripada pembiayaan Negeri bagi tahun 2002 dan 2003 mendapati sejumlah besar perbelanjaan adalah untuk menampung kos operasi seperti penyenggaraan kenderaan, bekalan minyak, bayaran elektrik dan telefon serta elaun kakitangan. Butiran lanjut seperti di **Jadual 26.**

Jadual 26
Jumlah Perbelanjaan Daripada Pembiayaan Negeri

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Tahun	
		2002 (RM)	2003 (RM)
1	Bekalan Minyak	25,320	18,098
2	Penyenggaraan Kenderaan	9,754	59,249
3	Bayaran Elektrik	9,924	11,735
4	Bayaran Telefon	3,700	4,761
5	Penyenggaraan Bangunan	8,175	-
6	Elaun Kakitangan	6,735	15,654
7	Penyenggaraan Generator/Traktor	17,034	-
8	Pembaikan Jeti/Parit	5,700	-
9	Bekalan Makanan	7,461	-
10	Lain-lain Perbelanjaan Termasuk Peralatan Sangkar	67,758	51,578
Jumlah		**161,561**	**161,075**

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Pada keseluruhannya, prestasi perbelanjaan adalah memuaskan.

vii) Pengurusan Rekod Bantuan

Pihak Audit telah melakukan lawatan ke Daerah untuk menentukan sama ada rekod bantuan ada disediakan dan disimpan untuk rujukan. Pemeriksaan Audit di Kota Marudu dan Sandakan mendapati tiada rekod pengagihan bantuan peralatan dan benih ikan yang diberikan kepada setiap penternak disimpan di peringkat Daerah.

Pada pandangan Audit, rekod bantuan perlu disimpan di pejabat yang mengagihkannya dan dimaklumkan kepada Ibu Pejabat sebagai pengesahan penerimaan. Rekod ini dapat memudahkan pihak Jabatan untuk menyemak dan memantau pengagihan tersebut.

36.2.6 Keperluan Tenaga Kerja

Tenaga kerja yang mencukupi adalah perlu bagi menentukan projek dapat dilaksanakan dengan cekap. Jabatan ada menyediakan carta organisasi yang menunjukkan pembahagian tanggungjawab dan fungsi dengan jelas. Semakan Audit mendapati hanya 7 jawatan telah diisi bagi Cawangan Akuakultur Marin iaitu 4 di Ibu Pejabat dan 3 di Sandakan. Jawatan tersebut terdiri daripada Pegawai Perikanan G41 (1), Penolong Pegawai Perikanan G26 (1), Pembantu Perikanan G17 (1), Pembantu Perikanan G11 (1) dan Jaga R1 (3). Lawatan Audit ke 3 Cawangan di Daerah Kudat, Sandakan dan Kota Marudu mendapati carta organisasi ada disediakan dengan jelas. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati masih ada kekosongan jawatan yang belum diisi setelah penyandang ditukar atau bersara.

Pada pandangan Audit, kelewatan mengisi kekosongan jawatan akan menjejaskan pelaksanaan projek disebabkan kekurangan tenaga kerja.

36.2.7 Pungutan Hasil

Mengikut rekod Jabatan, hasil ternakan ikan dalam sangkar tidak menunjukkan peningkatan yang konsisten setiap tahun. Hasil pengeluaran bagi tahun 2003 juga jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan unjuran. **Jadual 27** menunjukkan pengeluaran ikan bagi tahun 2001 hingga 2003.

Jadual 27
Hasil Keluaran Berbanding Dengan Unjuran Pengeluaran

Tahun	Bilangan Penternak	Unjuran Hasil (Tan Metrik)	Hasil Sebenar (Tan Metrik)
2001	356	525	549.81
2002	299	650	662.00
2003	308	780	253.00

Sumber: Jabatan Perikanan Sabah

Pihak Audit difahamkan bahawa antara sebab penurunan hasil pengeluaran ternakan ikan dalam sangkar adalah akibat daripada kekurangan benih ikan untuk diberikan kepada penternak.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek ternakan ikan dalam sangkar bagi tahun 2002 dan 2003 tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Faktor utama adalah disebabkan bekalan benih ikan tidak mencukupi.

36.2.8 Pencapaian Matlamat Projek

Mengikut rekod Jabatan, kebanyakan penternak yang mendapat bantuan mampu meneruskan perusahaan penternakan ikan dalam sangkar. Lawatan Audit ke tapak penternakan di Daerah Sandakan mendapati beberapa penternak perseorangan dan syarikat swasta

berjaya dalam perusahaan penternakan ikan dalam sangkar. Bagaimanapun, ada juga penternak yang mendapat bantuan dan bimbingan dari Jabatan gagal meneruskan projek. Antara sebab yang menyumbang kepada kejayaan adalah seperti peningkatan eksport produk akuakultur, kemudahan di ladang pengkultur, penyertaan golongan nelayan, prosedur dan pelaksanaan kursus yang terancang dan teratur, kesedaran daripada nelayan untuk menambahkan pengetahuan, peningkatan kemudahan pengurusan kelompok sasar dan kerjasama daripada agensi lain. Manakala faktor yang menyumbang kepada kegagalan adalah ketiadaan kemudahan asas, kekurangan benih ikan, tahap kesedaran nelayan terhadap akuakultur yang masih rendah, kekurangan tenaga kerja di peringkat organisasi pelaksana yang berkemahiran, nelayan atau penternak yang kurang berpengalaman dan peruntukan yang tidak mencukupi kerana komitmen yang diutamakan adalah pembangunan infrastruktur industri. Adalah dianggarkan sebanyak 40% daripada 278 penternak ikan yang mendapat pakej insentif gagal meneruskan projek mereka.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek ternakan ikan dalam sangkar dijalankan dengan teratur. Bagaimanapun, Jabatan perlu memastikan bekalan benih ikan adalah mencukupi dan berkualiti supaya pengeluaran hasil ikan dalam sangkar dapat mencapai sasaran yang ditetapkan.

36.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang sistematik dan berterusan adalah penting supaya masalah pelaksanaan projek dapat dikenal pasti dan diatasi dengan segera. Adalah didapati 3 peringkat pemantauan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan seperti berikut:

36.3.1 Peringkat Kementerian

Untuk memantau perbelanjaan projek, Jabatan telah menyediakan Laporan Perbelanjaan Bulanan dan dikemukakan kepada Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Sabah dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah.

36.3.2 Peringkat Jabatan

Sub-Unit Pemantauan di bawah Unit Ternakan Ikan Marin di Ibu Pejabat bertanggungjawab memantau pembangunan projek ini. Sub-unit ini perlu mengambil tindakan susulan terhadap laporan yang disediakan oleh setiap Cawangan. Semakan Audit mendapati laporan kemajuan projek dikemukakan ke Ibu Pejabat pada setiap bulan untuk tujuan pemantauan. Berdasarkan laporan tersebut, Ibu Pejabat telah menyediakan Laporan Tahunan yang mengandungi penilaian keseluruhan terhadap projek.

36.3.3 Peringkat Daerah

Pengesahan sesuatu projek yang dilaksanakan adalah dengan membuat tinjauan dan pemeriksaan ke lokasi projek yang ditentukan. Semakan Audit mendapati sebelum meluluskan bantuan, lawatan oleh Pegawai Perikanan dilakukan untuk memastikan kesahihan projek yang dilaksanakan. Selain itu, pegawai Jabatan juga membuat lawatan susulan di lokasi penternakan untuk memberi bimbingan dan menyelidik masalah yang dihadapi oleh penternak. Jadual dan program lawatan ada disediakan oleh Jabatan.

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai kaedah pemantauan yang baik terhadap pengurusan projek penternakan ikan dalam sangkar.

37. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada pandangan Audit, Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar telah dilaksanakan dengan baik. Bagaimanapun, ia tidak mencapai sasaran pengeluaran

ikan yang diunjurkan disebabkan oleh bekalan benih ikan yang terhad. Jabatan dan pihak swasta perlu berusaha meningkatkan pengeluaran benih ikan supaya bekalan yang mencukupi dapat diagih kepada penternak ikan dalam sangkar. Aspek penyelidikan juga harus diberi tumpuan demi menghasilkan benih ikan yang berkualiti dan mempunyai nilai yang tinggi. Selain itu, Kerajaan Negeri juga perlu mengkaji semula keperluan untuk menambah peruntukan kewangan bagi projek ini supaya lebih ramai peserta mendapat manfaat daripada projek ini.

JABATAN PERTANIAN SABAH

PENGURUSAN SUBSIDI PADI

38. LATAR BELAKANG

Jabatan Pertanian Sabah (Jabatan) bertanggungjawab untuk memajukan industri pertanian di samping mempergiatkan industri pengeluaran makanan di Negeri Sabah. Antara tanggungjawab Jabatan adalah memodenkan sistem penanaman padi dan memperluaskan kawasan sawah padi bagi meningkatkan pengeluaran beras. Pada masa ini, Negeri Sabah mengimport kira-kira 189,907 tan beras setahun atau 65% daripada keperluan beras penduduk Negeri ini. Ini bermakna pengeluaran beras dalam Negeri dapat menampung keperluan penduduk sebanyak 35% sahaja. Negeri Sabah mempunyai 18 Daerah yang sesuai untuk penanaman padi dengan keluasan 41,706 hektar dan melibatkan lebih kurang 38,310 petani. Selaras dengan dasar dan hala tuju Kerajaan Negeri Sabah, tumpuan Jabatan adalah untuk membangunkan dan mempertingkatkan kemudahan infrastruktur sedia ada serta memperlengkapkan teknologi pengeluaran hasil padi. Daerah Kota Belud telah dicadangkan sebagai jelapang padi mini di Negeri Sabah.

Dasar Pertanian Negeri Sabah ialah meningkatkan pengeluaran beras ke tahap sara diri sekurang-kurangnya 60% menjelang tahun 2010. Salah satu usaha Jabatan untuk mencapai sasaran ini adalah dengan mengadakan program bantuan subsidi kepada petani padi. Program subsidi padi telah dimulakan sejak tahun 1982 menerusi bantuan subsidi pembajakan sawah dan subsidi baja padi. Tujuan subsidi ini adalah untuk membantu golongan pesawah mengurangkan bebanan kos pembajakan sawah dan pembelian baja padi di samping menghasilkan pengeluaran padi yang baik.

Bagi tempoh tahun 1982 hingga 2003, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM214.43 juta untuk melaksanakan program ini. Manakala sejumlah RM206.83 juta telah dibelanjakan yang meliputi kos operasi, pembelian baja dan pemberian subsidi padi.

39. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif kajian Audit adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pemberian subsidi padi telah dilaksana dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

40. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi pemberian subsidi padi bagi tahun 2002 dan 2003. Kajian ini ditumpukan hanya pada subsidi untuk petani padi sahaja. Pemeriksaan Audit telah dijalankan di Jabatan Pertanian Sabah dengan menyemak rekod berkaitan permohonan dan kelulusan subsidi padi, laporan projek, buku vot, fail individu petani, minit mesyuarat, baucar bayaran dan senarai penerima subsidi. Lawatan ke Daerah yang mempunyai keluasan tanah sawah yang besar dan mempunyai jumlah petani yang ramai juga dilakukan. Daerah yang terlibat adalah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu. Pihak Audit juga telah menemu bual dan mengadakan perbincangan dengan pegawai terlibat serta mengedarkan borang soal selidik kepada 30 petani di Daerah berkenaan untuk mendapatkan maklum balas.

41. PENEMUAN AUDIT

41.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi adalah penting bagi memastikan program subsidi padi dapat dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya.

41.1.1 Laporan Kajian Awal/Kertas Kabinet

Mengikut rekod Jabatan, program subsidi padi telah dirancang dan dimulakan sejak tahun 1982. Kerajaan Negeri Sabah telah memberi kelulusan dan tanggungjawab untuk pembangunan tanaman padi diberikan kepada Jabatan Pertanian Sabah.

41.1.2 Garis Panduan

Semasa program subsidi padi diwujudkan, Jabatan telah menyediakan panduan mengenai polisi dan prosedur untuk diikuti bagi melicinkan pelaksanaan program. Pada tahun 1997, iaitu selepas 15 tahun program ini dilaksanakan, Jabatan telah menyemak semula panduan tersebut bagi menyediakan satu garis panduan yang komprehensif sebagai rujukan untuk diguna pakai semasa melaksanakan program subsidi padi. Garis panduan ini yang mengandungi kadar, jenis bantuan dan kelayakan pemohon serta lain-lain syarat disediakan oleh jawatankuasa yang dibentuk terdiri daripada pegawai Jabatan sendiri.

41.1.3 Kadar Dan Kaedah Pembayaran Subsidi

i) Kadar Subsidi

Program subsidi padi terdiri daripada 2 komponen iaitu subsidi pembajakan sawah dan subsidi baja. Subsidi pembajakan sawah diberi kepada petani sawah padi yang mengusahakan dan membajak sawah pada musim tertentu. Subsidi baja adalah bantuan pemberian baja kepada petani yang telah menanam padi. Pemberian ini bertujuan membantu pesawah mengurangkan beban pembelian baja dan meningkatkan kesuburan tanah sawah bagi menambahkan hasil padi.

a) Pembajakan Sawah

Subsidi akan dibayar kepada setiap petani berdasarkan keluasan tanah sawah yang diusahakan. Kadar bagi subsidi pembajakan adalah RM100 untuk setiap 0.40 hektar sawah yang telah dibajak. Had maksimum bagi seorang petani yang boleh dibayar subsidi adalah 2.02 hektar bagi setiap penanaman. Semakan Audit mendapati kadar subsidi ini telah dikaji semula pada tahun 1989. Bagaimanapun, Kerajaan mengekalkan kadar RM100 untuk setiap 0.40 hektar sawah yang dibajak dengan tujuan

sebahagian kos ditanggung oleh petani bagi mewujudkan petani yang berdikari.

b) Baja Padi

Penetapan bagi subsidi baja padi adalah 50 kilogram bagi jenis NPK Hijau bagi setiap 0.40 hektar untuk penanaman pertama. Manakala penanaman kedua di sawah yang sama pada tahun yang sama layak mendapat 50 kilogram baja UREA bagi setiap 0.40 hektar tertakluk kepada keluasan maksima 2.02 hektar. Mulai bulan Julai 2002, subsidi baja padi diberhentikan apabila skim baja padi Kerajaan Persekutuan diperluaskan ke Negeri Sabah.

ii) Kaedah Pembayaran

Pembayaran subsidi padi dilakukan melalui akaun bank petani. Proses pembayaran melibatkan 3 peringkat iaitu di peringkat Daerah, Bahagian Akaun Ibu Pejabat dan bank. Penyediaan baucar bayaran dilakukan di peringkat Daerah dan diluluskan di Ibu Pejabat. Cek kemudiannya dikeluarkan oleh Ibu Pejabat dan dikemukakan ke bank untuk dikreditkan ke akaun penerima. Selanjutnya petani akan dimaklumkan mengenai pembayaran subsidi oleh Pegawai Pertanian di Daerah berkenaan.

41.1.4 Kumpulan Sasar

Majoriti penduduk tempatan di luar bandar Negeri Sabah adalah petani persendirian dan mengusahakan tanah pertanian secara kecil-kecilan. Antara hasil atau punca pendapatan adalah daripada tanaman padi. Mengikut rekod Jabatan, jumlah petani padi sawah yang berdaftar di seluruh Negeri Sabah adalah seramai lebih kurang 38,310 orang. petani ini terdiri daripada penduduk di 18 Daerah dan mempunyai tanah seluas 41,706 hektar yang telah dikenal pasti sesuai untuk

tanaman padi. **Jadual 28** menunjukkan taburan petani dan keluasan tanah sawah yang sesuai untuk tanaman padi.

Jadual 28
Keluasan Sawah Padi Dan Jumlah Petani Yang Berdaftar Tahun 2002

Bil	Daerah	Keluasan Sawah Padi (Hektar)	Jumlah Petani Berdaftar (Orang)
1	Kota Belud	8,160.65	6,596
2	Kota Marudu	7,656.82	5,578
3	Keningau	4,815.41	3,140
4	Pitas	3,163.46	3,290
5	Tuaran	2,856.17	3,213
6	Tambunan	2,327.76	4,261
7	Ranau	2,205.81	1,612
8	Papar	1,893.09	2,331
9	Tenom	1,416.42	1,569
10	Beaufort	1,345.59	1,394
11	Kudat	1,214.81	936
12	Penampang	1,023.87	1,078
13	Sipitang	1,023.32	715
14	Nabawan	773.51	943
15	Sook	726.09	641
16	Kuala Penyu	623.07	686
17	Beluran	421.28	270
18	Telupid	59.08	57
Jumlah		**41,706.21**	**38,310**

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil pengeluaran beras Negeri memerlukan penglibatan dan usaha sama khususnya para petani padi. Dengan yang demikian, tumpuan pemberian subsidi padi disasarkan kepada petani yang telah dikenal pasti mempunyai sawah padi dan aktif mengusahakan tanaman padi.

Semakan Audit mendapati Jabatan telah menyimpan rekod yang lengkap mengenai data petani dan sentiasa dikemaskinikan.

41.1.5 Keperluan Kewangan

Semasa perancangan asal, peruntukan yang diperlukan oleh Jabatan untuk melaksanakan program subsidi padi di bawah RMK8 adalah berjumlah RM100.78 juta. Bagaimanapun, semasa kajian separuh penggal RMK8, siling peruntukan yang disemak dan diperlukan adalah sejumlah RM50.60 juta. Jabatan telah memohon masing-masing sejumlah RM17.64 juta dan RM21.92 juta pada tahun 2002 dan 2003 untuk membiayai program subsidi padi.

41.1.6 Keperluan Tenaga Kerja

Pada mulanya pengurusan padi dikendalikan oleh Unit Padi Jabatan dan Cawangan di Daerah. Bagi memantapkan pengurusan padi di Negeri Sabah, Jabatan telah menubuhkan Seksyen Pembangunan Tanaman Padi. Pada awal tahun 2003, antara fungsi utama Seksyen ini adalah bertanggungjawab memastikan aktiviti pembangunan padi dilaksanakan dengan lebih berkesan. Dengan penubuhan Seksyen ini, Jabatan memerlukan seramai 8 pegawai pelbagai gred untuk melaksanakan program subsidi padi.

Pada pandangan Audit, Jabatan mempunyai perancangan yang baik untuk memastikan program subsidi padi dapat diurus dengan teratur.

41.2 PELAKSANAAN

Pencapaian objektif program subsidi padi bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan dan penglibatan oleh semua pihak yang terlibat. Program dan rancangan yang telah diperincikan perlu dilaksanakan mengikut keutamaan. Dengan itu, Jabatan perlu memastikan serta menentukan subsidi padi diurus secara teratur, membuat kajian ke atas permohonan petani, memastikan

pengagihan bayaran subsidi dilaksanakan dengan teratur dan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, pihak Jabatan bertanggungjawab menempatkan pegawai yang mencukupi dan kompeten untuk mengendalikan program ini.

41.2.1 Kriteria Penerima Subsidi

Jabatan telah menetapkan kriteria dan syarat bagi pemohon bantuan subsidi ini. Kriteria yang ditetapkan adalah seperti yang terkandung dalam polisi dan prosedur, iaitu:

i) Pemohon adalah warganegara Malaysia yang bermastautin di Negeri Sabah.

ii) Berumur 18 tahun ke atas. Bagaimanapun, pemohon yang berumur di bawah 18 tahun dan sudah berkahwin serta memiliki tanah sawah sendiri adalah juga layak memohon.

iii) Memiliki tanah bergeran atau surat pengesahan untuk permohonan tanah (PT) yang dikeluarkan oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah sahaja.

iv) Pemohon boleh menyewa tanah bergeran atau tanah mempunyai surat arahan pengukuran (SP).

Setelah pemohon memenuhi kriteria yang dinyatakan di atas, pemohon perlu membuat pendaftaran untuk permohonan subsidi. Berikut adalah syarat yang perlu dipatuhi oleh petani semasa pendaftaran untuk melayakkan mereka menerima subsidi, iaitu:

a) telah memohon dengan Pejabat Pertanian Daerah dengan melengkapkan butir dalam borang permohonan subsidi;

b) telah mengemukakan geran tanah dan kad pendaftaran asal sebagaimana yang dikehendaki;

c) telah mengemukakan surat pengesahan permohonan tanah;

d) telah menyertakan salinan surat perakuan berkanun penyewaan tanah sawah padi ke atas tanah yang disewa; dan

e) telah menyertakan surat pengesahan Waris Tanah bagi pengusaha tanah waris.

Pada pandangan Audit, butiran permohonan dan dokumen sokongan bagi permohonan subsidi padi di Daerah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu adalah menepati kriteria yang ditetapkan dalam polisi dan prosedur penerima subsidi padi.

41.2.2 Proses Permohonan Subsidi

i) Pendaftaran Petani

Untuk melicinkan lagi pengurusan pembayaran subsidi, Jabatan telah menetapkan supaya semua petani yang memohon subsidi perlu mendaftar dengan Jabatan pada setiap awal tahun. Jabatan akan mengeluarkan kenyataan dan makluman melalui media massa tempatan atau notis kepada semua petani sebagai pemberitahuan pendaftaran. Semakan Audit mendapati Jabatan ada mengeluarkan notis dan pemberitahuan kepada semua petani supaya mendaftar pada bulan Januari hingga Februari setiap tahun. Jadual pendaftaran juga ada disediakan. Pemeriksaan Audit di Daerah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu mendapati pendaftaran pemohon subsidi telah dibuat dengan teratur dan direkodkan dalam daftar permohonan subsidi padi.

ii) Dokumen Sokongan Pemohon

Untuk menentukan kesahihan permohonan, dokumen berkaitan perlu disertakan bersama borang permohonan. Semakan Audit mendapati borang permohonan dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon subsidi pembajakan di Daerah Keningau dan Kota Belud adalah teratur. Manakala di Daerah Kota Marudu, adalah didapati beberapa salinan geran yang dikemukakan sebagai dokumen sokongan tidak disahkan sebagai

benar. Pada keseluruhannya, prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan telah diikuti.

iii) Penilaian Dan Kelulusan

Mengikut polisi dan prosedur yang ditetapkan, hanya Pegawai Pertanian/Pegawai Penguasa Pertanian Daerah mempunyai kuasa untuk meluluskan atau menolak permohonan bantuan. Apabila permohonan diterima, borang permohonan akan diproses mengikut prosedur dan sebarang keraguan akan ditolak. Bagi tahun 2002 dan 2003, bilangan permohonan yang dinilai adalah masing-masing sebanyak 38,310 dan 38,159. Manakala jumlah permohonan yang diluluskan adalah sebanyak 35,464 pada tahun 2002 dan 33,759 pada tahun 2003. Semakan Audit terhadap beberapa permohonan yang dipilih mendapati pihak Jabatan telah meneliti dan menilai semua butiran dalam borang permohonan subsidi berkenaan. Keputusan dimaklumkan kepada pemohon melalui surat tawaran. Setelah kerja pembajakan dan penanaman selesai dilaksanakan, pemohon mengemukakan tuntutan subsidi kepada Pegawai Pertanian. Juruteknik Pertanian bersama pemohon telah membuat pemeriksaan ke tapak sawah padi dan mengesahkan keluasan sebenar sawah padi yang layak dibayar subsidi selaras dengan syarat kelulusan subsidi pembajakan.

Pada pandangan Audit, proses pendaftaran dan kelulusan subsidi padi telah dilaksanakan dengan teratur dan memuaskan.

41.2.3 Proses Pemberian Subsidi

i) Pembayaran Subsidi

Bayaran subsidi adalah mengikut had dan keluasan sawah yang dibajak. Petani yang berdaftar hendaklah mengemukakan tuntutan bayaran subsidi setelah kerja pembajakan dan penanaman padi selesai dilaksanakan. Pemeriksaan dan

pengesahan oleh Pegawai Pertanian perlu dilakukan untuk menentukan jumlah sebenar subsidi yang layak dibayar. Pemeriksaan Audit terhadap 38 fail permohonan subsidi mendapati proses bayaran adalah mengikut peraturan kewangan dan prosedur yang ditetapkan.

Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kelewatan bayaran subsidi kepada petani. Mengikut rekod Jabatan, daripada sejumlah RM9.85 juta yang dibayar pada tahun 2002, sejumlah RM3.60 juta adalah untuk subsidi bagi tahun 2001. Begitu juga pada tahun 2003, daripada RM6.90 juta yang dibayar, sejumlah RM2.61 juta adalah subsidi bagi tahun 2002. Jumlah subsidi yang belum dibayar untuk tahun 2003 adalah berjumlah RM4.65 juta. Mengikut analisis Audit, peruntukan yang diluluskan adalah tidak mencukupi kerana sebahagian peruntukan yang diluluskan pada tahun semasa digunakan untuk menampung perbelanjaan tahun sebelumnya. **Jadual 29** berikut adalah analisis yang menunjukkan trend bayaran subsidi tertangguh akan berterusan.

Jadual 29
Analisis Mengenai Kedudukan Bayaran Subsidi

Bil.	Butiran	Tahun 2001 (RM Juta)	Tahun 2002 (RM Juta)	Tahun 2003 (RM Juta)
1.	Peruntukan Tahun Semasa	12.50	9.88	7.00
2.	Subsidi Tertangguh	2.66	3.60	8.58
3.	Subsidi Tahun Semasa	8.80	8.58	8.72
4.	Kos Operasi/Baja Padi	4.31	0.28	0.21
5.	Peruntukan Sebenar Diperlukan Pada Tahun Semasa	16.07	12.47	11.55
6.	Jumlah Peruntukan Dibelanjakan Pada Tahun Semasa	12.47	9.85	6.90
7.	Bayaran Tertangguh	3.60	2.61	4.65

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Pada pandangan Audit, kelewatan pembayaran subsidi boleh diatasi dengan meluluskan peruntukan yang mencukupi pada setiap tahun.

ii) Subsidi Pembajakan Sawah Padi

a) Pemeriksaan Sawah Padi

Kelulusan bagi pembayaran subsidi memerlukan pengesahan dari Pegawai Pertanian terlebih dahulu untuk menentukan keluasan tanah sawah yang telah dibajak. Langkah yang diambil oleh Jabatan ialah menetapkan setiap permohonan subsidi diteliti dan pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap sawah padi.

Pemerhatian Audit terhadap borang permohonan di Daerah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu mendapati pengesahan oleh Pegawai Pertanian ada dilakukan. Berdasarkan maklumat dalam borang permohonan dan temu bual Audit dengan pegawai berkaitan mendapati pemeriksaan terhadap sawah yang dibajak telah dilakukan sebelum subsidi dibayar.

b) Kadar Bayaran Pembajakan

Petani yang membajak sawah menggunakan khidmat kontraktor pembajak dikenakan bayaran mengikut keluasan sawah. Pemeriksaan Audit mendapati kadar yang perlu dibayar oleh petani untuk membajak sawah adalah berbeza iaitu antara RM150 hingga RM170 setiap 0.4 hektar. Jumlah ini melebihi kadar subsidi yang diberi oleh Jabatan, iaitu hanya RM100 bagi setiap 0.4 hektar. Hasil soal selidik mengenai subsidi padi kepada 30 petani mendapati kesemua petani menyatakan pemberian subsidi patut diteruskan dan kadar subsidi dinaikkan memandangkan kos

pembajakan semakin meningkat. Semakan Audit mendapati kadar subsidi ini tidak pernah dikaji semula sejak 21 tahun program ini diwujudkan.

iii) Bekalan Baja

Subsidi baja padi adalah satu komponen dalam program subsidi padi. Syarat dan prosedur pengagihan subsidi baja adalah terkandung dalam polisi dan prosedur sama seperti subsidi pembajakan sawah. Mulai pertengahan tahun 2002, Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang telah mengambil alih pemberian subsidi baja di Negeri Sabah. Jabatan tidak lagi terlibat dengan pemberian subsidi baja padi mulai pertengahan tahun berkenaan. Pemeriksaan Audit telah dilakukan terhadap stor baja di 3 Daerah yang dilawati semasa kajian dijalankan. Semakan Audit mendapati stok baja untuk subsidi padi di 3 Daerah masih mempunyai baki yang belum diagihkan setelah pemberian subsidi baja diberhentikan. Jumlah baki baja mengikut Daerah adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Stok Baja Di Daerah

Daerah	Jenis Baja			
	NPK Hijau 25 kg (Beg)	UREA 25 kg (Beg)	UREA 50 kg (Beg)	Jumlah (Beg)
Keningau	4,905	3,119	49	8,073
Kota Belud	6,116	-	4,850	10,966
Kota Marudu	158	-	-	158
Jumlah	**11,179**	**3,119**	**4,899**	**19,197**

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Pihak Audit diberitahu bahawa baki stok yang masih ada akan digunakan untuk projek pertanian berkelompok. **Foto 10** menunjukkan stok baja yang disimpan di stor baja Kota Belud.

Foto 10
Stok Baja Subsidi Padi Di Kota Belud

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 9 Disember 2003

Pada pandangan Audit, stok baja yang masih ada ini perlu digunakan dengan segera sebelum ia rosak dan menjadi satu pembaziran.

Pada pandangan Audit, proses pembayaran subsidi adalah memuaskan. Bagaimanapun, kelewatan pembayaran subsidi ini harus dielakkan supaya dasar Jabatan untuk membantu dan meringankan beban kewangan golongan petani dapat dicapai.

41.2.4 Rekod Pembayaran

Penyelenggaraan rekod yang lengkap dan kemas kini akan memudahkan semua pihak membuat rujukan dan penyediaan laporan yang tepat dan betul. Semakan Audit mendapati fail dan dokumen yang diselenggarakan di peringkat Daerah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu adalah memuaskan. Jabatan ada menyimpan fail individu

petani mengikut kawasan dan Daerah. Semak uji terhadap beberapa fail pemohon mendapati selepas pembayaran diluluskan, semua salinan dokumen sokongan seperti borang tuntutan, kad pengenalan, akaun bank, geran tanah, surat perakuan penyewaan tanah sawah padi, surat pengesahan waris tanah dan kad kawalan ada disimpan dalam fail individu dan diselenggarakan dengan teratur.

Pada pandangan Audit, penyelenggaraan rekod pembayaran adalah memuaskan.

41.2.5 Prestasi Program Subsidi Padi

Rekod Jabatan menunjukkan Negeri Sabah mempunyai 41,706 hektar tanah yang sesuai untuk penanaman padi. Mengikut Laporan Tahunan Jabatan, sejak 5 tahun kebelakangan keluasan sawah yang diusahakan menunjukkan sedikit peningkatan. Bagaimanapun, pengeluaran padi sejumlah 129,061 tan metrik bagi tahun 2002 adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pengeluaran bagi tahun 2001 sejumlah 137,237 tan metrik. Adalah difahamkan penurunan hasil keluaran berkenaan adalah disebabkan faktor cuaca yang di luar kawalan Jabatan. **Jadual 31** menunjukkan bilangan petani yang menerima subsidi, keluasan sawah dan pengeluaran hasil padi.

Jadual 31
Keluasan Sawah Dan Pengeluaran Hasil Padi

Tahun	Bilangan Petani Menerima Subsidi (Orang)	Keluasan Sawah Yang Ditanam (Hektar)	Pengeluaran (Tan Metrik)
1999	35,067	35,950	131,654
2000	34,688	36,296	138,285
2001	35,306	36,329	137,237
2002	35,464	36,328	129,061
2003	33,759	36,432	144,723

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Jabatan menjangka dapat meningkatkan keluasan penanaman padi sehingga 48,168 hektar pada tahun 2005 dan 50,000 hektar menjelang tahun 2010. **Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengkaji semula sasaran tersebut memandangkan keluasan tanaman padi tidak menunjukkan perubahan ketara iaitu di sekitar 36,000 hektar sahaja untuk tempoh 1999 hingga 2003.**

Mengikut kajian separuh penggal RMK8, strategi Jabatan untuk mempertingkatkan pengeluaran hasil padi adalah dengan menambah keluasan kawasan penanaman padi dengan membuka tanah terbiar dan baru. Rekod Jabatan menunjukkan sejumlah 4,355 hektar tanah sawah terbiar tanpa diusahakan dengan tanaman padi. Bagaimanapun, maklumat mengenai tanah sawah yang terbiar belum dikemas kini oleh Jabatan. **Jadual 32** menunjukkan anggaran keluasan tanah terbiar mengikut Daerah.

Jadual 32
Keluasan Tanah Terbiar Dan Jumlah Petani Terlibat

Bil.	Daerah	Keluasan (Hektar)	Bilangan Pemilik (Orang)
1	Papar	406	369
2	Tuaran	223	287
3	Penampang	160	147
4	Ranau	474	273
5	Sipitang	44	47
6	Kota Marudu	1,120	580
7	Kota Belud	388	309
8	Pitas	570	999
9	Beaufort	970	444
Jumlah		**4,355**	**3,455**

Sumber: Jabatan Pertanian Sabah

Antara sebab tanah terbiar tidak dapat diusahakan adalah ketiadaan sistem pengairan di kawasan berkenaan. Lawatan Audit ke 3 kampung

di Daerah Kota Belud mendapati tanah sawah seluas 247.88 hektar melibatkan seramai 210 pesawah tidak dapat dibajak sejak tahun 2001 kerana tiada sistem pengairan di kampung tersebut. **Pada pandangan Audit, tindakan dan usaha bersepadu oleh pihak yang terlibat perlu dilakukan supaya sasaran dapat dicapai selari dengan hala tuju dan teras utama pembangunan sektor pertanian.**

41.2.6 Prestasi Perbelanjaan

Siling peruntukan yang diluluskan untuk RMK8 adalah sejumlah RM45.28 juta. Pada tahun 2002 dan 2003, Jabatan diluluskan peruntukan masing-masing berjumlah RM9.88 juta dan RM7 juta untuk bayaran subsidi dan melaksanakan program. Perbelanjaan yang dilakukan pada tempoh yang sama adalah masing-masing berjumlah RM9.85 juta dan RM6.90 juta.

Pada pandangan Audit, prestasi perbelanjaan adalah memuaskan.

41.2.7 Guna Tenaga

Semakan Audit mendapati hanya 5 daripada 8 jawatan pelbagai gred yang diperlukan telah diisi di Seksyen Pembangunan Tanaman Padi. Jawatan yang masih belum diisi adalah Pegawai Pertanian G41, Penolong Pegawai Pertanian G27 dan Pembantu Pertanian G17. Manakala lawatan Audit ke Pejabat Pertanian Daerah Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu mendapati 1 jawatan Jurudata Gred S01 di Daerah Keningau dan 1 jawatan Pekerja Rendah Awam Gred R13 di Daerah Kota Belud yang telah tamat perkhidmatan pada akhir bulan Julai 2003 masih belum diisi.

Pada pendapat Audit, kekurangan tenaga kerja boleh menjejaskan pelaksanaan rancangan yang disediakan dan mengakibatkan pencapaian matlamat tertangguh.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan program subsidi padi masih boleh dipertingkatkan dengan memperluaskan kawasan sawah padi melalui cara memulihkan tanah terbiar. Di samping itu, peruntukan yang mencukupi perlu diagihkan kepada semua Daerah bagi memastikan bayaran subsidi dibuat dengan cepat. Dengan itu, bantuan yang diberi dapat digunakan oleh petani dengan segera bagi tujuan pembayaran kepada pembajak sawah.

41.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan adalah penting bagi memastikan program dilaksanakan dengan cekap dan berkesan di mana masalah yang timbul boleh dikenal pasti dan diatasi dengan segera. Sistem pemantauan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

41.3.1 Peringkat Kementerian

Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan bertanggungjawab menyalurkan peruntukan kewangan bagi pembayaran subsidi padi yang dilaksanakan oleh Jabatan. Pada awal tahun, Kementerian akan mengeluarkan waran perbelanjaan berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Kementerian juga memantau prestasi Laporan Perbelanjaan Suku Tahun yang disediakan oleh Jabatan dan dikemukakan kepada Kementerian.

41.3.2 Peringkat Jabatan Dan Daerah

Pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan adalah melalui mesyuarat suku tahun dengan pegawai terlibat dan juga melalui pelbagai laporan bulanan dan tahunan yang disediakan oleh Pegawai Pertanian di peringkat Daerah. Antara laporan yang dikemukakan ke Ibu Pejabat adalah Laporan Bulanan Subsidi Pembajakan Sawah, Laporan Kemajuan Suku Tahun Dan Tahunan Subsidi Untuk Tanaman Padi dan Laporan Bulanan Kewangan Subsidi Untuk Tanaman Padi. Semakan Audit mendapati semua cawangan Daerah telah menyedia

dan mengemukakan Laporan tersebut ke Ibu Pejabat mengikut jadual yang ditetapkan.

41.3.3 Jawatankuasa Penanaman Padi

Mesyuarat Tahunan Jabatan Pertanian pada pertengahan bulan September 2001 telah mencapai resolusi untuk menubuhkan Jawatankuasa Tanaman Padi, Jabatan Pertanian Negeri Sabah. Ekoran daripada mesyuarat itu, Jawatankuasa Penanaman Padi telah ditubuhkan di peringkat Jabatan. Bagaimanapun, Jawatankuasa di peringkat Jabatan telah dibubarkan pada tahun 2003 kerana matlamat mewujudkannya bagi mengemas kini dasar, strategi dan aktiviti pelaksanaan program subsidi padi telah dicapai. Sebagai ganti, Jawatankuasa Penanaman Padi di peringkat Kementerian ditubuhkan pada bulan September 2003. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Pertanian Sabah.

Selain itu, Jawatankuasa Penanaman Padi juga ditubuhkan di peringkat Daerah dengan Pegawai Daerah sebagai penasihat. Pengerusi Jawatankuasa adalah Pegawai/Penguasa Pertanian Daerah dan ahlinya terdiri daripada pegawai Jabatan dan agensi yang mempunyai kaitan dengan penanaman padi. Fungsi Jawatankuasa di peringkat Kementerian adalah untuk menentukan pencapaian matlamat pengeluaran padi Negeri manakala fungsi Jawatankuasa di peringkat Daerah adalah untuk menentukan penanaman padi di Daerah dibuat secara teratur, berjadual dan penanam padi dapat dibantu oleh semua pihak yang terlibat secara bersepadu.

Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penanaman Padi di peringkat Daerah yang dilawati di Keningau, Kota Belud dan Kota Marudu telah bermesyuarat 2 kali masing-masing pada tahun 2002 dan 2003 seperti yang ditetapkan. Minit mesyuarat berkenaan juga telah dikemukakan ke Ibu Pejabat.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah mengadakan pemantauan yang baik terhadap pengurusan bayaran subsidi.

42. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan subsidi padi yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian adalah baik. Bilangan petani yang berdaftar dengan Jabatan semakin bertambah dan keluasan tanah sawah yang meningkat dapat memberi petunjuk bahawa pemberian subsidi padi telah memberi manfaat kepada petani. Bagaimanapun, usaha perlu dipertingkatkan lagi untuk mencapai sasaran pengeluaran padi. Adalah disyorkan supaya peruntukan yang mencukupi diberi kepada Jabatan pada setiap tahun bagi melaksanakan program untuk memperluaskan sawah padi dan meningkatkan produktiviti pengeluaran padi. Selain itu, jawatan kosong yang masih belum diisi harus dipertimbangkan untuk diisi dengan segera supaya program subsidi padi dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

JABATAN PELABUHAN DAN DERMAGA SABAH

PEMBINAAN, PENGGUNAAN DAN PENYENGGARAAN KAPAL DAN LANCA

43. LATAR BELAKANG

Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah (Jabatan) merupakan agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Pembangunan Infrastruktur Sabah. Ia telah menjadi sebuah agensi Negeri bermula pada awal bulan Januari 1993 setelah dipisahkan pentadbirannya daripada tanggungjawab Jabatan Laut Sabah (Persekutuan). Ibu Pejabat Jabatan ditempatkan di Wilayah Persekutuan Labuan dan mempunyai 7 cawangan iaitu Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Menumbok, Kudat, Lahad Datu dan Semporna. Jabatan menjalankan tugas/fungsinya berdasarkan Ordinan Perkapalan Saudagar No. 11 Tahun 1960. Bagaimanapun, satu Rang Undang-Undang Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002 telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Sabah dan diwartakan pada bulan September 2002.

Antara objektif utama Jabatan adalah untuk mengawal dan menguruskan sistem lalu lintas air yang selamat serta cekap di pelabuhan, dermaga dan sungai di Sabah. Bagi mencapai objektif tersebut, Jabatan memerlukan kapal dan lanca untuk menjalankan kerja penguatkuasaan, pemantauan kawasan perairan serta sebagai kapal tunda yang digunakan untuk membantu kapal merapat (berlabuh) ke jeti. Selain itu, Jabatan juga memberi perkhidmatan pengangkutan barang awam ke pulau atau tempat terpencil yang hanya boleh dihubungi melalui jalan air. Ketika ini, Jabatan mempunyai 23 kapal dan lanca yang dibina antara tahun 1962 hingga 2002. Tiga daripadanya yang merupakan kapal feri telah diswastakan. Jabatan perlu melakukan kerja penyenggaraan terhadap kapal dan lanca tersebut supaya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan.

44. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pembinaan, penggunaan dan penyenggaraan kapal dan lanca telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat untuk menyediakan sistem lalu lintas air yang cekap dan selamat di pelabuhan, dermaga dan sungai di Sabah.

45. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pembinaan, penggunaan dan penyenggaraan kapal dan lanca Jabatan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pemeriksaan Audit dibuat terhadap dokumen kontrak, minit mesyuarat, rekod pembinaan dan penyenggaraan kapal dan lanca, rekod penggunaan kapal dan lanca, statistik pengguna lalu lintas air, buku vot, baucar bayaran, fail surat-menyurat dan dokumen lain yang berkaitan. Semakan terhadap rekod dan dokumen serta temu bual dengan pegawai Jabatan telah dijalankan di Ibu Pejabat (Wilayah Persekutuan Labuan) dan cawangannya di Kota Kinabalu. Pemeriksaan fizikal juga dijalankan terhadap kapal dan lanca yang berada di Wilayah Persekutuan Labuan dan Kota Kinabalu.

46. PENEMUAN AUDIT

46.1 PERANCANGAN

Bagi mencapai objektif sesuatu program/aktiviti, perancangan adalah aspek penting yang perlu diberi perhatian. Tanpa perancangan, sesuatu program/aktiviti tidak dapat dilaksanakan dengan cekap yang akhirnya akan menjejaskan pencapaian objektif. Antara perkara yang diteliti di peringkat perancangan adalah seperti berikut:

46.1.1 Pembinaan Kapal Dan Lanca

i) Kriteria Pembinaan Kapal Dan Lanca

Kriteria pembinaan kapal dan lanca hendaklah dikenal pasti bagi menentukan antara lainnya bilangan dan jenis kapal dan lanca yang diperlukan dan sesuai digunakan. Antara aspek penting yang perlu diambil kira sebagai kriteria pembinaan kapal dan lanca ini adalah seperti berikut:

a) beban kerja berasaskan kesibukan lalu lintas air dan keluasan kawasan perairan yang termasuk di bawah kawalannya;

b) aspek hala tuju iaitu keperluan pengembangan pada masa hadapan;

c) tujuan penggunaan seperti penguatkuasaan, pemantauan, menunda kapal dan pengangkutan;

d) peralatan kapal dan lanca (aspek keselamatan), kelajuan serta kapasiti kapal dan lanca; dan

e) keperluan untuk membesarkan bilangan kapal dan lanca serta program penggantian kapal dan lanca lama.

Semakan Audit mendapati tidak semua kriteria di atas telah diambil kira semasa Jabatan merancang pembinaan kapal dan lanca. Kertas kerja yang disediakan ketika memohon peruntukan di bawah RMK8 hanya menyatakan bilangan kapal dan lanca yang hendak dibina, tujuan pembinaannya, jumlah peruntukan yang diperlukan dan bilangan serta usia kapal dan lanca yang sedia ada.

ii) Bilangan Dan Jenis Kapal Dan Lanca

Di bawah RMK8, Jabatan merancang untuk membina 1 Lanca Pentadbiran dan 5 Lanca Penguatkuasaan. Lanca Pentadbiran yang akan ditempatkan di Cawangan Kota Kinabalu adalah untuk

kegunaan urusan rasmi Jabatan Negeri dan orang kenamaan yang membuat lawatan khususnya di tempat yang tidak dapat dihubungi dengan pengangkutan darat. Selain itu, ia juga akan disewakan. Lanca Penguatkuasaan pula bertujuan untuk menampung aktiviti penguatkuasaan di Cawangan Tawau, Kudat, Sandakan, Semporna dan Lahad Datu.

Mengikut perancangan, pembinaan 6 kapal tersebut akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2001 hingga 2005. Lanca Pentadbiran dijadualkan pembinaannya pada tahun 2001. Manakala 5 Lanca Penguatkuasaan pula dijadualkan pembinaannya pada tahun 2002 hingga 2005. **Pihak Audit mendapati justifikasi yang lengkap bagi pembinaan kapal baru ini sama ada merupakan tambahan atau penggantian kapal yang lama tidak dinyatakan.**

iii) Anggaran Kos Pembinaan

Anggaran kos bagi pembinaan 1 Lanca Pentadbiran dan 5 Lanca Penguatkuasaan adalah berjumlah RM17 juta di bawah RMK8. Mengikut perancangan, peruntukan tersebut akan digunakan secara berperingkat daripada tahun 2001 hingga 2005 seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Anggaran Kos Pembinaan Kapal Dan Lanca

Tahun	Peruntukan Diperlukan (RM Juta)	Kapal Dan Lanca		
		Jenis	Bilangan	Penempatan
2001	4.50	Lanca Pentadbiran	1	Kota Kinabalu
2002	2.50	Lanca Penguatkuasaan	1	Sandakan
2003	5.00	Lanca Penguatkuasaan	2	Tawau dan Kudat
2004	2.50	Lanca Penguatkuasaan	1	Semporna
2005	2.50	Lanca Penguatkuasaan	1	Lahad Datu
Jumlah	**17.00**		**6**	

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu merancang pembinaan kapal dan lanca dengan menentukan bilangan serta jenis kapal dan lanca yang diperlukan pada masa ini serta masa hadapan dengan mengambil kira kesibukan lalu lintas air, kawasan perairan serta hala tuju atau keperluan pengembangan pada masa hadapan. Selain itu, jangkaan peningkatan pengguna, tenaga kerja, perkembangan teknologi serta peralatan kapal dan lanca juga perlu dikaji. Perancangan untuk membina kapal dan lanca yang baru hanya akan dibuat jika bilangan yang sedia ada masih kurang berbanding bilangan sebenar yang diperlukan atau ada kapal dan lanca yang perlu diganti kerana tidak lagi ekonomik untuk dibaiki.

46.1.2 Penyenggaraan Dan Pembaikan Kapal Dan Lanca

Jabatan mempunyai 23 kapal dan lanca yang dibina mulai tahun 1962 hingga 2002 yang perlu disenggara dari semasa ke semasa. Adalah

didapati 3 kapal feri telah diswastakan pada bulan April 1995 dan akan disenggara oleh pihak swasta.

i) Penyenggaraan Berjadual

Jabatan perlu melaksanakan kerja penyenggaraan berjadual untuk mengelakkan kerosakan yang boleh memendekkan jangka hayat dan meningkatkan susut nilai kapal dan lanca. Jabatan menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1995 yang menggariskan tatacara perancangan penyenggaraan bot/kapal Kerajaan. Penyenggaraan berjadual perlu dilakukan sekali dalam tempoh antara 12 hingga 18 bulan bagi kapal dan lanca jenis aluminium, kaca gentian (*glass reinforce*) serta besi dan sekali dalam tempoh antara 6 hingga 12 bulan bagi kapal dan lanca jenis kayu. Butiran lanjut 20 kapal dan lanca tersebut yang perlu disenggara oleh Jabatan adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Kapal Dan Lanca Yang Perlu Disenggara

Bil.	Nama Kapal	Jenis Kapal	Kekerapan Penyenggaraan
1.	Kuala Berjaya	Aluminium	}
2.	Bot Laju (Semporna)	}	}
3.	Dinawan	}	}
4.	Jelita	}	}
5.	Jemalin	} Kaca Gentian	} 1 kali dalam tempoh
6.	Johan	}	} antara 12 hingga
7.	Kanawi	}	} 18 bulan
8.	Marudu	}	}
9.	Papan	}	}
10.	Tg. Dumpil	}	}
11.	Bohayan	}	}
12.	Gaya II	} Besi	}
13.	Tarek	}	}
14.	Janek	}	}
15.	Jasmine	}	}
16.	Lagisan II	}	} 1 kali dalam tempoh
17.	Malawali	} Kayu	} antara 6 hingga
18.	Rusukan II	}	} 12 bulan
19.	Timbun Mata II	}	}
20.	Ukur Satu	}	}

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

ii) Jenis Penyenggaraan/Pembaikan

Penyenggaraan berjadual yang perlu dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan meliputi penyenggaraan badan dan mesin serta peralatan kapal. Penyenggaraan badan kapal melibatkan kerja menaikkan kapal ke atas landasan (limbungan) untuk membolehkan kerja penyenggaraan keseluruhan badan kapal seperti pembersihan serta pembaikan struktur yang mudah berkarat atau rosak akibat penggeselan atau kekaratan, kerosakan pada struktur asas dan dinding terbuka dan sebagainya dapat dijalankan. Manakala penyenggaraan mesin dan peralatan kapal melibatkan pemeriksaan dan penyenggaraan biasa terhadap enjin dan peralatan kapal termasuk alat elektrik

sebagaimana disyorkan oleh pembekal. Selain itu, pembaikan terhadap sebarang kerosakan yang berlaku sebelum masa penyenggaraan berjadual juga perlu dibuat.

iii) Anggaran Kos Penyenggaraan Dan Pembaikan

Jabatan memerlukan peruntukan setiap tahun bagi menampung kos penyenggaraan serta pembaikan kapal dan lancanya. Anggaran kos itu disediakan di peringkat Ibu Pejabat dengan mengambil kira laporan keadaan atau kerosakan kapal dan lanca daripada semua cawangan. Bagi tujuan ini, Jabatan telah memohon peruntukan masing-masing sejumlah RM4.46 juta pada tahun 2001 dan 2002 dan sejumlah RM4.18 juta pada tahun 2003.

iv) Pembelian Alat Ganti Kapal Dan Lanca

Keperluan alat ganti dimasukkan dalam kos kerja penyenggaraan atau pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Oleh itu, Jabatan tidak menyediakan anggaran kos alat gantinya secara berasingan.

46.1.3 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan menggunakan *Standard Tariff : Repair of Government Vessel 1992* yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Oleh itu, Jabatan menetapkan supaya pelantikan kontraktor bagi melaksanakan kerja penyenggaraan kapal dan lancanya ditawarkan terus kepada kontraktor yang berkelayakan. Jabatan akan mengkaji permohonan kontraktor daripada aspek kemampuan kewangan, peralatan, tenaga kerja (kepakaran), pengalaman kerja yang berkaitan dan sebagainya. Jika kontraktor tersebut berkemampuan berasaskan kriteria yang ditetapkan termasuk kesediaan untuk menerima pakai *standard tariff*, Jabatan akan mengemukakan permohonan berkenaan kepada Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

46.1.4 Penempatan Dan Penggunaan Kapal Dan Lanca

Perancangan perlu dibuat untuk menentukan kapal dan lanca digunakan mengikut keperluan pada tahap maksima ke arah pencapaian matlamat perolehannya. Aspek penting yang perlu dirancang adalah penetapan kegunaan setiap kapal dan lanca, penempatannya berdasarkan keperluan/keutamaan dan jadual penggunaan bagi setiap kapal dan lanca yang meliputi aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan kawasan perairan di bawah kawalan Jabatan.

Mengikut perancangan, penempatan kapal dan lanca akan dibuat berdasarkan keperluan di Ibu Pejabat dan setiap cawangan bagi menjalankan aktiviti penguatkuasaan, pemantauan kawasan perairan, pentadbiran dan lawatan orang kenamaan dan sebagainya.

Berdasarkan jadual penggunaan kapal yang mula disediakan pada tahun 2003, kekerapan penggunaan yang dirancang bagi 5 kapal yang ada di Ibu Pejabat (Wilayah Persekutuan Labuan) dan 1 kapal di Cawangan Kota Kinabalu untuk tujuan penguatkuasaan adalah 52 kali iaitu masing-masing 40 dan 12 kali.

46.1.5 Keperluan Tenaga Kerja

Bahagian Pelayaran dan Bahagian Kejuruteraan Laut di Ibu Pejabat terlibat secara langsung dengan urusan pembinaan, penyenggaraan serta penggunaan kapal dan lanca. Manakala di peringkat Cawangan, Unit Lanca-Lanca Jabatan telah dibentuk untuk mengendalikan penggunaan kapal dan lanca di Cawangan berkenaan. Bagi menentukan setiap Bahagian dan Unit (di 7 Cawangan) dapat berfungsi dengan baik, Jabatan memohon 268 jawatan pelbagai gred. Jawatan tersebut terdiri daripada 14 jawatan kumpulan pengurusan dan profesional serta 254 jawatan kumpulan sokongan.

46.1.6 Sasaran Kutipan Hasil

Jabatan mengutip hasil seperti Cukai Pelabuhan, Pelesenan Kapal-kapal Kecil Dan Perikanan (berat bersih di bawah 15 tan), Cukai Dermaga dan Pelbagai (pemaliman, sewa kapal dan lain-lain). Keberkesanan penggunaan kapal dan lanca boleh menyumbang kepada peningkatan kutipan hasil melalui penguatkuasaan pelesenan, keberkesanan pengendalian pelabuhan/dermaga, penyewaan kapal dan lanca dan sebagainya. Jabatan menetapkan sasaran kutipan hasil tahunannya berjumlah RM1.73 juta pada tahun 2001, RM1.83 juta pada tahun 2002 dan RM1.87 juta pada tahun 2003.

46.1.7 Pelupusan Kapal Dan Lanca

Aspek penting yang perlu dikaji ketika merancang pelupusan kapal dan lanca adalah kos penyenggaraan, kadar penggunaan serta keadaan kapal dan lanca daripada segi kekuatan, ketahanan dan kesesuaian peralatannya. Bahagian Kejuruteraan Laut akan menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap kapal dan lanca yang hendak dilupuskan. Jika kadar penggunaan adalah rendah disebabkan kapal dan lanca seringkali mengalami kerosakan dan pembaikan memerlukan kos yang tinggi, Sijil Tidak Ekonomi Diperbaiki dikeluarkan. Syor pelupusan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan yang akan melantik Lembaga Pemeriksa. Lembaga Pemeriksa akan membuat pemeriksaan dan memberi syor sama ada kapal dan lanca berkenaan perlu dilupuskan. Lembaga Pemeriksa juga menetapkan kaedah pelupusan yang biasanya akan dijual melalui tawaran tender umum. Syor Lembaga Pemeriksa akan dilaksanakan selepas mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

Pada pandangan Audit, aspek perancangan boleh dipertingkatkan sekiranya Jabatan mengambil kira asas pembinaan seperti statistik pengguna lalu lintas air, kawasan perairan serta hala tuju dan keperluan

pengembangan pada masa hadapan semasa merancang pembinaan kapal dan lanca.

46.2 PELAKSANAAN

Sesuatu program perlu dilaksanakan sebaik mungkin mengikut perancangan yang ditetapkan. Kajian Audit terhadap aspek pembinaan, penggunaan dan penyenggaraan kapal dan lanca Jabatan mendapati perkara berikut:

46.2.1 Pembinaan Kapal Dan Lanca

i) Kelulusan Peruntukan

Semakan Audit mendapati daripada RM17 juta yang dipohon di bawah RMK8, Kerajaan Negeri meluluskan RM7.50 juta untuk membina 3 Lanca Penguatkuasaan. Pelaksanaannya dijadualkan pada tahun 2001, 2003 dan 2005. Bagaimanapun, Jabatan hanya menerima peruntukan sejumlah RM145,000 pada tahun 2002 dan RM500,000 pada tahun 2003. Peruntukan sejumlah RM7.50 juta yang sepatutnya disalurkan pada tahun 2001, 2003 dan 2005 tidak dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan kerana projek tersebut tidak menjadi keutamaan pada ketika itu. Akibatnya, Jabatan tidak dapat melaksanakan pembinaan kapal sebagaimana dirancangkan.

Dengan peruntukan yang diterima, Jabatan hanya berupaya membina bot laju berharga RM106,388 yang ditempatkan di Daerah Semporna pada tahun 2002. Sementara itu, peruntukan pada tahun 2003 berjumlah RM500,000 untuk memulakan pembinaan 1 kapal tunda yang dianggarkan berharga RM3.50 juta tidak dibelanjakan kerana pelawaan tender tidak sempat diproses pada tahun itu. Semakan Audit mendapati pelawaan tender hanya dibuat pada bulan November 2003 walaupun kelulusan Kementerian Kewangan untuk memulakan projek telah

dikeluarkan pada bulan April 2003. Pembinaan kapal tunda ini pula merupakan projek baru yang tidak termasuk dalam rancangan asal. Oleh kerana peruntukan sejumlah RM500,000 pada tahun 2003 tidak digunakan, Jabatan terpaksa memohon untuk mengkaji semula jumlah peruntukan pada tahun 2004 dan 2005 supaya dapat disesuaikan dengan harga kapal tunda yang dianggarkan berjumlah RM3.50 juta tersebut.

Pelaksanaan yang tidak menepati perancangan tersebut menjejaskan matlamat Jabatan untuk menambah bilangan kapal bagi tujuan pentadbiran (urusan rasmi Jabatan Kerajaan Negeri serta lawatan orang kenamaan) dan aktiviti penguatkuasaan. Bagaimanapun, perkara ini tidak dapat dielakkan kerana peruntukan yang mencukupi tidak diperolehi.

ii) Pelantikan Kontraktor

Pada tahun 2002, Jabatan membina 1 bot laju berukuran 6 meter panjang dengan kapasiti 6 penumpang dan kelajuan antara 25 hingga 30 *knots* untuk kegunaan penguatkuasaan di Cawangan Semporna. Jabatan telah memanggil tender pada awal bulan Ogos 2002 dan 5 tender telah diterima yang menawarkan harga antara RM106,388 dan RM141,000 berbanding anggaran Jabatan sejumlah RM135,500. Berdasarkan Laporan Analisis Tender dan syor Jabatan, Lembaga Tawaran Kementerian Pembangunan Infrastruktur telah meluluskan pelantikan sebuah syarikat tempatan pada pertengahan bulan Oktober 2002 dengan kos RM106,388 dan tempoh penyiapan selama 5 minggu. Perjanjian kontrak antara Jabatan dan kontraktor telah ditandatangani pada akhir bulan November 2002. Tempoh kontrak bermula pada akhir bulan Oktober 2002 dan dijadualkan siap pada awal bulan Disember 2002.

Semakan Audit mendapati pembinaan bot laju ini telah disahkan siap pada awal bulan Disember 2002. Mengikut laporan Penolong Pegawai Laut yang mewakili Jabatan, kerja pembinaan bot laju tersebut adalah memuaskan dan mengikut spesifikasi kontrak. Pembayaran sepenuhnya telah dibuat kepada kontraktor pada bulan Disember 2002. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menjalankan pemeriksaan terhadap bot laju tersebut yang ditempatkan di Semporna.

Pada pandangan Audit, proses penawaran kontrak dan pelaksanaan kerja pembinaan adalah teratur.

46.2.2 Penyenggaraan Dan Pembaikan Kapal Dan Lanca

i) Penyenggaraan Berjadual

Berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1995 yang diterima pakai, penyenggaraan berjadual perlu dilakukan sekali dalam tempoh antara 12 hingga 18 bulan bagi kapal dan lanca jenis aluminium, kaca gentian (*glass reinforce*) serta besi dan sekali dalam tempoh antara 6 hingga 12 bulan bagi kapal dan lanca jenis kayu. Analisis Audit terhadap pelaksanaan penyenggaraan berjadual setakat bulan Disember 2003 mendapati sebanyak 11 kapal dan lanca telah disenggara mengikut tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Kapal Dan Lanca Yang Disenggara Mengikut Jadual
Setakat Bulan Disember 2003

Bil.	Nama Kapal Dan Lanca	Jenis	Tahun Dibina	Penyenggaraan Terakhir	Penyenggaraan Berikutnya
1	Papan	Kaca gentian	1966	Julai 2002	Januari 2004
2	Ukur Satu	Kayu	1975	Jun 2003	Jun 2004
3	Kuala Berjaya	Aluminium	1973	Mac 2003	September 2004
4	Tarek	Besi	1973	Jun 2003	Disember 2004
5	Gaya II	Besi	1976	Julai 2003	Januari 2005
6	Janek	Kayu	1975	Sedang disenggara	-
7	Rusukan II	Kayu	1974	Sedang disenggara	-
8	Jemalin	Kaca gentian	1979	Sedang disenggara	-
9	Jelita	Kaca gentian	1962	Sedang disenggara	-
10	Jasmine	Kayu	1995	Sedang disenggara	-
11	Bot Laju (Semporna)	Kaca gentian	2002	Masih baru	-

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Manakala 9 kapal dan lanca lagi yang sepatutnya disenggara antara bulan November 2002 hingga November 2003 belum lagi dinaikkan ke atas limbungan untuk tujuan penyenggaraan seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Senarai Kapal Dan Lanca Tidak Disenggara Mengikut Jadual
Setakat Bulan Disember 2003

Bil.	Nama Kapal Dan Lanca	Jenis	Tahun Dibina	Penyenggaraan Terakhir	Tarikh Sepatutnya Disenggara
1	Bohayan	Besi	1976	Mei 2001	November 2002
2	Johan	Kaca gentian	1979	Oktober 2001	April 2003
3	Kanawi	Kaca gentian	1966	Oktober 2001	April 2003
4	Dinawan	Kaca gentian	1971	Disember 2001	Jun 2003
5	Lagisan II	Kayu	1973	Julai 2002	Julai 2003
6	Timbun Mata II	Kayu	1974	Ogos 2002	Ogos 2003
7	Tg. Dumpil	Kaca gentian	2001	April 2002	Oktober 2003
8	Malawali	Kayu	1971	Oktober 2002	Oktober 2003
9	Marudu	Kaca gentian	1969	Mei 2002	November 2003

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Tempoh kelewatan menjalankan penyenggaraan berjadual bagi 9 kapal dan lanca tersebut adalah antara 1 hingga 14 bulan. Semua kapal dan lanca tersebut masih digunakan. Mengikut Jabatan, masalah penyenggaraan tidak mengikut jadual ini disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Bagi tahun 2001 dan 2002, Jabatan memohon peruntukan masing-masing sejumlah RM4.46 juta, tetapi peruntukan yang diluluskan hanya RM3.08 juta pada tahun 2001 dan RM2.42 juta pada tahun 2002. Manakala bagi tahun 2003, hanya sejumlah RM2.56 juta diluluskan daripada RM4.18 juta yang dipohon. Berdasarkan kertas kerja permohonan peruntukan, Jabatan memerlukan peruntukan penyenggaraan dan pembaikan yang lebih tinggi pada tahun 2003 berbanding jumlah yang diluluskan pada tahun 2002 kerana usia 17 daripada 20 kapal dan lancanya melebihi 20 tahun. Selain itu, penyenggaraan tidak mengikut jadual sebelum ini menyebabkan kerosakan kapal dan lanca semakin teruk dan memerlukan kos pembaikan yang lebih tinggi.

Pada pandangan Audit, penyenggaraan perlu dilaksanakan mengikut jadual bagi mengelakkan bebanan ke atas Kerajaan pada masa hadapan dari segi kos penyenggaraan yang semakin meningkat dan kemerosotan nilai kapal dan lanca yang berterusan. Oleh itu, Kementerian Kewangan perlu menimbang untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi.

ii) Pembaikan Kapal Dan Lanca

Jabatan mengambil tindakan untuk membaiki sebarang kerosakan terhadap kapal dan lancanya dari semasa ke semasa. Pemeriksaan Audit mendapati pembaikan kecil seperti kerosakan peralatan, sistem paip, elektrik, bahagian tertentu badan serta enjin kapal telah dijalankan terhadap 13 kapal dan lanca Jabatan pada tahun 2003. Setiap pembaikan yang melibatkan kos antara

RM350 hingga RM9,985 dilaksanakan melalui sebut harga dan telah diurus serta dilaksanakan dengan sempurna.

iii) Kos Penyenggaraan Dan Pembaikan

Dua puluh kapal dan lanca Jabatan adalah diperolehi antara tahun 1962 hingga 2002 dan ini bermakna, kapal dan lanca berkenaan berusia antara 1 hingga 41 tahun. Bagaimanapun, tujuh belas daripadanya berusia antara 20 hingga 41 tahun. Mengikut Jabatan, kos penyenggaraan yang tinggi antara lainnya disebabkan oleh faktor usia kapal dan lanca berkenaan. Semakan Audit mendapati bagi tujuan penyenggaraan ini, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM7.24 juta bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Kos penyenggaraan dan pembaikan bagi setiap kapal dan lanca Jabatan adalah antara RM5,319 hingga RM1.52 juta bagi tempoh 3 tahun. Kos penyenggaraan dan pembaikan yang tinggi melibatkan kapal tunda bernama Tarek yang berusia 30 tahun iaitu berjumlah RM1.52 juta bagi tempoh 3 tahun. Mengikut rekod Jabatan, kapal ini tidak pernah digunakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 kerana ketiadaan penyewa. Bagaimanapun, kapal tersebut perlu disenggara untuk menjaga keadaan kapal dan mengelakkan kemerosotan nilainya yang berterusan.

Pihak Audit berpendapat satu kajian menyeluruh perlu dijalankan bagi menilai sama ada pemilikan kapal dan lanca berkenaan adalah ekonomik, mendatangkan hasil dan dapat memenuhi objektif yang ditetapkan. Laporan kajian ini juga boleh membantu Jabatan merancang program pembinaan baru atau penggantian kapal dan lanca yang terlalu lama.

iv) Pemilihan Kontraktor

a) Pemilihan kontraktor bagi melaksanakan kerja penyenggaraan kapal dan lanca dibuat secara lantikan terus dengan kelulusan Kementerian Kewangan sebagaimana dirancang. Kaedah penawaran terus ini dibuat kerana Jabatan menggunakan *Standard Tariff : Repair of Government Vessel 1992* yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia sebagai panduan pembayaran kepada kontraktor.

Setakat ini 8 kontraktor telah dilantik untuk menjalankan kerja penyenggaraan kapal dan lanca yang berpengkalan masing-masing 4 di Wilayah Persekutuan Labuan, tiga di Sandakan dan 1 di Kudat. Oleh kerana kontrak ini berasaskan jadual kadar yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, nilai kontrak tidak ditetapkan. Tempoh kuat kuasa kontrak pula adalah antara 1 hingga 3 tahun dan akan dilanjutkan jika kontraktor menunjukkan prestasi kerja yang baik dan mendapat kelulusan Kementerian Kewangan. Pemeriksaan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2003, lima daripada 8 kontrak tersebut telah tamat tempoh kuatkuasanya antara bulan Mac hingga September 2003 dan belum dilanjutkan lagi.

b) Perjanjian kontrak ditandatangani dengan setiap kontraktor sama ada pelantikan pertama atau lanjutan. Antara lain perjanjian menyatakan kaedah bagi menentukan skop dan spesifikasi kerja penyenggaraan, kos dan cara pembayaran hendaklah menggunakan kadar yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia, kontraktor bertanggungjawab menyediakan tempat bagi menjalankan kerja penyenggaraan dan alat ganti yang digunakan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Jabatan. Selain itu, perjanjian juga

memperuntukkan hak Kerajaan mengenakan denda jika berlaku kelewatan penyiapan. Kontraktor pula berhak mendapat bayaran berdasarkan kemajuan kerja yang dilaksanakan. Sepertimana kontrak biasa, perjanjian juga menghendaki kontraktor menyediakan jaminan bank bagi Bon Pelaksanaan sebelum kerja pembinaan dimulakan.

c) Jabatan mengagihkan kerja penyenggaraan/pembaikan kepada kontraktor yang berpengkalan di Daerah masing-masing mengikut giliran dan juga mengambil kira prestasi kerja kontraktor pada masa lalu. Pengawasan kerja dijalankan oleh Jurutera Laut, Bahagian Kejuruteraan Laut. Pada tahun 2003, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM2.05 juta untuk kerja penyenggaraan dan pembaikan kapal dan lanca. Semakan Audit terhadap dokumen pembayaran di Ibu Pejabat Jabatan mendapati pembayaran dibuat setelah kerja disahkan siap dengan sempurna dan mengikut spesifikasi serta tuntutan pembayaran diteliti terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Semakan Kos.

Pada pandangan Audit, proses penawaran kontrak, penyediaan dokumen perjanjian dan pembayaran kepada kontraktor adalah teratur. Bagaimanapun, perjanjian baru hendaklah ditandatangani bagi kontrak yang telah tamat tempoh kuatkuasanya jika perkhidmatan kontraktor berkenaan masih diperlukan.

46.2.3 Penempatan Dan Penggunaan Kapal Dan Lanca

Penempatan 20 kapal dan lanca Jabatan (tidak termasuk 3 kapal feri yang diswastakan) dibuat mengikut keperluan iaitu 5 di Ibu Pejabat (Wilayah Persekutuan Labuan), dua di Kota Kinabalu, lima di Sandakan, dua di Tawau, tiga di Kudat, satu di Lahad Datu dan 2 di

Semporna. Butiran lanjut penempatan serta penggunaan kapal dan lanca tersebut seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Penempatan Dan Penggunaan Kapal Dan Lanca

Jenis Kapal Dan Lanca	Bilangan	Nama	Penempatan	Penggunaan
Lanca				
Kapal Kecil dan Bot Laju	17	Johan	Labuan	}
		Dinawan	Labuan	}
		Jelita	Labuan	}
		Kuala Berjaya	Labuan	}
		Jasmine	Labuan	}
		Papan	Semporna	}
		Speed Boat	Semporna	} Aktiviti penguatkuasaan,
		Jemalin	Sandakan	} pentadbiran dan kegunaan
		Lagisan II	Sandakan	} lawatan orang kenamaan.
		Kanawi	Sandakan	}
		Timbun Mata II	Tawau	}
		Janek	Tawau	}
		Rusukan II	Lahad Datu	}
		Ukur Satu	Kudat	}
		Marudu	Kudat	}
		Malawali	Kudat	}
		Tg. Dumpil	Kota Kinabalu	}
Kapal				
Kapal Tunda	1	Tarek	Sandakan	Membantu kapal merapat (berlabuh) ke jeti.
Kapal Pendarat (*Landing Craft*)	2	Gaya II Bohayan	Sandakan Kota Kinabalu	Perkhidmatan pengangkutan awam ke pulau atau tempat terpencil.
Jumlah	**20**			

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

Penggunaan perkhidmatan kapal tunda (Tarek) dan kapal pendarat (Gaya II dan Bohayan) dikenakan bayaran berpandukan kepada Ordinan Perkapalan Saudagar No. 11 Tahun 1960 dan Peraturan Perkapalan Saudagar (Bayaran) (Pindaan), 1977. Bagi kapal tunda, kadar yang ditetapkan adalah 5 sen setiap 1 tan (dikira berdasarkan berat bersih kapal yang memerlukan perkhidmatannya) bagi 1 jam

pertama atau minimum RM100 dan bayaran tambahan 50% daripada bayaran di atas dikenakan bagi setiap setengah jam berikutnya atau minimum RM50. Manakala bagi kapal pendarat, kadar yang ditetapkan adalah masing-masing RM100 sejam untuk Jabatan Kerajaan dan RM200 sejam untuk pihak awam. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kapal tunda iaitu Tarek tidak pernah digunakan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003 kerana tiada penyewa. Manakala kapal pendarat iaitu Gaya II dan Bohayan tidak dapat disewakan sejak kontrak penyewaan dengan sebuah syarikat swasta tamat masing-masing pada bulan November 2002 dan bulan Jun 2003.

Bagi tujuan menganalisis penggunaan kapal dan lanca Jabatan untuk tujuan penguatkuasaan, pihak Audit telah memeriksa rekod penggunaan 5 kapal dan lanca di Ibu Pejabat (Wilayah Persekutuan Labuan) serta 2 kapal dan lanca di Kota Kinabalu pada tahun 2003. Hasil pemeriksaan Audit mendapati perkara berikut:

i) Ibu Pejabat (Wilayah Persekutuan Labuan)

Lima kapal yang berada di Ibu Pejabat, Wilayah Persekutuan Labuan digunakan untuk penguatkuasaan, membawa pegawai Jabatan yang bermesyuarat di pejabat Menumbok dan Sipitang atau melawat projek, membawa orang kenamaan yang melawat Labuan dan sebagainya. **Foto 11** menunjukkan 4 kapal milik Jabatan yang ditempatkan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Foto 11
Kapal Johan, Dinawan II, Jelita Dan Kuala Berjaya

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 7 November 2003

Pemeriksaan Audit mendapati penggunaan sebenar 4 kapal (kapal Johan, Dinawan II, Jelita dan Kuala Berjaya) untuk tujuan penguatkuasaan pada tahun 2003 adalah sebanyak 7 kali dan ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sebanyak 28 kali. Manakala 1 kapal lagi (kapal Jasmine) yang digunakan 21 kali pada tahun 2003 adalah melebihi sasarannya sebanyak 12 kali kerana melaksanakan sebahagian jadual yang ditetapkan bagi kapal lain. Bagaimanapun, penggunaan sebenar kelima kapal tersebut sebanyak 28 kali masih kurang berbanding 40 kali yang dirancang. Mengikut Jabatan, penggunaan yang tidak menepati jadual yang dirancang antara lainnya disebabkan kapal mengalami kerosakan, ketiadaan pegawai pelayaran dan keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Pihak Audit berpendapat Jabatan perlu mengkaji dan mengambil tindakan berkesan untuk mengatasi masalah penggunaan kapal dan lanca tidak mengikut jadual.

ii) Cawangan Kota Kinabalu

Cawangan Kota Kinabalu mempunyai 2 kapal iaitu Tg. Dumpil dan Bohayan. Tg. Dumpil digunakan untuk aktiviti penguatkuasaan. Manakala Bohayan yang merupakan kapal pendarat disewakan kepada syarikat atau individu yang memerlukan perkhidmatan penghantaran barang ke pulau atau tempat terpencil yang hanya boleh dihubungi dengan jalan air. Pemeriksaan Audit mendapati penggunaan sebenar kapal Tg. Dumpil sebanyak 18 kali pada tahun 2003 untuk tujuan penguatkuasaan adalah melebihi sasaran penggunaan yang ditetapkan sebanyak 12 kali. **Foto 12** menunjukkan salah satu kapal milik Jabatan yang ditempatkan di Kota Kinabalu.

Foto 12
Kapal Pendarat (*Landing Craft*) Bohayan

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 26 Disember 2003

46.2.4 Tenaga Kerja

i) Kelulusan Dan Pengisian Jawatan

Sebanyak 266 jawatan telah diluluskan bagi Bahagian Pelayaran dan Bahagian Kejuruteraan Laut serta Unit Lanca-lanca yang terdiri daripada 12 jawatan kumpulan pengurusan dan profesional serta 254 jawatan kumpulan sokongan. Daripada 266 jawatan yang diluluskan itu, hanya 200 jawatan yang telah diisi setakat ini seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Kelulusan Dan Pengisian Jawatan

Kategori Jawatan	Bilangan Dilulus	Bilangan Diisi	Kekosongan	Bahagian	Lokasi (Cawangan)
Kumpulan Pengurusan Dan Profesional	9	3	6	Bahagian Pelayaran (Ibu Pejabat) dan cawangan	Ibu Pejabat, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau
	3	1	2	Bahagian Kejuruteraan Laut	Ibu Pejabat
Jumlah Kecil	**12**	**4**	**8**		
Kumpulan Sokongan	250	194	56	Bahagian Pelayaran (Ibu Pejabat) dan Unit Lanca Jabatan (cawangan)	Ibu Pejabat, Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna, Menumbok dan Kudat
	4	2	2	Bahagian Kejuruteraan Laut	Ibu Pejabat
Jumlah Kecil	**254**	**196**	**58**		
Jumlah Besar	**266**	**200**	**66**		

Sumber: Rekod Jabatan Pelabuhan Dan Dermaga Sabah

ii) Unit Penguatkuasaan

Semakan Audit terhadap carta organisasi Jabatan mendapati Unit Penguatkuasaan telah ditubuhkan di bawah kawalan Bahagian

Pelayaran. Penubuhan Unit ini adalah penting untuk menjalankan penguatkuasaan terhadap peraturan lalu lintas air termasuk kawalan pelesenan kapal (berat bersih di bawah 15 tan), aspek keselamatan kapal daripada segi keadaan dan peralatan, pemantauan keselamatan laluan kapal dan sebagainya. Bagaimanapun, Unit ini hanya ditubuhkan di peringkat Ibu Pejabat.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengambil inisiatif supaya jawatan yang masih kosong dan diperlukan dapat diisi. Selain itu, Unit Penguatkuasaan di peringkat Cawangan perlu ditubuhkan supaya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan lebih teratur dan berkesan. Aktiviti penguatkuasaan hendaklah dipantau oleh Bahagian Pelayaran di Ibu Pejabat. Laporan bulanan mengenai aktiviti Unit ini juga perlu disediakan.

46.2.5 Kutipan Hasil

Jabatan telah mengutip hasil berjumlah RM1.83 juta pada tahun 2001, RM2.46 juta pada tahun 2002 dan RM2.52 juta pada tahun 2003. Jumlah kutipan tersebut menunjukkan kadar pencapaian yang sangat memuaskan berbanding sasaran yang ditetapkan bagi tempoh yang sama iaitu RM1.73 juta pada tahun 2001, RM1.83 juta pada tahun 2002 dan RM1.87 juta pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, pencapaian kutipan hasil tersebut adalah memuaskan. Keberkesanan penggunaan kapal dan lanca Jabatan dari aspek penguatkuasaan pelesenan, keberkesanan pengendalian pelabuhan/dermaga dan sebagainya menyumbang kepada peningkatan hasil ini.

46.2.6 Pelupusan Kapal Dan Lanca

Pada tahun 2003, Jabatan telah melupuskan kapal MLK TUNDA yang dibina pada tahun 1963 melalui penjualan terus kepada sebuah syarikat tempatan dengan harga RM18,000. Pemeriksaan Audit mendapati Sijil Tidak Ekonomi Diperbaiki dikeluarkan oleh Jabatan dan Lembaga Pemeriksa yang dilantik mengesyorkan supaya kapal tersebut dilupuskan dengan cara dijual melalui tawaran tender umum. Nilai semasa yang ditetapkan adalah sejumlah RM41,730. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan pada pertengahan bulan Disember 2002 telah meluluskan penjualan kapal berkenaan secara terus kepada sebuah syarikat tempatan dengan harga RM56,000. Namun, syarikat itu tidak meneruskan pembelian sehingga tempoh tawaran selama 3 bulan tamat pada awal bulan Julai 2003. Pada waktu yang sama, Jabatan tidak dapat mempertimbangkan permohonan sebuah lagi syarikat tempatan melalui Kementerian Pembangunan Infrastruktur pada pertengahan bulan April 2003 dengan harga RM48,000 kerana tempoh tawaran kepada syarikat terdahulu belum tamat. Akhirnya, pada bulan Julai 2003, Kementerian Kewangan meluluskan permohonan sebuah lagi syarikat untuk membeli kapal tersebut dengan harga mengikut penilaian Jabatan Kerja Raya. Urusan penjualan telah disempurnakan pada awal bulan November 2003 dengan harga RM18,000.

Oleh kerana pelupusan secara tawaran tender umum tidak dibuat sebagaimana disyorkan oleh Lembaga Pemeriksa, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Kerajaan telah mendapat harga yang terbaik. Memandangkan terdapat beberapa syarikat mengemukakan permohonan dengan harga tawaran yang berbeza, Kerajaan mempunyai peluang untuk mendapatkan harga yang lebih tinggi jika penjualan dibuat melalui tawaran tender umum.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu menilai semula kapal dan lanca yang tidak digunakan tetapi disenggara dengan kos yang tinggi sama ada perlu dilupus dan diganti.

46.3 PEMANTAUAN

Pemantauan secara berterusan adalah perlu bagi menentukan pembinaan dan penyenggaraan serta penggunaan kapal dan lanca Jabatan disempurnakan dengan baik dan lancar. Pemeriksaan Audit terhadap aspek ini mendapati perkara berikut:

46.3.1 Pemantauan Terhadap Pembinaan Dan Penyenggaraan Kapal Dan Lanca

Bahagian Kejuruteraan Laut bertanggungjawab untuk menjalankan pemantauan terhadap pembinaan dan penyenggaraan kapal dan lanca. Bahagian ini menjalankan pemeriksaan fizikal untuk memantau kemajuan kerja pembinaan dan penyenggaraan. Selain itu, pemantauan juga dijalankan dengan meneliti laporan kemajuan kerja kontraktor secara berterusan dan memastikan kelemahan serta ketidakpatuhan kepada syarat kontrak diambil tindakan pembaikan. Jawatankuasa Semakan Kos bagi pembinaan serta penyenggaraan kapal dan lanca juga ada dibentuk untuk meneliti tuntutan kontraktor sebelum pembayaran dibuat. Pemeriksaan Audit mendapati Bahagian Kejuruteraan Laut dan Jawatankuasa Semakan Kos telah menjalankan kerja pemantauan dengan baik dan berkesan.

46.3.2 Pemantauan Terhadap Penggunaan Kapal Dan Lanca

Bahagian Pelayaran bertanggungjawab menjalankan pemantauan terhadap penggunaan kapal dan lanca. Bahagian ini menyediakan program atau jadual penggunaan kapal dan lanca dan menentukan jadual tersebut dilaksanakan di samping memantau penggunaan kapal dan lanca untuk tujuan pentadbiran, lawatan berbagai pihak, urusan

penyewaan kapal dan sebagainya. Bagaimanapun, laporan bulanan aktiviti penguatkuasaan/penggunaan kapal dan lanca di peringkat Cawangan tidak konsisten. Ini antara lainnya disebabkan Unit Penguatkuasaan di peringkat Cawangan tidak dibentuk menyebabkan kekeliruan daripada segi tanggungjawab pemantauan dan pelaporan aktiviti.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya aspek pemantauan terhadap pembinaan, penggunaan dan penyenggaraan kapal dan lanca Jabatan adalah baik.

47. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan, penggunaan serta penyenggaraan kapal dan lanca Jabatan adalah baik. Kapal dan lanca yang ada telah dapat membantu Jabatan mencapai matlamatnya untuk mengawal dan menguruskan sistem lalu lintas air yang selamat serta cekap di pelabuhan, dermaga dan sungai di Sabah. Bagaimanapun, bagi memantapkan lagi pengurusan kapal dan lanca Jabatan, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

i) di peringkat perancangan, Jabatan perlu menentukan bilangan serta jenis kapal dan lanca yang diperlukan pada masa ini dan masa hadapan dengan mengambil kira beban kerja berasaskan kesibukan lalu lintas air, kawasan perairan serta hala tuju atau keperluan pengembangan pada masa hadapan;

ii) Kementerian Kewangan menimbang untuk meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk kos penyenggaraan kapal dan lanca;

iii) menimbang untuk menjual atau melupuskan kapal dan lanca yang sudah terlalu lama khususnya kapal tunda Tarek dan kapal pendarat Gaya II

dan Bohayan yang mana tidak dapat disewakan dalam jangka masa yang agak lama; dan

iv) memberi keutamaan kepada pengurusan dan penyediaan kapal serta kakitangan untuk tujuan aktiviti penguatkuasaan.

JABATAN HIDUPAN LIAR

PERLINDUNGAN DAN PEMULIHAN ORANG UTAN DI SEPILOK, SANDAKAN

48. LATAR BELAKANG

Orang Utan Borneo adalah haiwan terkenal di Sabah dan mendapat perhatian bukan sahaja kerana keunikannya malah kerana ia diancam kepupusan. Orang Utan dibahagikan kepada 2 jenis spesis iaitu *Pongo Abelii* yang terdapat di Sumatera dan *Pongo Pygmaeus* yang terdapat di Borneo. Orang Utan yang ada di Borneo adalah terbahagi kepada 3 jenis iaitu *Pongo Pygmaeus* yang mendiami Timur Borneo termasuk Sabah, *Pongo Wurmbii* di Selatan Borneo dan *Pongo Morio* di Barat Borneo. Mengikut rekod, setakat tahun 2003 ada sejumlah 12,755 Orang Utan di Sabah. Pengurusan dan pemulihan Orang Utan di Negeri Sabah dikendalikan oleh Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok (Pusat Pemulihan). Pusat Pemulihan telah ditubuhkan pada tahun 1964 di bawah pentadbiran Bahagian Mergastua, Jabatan Perhutanan Sabah. Pada tahun 1988, Bahagian Mergastua ini telah dinaikkan taraf kepada Jabatan Hidupan Liar (Jabatan) di mana semua urusan pentadbiran hidupan liar dikelolakan oleh Jabatan ini di bawah naungan Kementerian Pelancongan Dan Pembangunan Alam Sekitar. Pusat Pemulihan diperuntukkan kawasan seluas 4,294 hektar yang terletak kira-kira 25 km dari pusat bandar Sandakan iaitu di pinggir hutan simpan Kabili-Sepilok yang kaya dengan jenis tumbuh-tumbuhan seperti pokok buah-buahan liar yang merupakan sumber makanan utama kepada Orang Utan.

Kemudahan yang ada di Pusat Pemulihan adalah pejabat pusat informasi, pusat penerimaan tetamu, klinik, rumah rehat dan kandang hidupan liar untuk Orang Utan, badak dan beruang. Selain aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Orang Utan, aktiviti penyelidikan juga dijalankan melibatkan penyelidik daripada Jabatan/Agensi/individu sama ada dari dalam atau luar negara. Pusat Pemulihan ini juga menjadi tarikan utama pelancong ke Negeri Sabah.

49. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada perlindungan dan pemulihan Orang Utan telah dirancang dengan teliti dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

50. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aktiviti perlindungan dan pemulihan Orang Utan bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Pengauditan dilaksanakan di Pusat Pemulihan dengan memeriksa rekod belanjawan, rekod penyelidikan, program pemulihan, statistik populasi Orang Utan, rekod pelawat dan kutipan hasil, minit mesyuarat, buku vot, baucar bayaran dan dokumen lain yang berkaitan. Lawatan Audit ke Pusat Pemulihan dan temu bual dengan pegawai Jabatan juga telah diadakan pada bulan Disember 2003.

51. PENEMUAN AUDIT

51.1 PERANCANGAN

Sesuatu program/aktiviti perlu dirancang dengan teliti sebelum ia dilaksanakan. Kelemahan di peringkat perancangan boleh menjejaskan kecekapan pelaksanaan program/aktiviti dan pencapaian matlamatnya. Pihak Audit telah meneliti perancangan Jabatan terhadap perkara berikut:

51.1.1 Objektif Pusat Pemulihan

Objektif utama Pusat Pemulihan adalah untuk menyelamatkan anak Orang Utan yang terpisah dari ibunya supaya dapat kembali semula hidup di dalam hutan dan juga untuk memastikan Orang Utan dewasa yang tercedera dipulihkan untuk dilepaskan semula ke dalam hutan. Usaha ini bertujuan untuk mengelakkan ancaman kepupusan. Pusat Pemulihan juga memberi pendidikan konservasi untuk menyedarkan

orang ramai mengenai tanggungjawab memelihara dan melindungi hidupan liar khususnya Orang Utan. Selain itu, Pusat ini juga dijadikan tempat untuk menjalankan penyelidikan dan aktiviti pelancongan.

Pada pandangan Audit, objektif Pusat Pemulihan telah dinyatakan dengan jelas dan ia boleh dijadikan sebagai landasan untuk menjalankan aktiviti yang berkaitan.

51.1.2 Perundangan

Jabatan menjalankan aktiviti perlindungan dan pemulihan berdasarkan kepada Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 (Enakmen No.6 Tahun 1997), Peraturan-peraturan Hidupan Liar 1998 dan Enakmen Yuran 1981.

51.1.3 Garis Panduan

Garis panduan bagi pemulihan Orang Utan ada disediakan dan melibatkan proses yang dibahagikan kepada 3 fasa, iaitu Fasa I - Kuarantina, Fasa II - Taman Asuhan Dalaman dan Taman Asuhan Luaran dan Fasa III - Pelantar Makan A dan Pelantar Makan B. Garis panduan ini diguna pakai oleh Pusat Pemulihan bagi menjalankan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan Orang Utan.

Pada pandangan Audit, garis panduan yang disediakan adalah lengkap dan menyeluruh.

51.1.4 Rancangan Perlindungan

Aktiviti perlindungan adalah bertujuan untuk memastikan Orang Utan yang berada di kawasan yang akan dibangunkan dapat dipindahkan dengan selamat ke kawasan perlindungan. Selain itu, penguatkuasaan juga akan dijalankan berdasarkan kepada undang-undang yang berkuat kuasa. Rancangan perlindungan melibatkan perkara berikut:

i) Kaedah Pemindahan

Pemindahan Orang Utan hendaklah dijalankan dengan teratur dan selamat. Oleh itu, perkara yang perlu diambil kira adalah seperti berikut:

a) Kawasan Perlindungan

Kawasan perlindungan adalah melibatkan Hutan Simpan Kelas I (Perlindungan), Hutan Simpan Kelas III (Domestik), Hutan Simpan Kelas IV (Ameniti), Hutan Simpan Kelas V (Bakau), Hutan Simpan Kelas VI (Dara) dan Hutan Simpan Kelas VII (Perlindungan Hidupan Liar).

b) Garis Panduan Pemindahan Orang Utan

Garis panduan yang diguna pakai adalah berdasarkan Seksyen 38(1) hingga (6) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 yang menyatakan dalam masa 30 hari sebelum operasi pembersihan hutan atau pembalakan dijalankan, Pengarah Jabatan Hidupan Liar hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu.

Sekiranya pembersihan hutan atau operasi membalak tersebut melibatkan hidupan liar yang dilindungi, maka operasi menyelamatkan hidupan liar akan dijalankan sama ada oleh pihak yang terbabit dengan diawasi oleh Pegawai Hidupan Liar atau operasi menyelamat tersebut dijalankan oleh Pegawai Hidupan Liar tetapi perbelanjaan ditanggung oleh pihak yang terbabit.

ii) Penguatkuasaan

Bagi tujuan penguatkuasaan, kakitangan di Pusat Pemulihan tidak mempunyai perancangan untuk menjalankan sebarang aktiviti penguatkuasaan. Bagaimanapun, aktiviti tersebut akan dijalankan

oleh Jabatan Hidupan Liar Cawangan Sandakan. Di peringkat Ibu Pejabat, penguatkuasaan akan dijalankan oleh Unit Penguatkuasaan yang diketuai oleh Pegawai Penguat Kuasa Gred G41. Manakala bagi Cawangan lain, penguatkuasaan diketuai oleh Pegawai Hidupan Liar Gred G41. Penguatkuasaan yang akan dijalankan adalah berdasarkan kepada Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997. Pemeriksaan Audit di Ibu Pejabat Jabatan mendapati tiada perancangan penguatkuasaan secara berjadual dibuat sebaliknya hanya berpandukan kepada aduan yang diterima dari orang awam.

Pada pandangan Audit, rancangan perlindungan yang disediakan adalah memuaskan terutamanya yang berkaitan dengan kaedah pemindahan. Manakala dari segi penguatkuasaan pula, selain daripada bergantung kepada aduan orang ramai, penguatkuasaan secara berjadual juga perlu dirancang.

51.1.5 Rancangan Pemulihan

Rancangan pemulihan adalah berdasarkan kepada garis panduan pemulihan yang telah disediakan iaitu merangkumi aspek seperti berikut:

i) Fasa I - Kuarantina

Orang Utan yang memasuki Pusat Pemulihan perlu menjalani proses kuarantina selama 3 atau 6 bulan bergantung kepada kesihatan Orang Utan tersebut. Semasa proses kuarantina, Orang Utan tersebut akan dinilai bagi menentukan sama ada ia boleh dibebaskan ke kawasan Taman Asuhan atau dibebaskan terus ke Pelantar Makan A atau B.

ii) Fasa II - Taman Asuhan Dalaman Dan Taman Asuhan Luaran

a) Taman Asuhan Dalaman

Latihan fizikal yang mudah akan dijalankan di Taman ini. Aktiviti latihan tersebut dibahagikan kepada 2 kategori iaitu bagi Orang Utan yang berumur 3 tahun ke bawah diberi masa untuk bermain dalam kawasan latihan nurseri dalaman dan juga diberi latihan fizikal yang mudah. Pendedahan pada cahaya matahari juga akan dilakukan pada setiap hari bermula pada 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Manakala Orang Utan yang berumur 3 tahun ke atas pula akan dilatih memanjat, bergayut pada tali, berdikari dan memupuk keyakinan diri.

Kesemua Orang Utan akan dibawa masuk ke dalam *'night stall'* pada jam 4.00 petang. *'Night stall'* adalah sebuah struktur berbumbung untuk penempatan Orang Utan pada waktu malam. Suhu badan anak Orang Utan akan diambil dan direkodkan pada setiap hari dan berat badan setiap anak Orang Utan akan direkodkan sekali dalam seminggu. Penilaian berdasarkan kebolehan memanjat dan keyakinan diri setiap Orang Utan yang berumur 5 tahun ke atas akan dilakukan sebelum mereka dipindahkan ke Taman Asuhan Luaran.

b) Taman Asuhan Luaran

Di Taman ini, pemerhatian tahap kemajuan setiap Orang Utan akan direkod berdasarkan kebolehan berdikari seperti membuat sarang, mencari makanan sendiri, peratusan masa yang digunakan untuk berada di atas pokok dan interaksi sosial di kalangan Orang Utan.

iii) Fasa III - Pelantar Makan A Dan Pelantar Makan B

a) Pelantar Makan A

Fasa III merupakan proses awal kehidupan di dalam hutan bagi Orang Utan yang telah mempunyai keyakinan diri dan kemahiran untuk hidup berdikari di dalam hutan. Orang Utan akan ditempatkan dalam hutan yang berhampiran dan makanan akan dihantar di Pelantar Makan A yang berhampiran dengan penempatan Orang Utan iaitu lebih kurang 1 km dari Pusat Pemulihan. Kakitangan Pusat Pemulihan membawa makanan ke Pelantar Makan A hanya 2 kali dalam sehari yang terdiri daripada buah-buahan dan minuman susu ditambah zat galian dan vitamin.

b) Pelantar Makan B

Pelantar Makan B disediakan sebagai proses terakhir pemulihan yang akan dijalani oleh Orang Utan dan ia melibatkan kehidupan sebenar di dalam hutan. Orang Utan yang berada di peringkat ini terdiri daripada Orang Utan yang boleh berdikari sepenuhnya. Pelantar Makan B adalah terletak lebih kurang 1.5 km dari Pusat Pemulihan. Pemberian makanan pada peringkat ini semakin dikurangkan supaya Orang Utan dapat mencapai kehidupan berdikari yang sepenuhnya dan seterusnya berintegrasi dengan populasi Orang Utan liar yang berada di Hutan Simpan Sepilok.

Pada pandangan Audit, rancangan pemulihan yang disediakan untuk memastikan Orang Utan boleh berdikari di dalam hutan adalah memuaskan.

51.1.6 Rancangan Penyelidikan

Penyelidikan merupakan sebahagian daripada objektif penubuhan Pusat Pemulihan. Setiap penyelidikan yang dijalankan sama ada oleh pihak Jabatan sendiri atau pihak luar akan menyumbang kepada penambahbaikan. Oleh itu, sasaran bilangan penyelidikan sama ada yang dijalankan sendiri oleh Jabatan atau agensi lain dalam dan luar Negara perlu ditetapkan. Selain itu, kemudahan pusat Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) juga perlu disediakan bagi memberi kemudahan kepada penyelidik. Pemeriksaan Audit mendapati sasaran bilangan penyelidikan tidak ditetapkan. Penyelidikan yang dijalankan adalah berdasarkan kepada keperluan sahaja dan ianya dibuat secara *ad hoc*.

51.1.7 Keperluan Tenaga Kerja/Latihan

i) Bilangan Kakitangan

Bilangan kakitangan sedia ada di Pusat Pemulihan adalah seramai 21 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai Veterinar Gred G41. Bagaimanapun, berdasarkan laporan bulanan yang dihantar ke Ibu Pejabat, Pusat Pemulihan memerlukan seramai 33 kakitangan kesemuanya iaitu tambahan seramai 12 kakitangan untuk memantapkan pelaksanaan tugas di Pusat ini. Jawatan yang diperlukan terdiri daripada 2 jawatan Pembantu Hidupan Liar Gred G11, satu jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, satu jawatan Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R03, tiga jawatan Pekerja Rendah Am Gred R01, tiga Tukang Sapu dan 2 Tukang Kebun.

ii) Latihan/Kursus Untuk Kakitangan

Latihan/kursus adalah penting bagi meningkatkan kemahiran kakitangan Pusat Pemulihan dalam bidang tugas masing-masing terutamanya kemahiran berkaitan pengendalian aktiviti hidupan liar khususnya Orang Utan. Pemeriksaan Audit mendapati tidak

ada perancangan dibuat bagi kursus yang perlu dihadiri oleh kakitangan. Latihan/kursus yang diberi adalah berdasarkan kepada tawaran kursus daripada agensi lain kepada Jabatan dan permohonan yang dibuat oleh kakitangan. Bagaimanapun, bilangan tawaran dan permohonan kursus tidak dapat ditentukan kerana fail kursus yang diserahkan untuk auditan tidak menyatakan secara terperinci tentang tawaran kursus dan permohonan yang dibuat oleh kakitangan.

Pada pandangan Audit, keperluan tenaga kerja perlu diberi keutamaan memandangkan Pusat ini menjadi perhatian dan tumpuan orang ramai sama ada untuk tujuan melancong ataupun penyelidikan. Manakala kursus yang akan ditawarkan kepada kakitangan perlu dirancang lebih awal bagi memastikan kursus yang akan dihadiri kelak adalah bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing.

51.1.8 Keperluan Kewangan

Peruntukan yang mencukupi adalah penting bagi memastikan segala aktiviti yang dirancang di Pusat Pemulihan dapat dijalankan dengan berkesan. Oleh itu perancangan yang menyeluruh berdasarkan aktiviti pemulihan hidupan liar khususnya Orang Utan perlu disediakan. Pusat Pemulihan telah memohon peruntukan berjumlah RM496,000 untuk tahun 2001, RM300,000 untuk tahun 2002 dan RM300,000 untuk tahun 2003. Bagaimanapun, berdasarkan kepada peruntukan tahunan yang dipohon bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003, tidak ada sebarang rancangan dibuat untuk penambahan kemudahan dan kelengkapan di Pusat Pemulihan.

Pada pandangan Audit, keperluan kewangan yang dipohon boleh menampung perbelanjaan aktiviti yang dijalankan di Pusat Pemulihan.

51.1.9 Rancangan Promosi

Misi Kerajaan Negeri dalam sektor pelancongan adalah untuk menjadikan spesis Orang Utan sebagai tarikan utama pelancongan dan menjadikan Pusat Pemulihan sebagai destinasi pelancongan yang utama. Oleh itu perancangan yang baik untuk mempromosi Pusat Pemulihan sebagai destinasi pelancongan perlu disediakan agar lebih ramai pelancong berkunjung ke Pusat ini. Jabatan merangka beberapa pelan untuk memasarkan Pusat Pemulihan dengan memfokuskan kepada tarikan dan aktiviti yang boleh dilakukan di Pusat ini seperti trail berpandu, pameran, melihat Orang Utan di Pelantar A dan melihat badak di *"Rhino Breeding Enclosure"*.

Pada pandangan Audit, perancangan untuk mempromosi Pusat Pemulihan sebagai destinasi pelancongan adalah memuaskan.

Secara keseluruhannya, perancangan bagi aktiviti perlindungan dan pemulihan Orang Utan adalah memuaskan.

51.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan aktiviti perlindungan dan pemulihan Orang Utan diuruskan dengan cekap dan mencapai objektifnya, maka ia hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Kajian Audit terhadap pelaksanaan aktiviti di Pusat Pemulihan mendapati beberapa perkara seperti berikut:

51.2.1 Pemilihan Lokasi

Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengenal pasti 3.63 juta hektar kawasan perlindungan, kawasan yang terancam dan akan terancam akibat dari pembangunan. Mengikut rekod Jabatan, lokasi yang ada 12,755 Orang Utan telah dikenal pasti seperti di **Jadual 39.**

Jadual 39
Lokasi Kawasan Perlindungan, Terancam Dan Akan Terancam

Klasifikasi Hutan	Anggaran Populasi Orang Utan	Anggaran Keluasan Kawasan (Hektar)
Kawasan Perlindungan	4,209	928,456
Kawasan Terancam Atau Akan Terancam	8,546	2,698,105
Jumlah	**12,755**	**3,626,561**

Sumber: Jabatan Hidupan Liar

i) Kawasan Perlindungan

Kawasan yang telah dikenal pasti sesuai untuk perlindungan Orang Utan dianggarkan seluas 928,456 hektar yang meliputi kawasan Hutan Simpan Kelas I, III, IV, V, VI dan VII seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Kawasan Hutan Simpan

Bil.	Hutan Simpan	Anggaran Keluasan (Hektar)
1	Hutan Simpan Kelas I (Perlindungan)	345,392
2	Hutan Simpan Kelas III (Domestik)	10,531
3	Hutan Simpan Kelas IV (Ameniti)	23,943
4	Hutan Simpan Kelas V (Bakau)	319,203
5	Hutan Simpan Kelas VI (Dara)	93,558
6	Hutan Simpan Kelas VII (Perlindungan Hidupan Liar)	135,829
Jumlah		**928,456**

Sumber: Jabatan Hidupan Liar

ii) Kawasan Terancam Dan Akan Terancam

Kawasan yang telah dikenal pasti terancam dan akan terancam oleh pembangunan dianggarkan seluas 2.70 hektar meliputi kawasan seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Kawasan Terancam Yang Telah Dikenal Pasti

Daerah	Kawasan Hutan Simpan Yang Terlibat	Anggaran Keluasan Kawasan (Hektar)
Sandakan dan Tawau	Banggi, Bonggaya, Segaliud Lokan, Deramakot, Kuamut, Ulu Segama, Gunung Rara, Maliau, Kalabakan, Sapulut dan Kalab.	1,079,922
Kudat	Pitas (Paitan dan Sugut).	94,227
Kota Kinabalu, Ranau dan Sipitang	Lingkabalu, Ulu Tungud dan Ulu Sg. Padas.	487,684
Keningau, Tambunan, Tenom dan Nabawan	Sg. Tagul, Sg.Telokosang, Sg. Kabu Ulu, Sg. Padas, Sg. Salilir, Sapulut, Trus Madi, Gunung Mandalom, Kuala Tomami, Ulu Sg. Milian, Pensiangan, Sg. Pinangah, Imabak dan Tangkulap.	1,036,272
Jumlah		**2,698,105**

Sumber: Jabatan Hidupan Liar

Pada pandangan Audit, lokasi Orang Utan telah ditentukan dengan jelas.

51.2.2 Aktiviti Perlindungan

Aktiviti perlindungan adalah merangkumi perkara seperti berikut:

i) Penguatkuasaan

Bagi tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 23 kes tindakan penguatkuasaan dibuat. Bagaimanapun, kesemua kes tersebut berlaku di luar kawasan Pusat Pemulihan. Tindakan tersebut membabitkan 3 pemilik restoran dan 20 individu persendirian. Tangkapan tersebut adalah membabitkan kesalahan seperti

menjual daging tegahan, menjual hidupan liar tanpa permit dan juga memiliki hidupan liar seperti Orang Utan. Bagaimanapun, kesalahan yang disabitkan tidak membabitkan hukuman penjara. Hukuman yang dikenakan hanyalah berupa amaran atau denda berupa wang ringgit dan sejumlah RM1,790 telah diperolehi.

ii) Aduan Orang Awam

Garis panduan tentang aduan yang dibuat adalah berdasarkan kepada Seksyen 97(1) hingga (3) Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997 yang menyatakan identiti pemberi maklumat tidak boleh didedahkan dan seterusnya langkah perlu diambil bagi melindungi identiti pemberi maklumat tersebut. Manakala hadiah pula boleh diberikan mengikut ketetapan yang difikirkan sesuai dibayar oleh Pengarah. Bagaimanapun, tidak ada sebarang ganjaran diberikan terhadap aduan yang dibuat bagi tahun 2001 hingga 2003.

Berdasarkan buku daftar yang telah diselenggarakan, adalah didapati sebanyak 34 aduan telah diterima pada tahun 2001 hingga 2003. Kesemua aduan yang diterima hanya melibatkan Orang Utan sahaja iaitu masing-masing 9 aduan pada tahun 2001, sebelas aduan pada tahun 2002 dan 14 aduan pada tahun 2003. Kebanyakan aduan yang diterima adalah berkenaan dengan tangkapan yang dibuat oleh pekerja ladang terhadap Orang Utan kerana merosakkan tanaman, berada di kawasan ladang dan anak Orang Utan yang berkeliaran bersendirian. Orang Utan yang ditangkap tersebut diserahkan kepada Jabatan Hidupan Liar di Daerah masing-masing yang kemudiannya menyerahkannya ke Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok untuk menjalani proses pemulihan.

Pada pandangan Audit, aktiviti perlindungan yang dijalankan bagi melindungi Orang Utan daripada kepupusan telah dilaksanakan dengan teratur dan memuaskan.

51.2.3 Kaedah Pemindahan

Pemindahan Orang Utan ke lokasi yang telah dikenal pasti adalah berdasarkan kepada 2 faktor seperti berikut:

i) Orang Utan Dewasa

Orang Utan dewasa akan dipindahkan daripada kawasan hutan yang dibangunkan ke hutan simpan yang telah dikenal pasti. Orang Utan kategori ini tidak perlu menjalani proses pemulihan di Pusat Pemulihan.

ii) Orang Utan Cedera Atau Anak Orang Utan

Orang Utan yang cedera ini perlu dimasukkan ke Pusat Pemulihan terlebih dahulu untuk mendapatkan rawatan. Manakala anak Orang Utan perlu menjalani proses pemulihan.

Pada tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 21 Orang Utan terlibat dengan aktiviti pemindahan iaitu dari kawasan ladang dan Hutan Simpan Sepilok ke kawasan hutan simpan dan sanktuari hidupan liar. Pemindahan tersebut melibatkan 15 Orang Utan dipindahkan ke Hutan Simpan Tabin dan Lahad Datu, empat Orang Utan ke Sanktuari Hidupan Liar, Lot 2 Kinabatangan dan 2 Orang Utan ke Hutan Simpan Gumantong.

Pada pandangan Audit, aktiviti pemindahan yang dijalankan adalah memuaskan.

51.2.4 Aktiviti Pemulihan

Pusat Pemulihan pada masa ini mempunyai 68 Orang Utan yang melalui proses pemulihan seperti berikut:

i) Fasa I - Kuarantina

Sebanyak 4 Orang Utan telah diterima untuk menjalani proses kuarantina. Kesemua Orang Utan ini telah dimasukkan ke klinik untuk pemeriksaan kesihatan dan rawatan sebelum menjalani tempoh kuarantina iaitu selama 3 atau 6 bulan bergantung kepada keadaan kesihatan Orang Utan tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati kesemua Orang Utan yang berada dalam nurseri diberi makan buah-buahan dan minuman susu 2 kali sehari.

ii) Fasa II - Taman Asuhan Dalaman Dan Taman Asuhan Luaran

a) Taman Asuhan Dalaman

Pada tahun 2003, ada 28 Orang Utan yang menjalankan aktiviti di peringkat Taman Asuhan Dalaman. Semakan Audit terhadap laporan bulanan yang telah disediakan pada setiap bulan untuk dihantar di peringkat Ibu Pejabat mendapati aktiviti rutin seperti yang digariskan semasa perancangan telah dijalankan sepenuhnya. **Foto 13** menunjukkan beberapa anak Orang Utan di Taman Asuhan Dalaman yang ditempatkan di dalam kandang.

Foto 13
Anak Orang Utan Di Taman Asuhan Dalaman

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 19 Disember 2003

b) Taman Asuhan Luaran

Pada tahun 2003, ada 9 Orang Utan yang menjalankan aktiviti di peringkat Taman Asuhan Luaran. Orang Utan di sini adalah terdiri daripada kalangan Orang Utan yang dipindahkan dari Taman Asuhan Dalaman dan juga Orang Utan separuh dewasa yang baru ditempatkan di Pusat Pemulihan tetapi telah menjalani proses kuarantina.

iii) Fasa III - Pelantar Makan A Dan Pelantar Makan B

a) Pelantar Makan A

Pada tahun 2003, ada 19 Orang Utan yang menjalankan aktiviti di Pelantar Makan A. Orang Utan di peringkat ini adalah terdiri daripada Orang Utan yang mempunyai keyakinan dan kemahiran yang tinggi. Pada peringkat ini, kehidupan di dalam hutan bermula.

b) Pelantar Makan B

Pada tahun 2003, tiada Orang Utan yang dilepaskan di kawasan Pelantar Makan B.

Pada pandangan Audit, aktiviti pemulihan yang telah dijalankan oleh Pusat Pemulihan adalah teratur dan memuaskan.

51.2.5 Program Penerangan Dan Pendidikan

Selain daripada aktiviti pemulihan, Pusat Pemulihan juga menjalankan aktiviti seperti berikut:

i) Pendidikan Konservasi

Aktiviti pendidikan konservasi adalah dengan memberi taklimat berkenaan dengan ancaman kepupusan hidupan liar khususnya Orang Utan akibat daripada pembukaan atau penerokaan tanah untuk tujuan pertanian. Taklimat tersebut diberikan kepada pelajar sekolah, masyarakat setempat dan pelancong luar Negara yang berkunjung ke Pusat Pemulihan dan juga melalui ekspo yang disertai.

ii) Tayangan Video

Tujuan tayangan video ini adalah untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai peranan Pusat Pemulihan dan juga tugas seharian kakitangan Jabatan Hidupan Liar di Pusat ini. Jadual tayangan video diadakan 3 kali sehari iaitu pada jam 8.40 pagi, 10.40 pagi dan 3.40 petang dan ditayangkan selama 30 minit. Selain itu, tayangan video juga boleh dijalankan di luar daripada jadual yang telah ditetapkan sekiranya ada permintaan khas daripada pihak tertentu.

iii) Galeri Informasi

Galeri Informasi dibuka setiap hari mulai jam 8.00 pagi hingga 12.30 tengah hari dan jam 2.00 petang hingga 4.00 petang. Maklumat yang disediakan di Galeri adalah berkenaan dengan sejarah penubuhan Jabatan Hidupan Liar dan Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok dan juga pengetahuan am khususnya tentang

hidupan liar di Pusat Pemulihan serta maklumat mengenai tugas seharian kakitangan.

Pada pandangan Audit, program penerangan dan pendidikan ini boleh membantu menyedarkan orang ramai tentang kepentingan untuk mengelakkan kepupusan Orang Utan. Bagaimanapun, program ini juga perlu diberikan kepada pemilik lesen konsesi hutan kerana mereka adalah pihak yang terbabit secara langsung dengan aktiviti penerokaan hutan yang boleh menjejaskan kehidupan semulajadi Orang Utan.

51.2.6 Aktiviti Penyelidikan

Sebanyak 19 penyelidikan dijalankan bagi tahun 2001 hingga 2003 yang membabitkan penyelidikan berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan, serangga, kawasan penyambut tetamu, aktiviti pelancongan dan kajian tentang hidupan liar. Kesemua penyelidikan yang dijalankan ini melibatkan Jabatan/Agensi/individu seperti Jabatan Hidupan Liar sendiri, Jabatan Perhutanan, Jabatan Mineral Dan Geosains, MARDI, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Manakala Agensi/individu daripada luar Negara adalah daripada Negara Denmark, UK, Kanada dan Jepun. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati kemudahan untuk Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) tidak disediakan walaupun pada setiap tahun penyelidikan ada dijalankan.

Pada pandangan Audit, Jabatan perlu mengkaji keperluan mewujudkan Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) bagi memberi kemudahan kepada penyelidik dari dalam dan luar negara dan pihak Jabatan sendiri.

51.2.7 Guna Tenaga/Latihan

i) Kelulusan Dan Pengisian Jawatan

Sebanyak 29 jawatan telah diluluskan yang terdiri daripada 1 jawatan kumpulan pengurusan dan profesional dan 28 jawatan kumpulan sokongan. Daripada 29 jawatan yang diluluskan, hanya 21 jawatan telah diisi setakat ini. Sebanyak 8 jawatan yang belum diisi terdiri daripada 2 jawatan Penolong Hidupan Liar Gred G17, dua Pembantu Hidupan Liar Gred G11, satu Pemandu Gred R03 dan 3 Pemandu Gred R01. Perbincangan Audit dengan pegawai di Pusat Pemulihan mendapati pengisian jawatan tersebut adalah perlu di samping penambahan sebanyak 6 lagi jawatan yang terdiri daripada 1 jawatan Pembantu Tadbir Rendah Gred N11, tiga tukang sapu dan 2 tukang kebun.

ii) Latihan/Kursus Untuk Kakitangan

Seramai 11 kakitangan Pusat Pemulihan telah menghadiri latihan/kursus bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun, latihan/kursus yang telah dihadiri tersebut lebih menjurus kepada bidang pentadbiran dan kewangan. Hanya 1 latihan/kursus sahaja berkaitan dengan peningkatan kemahiran yang dihadiri oleh seorang kakitangan yang berjawatan Pegawai Veterinar Gred G41. Kesemua kursus tersebut dianjurkan oleh Jabatan sendiri, Institut Tadbiran Awam Negara, Institut Latihan Sektor Awam Negeri dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia.

iii) Bantuan Kepakaran Dan Perkhidmatan

Bagi tahun 2001 hingga 2003, Pusat Pemulihan telah mendapat sumbangan daripada pertubuhan bukan Kerajaan dalam bentuk kepakaran dan perkhidmatan. Pertubuhan yang terlibat adalah terdiri daripada Sepilok Orang Utan *Appeal (UK), Outbound School (UK), Trekforce Expedition (UK)* dan *Travellers (UK)*.

Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah translokasi Orang Utan, membina kandang, membersihkan kawasan kandang, memberi makan hidupan liar dan memperbaiki jambatan.

Pada pendapat Audit, pengisian dan penambahan jawatan adalah perlu untuk memantapkan lagi pelaksanaan tugas di Pusat Pemulihan. Manakala latihan/kursus yang diberikan kepada kakitangan di Pusat Pemulihan perlu ditumpu kepada kemahiran yang berkaitan dengan hidupan liar terutamanya Orang Utan.

51.2.8 Prestasi Perbelanjaan

Pusat Pemulihan memerlukan peruntukan untuk menampung kos penyenggaraan bangunan dan kemudahan serta aktiviti pemuliharaan/pemeliharaan. Butiran mengenai jumlah peruntukan yang diluluskan dan dibelanjakan bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Peruntukan Tahunan Dan Perbelanjaan
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Tahun	Dipohon (RM)	Diluluskan (RM)	Dibelanjakan (RM)
2001	496,000	300,000	296,706
2002	300,000	300,000	291,446
2003	300,000	300,000	271,733

Sumber : Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok

Pusat Pemulihan tidak mempunyai peruntukan kewangan untuk pembangunan. Peruntukan yang diperolehi dibelanjakan untuk pembelian makanan Orang Utan, penyenggaraan bangunan dan pembelian bahan kimia dan ubat untuk kegunaan klinik.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang telah diluluskan adalah mencukupi.

51.2.9 Aktiviti Promosi

Pusat Pemulihan telah meletakkan program pelancongan sebagai salah satu objektif penubuhannya. Bagaimanapun, usaha untuk mempromosikan Pusat Pemulihan sebagai destinasi pelancongan dijalankan oleh badan pelancongan seperti *Sabah Tourism Promotion Corporation* dan *Malaysian Tourism Promotion Board.* Antara promosi yang dijalankan adalah dengan menjadikan Orang Utan sebagai maskot pelancongan. Selain itu, risalah percuma diedarkan kepada orang awam dan pelancong bagi mempromosi tempat menarik di Sabah termasuk Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok.

51.2.10 Bilangan Pelawat Dan Kutipan Hasil

Semakan Audit mendapati bilangan pelawat telah menurun daripada 83,725 pelawat pada tahun 2001 menjadi 55,845 pelawat pada tahun 2003. Penurunan bilangan pelawat ini adalah disebabkan oleh Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) yang telah melanda kebanyakan Negara di Asia pada tahun 2003. Butiran lanjut seperti di **Carta 2**.

Carta 2



Sumber: Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok

Bagaimanapun, adalah didapati kutipan hasil penjualan tiket meningkat secara mendadak pada tahun 2002 seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Kutipan Hasil Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Bil	Jenis Pendapatan	Tahun		
		2001 (RM)	2002 (RM)	2003 (RM)
1.	Penjualan Tiket	403,423	1,020,978	886,445
2.	*Video Camera*	36,470	50,770	17,760
3.	*Camera*	-	179,600	197,520
4.	*Camera Professional*	1,000	3,000	4,000
5.	*Flimming*	11,000	30,000	20,000
6.	*Donation*	11,966	7,775	5,198
7.	*Rental Souvenir Shop*	8,800	10,400	8,800
8.	*Rental Cafeteria*	7,810	9,230	7,810
Jumlah		**480,469**	**1,311,753**	**1,147,533**

Sumber: Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok

Peningkatan kutipan hasil penjualan tiket ini adalah disebabkan oleh peningkatan kadar bayaran bagi setiap kategori tiket dan pembayaran bagi penyewaan peralatan yang mula dikuatkuasakan pada awal bulan Januari 2002. Kadar bayaran masuk dan penyewaan peralatan adalah

seperti di **Jadual 44.** Pelawat yang berkunjung ke Pusat Pemulihan perlu mendaftar terlebih dahulu sebelum dibenarkan menyertai sebarang aktiviti yang disediakan di Pusat Pemulihan. Pendaftaran perlu dijalankan bagi membezakan antara warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia kerana kadar yuran masuk yang dikutip adalah berbeza berdasarkan kewarganegaraan.

Jadual 44
Kadar Bayaran Masuk Dan Penyewaan Peralatan

Bil.	Perkara	Kadar Sebelum Januari 2002 (Seorang/Unit) (RM)	Kadar Selepas Januari 2002 (Seorang/Unit) (RM)
1.	Bayaran masuk untuk Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas	1	5
2.	Bayaran masuk untuk Warganegara Malaysia yang berumur bawah 18 tahun	0.50	2
3.	Bayaran masuk untuk bukan Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas	10	30
4.	Bayaran masuk untuk bukan Warganegara Malaysia yang berumur bawah 18 tahun	5	15
5.	Bayaran masuk ke kandang badak untuk Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas	2	4
6.	Bayaran masuk ke kandang badak untuk Warganegara Malaysia yang berumur bawah 18 tahun	1	2
7.	Bayaran masuk ke kandang badak untuk bukan Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas	2	10
8.	Bayaran masuk ke kandang badak untuk bukan Warganegara Malaysia yang berumur bawah 18 tahun	1	5
9.	Bayaran untuk Program Denai Bersepadu (Semua kategori)	-	10
10.	Penggunaan peralatan kamera, video kamera atau apa-apa perakam video untuk kegunaan sendiri	10	10
11.	Penggunaan peralatan kamera, video kamera atau apa-apa perakam video untuk tujuan komersial atau profesional	-	1,000
12.	Penggunaan peralatan pembuatan filem (untuk tempoh tidak melebihi 7 hari berturut-turut atau sebahagian daripadanya)	1,000	10,000
13.	Penggunaan video kamera atau apa-apa perakam video untuk tujuan komersial	500	-
14.	Penggunaan kamera untuk tujuan profesional atau komersial	100	-

Sumber: Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok

Kesemua kutipan hasil di Pusat Pemulihan diakaunkan di bawah Akaun Amanah Pusat Pemulihan Orang Utan Sepilok dan penggunaannya adalah tertakluk kepada tujuan akaun amanah tersebut diwujudkan.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan aktiviti pemulihan secara umumnya adalah baik. Namun, Jabatan hendaklah mengkaji keperluan untuk menyediakan Pusat Penyelidikan Dan Pembangunan (R&D) bagi kemudahan penyelidikan dan keperluan pengisian/penambahan jawatan serta latihan/kemahiran kakitangan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan Pusat Pemulihan.

51.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang rapi terhadap aktiviti yang dijalankan adalah perlu bagi memastikan objektif Pusat Pemulihan tercapai. Semakan Audit terhadap aspek pemantauan mendapati:

51.3.1 Bahagian/Unit Yang Memantau

Pengurusan di Pusat Pemulihan yang melibatkan aktiviti pentadbiran dan pemulihan hidupan liar dipantau oleh Unit Pentadbiran Dan Akaun, Unit Pendidikan/Pengurusan Pelawat/Konservasi dan Unit Pengurusan Haiwan/Klinik/Kuarantin/Nurseri Dan Translokasi di Ibu Pejabat Jabatan.

51.3.2 Laporan Bulanan Aktiviti Pusat

Laporan bulanan berhubung dengan bilangan pelawat, kutipan hasil dan aktiviti yang dijalankan terhadap hidupan liar disediakan pada setiap bulan untuk dikemukakan kepada Ibu Pejabat. Laporan tersebut akan dikaji dan dipantau oleh Ibu Pejabat Jabatan bagi menyelesaikan sebarang masalah yang berbangkit.

51.3.3 Laporan Tahunan

Laporan Tahunan yang meliputi semua aktiviti yang dijalankan di Pusat Pemulihan juga disediakan tetapi hanya setakat tahun 2000 sahaja. Perkara yang dilaporkan adalah berkaitan aktiviti pentadbiran, hasil dan perbelanjaan, klinik hidupan liar dan pengurusan pelawat/konservasi. Adalah didapati tiada Laporan Tahunan disediakan bagi tahun 2001 hingga 2003.

51.3.4 Mesyuarat Tahunan

Mesyuarat tahunan ada dijalankan di peringkat Ibu Pejabat yang dihadiri oleh semua Ketua Bahagian. Semasa mesyuarat tahunan, setiap ahli akan melaporkan pencapaian aktiviti masing-masing.

Pada pandangan Audit, aspek pemantauan terhadap aktiviti Pusat Pemulihan adalah baik. Bagaimanapun, Laporan Tahunan hanya dibuat setakat tahun 2000 sahaja. Laporan ini perlu disediakan pada setiap tahun bagi memantau segala aktiviti yang telah dijalankan di sepanjang tahun.

52. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan Pusat Pemulihan adalah memuaskan dan aktiviti yang dijalankan dapat membantu Pusat ini mencapai objektifnya. Aktiviti yang dijalankan diharap dapat melindungi Orang Utan di Negeri Sabah daripada ancaman kepupusan. Bagaimanapun, Laporan Tahunan telah tidak dikeluarkan sejak tahun 2001. Adalah disyorkan supaya laporan tersebut dikeluarkan pada setiap tahun kerana ianya boleh dijadikan kayu pengukur tentang pencapaian aktiviti yang dijalankan di sepanjang tahun. Untuk lebih memahami ekspektasi dan harapan pelancong, adalah dicadangkan Pusat Pemulihan menyediakan borang penilaian kepuasan pelanggan bagi membolehkan penilaian dibuat dan tindakan secara proaktif dapat diambil untuk meningkatkan lagi kedatangan pelancong ke Pusat Pemulihan.

BAHAGIAN IV

BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS UGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

53. PENDAHULUAN

Bahagian ini melaporkan hasil pengauditan penyata kewangan, kedudukan kewangan dan kajian atas pengurusan kewangan serta aktiviti Badan Berkanun Negeri, Majlis Ugama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Bagi tahun 2003, sebanyak 4 pengurusan kewangan dan 4 kajian aktiviti dilaporkan dalam **Bahagian** ini.

54. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN

Ketua Audit Negara bertanggungjawab melaksanakan pengauditan terhadap 17 Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Ugama Islam dan 22 Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Sabah selaras dengan kehendak Akta Audit 1957. Daripada jumlah tersebut, pengauditan bagi 17 Badan Berkanun Negeri dan 21 Pihak Berkuasa Tempatan telah dijalankan oleh firma audit swasta bagi pihak Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau. Manakala pengauditan penyata kewangan Majlis Ugama Islam dan Majlis Daerah Kunak dijalankan oleh Jabatan Audit Negara sendiri.

55. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut undang-undang tubuh Badan Berkanun Negeri berkenaan, Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961), penyata kewangan Badan

Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Ugama Islam hendaklah diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata Akaun Tahunan Badan Berkanun Negeri dikehendaki dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas penutupan akaun tahunan. Manakala Penyata Akaun Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan pula perlu dikemukakan secepat mungkin selepas penutupan akaun. Sehingga 31 Julai 2004, sejumlah 8 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Ugama Islam serta 7 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 1999 hingga 2002 belum diserahkan untuk pengauditan. Butiran lanjut kedudukan penyerahan penyata kewangan Agensi adalah seperti di **Lampiran III** dan **IV.**

Kelewatan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri adalah berpunca daripada masalah tenaga kerja, pengurusan Agensi dan aspek lain yang berkaitan. Maklumat lengkap ulasan Audit terhadap kelewatan/kegagalan 5 Agensi yang dipilih adalah seperti di **Lampiran V**. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan, kelewatan penyerahan penyata kewangan lazimnya disebabkan oleh masalah kekurangan kakitangan yang berkemahiran dalam penyediaan penyata kewangan. Selain itu, ia disebabkan oleh jawatan penolong akauntan yang diluluskan tidak dapat diisi kerana sekatan kewangan. Manakala Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 juga tidak memperuntukkan tarikh penyata kewangan perlu dikemukakan kepada Ketua Audit Negara.

56. PERSIJILAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut garis panduan yang ditetapkan, Sijil Ketua Audit Negara yang muktamad hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera selepas *exit conference* diadakan. Persijilan penyata kewangan bagi Agensi di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

56.1 BADAN BERKANUN NEGERI DAN MAJLIS UGAMA ISLAM

Sehingga 31 Julai 2004, sejumlah 46 penyata kewangan bagi 17 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Ugama Islam telah disijilkan yang melibatkan 10 Sijil Tanpa Teguran, tiga puluh dua Sijil Berteguran dan 4 Sijil Penafian. Perkara yang dibangkitkan dalam Sijil Berteguran dan Sijil Penafian antaranya adalah seperti berikut:

i) pendedahan pada Nota Kepada Akaun tidak dibuat;
ii) peruntukan hutang ragu dan rosot nilai pelaburan tidak dibuat;
iii) pelunasan perbelanjaan pembangunan tidak selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan;
iv) tatacara pengiraan stok tidak diwujudkan;
v) penyata yang disatukan bagi Agensi yang mempunyai subsidiari tidak disediakan;
vi) senarai dan jadual sokongan tidak diperolehi untuk pengauditan;
vii) Daftar Aset Tetap dan rekod deposit tidak diselenggarakan;
viii) bil tuntutan tidak diperakaunkan mengikut asas akruan; dan
ix) kesilapan mengambil kira pendapatan dan perbelanjaan dalam penyata kewangan.

Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Majlis Ugama Islam sepanjang tahun 2003 sehingga 31 Julai 2004 adalah seperti di **Lampiran VI**.

56.2 PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sehingga 31 Julai 2004, sejumlah 58 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah disijilkan yang melibatkan 2 Sijil Tanpa Teguran dan 56 Sijil Berteguran. Perkara yang sering dibangkitkan dalam Sijil Berteguran adalah seperti berikut:

i) baki bantuan modal dan bantuan khas daripada Kerajaan Negeri telah digunakan untuk membiayai perbelanjaan operasi;

ii) perbelanjaan melebihi peruntukan tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian berkenaan;

iii) tunggakan hasil semakin meningkat dan tidak dapat dikutip; dan

iv) bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri tidak dijelaskan.

Butiran lengkap kedudukan persijilan penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Lampiran VII**.

57. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Mengikut Ordinan Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, penyata kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Adalah didapati 45 penyata kewangan bagi 17 Badan Berkanun Negeri dan Majlis Ugama Islam serta 7 penyata kewangan bagi 5 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah disahkan sehingga 31 Julai 2004 belum dibentangkan. Butiran lanjut seperti di **Lampiran VIII** dan **Lampiran IX.**

58. PRESTASI KEWANGAN

Sehingga 31 Mei 2004, penyata kewangan 7 Badan Berkanun Negeri dan 13 Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah disahkan. Pada tahun berakhir 2002, enam Badan Berkanun Negeri telah berjaya mengurangkan perbelanjaan dengan mempunyai surplus pendapatan. Tujuh Agensi berkenaan juga dapat menampung liabiliti semasa dan mengakhiri tahun kewangan dengan lebihan harta bersih semasa. Sementara itu, daripada 13 penyata kewangan tahun 2002 bagi Pihak Berkuasa Tempatan yang disahkan, tujuh Agensi mengakhiri tahun kewangan ini dengan lebihan pendapatan. Namun begitu, hanya 4 Agensi di mana jumlah aset semasa dapat menampung liabiliti semasa sementara 9 Agensi lagi mengalami kurangan harta semasa. Butiran lengkap adalah seperti di **Lampiran X.**

Analisis Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am adalah disedia berdasarkan Penyata Kewangan tahun 2002 yang telah disahkan. Secara keseluruhan, Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am Pihak Berkuasa Tempatan meningkat sejumlah RM1.08 juta iaitu daripada tunggakan sejumlah RM23.32 juta pada tahun 2001 menjadi RM24.40 juta pada tahun 2002. Berdasarkan analisis yang dibuat, adalah didapati tunggakan hasil Cukai Perkara Am Majlis Daerah Beaufort menunjukkan peningkatan paling tinggi iaitu daripada RM238,113 pada tahun 2001 menjadi RM786,537 pada tahun 2002. Sementara itu, tunggakan hasil Cukai Perkara Am Dewan Bandaraya Kota Kinabalu menunjukkan penurunan paling banyak sejumlah RM499,559 iaitu daripada RM16.63 juta pada tahun 2001 menjadi RM16.13 juta pada tahun 2002. Butiran lanjut dinyatakan seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Analisis Tunggakan Hasil Cukai Perkara Am
Bagi Tahun 2001 Dan 2002

Bil.	Nama Agensi Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun 2001 (RM)	Tahun 2002 (RM)	Peningkatan/ (Penurunan) (RM)
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	16,627,166	16,127,607	(499,559)
2.	Majlis Daerah Sipitang	17,493	22,473	4,980
3.	Majlis Daerah Kota Marudu	729,869	847,713	117,844
4.	Majlis Daerah Beaufort	238,113	786,537	548,424
5.	Majlis Daerah Tambunan	77,278	71,717	(5,561)
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	52,951	73,882	20,931
7.	Majlis Daerah Lahad Datu	1,521,137	1,831,597	310,460
8.	Majlis Daerah Keningau	1,038,152	1,462,406	424,254
9.	Majlis Daerah Tenom	929,390	943,734	14,344
10.	Majlis Daerah Ranau	488,395	473,064	(15,331)
11.	Majlis Daerah Papar	1,595,653	1,755,213	159,560
Jumlah Keseluruhan		**23,315,597**	**24,395,943**	**1,080,346**

Sumber : Fail Jabatan Audit Negara

59. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhan, ada peningkatan penyerahan penyata kewangan Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam aspek persijilan penyata kewangan, Agensi yang telah diberi Sijil Penafian dan Sijil Berteguran hendaklah meningkatkan prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan selaras dengan peraturan yang

berkuat kuasa. Berdasarkan analisis terhadap penyata kewangan tahun 2002 yang telah disahkan, enam Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami defisit. Pihak Berkuasa berkenaan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan terimaan hasil dan mengawal perbelanjaan supaya defisit yang dialami tidak akan berlarutan. Selain itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu mengambil tindakan tertentu seperti memberi insentif dan mengadakan promosi bagi menggalakkan pemegang harta menjelaskan Cukai Perkara Am mengikut tempoh yang ditetapkan.

LEMBAGA SUKAN NEGERI SABAH DAN PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI SABAH

PENGURUSAN KEWANGAN

60. LATAR BELAKANG

Lembaga Sukan Negeri Sabah (Lembaga) diwujudkan pada bulan Januari 1997 apabila Lembaga Sukan Dan Kebudayaan Negeri Sabah dibahagikan kepada 2 entiti iaitu Lembaga Sukan Negeri dan Lembaga Kebudayaan Negeri. Objektif penubuhannya adalah untuk meninggikan taraf kegiatan sukan di Sabah khasnya dan Malaysia amnya iaitu dengan mengadakan kursus dan rancangan latihan untuk semua peringkat sukan di Sabah. Di bawah Kementerian Belia Dan Sukan Negeri, Lembaga memainkan peranan antara lain untuk membuat penyelidikan, mengatur, merancang dan melaksanakan program berkaitan sukan. Selain bertanggungjawab ke atas perkembangan sukan, Lembaga juga bertanggungjawab untuk mentadbir dan menyenggara 7 Kompleks Sukan di Sabah iaitu Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Keningau, Tenom, Kota Belud, Penampang, Tambunan dan Sandakan.

Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (Perbadanan) ditubuhkan pada bulan Disember 1971 di bawah Enakmen Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri No. 30/1971 oleh Perundangan Negeri Sabah. Di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian, Perbadanan berperanan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional dan bertindak sebagai jentera untuk menyelaras, mengarah dan jika perlu menyertai secara aktif penubuhan industri yang akan menghasilkan peluang pekerjaan yang baru dan menjamin lebih banyak penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian. Sejak penubuhannya, Perbadanan telah melibatkan diri dalam sektor pembuatan, pembangunan hartanah, perkhidmatan perdagangan dan program Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

61. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan kedua Agensi ini dilaksanakan dengan teratur dan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod adalah lengkap dan kemas kini. Pengauditan ini meliputi pemeriksaan terhadap rekod dan fail berkaitan pada tahun 2001, 2002 dan 2003 (sehingga bulan Julai 2003). Rekod yang diperiksa antaranya ialah Buku Tunai, buku resit, baucar bayaran, Daftar Pinjaman dan rekod harta modal dan inventori. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan juga diadakan di samping mengadakan lawatan ke Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Sandakan, Keningau dan Kota Belud.

62. PENEMUAN AUDIT

62.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan adalah meliputi struktur organisasi, pematuhan kepada Pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa (seperti Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam) dan langkah meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan kualiti hasil kerja kakitangan. Aspek pengurusan yang perlu diberi penekanan oleh Ketua Agensi termasuk penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang lengkap dan kemas kini, penurunan kuasa yang teratur, memberi kursus dan latihan yang bersesuaian kepada kakitangan serta penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun. Penemuan Audit terhadap kawalan pengurusan adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Kedudukan Kawalan Pengurusan

AGENSI	KAWALAN PENGURUSAN						
	a	b	c	d	e	f	g
Lembaga Sukan Negeri Sabah	x	x	x	/	/	x	/
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	x	x	x	/	x	x	/

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Manual Prosedur Kerja adalah lengkap dan kemas kini
b. Fail Meja disediakan bagi setiap anggota
c. Fail Meja adalah lengkap dan kemas kini
d. Penurunan kuasa dinyatakan secara jelas dan bertulis
e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah ditubuhkan
f. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun bermesyuarat setiap bulan atau sekurang-kurangnya 2 bulan sekali
g. Semua anggota telah diberi kursus dan latihan berkaitan dengan bidang tugas masing-masing

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan Lembaga dan Perbadanan perlu dipertingkatkan lagi dari aspek penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja.

62.2 KAWALAN HASIL

Hasil utama Lembaga dan Perbadanan terdiri daripada faedah, sewa, pendapatan pelbagai dan bantuan Kerajaan. Pada tahun 2003, kutipan hasil Lembaga dan Perbadanan masing-masing berjumlah RM8.06 juta dan RM11.45 juta. Manakala pada tahun 2002, Lembaga memungut hasil sejumlah RM8.12 juta dan Perbadanan sejumlah RM2.84 juta. Sistem perakaunan yang digunakan untuk mengakaunkan hasil adalah secara akruan dan dilaksanakan secara manual. Pada umumnya, kawalan hasil telah dilaksanakan dengan memuaskan, iaitu rekod dan dokumen kewangan telah diselenggarakan mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Bagaimanapun, masih ada beberapa peraturan mengenai kawalan hasil yang tidak dipatuhi sepenuhnya seperti semakan harian tidak dibuat antara Buku Tunai dan resit, kemasukan wang ke bank tidak dibuat dengan segera dan pemeriksaan mengejut ke atas wang tunai tidak dijalankan. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

AGENSI	KAWALAN HASIL							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Lembaga Sukan Negeri Sabah	/	x	/	/	/	/	/	/
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	/	/	/	x	/	x	/	/

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
g. Penyata Penyesuaian Hasil dibuat dengan betul dan kemas kini
h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil

62.2.1 Penghutang Perniagaan

Baki penghutang perniagaan Lembaga yang melibatkan tunggakan sewa kemudahan sukan dan asrama/lansaran adalah berjumlah RM1.36 juta. Baki penghutang perniagaan Perbadanan pula berjumlah RM27.16 juta. Semakan Audit mendapati lejar penghutang perniagaan bagi kedua Agensi ini telah diselenggara dan disimpan dengan teratur dan kemas kini. Analisis mengenai usia penghutang dan tindakan menuntut hutang tertunggak secara mengeluarkan surat peringatan telah dibuat. Peruntukan hutang ragu akan dibuat bagi kes hutang yang tertunggak melebihi 4 tahun dan tidak ada bayaran pada tahun semasa. Sementara itu, hutang ragu terkumpul akan diambil tindakan hapus kira sekiranya keupayaan untuk mendapat balik hutang tidak tercapai.

Secara keseluruhannya, kawalan hasil adalah memuaskan dan rekod kawalan seperti rekod sewaan dan lejar penghutang perniagaan telah diselenggarakan dengan sempurna dan dikemas kini dari semasa ke semasa.

62.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan Lembaga dan Perbadanan melibatkan perbelanjaan pentadbiran, kakitangan, kewangan dan pembangunan. Pada tahun 2002, perbelanjaan Lembaga berjumlah RM8.14 juta dan Perbadanan berjumlah RM15.75 juta. Ketua Agensi adalah bertanggungjawab memastikan setiap perbelanjaan yang dibuat disokong dengan dokumen sokongan yang asal dan lengkap, penurunan kuasa dibuat dengan teratur dan penyelenggaraan Buku Vot dan Daftar Bil dibuat dengan lengkap dan kemas kini. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

AGENSI	KAWALAN PERBELANJAAN					
	a	b	c	d	e	f
Lembaga Sukan Negeri Sabah	/	/	/	/	x	x
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	/	/	/	/	x	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Transaksi di Lejar Perbelanjaan ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
b. Buku Tunai Pembayaran disemak oleh pegawai penyelia
c. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
d. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Kerajaan
e. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
f. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan

Pada keseluruhannya, kawalan perbelanjaan adalah memuaskan kecuali Daftar Bil tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

62.4 PENGURUSAN PELABURAN

Lembaga mempunyai pelaburan sejumlah RM2 dalam satu syarikat subsidiari di mana fungsi utamanya mengurus kantin Kompleks Sukan Kota Kinabalu. Manakala, Perbadanan telah membuat pelaburan berjumlah RM173.02 juta dalam syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan simpanan tetap. Semakan Audit mendapati Lembaga dan Perbadanan telah membuat pelaburan

berdasarkan Enakmen, Undang-undang dan Garis Panduan yang telah ditetapkan serta dipantau pelaksanaannya oleh Jawatankuasa Projek Dan Kewangan.

Lembaga tidak menyerahkan Sijil Saham sebagai bukti pelaburan menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan setiap transaksi pelaburan sama ada direkod dengan tepat dan teratur dalam lejar am. Selain itu, Lembaga tidak menyediakan daftar pelaburan. Adalah didapati tidak ada hasil pulangan pelaburan kerana syarikat subsidiari tidak lagi beroperasi.

Pemeriksaan Audit mendapati Perbadanan telah menyimpan Sijil Pelaburan dan Sijil Saham dengan selamat. Setiap transaksi pelaburan direkod dengan tepat dalam lejar am. Daftar Pelaburan ada disediakan secara berkomputer dan diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab. Selain itu, hasil pulangan pelaburan diambil kira dengan tepat dalam lejar dan juga telah disemak.

Pada pendapat Audit, pengurusan pelaburan Perbadanan adalah memuaskan. Manakala Lembaga hendaklah memastikan pelaburan yang akan dibuat pada masa hadapan dirancang dengan teliti supaya dapat menikmati manfaat keuntungan daripada pelaburan. Selain itu, rekod berkaitan pelaburan hendaklah diselenggara dengan kemas kini.

62.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Lembaga tidak memperolehi atau membuat pinjaman daripada mana-mana pihak atau institusi kewangan. Bagaimanapun, Lembaga ada menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri. Perbadanan memperolehi pinjaman daripada Kerajaan Negeri berjumlah RM219.58 juta pada tahun 2002. Pinjaman tersebut adalah untuk membiayai pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, projek kawasan perindustrian, projek perumahan dan pelbagai.

Semakan Audit mendapati Perbadanan telah lewat melunaskan bayaran balik pinjaman berjumlah RM219.58 juta kerana mengalami masalah kecairan

kewangan. Bagaimanapun, daftar berkomputer untuk merekod pinjaman diterima telah diselenggarakan dengan kemas kini serta dikawal selia oleh pegawai yang bertanggungjawab. Selain itu, surat perjanjian pinjaman adalah disimpan dengan selamat dan teratur.

Secara keseluruhannya, pengurusan pinjaman Perbadanan adalah memuaskan.

62.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Lembaga dan Perbadanan mengendalikan akaun amanah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri dan peraturan kewangan yang ditetapkan. Lembaga membuat kutipan deposit perniagaan dan sewaan kompleks serta kemudahan sukan. Baki deposit tersebut pada tahun 2002 berjumlah RM103,657. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak menyelenggara Daftar Pendahuluan Peribadi dan Pendahuluan Diri dengan kemas kini. Bagaimanapun, Daftar Pinjaman Kenderaan bagi Lembaga dan Perbadanan, Daftar Pinjaman Komputer Perbadanan dan Akaun Deposit Lembaga telah disediakan dengan teratur dan kemas kini. Pemantauan pembiayaan dan bayaran balik dengan mengeluarkan surat tuntutan dan peringatan bagi hutang tertunggak juga ada dibuat oleh pihak pengurusan Lembaga dan Perbadanan.

Pada pandangan Audit, pengurusan akaun amanah dan deposit adalah memuaskan dan mematuhi peraturan kewangan. Rekod diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagaimanapun, usaha berterusan hendaklah diambil untuk mendapat balik baki pendahuluan yang lama tertunggak.

62.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Pengurusan aset dan inventori bertujuan memastikan aset dan inventori yang diperolehi oleh Lembaga dan Perbadanan telah direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelak daripada berlaku pembaziran. Pemeriksaan Audit

mendapati pengurusan aset dan inventori Lembaga tidak memuaskan kerana beberapa peraturan tidak dipatuhi khususnya berkaitan penyelenggaraan rekod dan prosedur pelupusan. Pengurusan aset dan inventori Perbadanan pula memerlukan penambahbaikan terutamanya penyelenggaraan daftar pergerakan harta modal dan inventori serta pemeriksaan fizikal bagi mengesahkan kewujudan aset.

Pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan Berhubung Dengan Pengurusan Aset Dan Inventori

AGENSI	PERATURAN PENGURUSAN ASET							
	a	b	c	d	e	f	g	h
Lembaga Sukan Negeri Sabah	x	x	x	x	/	/	/	x
Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	/	x	/	x	/	/	/	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c. Aset mempunyai tanda pengenalan "Hak Milik Kerajaan"
d. Pelantikan Pegawai Pengangkutan dibuat secara bertulis
e. Kenderaan diguna dengan kelulusan Pegawai Pengangkutan
f. Buku Log kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
g. Aset usang diambil tindakan pelupusan
h. Pelupusan aset disegerakan

Pada keseluruhannya, pengurusan aset dan inventori Lembaga dan Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana beberapa peraturan tidak dipatuhi khususnya berkaitan penyelenggaraan rekod dan prosedur pelupusan.

63. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada pengauditan ini mendapati tahap pengurusan kewangan Lembaga Sukan Negeri Sabah dan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah pada keseluruhannya perlu dipertingkatkan lagi terutamanya dari aspek penyediaan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja, penyelenggaraan Daftar Bil dan

rekod aset. Pihak pengurusan Agensi berkenaan hendaklah mengambil usaha berterusan dengan memantap dan meningkatkan pemantauan terhadap tugas pegawai bawahan dan memberi kefahaman dan latihan yang mencukupi tentang prosedur kewangan kepada kakitangan.

LEMBAGA BANDARAN KUDAT DAN MAJLIS DAERAH KOTA BELUD

PENGURUSAN KEWANGAN

64. LATAR BELAKANG

Pada tahun 2003, dua Pihak Berkuasa Tempatan telah diaudit pengurusan kewangannya iaitu Lembaga Bandaran Kudat (Lembaga) dan Majlis Daerah Kota Belud (Majlis). Peraturan kewangan bagi Lembaga dan Majlis adalah tertakluk kepada Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah dan undang-undang kecil bagi Agensi masing-masing. Selain itu, Agensi juga perlu mematuhi pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa.

65. OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang, peraturan kewangan yang berkaitan dan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan sama ada penyelenggaraan rekod telah dilaksanakan dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan Audit meliputi semakan terhadap rekod kewangan dan dokumen yang berkaitan seperti Buku Tunai, Rekod Perbelanjaan, Penyata Penyesuaian, Daftar Pelaburan, Daftar Pinjaman, Akaun Amanah/Deposit serta Daftar Aset dan Inventori bagi tahun 2002 dan 2003. Sampel telah dipilih secara rambang dan temu bual dengan pegawai yang terlibat telah dibuat semasa pengauditan dijalankan untuk mendapat penjelasan lanjut.

66. PENEMUAN AUDIT

66.1 KAWALAN PENGURUSAN

Kawalan pengurusan meliputi aspek di antara lainnya mengenai struktur organisasi, perjawatan dan sumber manusia serta penubuhan Jawatankuasa

yang bertujuan untuk meningkatkan tahap kecekapan pengurusan dan kualiti kerja. Menurut Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991, semua Agensi perlu menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja untuk setiap jawatan. Selain itu, mengikut Perintah-Perintah Tetap Lembaga Bandaran Kudat dan Majlis Daerah Kota Belud, Jawatankuasa Pengurusan Kewangan perlu ditubuhkan dan mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati Manual Prosedur Kerja ada disediakan tetapi Fail Meja tidak disediakan bagi setiap jawatan. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan telah ditubuhkan tetapi tidak mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun seperti yang ditetapkan. Kedudukan kawalan pengurusan bagi Agensi tersebut adalah seperti di **Jadual 50.**

Jadual 50
Kedudukan Kawalan Pengurusan

AGENSI	KAWALAN PENGURUSAN				
	a	b	c	d	e
Lembaga Bandaran Kudat	/	/	x	/	x
Majlis Daerah Kota Belud	/	/	x	/	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Manual Prosedur Kerja disediakan di setiap pejabat
b. Manual Prosedur Kerja lengkap dan kemas kini
c. Fail Meja disediakan bagi setiap jawatan
d. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan telah ditubuhkan
e. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun

Pada pandangan Audit, prestasi kawalan pengurusan Lembaga dan Majlis boleh dipertingkatkan lagi dengan menyediakan Fail Meja bagi setiap jawatan serta meningkatkan peranan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dengan lebih aktif bagi memantau urusan kewangan.

66.2 KAWALAN HASIL

Hasil utama Lembaga dan Majlis terdiri daripada cukai, ses tanah, faedah, sewa, caruman dan bantuan Kerajaan dan pendapatan pelbagai. Lembaga dan Majlis menggunakan sistem perakaunan tunai dalam menyediakan rekod perakaunan. Pungutan hasil masih dijalankan secara manual iaitu resit hasil

dikeluarkan kepada semua pembayar. Pada tahun 2003, Lembaga mengutip hasil sejumlah RM2.74 juta manakala Majlis mengutip sejumlah RM4.45 juta. Semakan Audit terhadap kawalan hasil mendapati perkara seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Hasil

AGENSI	KAWALAN HASIL									
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j
Lembaga Bandaran Kudat	/	/	/	/	/	x	/	/	/	/
Majlis Daerah Kota Belud	/	/	/	/	/	x	x	/	/	/

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Resit ditulis dan ditandatangani oleh 2 orang pegawai yang berasingan
b. Semakan harian dibuat antara Buku Tunai dan resit
c. Kebenaran bertulis untuk pegawai yang menerima wang
d. Notis mengenai keperluan meminta resit dipamerkan untuk pengetahuan awam
e. Kemasukan wang ke bank dibuat dengan segera
f. Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga
g. Penyata Penyesuaian Bank dibuat dengan betul dan kemas kini
h. Kebenaran khusus diberi kepada seseorang pegawai yang perlu menguruskan sendiri semua aktiviti pungutan hasil
i. Kaunter khas disediakan bagi menjamin keselamatan pungutan dan terimaan hasil
j. Tunggakan hasil direkod dengan teratur dan kemas kini

Pada pandangan Audit, kawalan hasil Lembaga dan Majlis pada amnya adalah memuaskan. Kebanyakan peraturan kewangan berhubung dengan kawalan hasil telah dipatuhi. Bagaimanapun, bagi meningkatkan kawalan hasil, pihak pengurusan perlu membuat pemeriksaan mengejut dari semasa ke semasa seperti kehendak Arahan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sabah Bilangan 66 dan juga menyediakan penyata penyesuaian bank dengan lengkap dan kemas kini setiap bulan.

66.3 KAWALAN PERBELANJAAN

Lembaga dan Majlis mengklasifikasikan perbelanjaan kepada 2 jenis yang utama iaitu perbelanjaan modal dan mengurus. Pada tahun 2003, Lembaga telah membelanjakan RM1.44 juta untuk pembangunan dan RM2.28 juta untuk mengurus manakala Majlis membelanjakan RM2.36 juta untuk pembangunan dan RM1.48 juta untuk mengurus. Semakan Audit terhadap kawalan

perbelanjaan telah dijalankan untuk menentukan sama ada perbelanjaan telah dilakukan mengikut maksud yang ditentukan serta diperakaun dengan betul dan kemas kini. Dokumen kewangan seperti baucar bayaran, Pesanan Pembelian, Buku Vot, Daftar Bil dan rekod lain yang berkaitan telah disemak. Kedudukan pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan kawalan perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Kawalan Perbelanjaan

AGENSI	KAWALAN PERBELANJAAN												
	a	b	c	d	e	f	g	h	i	j	k	l	m
Lembaga Bandaran Kudat	/	x	x	/	/	x	x	/	TB	/	/	/	TB
Majlis Daerah Kota Belud	/	/	x	/	x	x	/	/	/	/	/	/	/

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi TB : Tidak Berkenaan

a. Transaksi di Buku Vot ditandatangani oleh pegawai bertanggungjawab
b. Buku Vot disemak oleh Pegawai Penyelia
c. Penyata Penyesuaian Perbelanjaan disediakan dengan lengkap dan kemas kini
d. Maklumat di Pesanan Kerajaan adalah lengkap
e. Surat kuasa untuk tandatangani Pesanan Pembelian disediakan
f. Daftar Bil diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini
g. Daftar Bil diperiksa oleh pegawai kanan
h. Baucar bayaran mempunyai dokumen sokongan seperti invois, pesanan pembelian dan pesanan kerja
i. Panjar Wang Runcit diselenggara dengan kemas kini serta diperiksa oleh pegawai bertanggungjawab
j. Buku Tunai disediakan dengan kemas kini
k. Daftar Pembayaran disediakan sebagai kawalan terhadap cek bayaran
l. Kawalan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan
m. Kawalan perolehan secara tender dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan

Pada pandangan Audit, kawalan perbelanjaan Lembaga dan Majlis pada umumnya adalah memuaskan. Bagaimanapun, adalah diperhatikan beberapa aspek perlu diperbaiki terutama penyelenggaraan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan dan Daftar Bil yang lengkap dan kemas kini.

66.4 PENGURUSAN PELABURAN

Lembaga membuat pelaburan dalam bentuk simpanan tetap sejumlah RM1.16 juta di 2 bank berasingan. Manakala Majlis membuat pelaburan dalam bentuk simpanan tetap sejumlah RM1.01 juta.

Semakan Audit mendapati Lembaga dan Majlis telah menyelenggara Daftar Simpanan Tetap sebagai rekod kawalan dengan kemas kini dan lengkap. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada sebarang prosedur dan tatacara pelaburan disediakan sebagai garis panduan pelaburan. Keputusan untuk membuat pelaburan bagi Lembaga ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kewangan manakala semua keputusan pelaburan Majlis ditentukan oleh Pegawai Kerja.

Pada pandangan Audit, pengurusan pelaburan Lembaga dan Majlis akan menjadi lebih baik jika garis panduan pelaburan disediakan dan diikuti.

66.5 PENGURUSAN PINJAMAN

Pada akhir tahun 2003, Lembaga mempunyai baki pinjaman dan faedah sejumlah RM1.48 juta daripada Kerajaan Negeri. Baki pinjaman tersebut terdiri daripada RM42,665 untuk membiayai pembinaan perumahan kos rendah di Landong Ayang, RM1.27 juta untuk pembinaan dewan masyarakat, RM49,999 untuk pembinaan pasar baru dan RM88,521 untuk bayaran tunggakan gaji. Selain itu, Lembaga juga mempunyai tanggungan berjumlah RM456,030 iaitu RM398,271 kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd, RM56,921 kepada Jabatan Air dan RM838 kepada Telekom Malaysia Berhad.

Pada tahun 2003, Majlis mempunyai baki pinjaman dan faedah sejumlah RM17,707 yang belum dibayar kepada Kerajaan Negeri. Pinjaman tersebut adalah untuk membiayai pembinaan gerai makan, pembesaran pasar dan pembinaan dewan masyarakat yang diterima oleh Majlis antara tahun 1968

hingga 1971. Selain itu, Majlis juga mempunyai tanggungan berjumlah RM243,012 iaitu RM190,387 kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd, RM24,078 kepada Jabatan Air dan RM28,547 kepada Agensi lain.

Semakan Audit mendapati Daftar Pinjaman tidak diselenggarakan oleh Lembaga dan Majlis walaupun penyesuaian baki pinjaman ada dibuat. Selain itu, adalah difahamkan Perjanjian Pinjaman ada disediakan tetapi tidak dapat dikesan untuk verifikasi kerana perjanjian tersebut dibuat pada tahun 1960an dan 1970an.

Pada pandangan Audit, pengurusan pinjaman Lembaga dan Majlis perlu dipertingkatkan lagi. Tindakan perlu diambil untuk menentukan Daftar Pinjaman diselenggarakan dan semua pinjaman serta hutang diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

66.6 PENGURUSAN AKAUN AMANAH DAN DEPOSIT

Lembaga dan Majlis ada menyelenggara akaun amanah iaitu pendahuluan diri, pinjaman kenderaan dan deposit sewaan seperti kantin, sewa rumah sangkar ikan dan sewa tapak tanah. Pada akhir tahun 2003, Lembaga mempunyai baki deposit sejumlah RM22,400. Daftar Deposit yang diselenggara adalah tidak lengkap dan tidak kemas kini kerana tidak mencatatkan tujuan deposit dan terimaan deposit selepas tahun 1995. Semakan Audit juga mendapati tidak ada bukti menunjukkan daftar tersebut telah disemak oleh Pegawai Penyelia. Selain itu, Lembaga juga ada memberikan pinjaman kenderaan kepada seorang kakitangan sejumlah RM30,000 dan direkodkan di dalam Daftar Pinjaman Kenderaan dengan kemas kini. Pada akhir tahun 2003, pinjaman tersebut masih berbaki sejumlah RM20,443.

Majlis pula hanya mengemaskinikan Daftar Deposit setakat bulan Oktober 2002 yang berbaki sejumlah RM98,903. Pendahuluan diri sejumlah RM7,000 yang diberikan kepada seorang kakitangan untuk melanjutkan pelajaran telah dibayar secara ansuran sejumlah RM50 sebulan. Bagaimanapun, tidak ada

sebarang daftar yang disediakan untuk mengawal pembayaran balik pinjaman tersebut.

Pada pandangan Audit, pengurusan deposit dan pendahuluan diri dari aspek penyelenggaraan rekod adalah lemah. Daftar perlu disediakan dengan lengkap dan kemas kini untuk menunjukkan kedudukan terkini.

66.7 PENGURUSAN ASET DAN INVENTORI

Pengurusan aset dan inventori bertujuan untuk memastikan aset dan inventori yang diperolehi telah direkodkan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelak daripada berlaku pembaziran. Pemeriksaan Audit mendapati kebanyakan peraturan bagi pengurusan aset seperti penyelenggaraan rekod, pemeriksaan fizikal aset, verifikasi stok dan penyelenggaraan Buku Log kenderaan tidak dipatuhi sepenuhnya. Kedudukan mengenai pematuhan terhadap peraturan kewangan berhubung dengan pengurusan aset di Lembaga dan Majlis adalah seperti di **Jadual 53.**

Jadual 53
Pematuhan Terhadap Peraturan Kewangan
Berhubung Dengan Pengurusan Aset

AGENSI	PERATURAN PENGURUSAN ASET						
	a	b	c	d	e	f	g
Lembaga Bandaran Kudat	/	x	/	x	x	/	/
Majlis Daerah Kota Belud	x	x	/	x	x	x	x

Nota: / : Mematuhi x : Tidak Mematuhi

a. Daftar Harta Modal dan Inventori diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
b. Pemeriksaan fizikal dijalankan terhadap harta modal dan inventori
c. Aset mempunyai tanda pengenalan 'Hak Milik Lembaga/Majlis'
d. Verifikasi stok dijalankan
e. Buku Log Kenderaan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini
f. Aset usang diambil tindakan pelupusan
g. Pelupusan aset disegerakan

Pada pandangan Audit, tahap pengurusan aset Lembaga dan Majlis secara keseluruhannya adalah lemah kerana kurang pemantauan dan kawalan dibuat terhadap penggunaan dan kedudukan aset oleh pihak pengurusan.

67. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Hasil daripada pengauditan ini mendapati tahap pengurusan kewangan bagi Lembaga dan Majlis masih boleh diperbaiki. Kelemahan yang dibangkitkan terutamanya mengenai kawalan perbelanjaan, pengurusan akaun amanah/deposit dan pengurusan aset perlu diberi perhatian. Antara punca kelemahan tersebut ialah pihak pengurusan kurang membuat penyeliaan terhadap kerja yang dijalankan oleh pegawai bawahan. Sehubungan ini, pihak pengurusan perlu membuat semakan dan penyeliaan dari semasa ke semasa bagi menentukan peraturan kewangan dipatuhi dan rekod kewangan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Selain itu, pihak pengurusan juga perlu memastikan setiap kakitangannya mempunyai Fail Meja yang lengkap dan kemas kini bagi memudahkan mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing.

TAMAN-TAMAN SABAH

PROGRAM PENSWASTAAN PERKHIDMATAN DAN KEMUDAHAN PELANCONGAN

68. LATAR BELAKANG

Taman-Taman Sabah (Taman Sabah) merupakan sebuah Agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Alam Sekitar, Sains Dan Teknologi Sabah. Ia ditubuh pada tahun 1964 di bawah Ordinan Taman Negara 1962 yang kemudiannya diganti dengan Enakmen Taman-Taman Sabah No. 6 Tahun 1984. Antara fungsi utama Taman Sabah adalah:

i) melindungi dan memulihara alam semulajadi di kawasan yang diwartakan sebagai Taman Sabah;

ii) menjaga dan memelihara baka tumbuhan dan haiwan yang terdapat dalam kawasan Taman Sabah;

iii) merancang, menggubal dan melaksanakan dasar yang berkaitan dengan pembangunan, kawalan kewangan, operasi dan pengurusan Taman Sabah dan penyelidikan; dan

iv) membuat perakuan kepada Kerajaan Negeri mengenai cadangan penubuhan kawasan Taman Sabah baru.

Setakat ini, Taman Sabah mempunyai 6 kawasan Taman yang diwartakan sebagai kawasan Taman Alam Semulajadi Negeri iaitu 3 Taman Laut dan 3 Taman Daratan. Taman Laut seluas 22,533 hektar terdiri daripada Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Manukan, Pulau Sulug, Pulau Mamutik dan Pulau Sapi), Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan dan Pulau Bakungan Kecil) dan Taman Pulau Tiga. Manakala 3 Taman Daratan seluas 243,261 hektar terdiri daripada Taman Kinabalu (Taman Kinabalu, Poring Air Panas dan *Masilau Nature Resort*), Taman Banjaran Crocker dan Taman Bukit Tawau. Rancangan menswastakan perkhidmatan dan kemudahan pelancongan Taman Sabah tercetus daripada cadangan pihak swasta pada tahun 1994 untuk mengendalikan kemudahan Taman Kinabalu.

Mulai tahun 1998, perkhidmatan dan kemudahan pelancongan di 5 Taman telah diswastakan kepada 7 syarikat konsesi. Taman tersebut ialah Taman Bukit Tawau, Taman Pulau Penyu, Taman Kinabalu, Taman Pulau Tiga dan Taman Tunku Abdul Rahman. Objektif program penswastaan ini adalah untuk mengurangkan bebanan pengurusan dan kewangan Kerajaan, menambah baik pengurusan kemudahan bagi meningkatkan kedatangan pelancong, merangsang pertumbuhan ekonomi melalui penyertaan sektor swasta dan membantu pencapaian Dasar Ekonomi Negara mengenai penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan.

69. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program penswastaan perkhidmatan dan kemudahan pelancongan Taman Sabah mencapai matlamat yang ditetapkan.

70. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan ditumpukan kepada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program penswastaan 5 Taman kepada 7 syarikat konsesi (konsesi) mulai tahun 1998 hingga masa kini. Kaedah pengauditan pula adalah melalui semakan terhadap 7 perjanjian konsesi, fail dan dokumen lain yang berkaitan di Ibu Pejabat Taman Sabah dan Cawangannya. Maklumat tambahan juga diperolehi dari Jabatan Ketua Menteri dan Pejabat Pendaftar Syarikat. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan Taman Sabah dan konsesi yang terlibat juga diadakan, di samping mengadakan lawatan ke Taman Bukit Tawau, Taman Pulau Penyu, Taman Kinabalu, Taman Pulau Tiga dan Taman Tunku Abdul Rahman.

71. PENEMUAN AUDIT

71.1 PERANCANGAN

Perancangan program penswastaan Taman Sabah adalah berasaskan kepada keputusan Kabinet Negeri dan kertas cadangan penswastaan yang dikemukakan oleh pihak konsesi. Berdasarkan keputusan dan kertas cadangan tersebut, Taman Sabah melaksanakan kajian kemungkinan terhadapnya.

71.1.1 Cadangan Penswastaan

Rancangan menswastakan perkhidmatan dan kemudahan pelancongan Taman Sabah tercetus daripada cadangan pihak swasta pada tahun 1994 untuk mengendalikan kemudahan Taman Kinabalu. Lanjutan daripada itu, Kabinet Negeri pada tahun 1995 memutuskan supaya program penswastaan dilaksanakan. Melalui mesyuarat pengurusan Taman Sabah ke 101 yang diadakan pada akhir bulan Mei 1996, Jawatankuasa Penswastaan telah ditubuhkan bagi meneliti dan menilai kertas cadangan penswastaan yang dikemukakan oleh syarikat konsesi. Di samping itu, Jawatankuasa ini turut diberi tanggungjawab menentukan terma rujukan dan kaedah penswastaan untuk pertimbangan Kementerian berkenaan dan seterusnya membuat syor untuk kelulusan Kabinet Negeri. Kabinet Negeri menetapkan supaya penswastaan hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

i) Penswastaan hendaklah juga melibatkan Taman Sabah lain yang diwartakan sebagai Taman Sabah sama ada telah mempunyai kemudahan sedia ada atau kawasan yang belum dibangunkan tetapi berpotensi menjadi tarikan pelancong.

ii) Kawasan Taman akan diagihkan mengikut keluasan tertentu untuk memastikan semua syarikat berminat mendapat peluang yang seimbang.

iii) Syarikat yang ditawarkan program berkaitan hendaklah memenuhi syarat dan terma yang akan ditetapkan.

Kertas kabinet mengenai penswastaan disediakan dengan mengambil kira setiap aspek yang perlu supaya program penswastaan dilaksanakan dengan berkesan. Ia bertujuan membantu Taman Sabah mengukuhkan kedudukan aliran tunai semasa kegawatan ekonomi dan seterusnya dapat bersama dengan pihak swasta menyiapkan projek pembangunan kemudahan baru Taman Sabah. Ini secara langsung membantu Kerajaan mempergiatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara amnya dan bagi kawasan sekitar khususnya. Berdasarkan terma rujukan, tempoh konsesi bagi penswastaan Taman Sabah akan ditetapkan selama 20 tahun.

71.1.2 Kaedah Penswastaan

Kabinet Negeri menetapkan supaya Taman Sabah yang telah sedia ada kemudahan pelancongan, pihak konsesi akan dikenakan sewa tahunan atas kadar yang ditetapkan. Manakala bagi kemudahan baru yang akan dibina oleh pihak konsesi, konsep Bina-Kendali-Pindah (BKP) akan diguna pakai dan sewa tapak dikenakan terhadap kawasan yang dibangunkan. Kertas Kabinet mengenai penswastaan perlu disediakan dengan mengambil kira setiap aspek yang berkaitan supaya program penswastaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

71.1.3 Taman Sabah Yang Akan Diswastakan

Taman Sabah yang akan diswastakan seperti ketetapan Kabinet Negeri adalah 5 Taman iaitu Taman Bukit Tawau, Taman Pulau Tiga, Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan dan Pulau Bakungan Kecil), Taman Kinabalu (Taman Kinabalu, Poring Air Panas dan *Masilau Nature Resort*) dan Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Sulug dan Pulau Manukan). Maklumat lengkap kawasan dan konsep penswastaan Taman Sabah adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Pemilihan Kawasan Dan Konsep Penswastaan

Bil	Kawasan	Konsep Penswastaan
1	Taman Bukit Tawau- ada kemudahan	Sewa
2	Taman Pulau Tiga (a) - ada kemudahan	Sewa
	Taman Pulau Tiga (b) - tanpa kemudahan	Bina-Kendali-Pindah
	Taman Pulau Tiga (c) - tanpa kemudahan	Bina-Kendali-Pindah
3	Taman Pulau Penyu – Pulau Selingaan	Sewa
	Taman Pulau Penyu – Pulau Bakungan Kecil	Bina-Kendali-Pindah
4	Taman Kinabalu-Ranau	Sewa
	Taman Kinabalu-Poring Air Panas	Sewa
	Taman Kinabalu-*Masilau Nature Resort*	Sewa
5	Taman Tunku Abdul Rahman-Pulau Sulug	Sewa
	Taman Tunku Abdul Rahman-Pulau Manukan	Sewa

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah

71.1.4 Kriteria Pemilihan Syarikat Konsesi Dan Juruperunding

Pemilihan syarikat konsesi (konsesi) yang ingin menyertai program penswastaan perlu berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan mendapat kelulusan dengan sewajarnya. Antara kriteria/perkara yang perlu dikenal pasti adalah kemampuan konsesi dari aspek kewangan dan pengalaman mengendalikan aktiviti pelancongan. Di samping itu, konsesi juga hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi dan berdaya maju dalam mencapai hasrat dan matlamat Taman Sabah dan Kerajaan. Semua konsesi akan dipanggil untuk proses temu duga sebelum diperakukan oleh Jawatankuasa Penswastaan dan diluluskan oleh Kabinet Negeri. Bagi pemilihan juruperunding, Kabinet menetapkan supaya dilantik oleh Jawatankuasa Penswastaan Taman Sabah yang akan ditubuhkan.

71.1.5 Pelantikan Juruperunding

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan program, juruperunding akan dilantik untuk memberi khidmat nasihat bagi membantu Taman Sabah menetapkan atau menyempurnakan kajian berkaitan penilaian aset, kadar sewaan dan bayaran lain. Selain itu, juruperunding juga perlu menyediakan laporan terperinci mengenai tatacara pelaksanaan penswastaan seperti berikut:

i) Kewajaran Taman yang hendak diswastakan dan implikasi terhadap Taman Sabah;

ii) Kadar sewa dan bayaran lain yang munasabah dikenakan;

iii) Senarai dan nilai aset Taman berkaitan;

iv) Statistik kedatangan pelancong bagi 5 tahun sebelum tempoh penswastaan;

v) Kos perbelanjaan pengurusan perkhidmatan dan kemudahan pelancongan Taman sebelum penswastaan sebagai angka perbandingan;

vi) Perbelanjaan berulang seperti insurans, utiliti, pembaikan dan senggaraan serta penggantian mesin dan peralatan; dan

vii) Penyata Aliran Tunai Taman bagi tahun 1993 hingga 1995.

Pihak Audit berpendapat perancangan terhadap konsep penswastaan Taman Sabah yang hendak dilaksanakan mampu mempergiatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri amnya dan bagi kawasan sekitar khususnya. Bagaimanapun, dalam melaksanakan sesuatu program penswastaan, Taman Sabah perlu menyediakan rancangan mengenainya terlebih dahulu untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri. Ini bertujuan untuk membolehkan Jawatankuasa tersebut mengetahui dengan jelas perancangan dan kandungan penswastaan keseluruhannya. Taman Sabah tidak boleh bergantung kepada kertas cadangan penswastaan yang dikemukakan oleh pihak konsesi meskipun Taman Sabah menjalankan kajian kemungkinan terhadap cadangan tersebut.

71.2 PELAKSANAAN

Program ini dilaksanakan di 5 Taman Sabah oleh 7 syarikat konsesi yang dilantik. Kajian kemungkinan, penilaian aset, penetapan kadar sewa dan bayaran lain dibuat oleh juruperunding yang dilantik. Kajian Audit terhadap aspek pelaksanaan program ini mendapati perkara berikut:

71.2.1 Pemilihan Taman/Kawasan

Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menswastakan Taman Sabah yang mempunyai prestasi tarikan pelancongan yang tinggi di mana kemudahan sedia ada hendaklah dinaik taraf dan kemudahan tambahan yang baru hendaklah dibina. Manakala pembinaan dan pembangunan kawasan Taman Sabah yang baru tidak ditetapkan sebaliknya menjadi tanggungjawab konsesi membuat cadangan. Taman Sabah yang diswastakan adalah 5 Taman melibatkan 7 syarikat konsesi seperti di **Jadual 55.**

Jadual 55
Taman Dan Konsep Penswastaan

Syarikat Konsesi	Taman Sabah	Konsep Penswastaan	Tarikh Kuat Kuasa
1	Taman Pulau Tiga (b)	BKP	1 Mei 1998
2	Taman Bukit Tawau	Sewa	1 April 1998
3	Taman Tunku Abdul Rahman [Pulau Sulug]	BKP	1 Mei 1998
4	Taman Pulau Tiga (a)	Sewa	1 Mei 1998
5	Taman Kinabalu, Ranau	Sewa	1 April 1998
	Poring Air Panas, Ranau	Sewa	1 April 1998
	Masilau Nature Resort, Ranau	Sewa	1 April 1998
	Taman Tunku Abdul Rahman [Pulau Manukan]	Sewa	1 April 1998
6	Taman Pulau Penyu [Pulau Selingaan]	Sewa	1 Mei 1998
	Taman Pulau Penyu [Pulau Bakungan Kecil]	BKP	1 April 1998
7	Taman Pulau Tiga (c)	BKP	3 Sept 2001

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah
Nota: BKP – Bina-Kendali-Pindah

71.2.2 Pemilihan Konsesi

Pemeriksaan Audit mendapati pemilihan 7 konsesi untuk melaksanakan program penswastaan ini dibuat secara perundingan. Pemilihan konsesi adalah berdasarkan cadangan penswastaan yang dikemukakan terus oleh syarikat kepada Taman Sabah, Kementerian atau melalui Jabatan Ketua Menteri. Cadangan tersebut telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan, yang seterusnya membuat perakuan untuk kelulusan Kabinet Negeri. Semakan Audit mendapati pelantikan syarikat konsesi telah diluluskan oleh Kabinet Negeri.

Semakan lanjut Audit terhadap 7 konsesi dari segi keupayaan kewangan, pengalaman dan status konsesi mendapati perkara berikut:

i) Konsesi telah mengemukakan cadangan masing-masing dan adalah didapati hanya 4 konsesi telah menyertakan profil syarikat dan mempunyai keupayaan kewangan yang kukuh berdasarkan modal berbayar konsesi. Manakala keupayaan 3 konsesi lagi tidak diketahui kerana profil dan maklumat berkaitan kewangan tidak diperolehi.

ii) Dari segi pengalaman dalam sektor pelancongan, hanya 4 konsesi yang mempunyai kakitangan berpengalaman menjalankan aktiviti sektor pelancongan. Manakala 3 konsesi tidak mempunyai maklumat bagi membuktikan ia berpengalaman di sektor pelancongan.

iii) Dua konsesi yang terlibat mempunyai 100% saham dimiliki oleh Bumiputera, manakala 5 konsesi lagi tidak kurang 30% sahamnya dimiliki oleh Bumiputera bersesuaian seperti kehendak perjanjian penswastaan.

Pada pendapat Audit, penawaran konsesi secara terus atau rundingan tidak memberi ruang persaingan bagi penyertaan Bumiputera berkeupayaan dan berpengalaman yang lain selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Tanpa melalui proses tawaran tender terbuka, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Kerajaan Negeri telah memperolehi manfaat yang paling menguntungkan.

71.2.3 Perjanjian Konsesi

Draf surat perjanjian konsesi disempurnakan oleh firma guaman yang dilantik dan dikemukakan kepada pejabat Peguam Besar Negeri dan komen yang berbangkit telah diambil kira dalam surat perjanjian konsesi dan 7 perjanjian telah dimeterai. Bagaimanapun, adalah didapati 2 syarat utama tidak diambil kira dalam perjanjian dan 2 syarat penting lain yang dinyatakan dalam perjanjian tidak menjamin kepentingan Taman Sabah dan Kerajaan. Antara perkara yang dinyatakan dalam perjanjian adalah seperti berikut:

i) Bayaran Denda/Penalti

Semakan Audit mendapati syarat mengenai bayaran denda/penalti terhadap konsesi yang lewat menjelaskan sewa tahunan dan bayaran lain tidak diwujudkan. Ini menyebabkan berlaku kelewatan pembayaran oleh konsesi kerana tidak ada liabiliti tambahan yang boleh dikenakan. Status ini juga memberi kesan kepada pendapatan Taman Sabah di mana tunggakan hutang konsesi setakat 31 Disember 2003 adalah berjumlah RM1.43 juta.

ii) Kebajikan Kakitangan

Kebajikan kakitangan yang sedang berkhidmat di Taman Sabah yang terlibat dengan penswastaan telah dinyatakan dalam surat perjanjian. Bagaimanapun, adalah didapati opsyen yang

ditawarkan adalah secara pilihan iaitu diserap dalam konsesi atau kekal dengan Taman Sabah. Ini telah menyebabkan daripada 113 kakitangan, hanya 13 sahaja yang bersetuju diserapkan dan setakat bulan Disember 2003, hanya tinggal 2 kakitangan masih bekerja dengan konsesi. Daripada baki 100 kakitangan lagi, ada yang kekal dengan Taman Sabah dan ada yang telah berhenti. Kedudukan ini mengakibatkan konsesi telah mengambil kakitangan luar untuk bekerja dengan mereka. Selain itu, matlamat program penswastaan untuk mengurangkan beban kewangan tidak tercapai kerana perbelanjaan emolumen bagi sebahagian daripada 100 kakitangan tersebut masih menjadi tanggungan Taman Sabah. **Pada pendapat Audit, kakitangan terlibat sepatutnya ditawarkan opsyen wajib sepertimana yang telah ditawarkan semasa penswastaan Jabatan Telekom Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Lembaga Letrik Negara.**

iii) Jaminan Bank

Berdasarkan surat perjanjian, konsesi hendaklah mengemukakan pada tarikh perjanjian ditandatangani, satu jaminan bank pelaksanaan perjanjian pada kadar dan tempoh yang ditetapkan oleh Taman Sabah tetapi tidak boleh melebihi 5 tahun sewa tahunan. Analisis Audit menunjukkan bahawa kadar jaminan bank yang dikenakan adalah berbeza iaitu satu tahun sewa terhadap 2 konsesi, tiga tahun sewa kepada 3 konsesi dan 5 tahun sewa tahunan untuk 2 konsesi lagi. **Pada pendapat Audit, jaminan bank wajar ditetapkan pada kadar yang dapat menampung 3 tahun sewa tahunan jika berlaku tunggakan.**

iv) Polisi Insurans

Syarat perjanjian menetapkan bahawa konsesi bertanggungjawab terhadap kos dan bayaran premium polisi insurans termasuk

pembaharuan bagi perlindungan *all risk* terhadap semua aset dan kemudahan Taman Sabah yang diambil alih. Semakan Audit mendapati kos dan bayaran terlibat telah didahulukan oleh Taman Sabah dan diimbuh balik daripada konsesi.

Pihak Audit berpendapat perjanjian program penswastaan Taman Sabah secara amnya masih terdapat perkara yang perlu diperbaiki dan ditambah, agar dapat melindungi secara maksimum kepentingan Kerajaan Negeri. Antara perkara yang perlu dititikberatkan ialah jaminan bank hendaklah ditetapkan dan sentiasa diperbaharui pada tarikh matang, denda dalam bentuk faedah hendaklah dikenakan terhadap sewa tahunan yang lewat dijelaskan serta polisi insurans hendaklah sentiasa diperbaharui bagi perlindungan *all risk* terhadap semua aset dan kemudahan Taman Sabah yang diambil alih.

71.2.4 Penetapan Kadar Sewa

Semakan Audit mendapati 3 kaedah digunakan oleh juruperunding untuk menetapkan kadar sewa tahunan dan bayaran lain iaitu *Past Cash Flow, Leasing and Comparative.* Satu laporan terperinci mengenainya telah dikeluarkan oleh juruperunding. Berdasarkan laporan tersebut, Jawatankuasa Penswastaan telah menetapkan kadar sewa tahunan bagi Taman Sabah yang telah diswastakan dan dinyatakan sebagai salah satu syarat perjanjian. Butiran lengkap mengenai sewa yang dikenakan adalah seperti di **Jadual 56.** Manakala bayaran sewa tapak yang dikenakan bagi Taman Sabah yang diswastakan mengikut konsep Bina-Kendali-Pindah adalah seperti di **Jadual 57.**

Jadual 56
Kadar Sewa Tahunan
Taman Sabah Ada Kemudahan

Bil	Tahun Sewaan	Sewa Tahunan			
		Taman Kinabalu Dan Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Manukan) (RM)	Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan) (RM)	Taman Bukit Tawau (RM)	Taman Pulau Tiga (a) (RM)
1.	Tahun 1 – 5	860,000	200,000	5,000	5,000
2.	Tahun 6 – 10	963,000	215,000	10,000	10,000
3.	Tahun 11 – 15	1,094,000	225,000	15,000	15,000
4.	Tahun 16 – 20	1,190,000	240,000	20,000	20,000
5.	Tahun 21 – 25	1,320,000	250,000	25,000	25,000
6.	Tahun 26 – 30	1,370,000	250,000	30,000	25,000

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah

Sewa tahunan bagi tahun 1-5 hendaklah dibayar terdahulu pada awal suku tahun pertama manakala bagi tahun 6-30, sewa tahunan dibayar terdahulu pada atau sebelum kuat kuasa tahun berkenaan.

Jadual 57
Kadar Sewa Tapak Taman Sabah Tanpa Kemudahan
(Bina-Kendali-Pindah)

Bil	Tahun Sewaan	Taman Pulau Tiga (b & c) (RM)	Taman Pulau Penyu (Pulau Bakungan Kecil) (RM)	Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Sulug) (RM)
1.	Tahun 1 – 5	5,000	1,000	1,000
2.	Tahun 6 – 10	10,000	1,250	1,500
3.	Tahun 11 – 15	15,000	1,500	2,000
4.	Tahun 16 – 20	20,000	1,750	2,500
5.	Tahun 21 – 25	25,000	2,000	3,000
6.	Tahun 26 – 30	25,000	2,000	3,000

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah

Sewa tapak tahunan bagi tahun 1-30 bagi Taman Sabah yang diswastakan mengikut konsep Bina-Kendali-Pindah pula hendaklah dibayar terdahulu pada atau sebelum kuat kuasa tahun berkenaan.

Pada pendapat Audit, kadar sewa yang ditetapkan adalah bersesuaian dan teratur.

71.2.5 Prestasi Syarikat

Analisis Audit dibuat terhadap prestasi syarikat bagi 3 daripada 5 Taman Sabah yang diswastakan dari aspek kewangan, unjuran kedatangan pelancong, pembangunan kemudahan pelancongan yang baru dan masalah yang dihadapi. Hasil penemuan Audit adalah seperti berikut :

i) Taman Kinabalu

Taman Kinabalu (Taman Kinabalu, Poring Air Panas dan *Masilau Nature Resort*) dapat dirumuskan sebagai berjaya kerana mempunyai kemudahan yang baik dan boleh didiami dengan selesa serta hanya memerlukan pembaikan yang minimum. Selain itu, Taman ini boleh dihubungi melalui jalan raya dan mempunyai daya tarikan yang menarik seperti Gunung Kinabalu, kolam air panas semulajadi, Taman Flora dan Fauna. Ini dapat dibuktikan berdasarkan jumlah kedatangan pelancong dalam dan luar negeri pada tahun 2001 hingga 2003 secara purata berjumlah 414,241 orang setahun.

Mengenai kewangan, konsesi Taman ini telah menjelaskan sewa tahunan berjumlah RM4.25 juta bagi tempoh 5 tahun pertama konsesi berbanding sewa tahunan sebenar berjumlah RM4.30 juta dan tunggakan hanya berjumlah RM46,149.

ii) Taman Pulau Tiga

Taman Pulau Tiga dapat dihubungi melalui laut yang mengambil masa antara 25 hingga 40 minit (bergantung kepada keadaan semasa laut) dari pekan Kuala Penyu iaitu lebih kurang 150 km dari Kota Kinabalu.

Penswastaan Taman Pulau Tiga ini didapati telah diberikan kepada satu pihak konsesi atas konsep sewaan dan 2 konsesi lain mengikut konsep Bina-Kendali-Pindah. Kemudahan sedia ada masih sempurna tetapi memerlukan pembaikan minimum secara berterusan untuk dinaik taraf demi keselesaan yang lebih baik. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Oktober 2003 mendapati kemudahan baru seperti *chalet*, restoran, kolam renang dan pusat akuatik masih belum dibina seperti pelan pembangunan yang telah diluluskan.

Faktor ini mempengaruhi kedatangan pelancong iaitu hanya 5,792 pelancong melawat Taman ini bagi tempoh tahun 2001 hingga 2003. Selain itu, konsesi mempunyai tunggakan sewa tahunan bagi tempoh tahun 1998 hingga 2003 berjumlah RM15,000. Secara keseluruhannya dapat dinyatakan bahawa penswastaan Taman Pulau Tiga ini kurang berjaya mencapai matlamatnya.

iii) Taman Pulau Penyu

Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan dan Pulau Bakungan Kecil) adalah salah satu komponen Taman Sabah yang menjadi tarikan utama pelancong terutamanya bagi ahli penyelidik hidupan marin. Taman ini mempunyai kemudahan pelancong bertaraf 3 bintang yang berkemampuan untuk dinaikkan taraf kepada 4 atau 5 bintang dengan pengubahsuaian tertentu. Taman ini juga boleh dihubungi melalui laut dengan bot laju pihak agensi pelancongan dari pekan Sandakan. Perjalanan hanya memakan masa lebih kurang 50 minit jika laut berkeadaan tenang. Semakan Audit

mendapati kedatangan pelancong ke Taman ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2001 hingga 2003, bilangan pelancong yang melawat Taman ini berjumlah 24,737 orang.

Bagaimanapun, kehadiran pelancong ke Pulau Bakungan Kecil tidak begitu menggalakkan kerana konsesi tidak membangunkan kemudahan pelancongan mengikut pelan yang dirancang. Selain itu, pakej promosi yang tidak meluas menyebabkan kurang mendapat sambutan. Semakan Audit mendapati konsesi mempunyai tunggakan bayaran sewa sejumlah RM54,063 kepada Taman Sabah. Bagi tempoh tahun 1998 hingga 2003, sewa tahunan dan sewa tapak (BKP) yang perlu dibayar berjumlah RM1,005,000. Daripada jumlah tersebut, konsesi telah membayar sejumlah RM950,937 kepada Taman Sabah.

Pada pendapat Audit, kajian semula prestasi konsesi hendaklah dijalankan sekurang-kurangnya 5 tahun sekali, untuk mengenal pasti konsesi yang tidak berkemampuan untuk meneruskan program penswastaan supaya ditamatkan dan perlunya tender terbuka atau secara rundingan dijalankan untuk membuat penawaran baru kepada konsesi yang lain.

71.2.6 Pencapaian Prestasi Keseluruhan

Analisis pencapaian prestasi secara terperinci telah dibuat untuk memastikan sama ada penswastaan telah memberi manfaat kewangan dan aset kepada Taman Sabah dan Kerajaan Negeri. Hasil analisis Audit adalah seperti berikut:

i) Kedatangan Pelancong

Konsesi dikehendaki menyediakan laporan pengurusan yang lengkap mengenai bilangan dan butiran pelancong pada setiap bulan untuk dikemukakan kepada Taman Sabah. Adalah didapati sehingga akhir tahun 2003, laporan tersebut tidak disediakan.

Semakan Audit terhadap retan kemajuan yang dibuat oleh Taman Sabah mendapati unjuran kedatangan pelancong pada tahun 2001 hingga 2003 yang mengunjungi 4 daripada 5 Taman yang diswastakan adalah seperti di **Jadual 58** dan **59.**

Jadual 58

Kedatangan Pelancong Domestik Pada Tahun 2001 Hingga 2003

Bil	Taman Sabah	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003	Jumlah Besar
1	Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Manukan)	41,008	26,326	24,679	**92,013**
2	Taman Kinabalu (Taman Kinabalu)	121,151	125,167	137,482	**383,800**
	Taman Kinabalu *(Masilau Nature Resort)*	7,083	9,618	7,814	**24,515**
	Taman Kinabalu (Poring Air Panas)	161,718	151,498	166,293	**479,509**
3	Taman Pulau Tiga	1,373	1,697	1,245	**4,315**
4	Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan)	358	506	571	**1,435**
Jumlah		**332,691**	**314,812**	**338,084**	**985,587**

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah

Jadual 59

Kedatangan Pelancong Luar Negara Pada Tahun 2001 Hingga 2003

Bil	Taman Sabah	Tahun 2001	Tahun 2002	Tahun 2003	Jumlah Besar
1	Taman Tunku Abdul Rahman (Pulau Manukan)	42,192	34,251	22,890	**99,333**
2	Taman Kinabalu (Taman Kinabalu)	75,865	47,689	42,090	**165,644**
	Taman Kinabalu *(Masilau Nature Resort)*	329	506	581	**1,416**
	Taman Kinabalu (Poring Air Panas)	93,884	51,500	42,454	**187,838**
3	Taman Pulau Tiga	581	451	445	**1,477**
4	Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan)	7,892	7,944	7,466	**23,302**
Jumlah		**220,743**	**142,341**	**115,926**	**479,010**

Sumber: Rekod Taman-Taman Sabah

ii) Kemudahan Pelancongan

Salah satu syarat penswastaan yang ditetapkan ialah penambahbaikan pengurusan kemudahan bagi meningkatkan kedatangan pelancong. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

a) Pembinaan/Menaik Taraf Kemudahan

Pihak pengurusan tidak menyediakan pelan pembangunan kemudahan pelancongan bagi penswastaan Taman Sabah yang mempunyai infrastruktur pelancongan. Bagaimanapun, syarat perjanjian menetapkan bahawa konsesi bertanggungjawab mengemukakan cadangan pelan pembangunan untuk kelulusan pihak pengurusan. Lawatan Audit ke Taman Pulau Penyu pada bulan Julai 2003 dan Taman Pulau Tiga pada bulan Oktober 2003 yang melibatkan 4 konsesi mendapati kemudahan pelancongan yang baru tidak dibina walaupun pelan pembangunan dan pembinaan yang dikemukakan telah mendapat kelulusan.

Pihak pengurusan Taman Sabah wajar memastikan konsesi menyempurnakan projek pembangunan dengan segera supaya program penswastaan mencapai matlamatnya. Mengikut rekod Taman Sabah, pihak konsesi gagal melaksanakan projek pembangunan kerana mengalami kekurangan modal dan masalah kecairan kewangan untuk membiayai projek pembangunan atau pembinaan. Kawasan yang belum dibangunkan dapat dilihat seperti **Foto 14.**

Foto 14
Taman Pulau Penyu (Pulau Bakungan Kecil)
Masih Belum Dibangunkan

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 24 Julai 2003

Pada pendapat Audit, pihak pengurusan akan menghadapi masalah kewangan untuk membangunkan kawasan berkenaan apabila tempoh konsesi tamat kerana perbelanjaan pembinaan kemudahan pelancongan akan meningkat selepas tempoh 30 tahun.

b) Penyenggaraan Taman

Semakan Audit mendapati jadual penyenggaraan secara *preventive* dan *curative* terhadap infrastruktur dan kemudahan pelancongan tidak disediakan. Lawatan Audit ke Taman Bukit Tawau seperti di **Foto 15** mendapati penyenggaraan kawasan dan kemudahan tidak dijalankan dengan memuaskan seperti yang ditetapkan oleh surat perjanjian konsesi. Ketidakpatuhan syarat perjanjian adalah disebabkan konsesi menghadapi kekurangan kakitangan dan masalah kewangan. Selain itu, pengawasan dan penguatkuasaan syarat perjanjian tidak

dijalankan oleh pihak Taman Sabah juga merupakan salah satu faktor kegagalan konsesi mematuhi perjanjian sepenuhnya.

Foto 15
Keadaan Taman Bukit Tawau Yang Tidak Disenggarakan

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 24 Julai 2003

Bagaimanapun, penyenggaraan yang dibuat di Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan) dan Taman Kinabalu adalah teratur dan memuaskan seperti **Foto 16** dan **Foto 17**.

Foto 16
Keadaan Taman Pulau Penyu (Pulau Selingaan)
Yang Disenggara Dengan Memuaskan

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 23 Ogos 2003

Foto 17
Keadaan Taman Kinabalu
Yang Disenggara Dengan Memuaskan

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 24 September 2003

c) Tempoh Konsesi

Tempoh konsesi penswastaan dilanjutkan dari 20 tahun menjadi 30 tahun selepas rayuan dibuat oleh konsesi semasa ditemu duga oleh Taman Sabah. Alasan yang diberikan ialah tempoh 20 tahun adalah tidak mencukupi bagi mendapatkan balik pelaburan yang akan dibuat terutama bagi Taman Sabah yang masih belum mempunyai kemudahan pelancongan tetapi berpotensi dimajukan. Sementara itu, kerja menaik taraf dan pembaikan serta pembinaan kemudahan tambahan juga melibatkan kos pelaburan yang tinggi. Semakan Audit mendapati perlanjutan tempoh konsesi ini mendapat kelulusan Kabinet Negeri.

Pada pendapat Audit, tempoh konsesi selama 30 tahun adalah munasabah dan bersesuaian dengan kos pelaburan yang akan dibiayai. Bagaimanapun, perlu ditetapkan suatu tempoh untuk kajian semula prestasi konsesi bagi memastikan program pembangunan dilaksanakan mengikut perancangan.

71.2.7 Kutipan Hasil

Semakan Audit terhadap pungutan hasil mendapati perkara seperti berikut:

i) Hasil Sewa Tahunan

Berdasarkan surat perjanjian, sewa tahunan dan sewa tapak yang sepatutnya dijelaskan oleh 7 konsesi mulai tahun kuat kuasa perjanjian sehingga akhir bulan Disember 2003 adalah berjumlah RM5.39 juta. Bagaimanapun, bayaran sewa yang telah dijelaskan oleh semua konsesi adalah berjumlah RM5.28 juta dan baki hutang tertunggak berjumlah RM115,212.

ii) Hasil Bayaran Lain

Selain daripada bayaran sewa tahunan, konsesi juga dikehendaki menjelaskan bayaran sewa kuarters dan bangunan yang disewa untuk kegunaan konsesi dan kakitangannya mengikut kadar bulanan seperti yang ditetapkan oleh surat perjanjian berasingan yang telah ditandatangani. Pemeriksaan Audit mendapati 3 konsesi dikehendaki menjelaskan bayaran lain berjumlah RM1.42 juta bagi tempoh tahun 1999 hingga 2003. Sehingga akhir bulan Disember 2003, konsesi berkenaan belum menjelaskan bayaran lain yang tertunggak. Maklumat lengkap bayaran lain yang tertunggak adalah seperti di **Jadual 60.**

Jadual 60
Tunggakan Bayaran Lain

Konsesi	Taman Sabah	Bayaran Lain	
		Dikenakan (RM)	Tunggakan (RM)
2	Taman Bukit Tawau	104,451	104,451
4	Taman Pulau Tiga	2,750	2,750
5	Taman Kinabalu	1,314,662	1,314,662
	Poring Air Panas		
	Masilau Nature Resort		
Jumlah Besar		**1,421,863**	**1,421,863**

Sumber:Rekod Taman-Taman Sabah

Pada pandangan Audit, pihak Taman Sabah hendaklah mengambil tindakan secara berterusan termasuk tindakan perundangan untuk mendapatkan tunggakan sewa dan bayaran lain berjumlah RM1.54 juta.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan Program Penswastaan di peringkat awal telah menghadapi masalah dari segi kemampuan kewangan konsesi untuk menaik taraf kemudahan sedia ada dan membina kemudahan baru di Taman Sabah yang belum dibangunkan walaupun mempunyai potensi

tarikan pelancong. Selain itu, konsesi juga tidak mematuhi sepenuhnya syarat perjanjian antaranya ialah kegagalan membayar sewa dan ini telah mendatangkan kesan kewangan kepada Taman Sabah kerana tunggakan hutang sewa yang semakin meningkat.

71.3 PEMANTAUAN

Jawatankuasa Penswastaan Taman Sabah bertanggungjawab memantau pelaksanaan program ini di peringkat Ibu Pejabat Taman Sabah bagi menyelesaikan sebarang masalah pelaksanaan yang berbangkit. Semakan Audit mendapati laporan berkaitan pemantauan tidak dibuat secara bertulis atau didokumenkan. Bagaimanapun, adalah didapati Jawatankuasa mengadakan mesyuarat secara berterusan untuk memantau pelaksanaan program dan menyelesaikan masalah yang timbul sepanjang tempoh konsesi.

Selain itu, pengawasan terhadap kerja konsesi dibuat oleh Warden atau Renjer dari Taman Sabah walaupun tidak diberi arahan secara bertulis. Bagi membolehkan pegawai berkenaan menjalankan tugas dengan lebih berkesan, maka adalah wajar pegawai berkenaan diberi arahan secara bertulis untuk memantau pelaksanaan program oleh konsesi. Setelah mendapat pandangan Audit, pihak Ibu Pejabat Taman Sabah telah mengeluarkan arahan secara bertulis kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan. Selain itu, pihak Taman juga telah mengeluarkan laporan hasil dari pemantauan tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan oleh Taman Sabah kurang berkesan menyebabkan projek pembangunan gagal dilaksanakan mengikut perancangan.

72. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, perancangan yang dibuat oleh Kerajaan untuk menswastakan Taman Sabah adalah teratur dan memuaskan. Melalui program

penswastaan, Taman Sabah dijangka akan mendapat pulangan hasil sewa tahunan bagi kemudahan pelancongan serta perkhidmatan dan prasarana yang lebih baik. Selain itu, Taman Sabah akan mempunyai aset apabila tamat tempoh konsesi. Bagaimanapun, adalah didapati pemegang konsesi gagal membayar sewa dan bayaran lain mengikut jadual dan mengakibatkan tunggakan semakin meningkat. Pihak pemegang konsesi juga gagal mematuhi sepenuhnya syarat perjanjian untuk membangunkan kemudahan baru pelancongan yang berkonsepkan Bina-Kendali-Pindah. Adalah disyorkan pada masa hadapan, cadangan penswastaan hendaklah dikaji dengan teliti supaya sejajar dengan Dasar Penswastaan Negeri untuk mengurangkan beban kewangan di samping memberi pulangan kepada Kerajaan Negeri.

LEMBAGA PEMBANGUNAN PERUMAHAN DAN BANDAR

PROGRAM PENEMPATAN SEMULA SETINGGAN

73. LATAR BELAKANG

Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar (Lembaga) adalah sebuah Agensi Kerajaan Negeri di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan yang melaksanakan Program Pembangunan Projek Perumahan di Negeri Sabah. Lembaga ditubuhkan melalui Enakmen Suruhanjaya Perumahan No. 12 Tahun 1967 yang kemudiannya diganti dengan Enakmen No. 20 Tahun 1981. Peranan Lembaga antara lainnya adalah untuk membangunkan kawasan luar bandar atau kawasan pertanian bagi menempatkan semula setinggan. Semasa Rancangan Malaysia Ke 5 (RMK5) dan RMK7, Lembaga telah melaksanakan 7 projek perumahan melibatkan 1,338 unit rumah untuk program penempatan semula setinggan. Bagi tempoh RMK8 pula, Lembaga telah merancang 4 projek perumahan melibatkan 1,456 unit rumah. Dua daripada 4 projek tersebut melibatkan 785 unit rumah masih dalam pembinaan. Pada keseluruhannya, projek ini melibatkan kos berjumlah RM146.59 juta dan dilaksanakan melalui 3 kaedah iaitu Lembaga sendiri, usaha sama dengan pemaju (swasta) dan Bina-Kendali-Pindah (*turnkey*).

74. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program penempatan semula setinggan ini telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai matlamatnya untuk mengurangkan setinggan.

75. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan bagi projek perumahan di Kg. Kalansanan bermula daripada RMK7 hingga RMK8. Projek ini melibatkan pembinaan 1,285 unit rumah melalui 3 Fasa

dengan kos berjumlah RM92.79 juta. Kaedah pengauditan adalah melalui semakan terhadap fail perancangan program, laporan bancian setinggan, Kertas Kabinet, laporan kajian awal, laporan juruperunding, dokumen kontrak, fail bajet, buku vot, pelan dan dokumen lain yang berkaitan di pejabat Lembaga. Selain itu, dokumen dan maklumat tertentu juga diperolehi daripada Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah (Kementerian) dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Bandaraya). Temu bual dengan pegawai yang terlibat, lawatan ke tapak projek, rumah yang telah diagihkan dan rumah yang sedang dalam pembinaan juga diadakan.

76. PENEMUAN AUDIT

76.1 PERANCANGAN

Perancangan yang terperinci adalah penting untuk memastikan program dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Semakan Audit terhadap perancangan program ini adalah seperti berikut:

76.1.1 Struktur Pengurusan

Semasa mesyuarat pada akhir bulan Januari 1995, Kerajaan Negeri telah melantik Lembaga sebagai agensi pelaksana untuk merancang, melaksana dan memantau program penempatan semula setinggan. Lembaga dibantu oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk mengenal pasti kawasan serta tapak yang sesuai dan seterusnya memohon tanah bagi program ini. Rumah yang telah siap dibina akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk diagihkan kepada pemohon atau setinggan yang berjaya. Bagi projek perumahan Kg. Kalansanan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu bertanggungjawab membuat bancian setinggan, menjadi urus setia pemilihan pemohon/setinggan, mengagihkan rumah, menyenggara rumah dan mengutip bayaran sewa bulanan bagi rumah yang disewakan. Fungsi tersebut dipertanggungjawabkan kepada

Bahagian Pengurusan Awam, Bahagian Penilaian dan Bahagian Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu.

76.1.2 Garis Panduan

Bagi memudahkan pelaksanaan program, garis panduan yang lengkap hendaklah dibuat dan diluluskan. Garis panduan bagi program ini ada disediakan dan mengandungi perkara penting seperti berikut:

i) Pengurusan Harta Rumah

Rumah yang siap dibina akan diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab menguruskan rumah termasuk penyenggaraan dan kutipan bayaran sewa bulanan.

ii) Konsep Dan Syarat Pemberian Rumah

Konsep dan syarat pemberian rumah perlu ditentukan di peringkat perancangan untuk mempercepatkan pengagihan rumah. Selain itu, syarat kelayakan kepada pemohon juga mesti disediakan. Bagaimanapun, garis panduan ini tidak menyatakan dengan jelas konsep pemberian rumah sama ada pemberian rumah percuma, disewakan atau dijual.

iii) Pemilihan Pemohon

Bagi mengenal pasti setinggan dan kawasan penempatan setinggan yang terlibat dengan program ini, tatacara proses pemilihan ada diwujudkan. Bahagian Penguatkuasaan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu akan membuat bancian dan menyenaraikan nama setinggan di sesuatu kawasan. Senarai tersebut akan diserahkan kepada Jabatan Pendaftaran Negara untuk pengesahan status kewarganegaraan. Hanya setinggan tempatan dipilih untuk ditemu duga dan mereka yang layak akan ditawarkan rumah.

Pada pendapat Audit, garis panduan perlulah disediakan dengan teratur dan lengkap untuk memudahkan rujukan dan panduan kepada pegawai semasa melaksanakan program ini.

76.1.3 Matlamat Dan Dasar

Matlamat dan dasar Lembaga hendaklah seiring dengan dasar Kerajaan iaitu pemilikan rumah oleh golongan berpendapatan rendah yang majoritinya adalah kaum Bumiputera dan tinggal di penempatan setinggan di kawasan bandar. Bagi tujuan ini, Lembaga telah merangka beberapa strategi untuk mencapai matlamat mengurangkan bilangan setinggan tempatan serta menggalakkan pemilikan rumah seperti berikut:

i) Perumahan Kos Rendah

Bagi meneruskan dasar Kerajaan iaitu “pemilikan rumah” di Sabah, Lembaga akan menumpukan usahanya dengan memberi penekanan ke atas pembinaan dan penyediaan lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan yang berpendapatan rendah. Harga rumah kos rendah ini ialah RM32,000 dan diutamakan kepada keluarga berpendapatan antara RM750 hingga RM1,500 sebulan.

ii) Projek Perumahan Sewa Ekonomi (Sewa Ekonomi)

Konsep Sewa Ekonomi timbul berikutan perbincangan mengenai masalah setinggan semasa mesyuarat Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan yang dipengerusikan oleh Menteri berkenaan pada akhir bulan Oktober 1989. Program rumah murah yang dilaksanakan sebelum ini adalah tidak berjaya kerana harganya adalah di luar kemampuan kumpulan berpendapatan rendah termasuk setinggan tempatan. Oleh itu, golongan ini terus membina rumah setinggan di atas tanah Kerajaan atau persendirian. Oleh kerana kegagalan pendekatan sebelum ini,

populasi setinggan tempatan telah meningkat. Mesyuarat pada masa itu menerima sebulat suara konsep projek Sewa Ekonomi untuk dilaksanakan. Konsep Sewa Ekonomi untuk setinggan tempatan di Sabah ialah rumah pangsa 5 tingkat dengan sewa bulanan tidak melebihi RM100.

76.1.4 Statistik Setinggan Tempatan

Sejak tahun 1983 sehingga 1993, ada lebih kurang 52,568 setinggan tempatan mendiami 8,094 unit rumah di 91 kawasan penempatan setinggan di 12 Daerah di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, Daerah Kota Kinabalu mempunyai 7,026 setinggan yang mendiami 1,300 unit rumah. Statistik setinggan (setakat tahun 1993) adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Bilangan Setinggan Tempatan Di Negeri Sabah

Bil.	Daerah	Bil. Kawasan Setinggan	Bil. Setinggan	Bil. Rumah
1.	Sandakan	19	19,534	2,664
2.	Kota Kinabalu	13	7,026	1,300
3.	Tawau	17	TM	744
4.	Lahad Datu	11	TM	960
5.	Kudat	5	4,285	921
6.	Semporna	7	4,381	729
7.	Penampang	10	TM	578
8.	Beaufort	4	419	70
9.	Papar	2	187	61
10.	Tenom	1	211	39
11.	Tuaran	1	129	16
12.	Ranau	1	78	12
Jumlah		**91**	**36,250**	**8,094**

Nota: TM – Tiada Maklumat
Sumber: Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Setinggan Negeri Sabah bertarikh 9 Februari 1993.

76.1.5 Pengambilan Tapak/Tanah

Pada tahun 1978 hingga 1999, Lembaga mempunyai 17 bidang tanah dengan keluasan 346 hektar di Sabah yang belum dimajukan. Selain itu, jika tanah yang dimiliki oleh Lembaga tidak bersesuaian maka tapak lain yang sesuai akan dicari dan dikenal pasti untuk program ini sama ada tanah milik Kerajaan Negeri atau sebagainya.

76.1.6 Rancangan Projek Pembangunan

Bagi tempoh RMK7 dan RMK8, Lembaga merancang untuk membina 1,540 unit rumah di Kg. Kalansanan. Sebanyak 500 unit rumah kayu 6 tiang akan dibina semasa projek Fasa 1 dan 2 dengan anggaran kos berjumlah RM17.92 juta. Manakala 13 blok rumah pangsa 5 tingkat yang mempunyai 1,040 unit rumah akan dibina semasa projek Fasa 3 dengan anggaran kos berjumlah RM61.28 juta.

76.1.7 Kaedah Pelaksanaan

Lembaga akan melaksanakan projek perumahan melalui kaedah berikut:

i) Projek Dilaksanakan Sendiri Oleh Lembaga

Projek yang diuruskan sendiri oleh Lembaga dilaksanakan melalui prosedur biasa iaitu perancangan awal projek termasuk penentuan tapak, peruntukan kewangan dan pematuhan prosedur tender biasa serta prosedur kawal selia kontrak yang diamalkan oleh Kerajaan Negeri. Semua projek yang dirancang untuk dilaksanakan di bawah RMK 7 adalah perumahan kos rendah.

ii) Projek Usaha Sama Dengan Pemaju (Diswastakan)

Bagi projek usaha sama dengan pemaju, Lembaga akan menyediakan tapak dan pemaju akan merancang, membuat reka bentuk, membiayai dan menjual keseluruhan rumah bagi projek yang dicadangkan. Projek usaha sama ini meliputi projek perumahan kos rendah, sederhana dan tinggi.

iii) Bina-Kendali-Pindah (*Turnkey*)

Melalui konsep ini, pihak swasta akan membina rumah kos rendah dan menjual kepada Lembaga dengan harga maksimum RM32,000 bagi rumah yang dibina di atas tanah persendirian dan RM29,000 bagi rumah yang dibina di atas tanah Kerajaan. Lembaga kemudiannya akan menjual rumah tersebut dengan harga yang ditetapkan.

iv) Reka Dan Bina (*Design And Built*)

Konsep reka dan bina adalah di mana reka bentuk dibuat oleh juruperunding yang dilantik oleh kontraktor dengan kelulusan Lembaga. Juruperunding diberikan tanggungjawab membuat pelan utama reka bentuk rumah dan bangunan untuk kelulusan Lembaga dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kos projek akan dibiayai sepenuhnya oleh Lembaga.

76.1.8 Kaedah Pemilihan Kontraktor

Pekeliling berkaitan tatacara dan prosedur pemilihan kontraktor yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri akan diguna pakai. Selain itu, Lembaga juga menyediakan carta aliran proses tender dan senarai nama ahli yang menganggotai Jawatankuasa Tender Lembaga. Proses penyediaan dan pengambilan dokumen tender oleh kontraktor dilantik serta analisis tender akan dibuat oleh Jawatankuasa Tender Lembaga yang akan mengemukakan cadangan kepada Lembaga Tawaran Negeri. Seterusnya Lembaga Tawaran Negeri akan membuat perundingan dengan kontraktor. Keputusan rundingan yang dicapai akan dimaklumkan kepada Lembaga yang akan mengeluarkan surat tawaran pemberian tender.

76.1.9 Sasaran Program

Matlamat program dan kumpulan sasaran akan ditetapkan untuk mengukur pencapaian dan kejayaan projek atau program. Bagi

program ini ia adalah untuk mengatasi masalah setinggan tempatan di sesuatu kawasan khasnya dan di Negeri Sabah amnya. Sehubungan dengan itu, Kerajaan merancang dan akan melaksanakan projek perumahan di mana kawasan Bandaraya Kota Kinabalu sebagai kawasan sasaran utama. Mengikut statistik tahun 1993, Daerah Kota Kinabalu mempunyai 7,026 setinggan tempatan mendiami 1,300 unit rumah dan bilangan ini dijangka akan meningkat setiap tahun.

Pihak Audit berpendapat perancangan untuk membina rumah yang mampu dimiliki oleh setinggan tempatan melalui program penempatan semula setinggan adalah baik. Namun begitu, konsep pemberian rumah sepatutnya ditetapkan dalam kertas Kabinet atau kertas cadangan semasa peringkat perancangan sama ada percuma atau disewakan.

76.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan matlamat mengurangkan bilangan setinggan di Daerah Kota Kinabalu tercapai, Lembaga telah melaksanakan projek perumahan di Kg. Kalansanan. Hanya 1 kontraktor tempatan telah dilantik melalui perundingan untuk melaksanakan projek ini.

76.2.1 Pemilihan Tapak

Cadangan bagi projek rumah murah untuk disewa ini timbul berikutan masalah setinggan tempatan di Bandaraya Kota Kinabalu khasnya di kawasan Likas iaitu di Kg. Kuala Likas, Kg. Gusung dan Kg. Pantai Teluk Likas. Sebanyak 580 rumah setinggan didirikan di kawasan Likas dan 500 daripadanya adalah setinggan tempatan manakala bakinya adalah setinggan pendatang tanpa izin. Penempatan setinggan boleh memberikan kesan negatif kepada industri pelancongan dan juga kesihatan penduduk kerana rumah yang didirikan tidak teratur dan tidak mempunyai sistem tandas yang sempurna. Tambahan pula kawasan setinggan tersebut berdekatan dengan lebuh raya menuju ke

pejabat Ketua Menteri dan sebahagian pejabat pentadbiran Kerajaan Negeri di Bangunan Menara Tun Mustapha. Bagi mengatasi masalah ini, Lembaga telah memohon sebidang tanah seluas 129 ekar daripada Kerajaan Negeri pada tahun 1996. Tanah tersebut terletak di Kg. Kalansanan, berhampiran dengan kampus Universiti Malaysia Sabah iaitu kira-kira 10 km dari penempatan setinggan berkenaan. Walaupun keadaan tapak projek adalah tanah bakau, namun pada masa itu Kerajaan Negeri tidak mempunyai tapak yang lebih sesuai yang berdekatan dengan pusat bandar. Namun begitu, sehingga kini proses pewartaan tanah tersebut sebagai kawasan perumahan masih belum selesai.

Pada pendapat Audit, tapak yang dipilih bagi melaksanakan projek ini sangat sesuai iaitu berdekatan dengan pusat bandar bagi memudahkan penghuni yang majoritinya bekerja di bandar. Bagaimanapun, kerja menambak tapak tanah bakau akan melibatkan kos yang tinggi.

76.2.2 Pelantikan Kontraktor Dan Juruperunding

Pada tahun 1995, mesyuarat Kabinet Negeri telah membuat keputusan mengenai pelantikan kontraktor sebagai pemaju untuk membina projek perumahan Kg. Kalansanan. Semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor berkenaan adalah teratur dan dibuat berasaskan keputusan kabinet dan kuasa Kerajaan Negeri. Pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus dan dikecualikan daripada tatacara tender yang biasa. Semakan lanjut Audit mendapati kontraktor ini mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan dan berkelayakan di mana pengurusan tertinggi syarikat terdiri daripada jurutera dan mempunyai kelayakan teknikal lain. Projek ini adalah berkonsepkan reka dan bina di mana kontraktor telah melantik kumpulan juruperunding/profesional dengan kelulusan Lembaga. Melalui konsep reka dan bina ini juga akan dapat mempercepatkan lagi pelaksanaan

projek kerana kumpulan juruperunding/profesional seperti juruperunding kejuruteraan awam, arkitek dan juruperunding mekanikal dan elektrikal dibuat sendiri oleh kontraktor dan ini akan mempercepatkan lagi urusan pelan utama, reka bentuk dan lain-lain kerja berkaitan.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor adalah selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri dan peraturan yang ditetapkan.

76.2.3 Rundingan Harga

Kontraktor telah mengemukakan anggaran kos bagi projek ini untuk dibincang dan dikaji oleh Jawatankuasa Tender Lembaga. Bagi projek Fasa 1 dan 2, kontraktor telah menawarkan harga berjumlah RM27.80 juta berbanding anggaran Lembaga berjumlah RM28.06 juta. Manakala bagi projek Fasa 3, tawaran yang dikemukakan oleh kontraktor adalah berjumlah RM57.55 juta berbanding anggaran Lembaga berjumlah RM52.54 juta. Maklumat kelulusan berkaitan tawaran harga bagi projek Fasa 1 dan 2 tidak diperolehi semasa auditan. Bagi projek Fasa 3, kos yang dipersetujui semasa mesyuarat Lembaga Tawaran Negeri pada akhir bulan April 2000 ialah RM53.47 juta. Projek Fasa 3 ini dibahagikan kepada 2 Fasa, di mana kos yang ditetapkan bagi Fasa 3A ialah RM31.23 juta dan Fasa 3B ialah RM22.24 juta. Pembahagian ini adalah disebabkan oleh masalah kewangan. Pada akhir bulan Ogos 1998, kos projek tersebut telah mendapat persetujuan Ketua Menteri.

Pada pandangan Audit, rundingan harga telah dibuat dengan teratur di mana anggaran harga oleh kontraktor dan Lembaga telah dibincangkan di peringkat Lembaga dan Kementerian Kewangan serta pelarasan untuk mendapat harga yang munasabah telah dibuat.

76.2.4 Surat Perjanjian

Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Peguam Besar Negeri tidak dirujuk mengenai format dan syarat surat perjanjian bagi projek pembinaan untuk program penempatan semula setinggan. Ini disebabkan Lembaga telah menerima pakai format dan syarat surat perjanjian yang digunakan bagi kontrak Jabatan Kerja Raya. Lembaga telah menandatangani 3 perjanjian bagi projek Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3A masing-masing pada tahun 1996 dan 2001. Adalah didapati dokumen perjanjian telah mengambil kira kepentingan Lembaga dan Kerajaan, antaranya ialah pelantikan Pegawai Penguasa Projek, bon pelaksanaan, insurans dan jaminan bank bagi bayaran pendahuluan, spesifikasi bahan, kualiti kerja dan denda bagi kelewatan penyiapan kerja. Selain itu, perjanjian juga menyatakan tanggungjawab Kerajaan antaranya ialah pembayaran, penyeliaan dan penguatkuasaan perjanjian (penamatan, denda, lanjutan masa dan sebagainya). Manakala tanggungjawab kontraktor pula ialah penyiapan kerja mengikut tempoh dan spesifikasi yang ditetapkan contohnya ujian mutu kerja, kualiti bahan, laporan kemajuan kerja bulanan, penyediaan bon pelaksanaan, insurans dan lain-lain.

Pada pandangan Audit, kepentingan Kerajaan telah dilindungi dan dinyatakan dengan jelas dalam surat perjanjian.

76.2.5 Pematuhan Syarat Perjanjian

Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan bon pelaksanaan, jaminan bank dan insurans dengan nilai seperti yang dikehendaki oleh perjanjian. Tempoh laku insurans juga diperbaharui apabila lanjutan masa diluluskan. Adalah didapati tiada kes denda dikenakan bagi semua projek kerana lanjutan masa telah diluluskan dan projek telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kualiti, spesifikasi dan ujian yang patut dilakukan untuk memastikan bahan dan kualiti bahan binaan adalah menepati spesifikasi yang telah

ditetapkan dalam perjanjian. Semakan Audit terhadap dokumen yang berkaitan mendapati ujian terhadap bahan dan kualiti bahan binaan telah dibuat dan keputusan serta rekod berkaitan telah disimpan dan difailkan dengan sempurna. Bagi memastikan perjanjian dipatuhi dan kepentingan Kerajaan terpelihara, Pengurus Besar Lembaga telah dipertanggungjawabkan sebagai Pegawai Penguasa.

Secara amnya, tanggungjawab Pegawai Penguasa ialah untuk memastikan kontraktor menjalankan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dalam perjanjian, antaranya ialah penggunaan bahan dan kawalan kualiti. Semakan Audit mendapati Pegawai Penguasa telah melantik Ketua Jurutera untuk mengawasi projek.

Pada pendapat Audit, kedua pihak iaitu Lembaga dan kontraktor telah mematuhi syarat perjanjian dengan memuaskan.

76.2.6 Kaedah Pembinaan

Pelaksanaan projek pembinaan perumahan di Kg. Kalansanan adalah berkonsepkan reka dan bina. Juruperunding yang dilantik oleh kontraktor dengan kelulusan Lembaga diberi tanggungjawab untuk membuat pelan utama, mereka bentuk rumah/bangunan, susun atur, kualiti dan spesifikasi selaras dengan konsep rumah kos rendah yang ditetapkan oleh Kerajaan untuk kelulusan Lembaga dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, juruperunding kerja awam dan juruperunding mekanikal dan elektrik juga dikehendaki membuat penyeliaan semasa pembinaan projek untuk memastikan kerja dilaksanakan mengikut reka bentuk dan spesifikasi yang ditetapkan. Garis panduan Kerajaan Persekutuan menghendaki rumah kos rendah 3 bilik dibina untuk keselesaan dan mengelak daripada berlaku gejala sosial. Semakan Audit mendapati projek Fasa 1 dan Fasa 2 ialah membina rumah kayu 2 bilik (jenis sebuah) manakala projek Fasa 3A dan Fasa 3B ialah membina rumah pangsa 3 bilik. Kontraktor pernah

mencadangkan supaya projek Fasa 1 dan Fasa 2 dibina rumah 3 bilik seperti kehendak garis panduan tersebut. Setelah mengambil kira kos projek yang dijangka meningkat, maka cadangan kontraktor tidak diluluskan dan projek membina rumah 2 bilik diteruskan. Sebaliknya bakal pemilik rumah dibenarkan menambah bilangan bilik dengan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan.

Pada pendapat Audit, kaedah pembinaan reka dan bina ini sangat sesuai bagi projek ini kerana urusan berkaitan pelan utama, lukisan pelan, reka bentuk, susun atur serta kerja pengawasan dibuat oleh kumpulan juruperunding/profesional yang mempunyai kakitangan yang mencukupi.

76.2.7 Projek Perumahan Kg. Kalansanan

Projek perumahan Kg. Kalansanan yang dilaksanakan semasa RMK7 dan RMK8 adalah bertujuan untuk menempatkan setinggan dari Kg. Kuala Likas, Kg. Gusung dan Kg. Pantai Teluk Likas. Mengikut Kertas Kabinet yang diluluskan pada tahun 1995 dan 1996, Lembaga merancang akan membina 1,040 unit rumah. Projek ini telah ditawarkan kepada kontraktor tempatan secara rundingan seperti yang diputuskan oleh Kabinet Negeri. Bagaimanapun, pelaksanaan projek ini telah dibahagikan kepada 3 Fasa pembinaan. Ini disebabkan oleh kedudukan sumber kewangan Kerajaan Negeri tidak mengizinkan untuk melaksanakan projek sekali gus. Secara terperincinya pembahagian kepada 3 Fasa pembinaan adalah seperti di **Jadual 62.**

Jadual 62
Pelaksanaan Projek Kg. Kalansanan

Bil.	Fasa Projek	Bil. Unit/Jenis Rumah	Projek Mula	Projek Patut Siap	Tarikh Siap Sebenar	Kos Projek (RM Juta)	Purata Kos Pembinaan Seunit Rumah (RM)
1	Fasa 1	100 unit Rumah Kayu 6 tiang	06.11.95	05.12.95	25.03.96	6.50	19,850
2	Fasa 2	400 unit Rumah Kayu 6 tiang	18.12.96	17.12.98	17.12.98	34.20	23,907
3	Fasa 3A	6 blok 300 unit Rumah Pangsa 5 Tkt	15.08.01	14.08.03	Dalam pembinaan	24.20	33,319
4	Fasa 3B	10 blok 485 unit Rumah Pangsa 5 Tkt	25.06.03	24.06.05	Dalam pembinaan	27.89	34,968
Jumlah		**1,285 unit**				**92.79**	**112,044**

Sumber: Fail Lembaga Perumahan Dan Pembangunan Bandar
Nota: Kos Purata Pembinaan Seunit Rumah Mengikut Anggaran Kos Daripada Lembaga

Analisis lanjut menunjukkan projek Fasa 1 iaitu projek menyiapkan 100 buah rumah kayu 6 tiang dapat disiapkan dalam tempoh 4 bulan berbanding jadual asal yang sepatutnya siap dalam tempoh 1 bulan. Manakala projek Fasa 2 yang juga projek rumah kayu 6 tiang dapat disiapkan dalam tempoh 24 bulan seperti jadual asal. Memandangkan projek Fasa 1 ini melibatkan kerja seperti penambakan tanah dan kemudahan asas lain, maka tempoh penyiapan 1 bulan adalah tidak munasabah. Tempoh penyiapan bagi projek Fasa 3A dan 3B iaitu pembinaan 785 unit rumah pangsa ialah masing-masing dalam tempoh 24 bulan. Bagaimanapun projek tersebut masih dalam pembinaan.

Analisis Audit terhadap kos pembinaan mendapati anggaran kos pembinaan seunit rumah telah dibuat bagi projek Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3A dan 3B iaitu masing-masing RM19,850, RM23,907, RM33,319 dan RM34,968 seunit. Kos pembinaan seunit rumah ini adalah lebih rendah berbanding dengan harga jualan siling Rumah Kos Rendah di pinggir bandar di Negeri Sabah seperti yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri iaitu RM36,000 seunit. Perbezaan ketara kos pembinaan seunit rumah

bagi Fasa 1 sejumlah RM19,850 dan Fasa 2 sejumlah RM23,907 adalah disebabkan oleh reka bentuk bahagian tapak bawah rumah yang telah dikonkrit bagi setiap unit rumah Fasa 2. Manakala perbezaan purata kos keseluruhan adalah disebabkan oleh kerja *preliminaries and general condition*, cerucuk, *mechanical and electrical*, kerja luaran, *prime cost and provisional* dan *incidental expenses*. Kos kerja luaran sejumlah RM18.87 juta bagi projek Fasa 2 adalah termasuk kerja penyediaan tapak dan kerja tanah bagi Fasa 3 iaitu sejumlah RM4.21 juta. Manakala kos selebihnya adalah kos pembinaan lain-lain kemudahan asas yang dikongsi bersama dengan projek Fasa 3. Butiran lanjut mengenai kos bagi setiap item adalah seperti di **Jadual 63**. Semakan lanjut Audit mendapati kos tersebut telah dipersetujui oleh Lembaga dan mendapat kelulusan Kerajaan Negeri.

Jadual 63
Ringkasan Butiran Harga

Bil	Perihal Kerja	*Fasa 1 (RM)	*Fasa 2 (RM)	#Fasa 3A (RM)	#Fasa 3B (RM)
1.	*Preliminaries And General Condition*	231,000	1,487,680	957,860	1,172,140
2.	Cerucuk	-	-	1,508,416	2,306,200
3.	Bangunan	1,985,000	9,563,032	10,175,702	16,959,504
4.	Mekanikal Dan Elektrikal	-	-	1,110,800	1,711,100
5.	Kerja Luaran (penyediaan tapak dan kerja tanah, jalan masuk dan letak kereta*, water reticulation system and sewerage works, turfing* dan taman permainan*)*	3,097,440	18,868,085	5,093,831	1,063,113
6.	*Prime Cost And Provisional*	-	764,456	2,972,000	1,520,550
7.	*Incidental Expenses* (bayaran juruperunding/ profesional, bayaran pengukuran strata dan bayaran penyeliaan)	1,186,560	3,516,747	2,381,390	3,157,393
8.	Arahan Perubahan 1- 15	-	240,226	-	-
	Jumlah	**6,500,000**	**34,440,226**	**24,199,999**	**27,890,000**

*Sumber : *Penyata Akaun Muktamad*
#Ringkasan Bill of Quantities Dokumen Kontrak

Projek perumahan Fasa 1 dan Fasa 2 telah diberikan secara percuma kepada setinggan manakala projek perumahan Fasa 3A dan 3B akan disewakan melalui konsep program penyewaan sewa ekonomi iaitu tidak melebihi RM100 sebulan.

Pihak Audit berpendapat projek perumahan ini adalah bersesuaian dengan hasrat Kerajaan untuk mengurangkan masalah setinggan dengan menyediakan rumah kos rendah yang teratur, selesa dan mengikut kemampuan penghuni.

76.2.8 Prestasi Fizikal Projek Kg. Kalansanan

Mengikut perancangan, projek membina 500 unit rumah di Kg. Kalansanan adalah untuk menempatkan setinggan tempatan dari Kg. Gusung, Kg. Kuala Likas dan Kg. Pantai Teluk Likas dan hendaklah disiapkan dalam tempoh 5 tahun mulai bulan Februari 1996 hingga bulan Januari 1999. Pihak Audit mendapati projek tersebut telah dibahagikan kepada 2 Fasa iaitu Fasa 1 dan Fasa 2. Selain itu, pembinaan 800 unit rumah lagi dirancang untuk dilaksana semasa Fasa 3. Secara keseluruhannya 500 unit rumah dapat disiapkan dan 785 unit sedang dalam pembinaan berbanding cadangan asal iaitu 500 dan 800 unit masing-masing. Projek Fasa 1 hingga Fasa 3A dikawal selia oleh Lembaga manakala Fasa 3B oleh Jabatan Perumahan Negara, Malaysia. Analisis Audit mengikut Fasa projek tersebut adalah seperti berikut:

i) Projek Fasa 1

Fasa 1 ialah projek pembinaan 100 unit rumah kayu 6 tiang telah dilaksanakan oleh kontraktor tempatan dengan kos RM6.50 juta atau RM65,000 satu unit. Mengikut keputusan Kabinet Negeri pada awal bulan November 1995, projek ini patut disiapkan dalam tempoh satu bulan. Bagaimanapun, projek tidak dapat disiapkan mengikut jadual dan lanjutan masa selama 111 hari telah

diluluskan pada bulan Januari, Februari dan Mac 1996. Kelewatan disebabkan oleh keadaan cuaca, masalah penentuan sempadan dan kekurangan bahan binaan. Lawatan Audit telah dibuat bersama dengan Ketua Jurutera Lembaga pada bulan Februari 2004 ke tapak projek Fasa 1 iaitu rumah yang sudah diagihkan kepada setinggan. Hasil lawatan tersebut mendapati rumah bagi projek Fasa 1 telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan iaitu rumah kayu 6 tiang 2 bilik dengan keluasan tapak 70 kaki x 40 kaki seperti **Foto 18**.

Foto 18
Rumah No. 18 Projek Fasa 1

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 5 Februari 2004

ii) Projek Fasa 2

Projek Fasa 2 adalah pembinaan 400 unit rumah kayu 6 tiang dan diberikan kepada kontraktor yang sama melalui perundingan dengan kos berjumlah RM34.20 juta atau RM85,500 satu unit dan tempoh penyiapan selama 24 bulan iaitu mulai pertengahan bulan Disember 1996 hingga pertengahan bulan Disember 1998. Projek ini telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan tetapi

dengan kos tambahan berjumlah RM240,226 menjadikan kos projek keseluruhan berjumlah RM34.44 juta atau RM86,100 satu unit. Adalah didapati tapak rumah yang diberi adalah luas dan mempunyai kawasan yang cukup untuk mendirikan sebuah rumah banglo. **Foto 19** menunjukkan sebuah rumah banglo 2 tingkat di Fasa 2 yang dibina di atas tapak rumah kayu 6 tiang 2 bilik yang telah dirobohkan. Semakan Audit mendapati tiada bukti kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan diperolehi bagi pembinaan tersebut.

Foto 19
Rumah No. 2 Projek Fasa 2

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 5 Februari 2004

iii) Projek Fasa 3

Kabinet Negeri pada tahun 1995 telah menawarkan projek Fasa 3 iaitu pembinaan rumah pangsa yang dibahagikan kepada 2 Fasa iaitu Fasa 3A dan 3B kepada kontraktor yang sama secara perundingan. Anggaran kos projek Fasa 3A berjumlah RM31.23 juta dan Fasa 3B berjumlah RM22.24 juta. Namun begitu, apabila dimeterai kosnya adalah masing-masing berjumlah RM24.20 juta dan RM27.89 juta. Projek Fasa 3A bermula pada pertengahan bulan Ogos 2001 dan sepatutnya siap pada pertengahan bulan

Ogos 2003 tetapi gagal disiapkan. Lanjutan masa selama 9 bulan telah diluluskan menjadikan tempoh penyiapan selama 33 bulan. Setakat bulan Januari 2004, kemajuan projek ialah 94.4% berbanding jadual pelaksanaan yang diluluskan iaitu 100%. Kelewatan penyiapan projek adalah disebabkan oleh masalah cuaca, kekurangan pekerja dan kekurangan bahan binaan. Pada bulan Januari 2004, sejumlah RM21.52 juta telah dibayar kepada kontraktor iaitu kurang RM1.33 juta berbanding bayaran sepatutnya mengikut kemajuan fizikal projek iaitu RM22.85 juta. Lawatan Audit ke tapak projek Fasa 3A pada bulan Februari 2004 mendapati rumah yang dibina mengikut pelan iaitu rumah pangsa 3 bilik. Ini selaras dengan garis panduan Kerajaan Persekutuan mengenai pembinaan rumah kos rendah 3 bilik.

Projek Fasa 3B pula perlu disiapkan dalam tempoh 24 bulan bermula pada bulan Jun 2003 dan sepatutnya siap pada bulan Jun 2005. Bagaimanapun, kemajuan projek pada bulan Januari 2004 ialah 15.5% berbanding jadual 15.3% iaitu 0.2% lebih cepat. Mengenai bayaran kemajuan pula, sejumlah RM3.67 juta daripada nilai kontrak RM27.89 juta telah dibayar berdasarkan kemajuan fizikal projek.

Mengikut perancangan asal, projek Fasa 3 merangkumi 13 blok rumah pangsa 5 tingkat di mana setiap blok mempunyai 80 unit. Secara keseluruhannya, ia sepatutnya mempunyai 1,040 unit rumah. Bagaimanapun, lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Februari 2004 mendapati projek yang sedang dilaksanakan bagi Fasa 3A ialah 6 blok rumah pangsa 5 tingkat dengan 50 unit setiap blok (300 unit). Manakala bagi Fasa 3B ialah 10 blok rumah pangsa 5 tingkat di mana 9 blok mempunyai 50 unit setiap blok (450 unit) dan satu blok lagi iaitu blok A mempunyai 35 unit rumah dan tingkat bawah dijadikan tadika dan surau. Ini menyebabkan

Fasa 3B secara keseluruhannya mempunyai 485 unit rumah sahaja. **Foto 20** adalah kemajuan projek Fasa 3A dan **Foto 21** adalah kemajuan projek Fasa 3B.

Foto 20
Kemajuan Projek Fasa 3A

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 5 Februari 2004

Foto 21
Kemajuan Projek Fasa 3B

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 5 Februari 2004

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya projek Fasa 1 dan 2 telah disiapkan mengikut rancangan asal dengan lanjutan masa dan kos tambahan yang diluluskan. Walaupun projek Fasa 3 lewat dimulakan kerana masalah kewangan, peratus kemajuan kerja setakat bulan Januari 2004 berada di tahap yang memuaskan. Namun begitu, pihak Audit berpandangan bahawa keputusan untuk terus memberi kontraktor yang sama melaksanakan Fasa 2 dan 3 sedangkan menyiapkan Fasa 1 menghadapi masalah adalah sesuatu yang tidak wajar.

76.2.9 Perbelanjaan Projek

Analisis Audit terhadap perbelanjaan projek adalah seperti berikut:

i) Anggaran kos projek Fasa 1 dan Fasa 2 yang diluluskan berjumlah RM17.92 juta berbanding kos kontrak berjumlah RM40.70 juta iaitu meningkat sejumlah RM22.78 juta. Manakala anggaran asal kos projek Fasa 3 berjumlah RM61.28 juta berbanding kos kontrak berjumlah RM52.09 juta iaitu kurang sejumlah RM9.19 juta. Ini disebabkan bilangan unit rumah yang hendak dibina telah dikurangkan daripada 1,040 unit menjadi 785 unit. Perbandingan anggaran kos dirancang dengan kos kontrak adalah seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Perbandingan Anggaran Kos
Dengan Kos Kontrak

Projek	Anggaran Kos (Perancangan) (RM Juta)	Kos Kontrak (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
Fasa 1 & 2	17.92	40.70	22.78
Fasa 3	61.28	52.09	(9.19)
Jumlah	**79.20**	**92.79**	**13.59**

Sumber: Lembaga Perumahan Dan Pembangunan Bandar

ii) Bagi tempoh RMK7 dan RMK8, sejumlah RM66.12 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek Kg. Kalansanan. Butiran

lengkap mengenai kos perbelanjaan sebenar berbanding kos kontrak yang ditandatangani adalah seperti di **Jadual 65.**

Jadual 65
Kos Perbelanjaan Projek Sehingga 31 Disember 2003

Projek	Jumlah Kontrak (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Tambahan Perbelanjaan (RM Juta)	Tarikh Siap
Fasa 1	6.50	6.50	-	05.12.95
Fasa 2	34.20	34.44	0.24	17.12.98
Fasa 3A	24.20	21.51	TB	Belum Siap
Fasa 3B	27.89	3.67	TB	Belum Siap
Jumlah	**92.79**	**66.12**	**0.24**	

Sumber: Lembaga Perumahan Dan Pembangunan Bandar
TB - Tidak Berkenaan

Pada pendapat Audit, perbelanjaan sebenar berbanding kos yang dinyatakan dalam kontrak bagi projek ini adalah memuaskan di mana hanya Fasa 2 sahaja ada pertambahan kos iaitu sejumlah RM240,226 bagi tujuan penambahan kapasiti tangki air dan penyediaan prasarana asas.

76.2.10 Pembayaran Projek

Semakan Audit telah dibuat terhadap pembayaran kemajuan projek kepada kontraktor bermula daripada tuntutan bayaran kemajuan sehingga bayaran dibuat oleh Lembaga. Hasil semakan tersebut mendapati proses pembayaran melibatkan 3 pihak iaitu Lembaga, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Sabah (Kementerian) dan Bendahari Negeri Sabah. Di peringkat Lembaga, Seksyen Pembangunan Perumahan menerima dan mengesahkan tuntutan kontraktor dan mengemukakan kepada Seksyen Akaun/Kewangan. Seksyen Akaun/Kewangan seterusnya akan mengemukakan tuntutan kepada Kementerian bagi tujuan menyediakan baucar untuk dikemukakan kepada Bendahari Negeri bagi tujuan penyediaan cek bayaran atas nama Lembaga. Sebaik

sahaja menerima cek tersebut, pihak Lembaga akan membuat bayaran dalam tempoh 15 hari. Semakan lanjut mendapati bayaran telah dibuat dalam tempoh antara 8 hari hingga 9 bulan bagi projek Fasa 3 dan antara 9 hari hingga 11 bulan bagi projek Fasa 2. Antara faktor kelewatan pembayaran ini ialah kelewatan di peringkat Kementerian disebabkan peruntukan lewat diterima daripada Kementerian Kewangan. Namun begitu, di peringkat Lembaga pula pembayaran dibuat dalam tempoh 15 hari setelah menerima cek daripada Bendahari Negeri. Manakala bagi projek Fasa 1, maklumat berkaitan tarikh tuntutan dikemukakan tidak diperolehi. Namun begitu, semakan Audit terhadap pembayaran mendapati bayaran akhir projek Fasa 1 dibuat 35 bulan selepas projek disiapkan. Mengikut penjelasan pihak Lembaga, bayaran tersebut adalah bagi bayaran kerja luaran yang dibuat oleh kontraktor.

Pada pendapat Audit, pembayaran interim projek di peringkat Lembaga adalah memuaskan. Namun begitu, proses pembayaran di peringkat Kementerian dan Bendahari tidak begitu memuaskan disebabkan kekangan kewangan dan perancangan aliran tunai yang terganggu disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri.

76.2.11 Kaedah Pemilihan Peserta Dan Pengagihan Rumah

Projek perumahan Fasa 1 dan 2 yang telah siap diserah kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Bandaraya) untuk diagihkan kepada 500 keluarga setinggan dari Kg. Pantai Teluk Likas, Kg. Gusung dan Kg. Kuala Likas selaras dengan laporan bancian tahun 1993. Semakan Audit mendapati Jawatankuasa telah ditubuhkan untuk menilai dan membuat pemilihan peserta mengikut prosedur yang ditetapkan. Adalah didapati 500 keluarga setinggan dari Kg. Kuala Likas telah ditempatkan di projek Fasa 1 dan 2, Kg. Kalansanan berbanding dengan tujuan asal projek iaitu untuk menempatkan setinggan

tempatan Kg. Pantai Teluk Likas, Kg. Gusung dan Kg. Kuala Likas. Manakala proses pemilihan peserta yang berminat mendiami projek perumahan Fasa 3A dan 3B belum dijalankan kerana projek belum disiapkan.

Semakan Audit mendapati pemilihan peserta dan pengagihan rumah telah dibuat berdasarkan senarai nama setinggan dari Kg. Pantai Teluk Likas, Kg. Gusung dan Kg. Kuala Likas. Senarai nama yang lengkap telah dihantar ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesahkan status kewarganegaraan peserta dan seterusnya dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan. Pengagihan lot rumah dibuat oleh Jawatankuasa kepada peserta yang layak dan surat tawaran dikeluarkan kepada yang berjaya. Semakan lanjut Audit mendapati tiada perjanjian dimeterai antara Bandaraya dengan pemilik rumah. Syarat pemilikan rumah hanya dinyatakan dalam surat tawaran. Antara syarat tersebut ialah penduduk mestilah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sabah, tidak dibenarkan mengubah dan menyambung atau memperbesarkan tanpa kelulusan Bandaraya serta rumah tidak boleh dijual, tidak boleh disewakan dan hanya boleh dipindah milik kepada saudara terdekat sahaja. Jika syarat tersebut dipersetujui, maka surat tawaran ditandatangani dan salinan disimpan oleh Bandaraya dan penghuni rumah.

Pada pendapat Audit, memandangkan rumah ini diberikan secara percuma dan tempoh pemilikan tidak dinyatakan, maka adalah wajar surat perjanjian rasmi dimeterai di antara penghuni rumah dan Bandaraya supaya syarat dapat diperincikan dengan lebih jelas lagi.

76.2.12 Konsep Pemberian Rumah

Adalah didapati projek perumahan Fasa 1 dan 2 yang melibatkan 500 unit rumah kayu 6 tiang 2 bilik diberikan percuma kepada setinggan

tempatan. Manakala pemilikan rumah pangsa 3 bilik di projek Fasa 3A dan 3B yang sedang dibina adalah berdasarkan konsep perumahan sewa ekonomi iaitu dikenakan sewa bulanan tidak melebihi RM100. Berdasarkan kertas kabinet yang diluluskan, konsep pemberian rumah tidak dinyatakan secara jelas sama ada projek perumahan Kg. Kalansanan diberikan percuma atau secara sewa ekonomi kepada setinggan.

Pada pendapat Audit, Lembaga perlu mengkaji semula konsep pemberian rumah kepada setinggan agar tidak merugikan Lembaga kerana pembinaan rumah melibatkan kos yang tinggi.

76.2.13 Pencapaian Matlamat

Matlamat projek perumahan Fasa 1 dan Fasa 2 adalah untuk menempatkan semula setinggan dari Kg. Pantai Teluk Likas, Kg. Gusung dan Kg. Kuala Likas. Berdasarkan bancian tahun 1993, ada 580 rumah setinggan di 3 kampung tersebut di mana 500 daripadanya adalah setinggan tempatan. Bagaimanapun, bilangan setinggan telah bertambah dari tahun ke tahun. Oleh itu, rumah yang dibina hanya dapat menampung bilangan setinggan dari Kg. Kuala Likas. Adalah didapati 500 keluarga setinggan di Kg. Kuala Likas telah ditempatkan semula di projek Kg. Kalansanan. Oleh itu, tapak kawasan berkenaan telah dikosongkan untuk tujuan pembangunan oleh Kerajaan Negeri. Lawatan Audit pada bulan Mac 2004 mendapati Kg. Kuala Likas telah dikosongkan tanpa ada penempatan setinggan lain. Manakala Kg. Gusung masih didiami lebih kurang 558 setinggan dan Kg. Pantai Teluk Likas masih didiami 2,354 setinggan. Keadaan tapak dan penempatan setinggan dimaksudkan adalah seperti **Foto 22** dan **23**.

Foto 22
Bekas Tapak Setinggan
Kg. Kuala Likas Telah Dikosongkan

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 11 Mac 2004

Foto 23
Kg. Pantai Teluk Likas Masih Didiami Oleh 2,354 Setinggan

Sumber :Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 11 Mac 2004

Pada pandangan Audit, keperluan perumahan hendaklah diselaraskan mengikut bancian terkini setinggan bagi mencapai sasaran setinggan sifar di Bandaraya Kota Kinabalu.

76.2.14 Penggunaan Tanah

Tanah seluas 129 ekar di Kg. Kalansanan telah diwartakan sebagai tapak projek Fasa 1 hingga 3 di mana 116.88 ekar untuk tapak projek Fasa 1 dan 2. Manakala baki 12.12 ekar pula digunakan sebagai tapak projek Fasa 3A dan 3B. Ini bermakna tanah seluas 116.88 ekar untuk projek Fasa 1 dan 2 hanya dapat membina 500 unit rumah berbanding tanah seluas 12.12 ekar bagi projek Fasa 3A dan 3B yang dapat membina 785 unit rumah.

Pada pendapat Audit, jika konsep pembinaan rumah pangsa dilaksanakan di atas 129 ekar tanah yang diwartakan, maka bilangan unit rumah yang dapat dibina adalah dianggarkan 7,850 unit berbanding 1,285 unit rumah yang dibina. Oleh itu lebih ramai setinggan dapat memiliki rumah.

Pada keseluruhannya, pelaksanaan program penempatan semula setinggan perlu dipertingkatkan. Bilangan rumah yang dibina masih belum mencukupi disebabkan bilangan setinggan yang semakin bertambah. Selain itu, Lembaga juga wajar menilai semula kos projek yang dilaksanakan agar tidak membebankan Kerajaan di samping dapat menyediakan tempat tinggal yang teratur kepada setinggan.

76.3 PEMANTAUAN

Bagi tujuan pemantauan terhadap pelaksanaan program ini, Kerajaan telah menubuhkan 2 jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja. Jawatankuasa Pemandu dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan dan Pengurus Besar Lembaga sebagai setiausaha dengan ahli terdiri daripada wakil Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri. Jawatankuasa Kerja pula dipengerusikan oleh Pengurus Besar Lembaga dan ahlinya juga terdiri daripada wakil Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri.

Pengurus Besar Lembaga dipertanggungjawabkan untuk memastikan kontraktor mematuhi perjanjian. Bagi memastikan pemantauan yang lebih berkesan, Ketua Jurutera dan Unit Perumahan serta Unit Teknikal Lembaga diarahkan untuk mengawasi perjalanan projek. Selain itu, kontraktor juga dikehendaki mengemukakan laporan kemajuan projek pada setiap bulan. Laporan bulanan kemajuan projek hendaklah mengandungi maklumat am projek, kemajuan kerja, peralatan dan mesin serta tenaga kerja di tapak pembinaan.

Untuk menilai kemajuan program secara keseluruhan, Lembaga juga membuat kajian separuh penggal setiap Rancangan Malaysia. Kajian ini untuk menilai pencapaian pembangunan perumahan bagi program penempatan semula setinggan dan pengagihan rumah oleh Bandaraya. Pemeriksaan Audit mendapati Bandaraya telah menyerahkan kepada Bahagian Penilaian untuk mengurus, menyelenggara rekod dan mengutip bayaran sewa daripada penghuni terlibat.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap program penempatan semula setinggan adalah memuaskan di mana pelaksanaan program yang melibatkan projek pembinaan rumah telah diberi perhatian sewajarnya dengan mewujudkan jawatankuasa khusus sebagai mekanisma pemantauan pelaksanaan program dan projek pembinaan perumahan. Namun begitu, tiada rekod menunjukkan pihak Dewan Bandaraya Kota Kinabalu telah membuat lawatan dari rumah ke rumah untuk memastikan penghuni rumah Fasa 1 dan Fasa 2 telah mematuhi syarat menduduki rumah.

77. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada penemuan di atas, program ini telah dapat membantu mengurangkan bilangan dan masalah setinggan di kawasan yang disasarkan walaupun bilangan rumah yang dibina jauh lebih rendah dari bilangan sebenar

setinggan di Daerah Kota Kinabalu. Selain itu, adalah disyorkan pada masa hadapan supaya penggunaan tanah hendaklah secara maksimum dengan membuat perancangan awal yang lebih teliti dari aspek konsep atau jenis rumah yang akan dibina kerana matlamat utama program adalah untuk mencapai setinggan sifar di kawasan bandar utama di Negeri Sabah.

DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU

PENGURUSAN SISA PEPEJAL

78. LATAR BELAKANG

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (Bandaraya) adalah bertanggungjawab untuk menyelenggara kawasan pentadbirannya supaya berada dalam keadaan bersih dan selesa seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 49 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961) dan Seksyen 130, Ordinan Kesihatan Awam 1960 (Sabah No. 7 Tahun 1960). Keluasan kawasan pentadbiran Bandaraya adalah 350 km persegi dan dibahagikan kepada 6 zon yang meliputi 740 kawasan. Bagi mematuhi kehendak undang-undang berkenaan, Bandaraya telah menetapkan fungsi pembersihan seperti berikut:

i) memberi perkhidmatan mengutip dan membuang sampah daripada kawasan perkadaran dan kawasan lain yang termasuk di bawah pentadbirannya yang melibatkan 11,195 premis komersil dan 35,226 premis perumahan;

ii) menyenggara tapak pelupusan sampah;

iii) menjalankan kerja pembersihan dan penyapuan lorong, parit dan longkang; dan

iv) melaksanakan kerja pemotongan rumput dan pembersihan parit.

Pada awal bulan September 1998, Bandaraya telah menswastakan perkhidmatan pelupusan sisa pepejal (sampah) bagi seluruh kawasan perkadarannya kepada sebuah syarikat tempatan (kontraktor). Bandaraya turut melantik 3 kontraktor lain untuk membersihkan kawasan sungai, parit, perangkap sampah dan lagun yang terdapat di kawasan Kota Kinabalu. Bagaimanapun, disebabkan oleh prestasi kerja syarikat yang tidak memuaskan, penswastaan tersebut telah ditamatkan pada bulan November 2003, manakala perkhidmatan 3 kontraktor lain yang dilantik ditamatkan antara bulan Julai dan Disember 2003. Pada masa ini, kerja pembersihan dan

pelupusan sampah termasuk membersihkan kawasan lagun dan tepi pantai diuruskan sendiri oleh kakitangan Bandaraya.

79. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada aktiviti perkhidmatan pelupusan sampah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan kawasan Bandaraya berada dalam keadaan bersih dan menjamin keselesaan serta ketenteraman penduduk.

80. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi perkhidmatan yang diberikan pada tahun 2002 dan 2003. Semakan telah dilakukan terhadap fail dan dokumen berkaitan bagi tahun 2002 dan 2003 seperti minit mesyuarat, aduan awam, baucar bayaran, jadual kerja, sebut harga dan sebagainya. Selain itu, lawatan Audit dibuat ke 40 kawasan yang menerima perkhidmatan pelupusan sampah meliputi kawasan perumahan dan komersil untuk mengesahkan sama ada pembersihan di kawasan tersebut adalah memuaskan atau tidak. Sejumlah 321 borang soal selidik diedarkan kepada penduduk di kawasan perumahan dan kepada peniaga di kawasan komersil dan lawatan ke tapak pembuangan sampah turut dilaksanakan.

81. PENEMUAN AUDIT

81.1 PERANCANGAN

Pada tahun 1999, Bandaraya dengan kerjasama *Danish Cooperation for Environment And Development* (DANCED) telah melaksanakan kajian *Sustainable Urban Development Project – Sabah* (SUDP). Hasil daripada kajian tersebut, Laporan bertajuk *Integrated Solid Waste Management Strategy* (ISWM) telah dikeluarkan pada akhir bulan November 2000. Menurut Laporan berkenaan, dianggarkan sejumlah 238 tan sampah dibuang oleh penduduk di

kawasan Kota Kinabalu pada setiap hari. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 0.68 kg sampah dibuang oleh seorang penduduk bagi satu hari berdasarkan kepada jumlah populasi penduduk seramai 351,100 orang pada tahun 1999. Dengan kadar purata pertumbuhan penduduk 6 peratus setahun, dianggarkan jumlah penduduk pada tahun 2003 telah meningkat menjadi 443,256 orang. Oleh itu, jumlah sampah yang dibuang dianggarkan meningkat menjadi 300 tan sehari. ISWM turut mengenal pasti strategi jangka panjang yang perlu dilaksanakan oleh Bandaraya dalam menangani masalah pembersihan sampah sarap dan mempertingkatkan lagi keindahan Bandaraya Kota Kinabalu.

81.1.1 Struktur Pengurusan Dan Pentadbiran

Pada tahun 2000, pengurusan sampah termasuk menyapu jalan raya, menyelia kerja pemungutan sampah oleh kontraktor dan penyenggaraan tapak pembuangan sampah dilaksanakan oleh 3 Bahagian yang berasingan di Bandaraya iaitu Bahagian Perkhidmatan-Operasi, Bahagian Perkhidmatan-Kerja dan Bahagian Kejuruteraan.

Bagi memperbaiki sistem pengurusan sampah sedia ada, SUDP melalui Laporan ISWM telah mencadangkan supaya Bandaraya menubuhkan Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal yang diketuai oleh pegawai daripada kumpulan pengurusan dan profesional di bawah Jabatan Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar. Bahagian ini akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua aktiviti berkaitan pelupusan sampah. Oleh itu, semua unit kecil yang terlibat secara langsung dengan aktiviti pelupusan sampah akan diletakkan di bawah satu pentadbiran iaitu Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal.

81.1.2 Prosedur/Garis Panduan Kerja

Prosedur pengutipan sampah yang mengandungi proses atau tatacara pelaksanaan kerja mengutip dan melupus sampah dikeluarkan oleh Bahagian Perkhidmatan Bandar pada tahun 1998. Prosedur tersebut

telah memperincikan tanggungjawab, etika dan amalan kerja yang harus dipatuhi oleh pekerja yang terlibat secara langsung dengan pengendalian pengutipan dan pelupusan sampah. Adalah didapati prosedur tersebut sentiasa dikemas kini berdasarkan kepada arahan lisan oleh Ketua Jabatan atau notis pemberitahuan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Pada pandangan Audit, prosedur dan garis panduan perlu dikemas kini dan disesuaikan dengan keadaan semasa bagi memastikan pekerja lebih jelas dengan peraturan kerja yang perlu dipatuhi.

81.1.3 Rancangan Kerja Tahunan

Pada tahun 2002 dan 2003, perancangan kerja lebih tertumpu kepada pemantauan terhadap kerja pembersihan yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Bagaimanapun, selepas kontrak penswastaan ditamatkan pada pertengahan bulan November 2003, Bandaraya cuba menumpukan usaha untuk memperbaiki prestasi pungutan sampah di kawasan Kota Kinabalu. Oleh itu, Bandaraya telah menetapkan 3 bulan sebagai tempoh pemulihan untuk memperbaiki sistem pengurusan sampah iaitu bermula dari tarikh kontrak penswastaan ditamatkan hingga pertengahan bulan Februari 2004.

Bagi mencapai objektif tersebut, pihak pengurusan Bandaraya telah merancang untuk membeli 20 lori kompaktor bagi menggantikan lori yang telah rosak dan penambahan pemandu serta Pekerja Rendah Am bagi menampung kekurangan pekerja. Selain itu, mengikut standard pelaksanaan kerja, kutipan sampah perlu dibuat 3 kali seminggu bagi kawasan perumahan dan setiap hari bagi kawasan komersil dan perindustrian.

81.1.4 Kaedah Pelaksanaan

i) Dilaksana Sendiri Oleh Bandaraya

Kerja pengutipan dan pelupusan sampah sarap kini diuruskan sendiri oleh kakitangan Bandaraya. Bagi memastikan kerja pengutipan sampah dapat dilaksanakan dengan teratur, jadual kutipan sampah yang disediakan perlu diselaraskan dengan penetapan yang dibuat oleh pihak pengurusan. Jadual tersebut perlu mengandungi senarai ahli pasukan bertugas termasuk pemandu, kenderaan (nombor) yang akan digunakan untuk mengangkut sampah, kawasan/lokasi yang perlu diliputi dan syif/waktu bekerja.

Pihak pengurusan perlu memastikan pekerja terlibat hadir dan melaksanakan kerja mengikut jadual. Semasa mengutip sampah, semua sampah sarap dalam tong sampah dan tempat pembuangan sampah hendaklah dipungut dengan rapi dan bersih. Pekerja yang mengutip sampah hendaklah juga memastikan tiada sampah sarap tercicir di tempat kutipan sampah dan pelupusannya dibuat dengan cara sistematik dan mengikut kaedah yang ditetapkan.

ii) Dikontrakkan

Pada tahun 2003, pihak pengurusan Bandaraya telah merancang untuk mengkontrakkan kerja pembersihan sampah sarap di beberapa kawasan lagun, sungai, parit dan perangkap sampah kepada kontraktor tempatan melalui sebut harga. Secara amnya, kontrak tersebut meliputi kerja mengutip dan membersihkan sampah sarap yang terdapat pada perangkap sampah, pembersihan kawasan pantai dan lagun, pemotongan rumput dan mengangkut sampah sarap ke tapak pelupusan sampah.

81.1.5 Keperluan Tapak Pelupusan Sampah

Perancangan untuk membina tapak pelupusan sampah telah dibuat sejak tahun 1983. Hasil daripada kajian kesesuaian tapak yang dibuat terhadap 17 kawasan yang dikenal pasti, Kayu Madang yang terletak di Daerah Telipok telah dicadang sebagai tapak pelupusan sampah pada tahun 1994. Kajian kesan pembinaan tapak pelupusan sampah terhadap alam sekitar telah dilaksanakan oleh Biro Rundingan Dan Kembangan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada bulan April 1995. Berdasarkan kepada Laporan EIA tersebut, tapak pelupusan sampah Kayu Madang perlu memenuhi sekurang-kurangnya tahap III *(Third Level – Sanitary Landfill With Recirculation)*. Tapak pelupusan sampah ini juga dijangka dapat menampung sampah untuk tempoh 13 tahun.

81.1.6 Perancangan Kenderaan Dan Peralatan/Kelengkapan

i) Keperluan

Bagi melicinkan kerja mengangkut sampah, Bandaraya memerlukan lori kompaktor dan peralatan/kelengkapan yang mencukupi dan sesuai dengan bebanan kerjanya. Bandaraya mempunyai 28 lori kompaktor yang berusia lebih 8 tahun. Secara keseluruhannya, Bandaraya menganggarkan sejumlah 30 lori kompaktor diperlukan untuk memastikan kerja mengangkut 300 tan sampah setiap hari dapat dilaksana dengan cekap dan berkesan. Berdasarkan Laporan ISWM, Bandaraya memerlukan 25 kenderaan tambahan untuk mengangkut sampah bagi jangka masa 15 tahun (tahun 2000 hingga 2015) seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66
Jumlah Kompaktor Tambahan Yang Diperlukan Bagi Tempoh 15 Tahun

Tahun	Rancangan Jangka Pendek						Rancangan Jangka Panjang										Jumlah
	00	01	02	03	04	05	06	07	08	09	10	11	12	13	14	15	
Bilangan lori sampah perlu ditambah	0	2	1	2	2	1	2	1	2	1	2	2	1	2	2	2	25

Sumber : Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Sehingga tahun 2003 sahaja, Bandaraya memerlukan tambahan sejumlah 5 lori kompaktor untuk menggantikan lori kompaktor lama yang telah rosak. Ini berdasarkan norma kerja di mana setiap lori kompaktor digunakan 2 kali sehari dan secara purata setiap lori kompaktor boleh memuatkan 5 tan kapasiti sampah bagi setiap pungutan yang dibuat. Selain itu, Bandaraya juga telah mengenal pasti keperluan peralatan/kelengkapan seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Peralatan Dan Kelengkapan Yang Diperlukan

Bil	Jenis Peralatan/ Kelengkapan	Bilangan Sedia Ada	Tambahan Diperlukan	Justifikasi Keperluan
1	Tong Sampah Komunal	350	50	Penggantian Dan Kawasan Baru
2	*RORO Container*	8	20	Setinggan/ Pasar/ Tapak Jaja/ Perkampungan
3	*Litter Bin*	21,383	500	Penggantian

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Penambahan terhadap peralatan/kelengkapan sedia ada perlu untuk memaksimumkan keupayaan pelaksanaan fungsi pembersihan yang dilaksanakan oleh kakitangan Bandaraya.

Pihak Audit mendapati keperluan terhadap kenderaan dan peralatan telah dirancang dengan teratur bagi memastikan

kerja pemungutan sampah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

ii) Permodenan

Bagi meningkatkan prestasi pungutan sampah, penggantian atau penambahan lori kompaktor perlu dipertimbangkan selaras dengan pertambahan penduduk. Selain itu, penyenggaraan tapak pelupusan sampah di Kayu Madang pula memerlukan penggunaan jentera berat seperti jentolak dan *streamroller* untuk menimbus dan memampatkan sampah ke dalam tanah pada setiap hari. Bandaraya tiada membuat perancangan untuk membeli jentera berat tersebut kerana sekatan kewangan.

81.1.7 Keperluan Tenaga Kerja

Analisis Audit terhadap keperluan kakitangan mendapati Bandaraya memerlukan 240 Pekerja Rendah Am dan 60 Pemandu untuk memastikan kerja pungutan sampah dapat dilaksanakan dengan teratur. Keperluan ini ditentukan berdasarkan standard norma kerja biasa seperti di **Jadual 68**.

Jadual 68
Analisis Audit Mengenai Bilangan Pekerja Diperlukan Untuk Mengutip Sampah

Bilangan Lori Sampah Diperlukan	Bilangan Syif Bertugas Bagi Setiap Lori Sampah / Hari	Bilangan Pekerja Bagi Setiap Lori Sampah		Jumlah Pekerja Diperlukan	
30	2	Pemandu	1	Pemandu	60
		PRA (R1)	4	PRA (R1)	240

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

81.1.8 Rancangan Penguatkuasaan

Penguatkuasaan *Anti Litter By Laws* amat penting untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap tanggungjawab menjaga kebersihan alam sekitar. Menurut *Municipal Council Anti Litter By Laws 1984,* orang awam yang membuang sampah merata-rata/secara haram boleh

dikenakan denda tidak lebih daripada RM5,000. Bagi memastikan aktiviti penguatkuasaan dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan, bilangan Pegawai Penguat Kuasa yang mencukupi adalah diperlukan. Pada tahun 2003, Bandaraya tiada membuat perancangan untuk menambah bilangan Pegawai Penguat Kuasa tersebut.

81.1.9 Pengawasan Oleh Pihak Pengurusan

Pengawasan oleh pihak pengurusan dilaksanakan melalui Pengawas Kebersihan yang bertanggungjawab untuk memastikan kerja pengutipan sampah di zon telah dilaksanakan dengan teratur pada setiap hari. Bagi melaksanakan tugas ini, Pengawas Kebersihan perlu membuat lawatan setiap hari ke kawasan di mana sampah perlu dikutip berdasarkan kepada jadual pengutipan sampah. Satu laporan mengenai tahap kebersihan kawasan yang dilawati perlu dikemukakan kepada Ketua Unit Pengutipan Sampah setiap kali lawatan dibuat.

81.1.10 Publisiti Kesedaran Awam

Tanggungjawab untuk menjaga kebersihan persekitaran haruslah dipikul bersama oleh penduduk dan pihak berkuasa. Oleh itu, Bandaraya memainkan peranan yang amat penting untuk mewujudkan kesedaran awam terhadap kepentingan penjagaan kebersihan persekitaran secara berterusan. Pada tahun 2003, Bandaraya menganggarkan perbelanjaan sejumlah RM127,000 untuk melaksanakan pelbagai kempen kebersihan dan aktiviti kitar semula. Antara aktiviti yang dirancang termasuklah mengadakan aktiviti gotong-royong, kempen cintai alam sekitar, pengedaran risalah kepada awam dan program kitar semula. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Unit Khas, Bahagian Maklumat Dan Pendidikan Awam dan Bahagian Perhubungan Awam Dan Media.

81.1.11 Rancangan Kontigensi

Penamatan kontrak penswastaan telah dirancang sejak bulan Januari 2002 disebabkan oleh prestasi kontraktor yang tidak memuaskan. Bagi menghadapi situasi ini, Bandaraya telah merancang pembelian 2 lori kompaktor baru pada bulan Julai 2002. Selain itu, Bandaraya juga telah mengenal pasti 151 kakitangan terdiri daripada Pemandu dan Pekerja Rendah Am yang dipinjamkan kepada kontraktor untuk diambil semula. Ini menunjukkan pihak pengurusan Bandaraya ada menyediakan rancangan kontigensi untuk menghadapi penamatan kontrak penswastaan.

81.1.12 Keperluan Kewangan

Pada tahun 2002 dan 2003, Bandaraya menganggarkan perbelanjaan masing-masing sejumlah RM8.35 juta dan RM8.34 juta untuk melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan sampah. Jumlah anggaran bagi kedua tahun berkenaan tidak mempunyai perbezaan yang ketara, kecuali bagi pembelian kenderaan yang telah bertambah daripada RM250,000 pada tahun 2002 menjadi RM750,000 pada tahun 2003.

81.1.13 Pembersihan Kawasan Perkampungan Dan Penempatan Tidak Formal (Setinggan)

Kawasan perkampungan/setinggan yang didirikan di sepanjang pesisiran pantai atau sungai merupakan antara penyumbang terbesar kepada sampah yang mencemari laut dan sungai di Bandaraya Kota Kinabalu. Pada ketika ini, sejumlah 150 perkampungan dan penempatan setinggan telah didirikan di seluruh kawasan Kota Kinabalu. Oleh kerana sebahagian besar daripada kawasan ini berada di luar perkadaran, maka perkhidmatan mengutip sampah tidak diberikan oleh Bandaraya. Bagi menangani masalah kutipan sampah di kawasan ini, Bandaraya dengan bantuan DANCED telah memperkenalkan konsep Mikro Enterprise pada tahun 2000. Mikro

Enterprise adalah suatu perkhidmatan kutipan sampah yang dikendalikan oleh pekerja, pengusaha perniagaan kecil atau penduduk setempat untuk mengutip sampah dari rumah ke rumah dengan bayaran yang ditetapkan dengan kadar purata RM5 sebulan bagi setiap rumah.

Sebuah Jawatankuasa Penduduk Mikro Enterprise (Jawatankuasa) yang terdiri daripada penduduk kawasan terlibat perlu ditubuhkan mengikut kriteria dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bandaraya. Penubuhan Jawatankuasa juga perlu didaftarkan terlebih dahulu dengan Bandaraya. Jawatankuasa bertanggungjawab untuk melantik dan menyelia pekerja yang akan melaksanakan kerja mengutip sampah, seterusnya memastikan kawasan perumahan sentiasa berkeadaan bersih, teratur dan memberi keselesaan kepada penduduknya. Jawatankuasa juga menjadi saluran komunikasi utama antara Bandaraya dengan penduduk kawasan terlibat.

Pada pandangan Audit, pengurusan sampah di kawasan Kota Kinabalu telah dirancang dengan baik kerana mengambil kira keperluan peralatan, kenderaan, guna tenaga dan tapak pelupusan sampah. Selain itu, Bandaraya juga mempunyai satu Bahagian yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan sampah.

81.2 PELAKSANAAN

Semakan Audit terhadap pelaksanaan aktiviti pelupusan sampah yang diurus oleh Bandaraya mendapati perkara berikut:

81.2.1 Struktur Pengurusan/Pentadbiran

Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Bandaraya di bawah Jabatan Kesihatan Dan Perkhidmatan Bandar diwujudkan pada tahun 2001 setelah mengambil kira cadangan daripada SUDP.

Bahagian ini bertanggungjawab sepenuhnya mengendalikan pelbagai aktiviti berkaitan pengurusan sampah. Penubuhan Bahagian ini bertujuan untuk memantapkan fungsi dan peranan Bandaraya bagi menjaga kebersihan persekitaran, perkhidmatan asas dan kesihatan awam. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir (N41) dan dibantu oleh 5 unit terdiri daripada Unit Pemotongan Rumput Dan Pembersihan Parit, Unit Parit Komersial, Unit Penyapuan, Unit Pengutipan Sampah dan Unit Khas.

Selepas kontrak penswastaan ditamatkan, Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Bandaraya diberi tanggungjawab sepenuhnya untuk mengendalikan perkhidmatan pelupusan sampah di seluruh kawasan Kota Kinabalu. Pelaksanaan operasi pengutipan sampah dilaksanakan oleh Unit Pengutipan Sampah yang diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (N32). Unit ini turut dianggotai oleh seorang Pembantu Tadbir (N22), dua Pembantu Tadbir (N17), lima puluh tiga Pemandu (R3) dan 152 Pekerja Rendah Am (R1). Ketua Unit adalah bertanggungjawab untuk menyediakan jadual kerja bagi setiap pekerja/kumpulan pemungut sampah mengikut syif. Selain itu, jadual penggunaan lori kompaktor untuk mengangkat sampah turut dipertanggungjawabkan kepada Unit ini.

Pihak Audit berpendapat penubuhan Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Bandaraya mampu meningkatkan kecekapan pengurusan pelupusan sampah dengan lebih berkesan.

81.2.2 Penyenggaraan Tapak Pelupusan Sampah

Bandaraya telah melantik sebuah syarikat perunding tempatan untuk mereka bentuk dan menyelia projek pembinaan tapak pelupusan sampah Kayu Madang pada tahun 1996. Projek tersebut telah siap dilaksanakan pada tahun 1997. Pembinaan tapak pelupusan ini

dikelaskan kepada tahap 4 *(Level 4: Sanitary landfill with leachate treatment)*. Oleh itu, penyenggaraaan tapak pelupusan sampah tersebut perlu dilaksanakan menggunakan kaedah penimbusan *(landfill* atau *soil cover)* dan pemampatan pada setiap hari serta penyenggaraan *Oxidation Treatment Plant* bagi rawatan *leachate*. Laporan yang dikeluarkan oleh syarikat perunding turut menjangkakan hayat tapak pelupusan sampah Kayu Madang adalah sekitar 13 tahun iaitu sehingga tahun 2010 dengan syarat penyenggaraannya dilaksanakan dengan teratur.

Jabatan Kejuruteraan bertanggungjawab secara langsung terhadap penyenggaraan tapak pelupusan sampah tersebut. Lawatan Audit ke tapak pelupusan sampah mendapati kerja penimbusan dan pemampatan sampah telah dilaksanakan setiap hari. Tapak pelupusan sampah tersebut turut digunakan bersama oleh 3 Pihak Berkuasa Tempatan yang berhampiran iaitu Majlis Daerah Penampang, Majlis Daerah Kota Belud dan Majlis Daerah Tuaran serta orang awam dan Agensi Kerajaan yang lain. Mengikut rekod Bandaraya, jumlah sampah yang dilupuskan pada tahun 2002 adalah 117,744 tan metrik manakala pada tahun 2003, jumlah sampah yang dilupuskan adalah 67,063 tan metrik. Bagaimanapun, jumlah ini adalah tidak tepat kerana jambat timbang telah rosak pada bulan Januari 2003 hingga Julai 2003. Pihak pengurusan Bandaraya menjangkakan tapak pelupusan sampah tersebut hanya boleh digunakan sehingga tahun 2005. **Foto 24** menunjukkan keadaan tapak pelupusan sampah Kayu Madang pada ketika ini:

Foto 24
Keadaan Tapak Pelupusan Sampah Kayu Madang

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 7 Januari 2004 Jam 11.56 Pagi

Selain itu, kos penyenggaraan tapak pelupusan sampah hanya ditanggung oleh Bandaraya. Perbelanjaan penyenggaraan tapak pelupusan sampah bagi tempoh 4 tahun adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Peruntukan Dan Perbelanjaan Sebenar Penyenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Bagi Tahun 2000 Hingga 2003

Tahun	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan Sebenar (RM)
2000	1,000,000	450,190
2001	1,000,000	573,802
2002	600,000	675,438
2003	600,000	785,880

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Adalah didapati kos penyenggaraan tapak pelupusan sampah yang ditanggung oleh Bandaraya terus meningkat pada setiap tahun.

Pada pandangan Audit, kos penyenggaraan tapak pelupusan sampah sewajarnya dikongsi bersama pihak yang turut

menggunakan tapak pelupusan sampah tersebut mengikut peratusan berat sampah yang dibuang bagi mengurangkan bebanan kewangan yang ditanggung oleh Bandaraya.

81.2.3 Kenderaan/Peralatan

Bandaraya memerlukan kenderaan/peralatan baru bagi melicinkan operasi pengurusan sampah seperti berikut:

i) Lori Kompaktor

Berdasarkan kepada perancangan, Bandaraya perlu membeli 5 lori kompaktor baru antara tahun 2001 hingga 2003. Bagaimanapun, Bandaraya telah membeli 20 lori kompaktor baru (termasuk 2 unit yang dipesan pada tahun 2002) bagi menggantikan lori kompaktor yang telah rosak. Ini kerana semasa penamatan kontrak penswastaan, sebanyak 25 daripada 28 lori kompaktor yang digunakan oleh kontraktor didapati berkeadaan usang dan tidak boleh digunakan seperti **Foto 25**.

Foto 25
Keadaan Lori Kompaktor Semasa Kontrak Penswastaan Ditamatkan

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 7 Januari 2004

Pembelian 20 lori kompaktor dibiayai sendiri oleh Bandaraya dan telah mendapat kelulusan Jabatan Ketua Menteri untuk pengecualian tender. Lori kompaktor ini telah diterima secara berperingkat antara bulan April 2003 hingga bulan Januari 2004. Walaupun Bandaraya telah memperolehi 20 lori kompaktor baru, ia tidak mencukupi untuk menampung beban 300 tan sampah yang perlu dikutip setiap hari. Ini kerana sebuah lori sampah biasanya hanya boleh memuatkan semaksimum 5 tan sampah dan boleh digunakan untuk 2 syif dalam sehari. Keadaan ini menunjukkan Bandaraya memerlukan tambahan lori supaya dapat melaksanakan kutipan sampah dengan cekap dan berkesan.

a) Jadual Penggunaan Lori Kompaktor

Dengan penambahan lori kompaktor baru, penjadualan semula penggunaan kenderaan perlu dibuat selaras dengan jadual bertugas Pemandu dan Pekerja Rendah Am. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati jadual penggunaan lori kompaktor tidak disediakan selaras dengan penerimaan lori kompaktor secara berperingkat. Jadual yang disediakan hanyalah dalam bentuk draf tanpa menyelaraskan kawasan/lokasi pungutan yang perlu diliputi oleh setiap syif.

b) Penyenggaraan Lori Kompaktor

Unit Bengkel di Inanam bertanggungjawab terhadap penyenggaraan lori kompaktor. Pihak pengurusan bengkel telah menetapkan norma penyenggaraan lori kompaktor iaitu sekali sebulan atau apabila jarak/perbatuan perjalanan telah mencapai 5,000 km. Pihak bengkel telah menyediakan satu jadual penyenggaraan bagi mengawal penyenggaraan lori berkenaan. Semakan Audit mendapati penyenggaraannya

telah dilaksanakan dengan teratur mengikut jadual yang disediakan oleh Unit Bengkel.

ii) Tong Sampah

Pada tahun 2003, Bandaraya telah membeli 75 tong sampah komunal dan 1 *RORO Container* bagi tujuan penggantian dan penambahan kepada peralatan sedia ada. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pembelian tong sampah tidak dilaksanakan mengikut perancangan disebabkan oleh sekatan kewangan.

iii) Penggunaan Jentera Berat

Semakan Audit mendapati pada ketika ini, penggunaan jentera berat hanya disewa daripada sebuah syarikat kontraktor dengan bayaran berjumlah RM41,500 sebulan seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Penyewaan Jentera Berat Daripada Kontraktor

Bil.	Jentera	Sewa Bulanan (RM)
1.	1 unit *bulldozer*	12,500
2.	1 unit *excavator*	10,500
3.	1 unit 10 *ton dump truck*	8,500
4.	1 unit *vibratory roller*	10,000
Jumlah		**41,500**

Sumber : Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Jentera berat tersebut mula disewa daripada kontraktor sejak tahun 1997. Bagi tempoh tahun 1997 hingga pertengahan bulan Januari 2004, Bandaraya telah membayar sewa berjumlah RM3.43 juta. Bayaran sewa ini meliputi kos operasi, minyak, penyenggaraan jentera dan *back-up service*. Selain itu, kerja penimbusan dan pemampatan tapak pelupusan dilakukan oleh kontraktor yang bekerja 9 jam sehari termasuk hari Sabtu, Ahad dan cuti umum.

Pada pandangan Audit, bilangan lori kompaktor sedia ada masih tidak mencukupi. Bandaraya memerlukan penambahan sekurang-kurangnya 7 lori kompaktor untuk memastikan pungutan purata 300 tan sampah yang dibuang setiap hari dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

81.2.4 Guna Tenaga

Berdasarkan kepada Anggaran Belanjawan tahun 2003, hanya 132 jawatan Pekerja Rendah Am (R1) dan 25 jawatan Pemandu di Unit Pungutan Sampah yang diluluskan. Bagi menampung kekurangan kakitangan, Bandaraya telah memohon kepada Jabatan Pengurusan Sumber Manusia untuk menambah 116 kakitangan baru pada akhir bulan Julai 2003.

Semakan Audit mendapati pada bulan November 2003, Bandaraya telah melantik 69 pekerja baru secara sementara terdiri daripada 19 Pemandu dan 50 Pekerja Rendah Am (R1). Bandaraya juga telah mengambil semula 151 kakitangan yang dipinjamkan kepada kontraktor semasa penswastaan. Bagaimanapun, lima belas daripada kakitangan tersebut dipindahkan ke Unit lain. Dengan itu, Bandaraya memiliki 205 kakitangan terdiri daripada 53 Pemandu dan 152 Pekerja Rendah Am. Berdasarkan kepada perancangan, jumlah ini masih tidak mencukupi untuk melaksanakan kerja mengutip dan melupuskan sampah dengan berkesan. Bagaimanapun, jumlah kakitangan ini adalah mencukupi untuk ketika ini kerana Bandaraya hanya memiliki 20 lori kompaktor yang boleh digunakan dengan sepenuhnya.

Pada pandangan Audit, jumlah kakitangan pada ketika ini adalah mencukupi.

81.2.5 Penguatkuasaan

Penguatkuasaan *Anti Litter By Laws* dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Penguatkuasaan. Bahagian ini mempunyai 172 anggota terdiri daripada 94 Pegawai Penguat Kuasa, 6 Pemandu dan 72 pegawai lain. Jumlah ini masih kecil berbanding dengan jumlah penduduk dan keluasan kawasan Kota Kinabalu. Bagaimanapun, Pegawai Penguat Kuasa telah menjalankan penguatkuasaan dan mengeluarkan sejumlah 639 surat kompaun pada tahun 2003 berbanding 168 surat kompaun yang dikeluarkan pada tahun 2002. Butiran lengkap mengenainya adalah seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71
Kompaun Yang Dikenakan Pada Tahun 2002 Dan 2003

Tahun	Kompaun		
	Bilangan Dikeluarkan	Bilangan Dijelaskan	Jumlah (RM)
2002	168	96	4,120
2003	639	313	14,530

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Walaupun bilangan kompaun yang dikenakan semakin meningkat, namun penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram masih sukar untuk dikawal. Hal ini disebabkan oleh pihak pengurusan Bandaraya tidak menggalakkan Bahagian Penguatkuasaan melaksanakan kerja lebih masa kerana sumber kewangan yang terhad.

Pada pandangan Audit, aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan dengan baik walaupun bilangan Pegawai Penguat Kuasa masih tidak mencukupi.

81.2.6 Publisiti Kesedaran Awam

Pada tahun 2003, Bandaraya telah membelanjakan sejumlah RM48,558 iaitu 38% daripada jumlah peruntukan untuk melaksanakan pelbagai publisiti bagi meningkatkan kesedaran awam. Peratusan perbelanjaan yang rendah disebabkan Bandaraya turut menerima

tajaan daripada orang awam dan agensi swasta untuk pelaksanaan sesuatu aktiviti. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah larian cintai alam sekitar, pertandingan kampung terbersih, cabaran kebersihan, gotong-royong dan program kitar semula. Bagaimanapun, sambutan orang awam untuk menjayakan aktiviti ini masih kurang memuaskan terutamanya pelaksanaan program gotong-royong. Hal ini turut dilaporkan di akhbar tempatan.

Papan tanda mengenai larangan membuang sampah dan denda yang akan dikenakan juga ada dipasang di sekitar Kota Kinabalu. Bagaimanapun, orang awam masih tidak mengendahkan larangan tersebut, malahan turut bersikap berani melonggokkan sampah sarap berhampiran papan tanda tersebut. Ini dapat dilihat melalui **Foto 26**.

Foto 26
Sampah Sarap Dilonggokkan Berhampiran Papan Tanda Amaran Membuang Sampah

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 29 Januari 2004 Jam 9.34 Pagi

Sikap orang awam yang tidak menitikberatkan hal berkaitan kebersihan alam sekitar menyukarkan kakitangan Bandaraya untuk melaksanakan

tugas mereka dengan berkesan. Temu bual Audit dengan pihak pengurusan Bandaraya mendapati beberapa faktor yang mengganggu kutipan sampah dibuat dengan teratur adalah seperti berikut:

i) Sikap orang awam yang tidak membungkus sampah domestik sebelum meletakkannya ke dalam tong sampah;

ii) Sikap orang awam yang tidak meletakkan sampah ke dalam tong sampah yang disediakan, sebaliknya meletakkan sampah di luar/sekitar tong sampah atau rumah sampah;

iii) Tong sampah tidak disediakan oleh Jawatankuasa Perumahan, pemilik perumahan atau pemaju perumahan. Ini menyebabkan penduduk melonggokkan sampah di suatu tempat untuk dikutip oleh pekerja Bandaraya. Keadaan ini menyebabkan sampah mudah diselongkar oleh binatang;

iv) Tong sampah tidak diletakkan di bawah cerobong sampah bagi bangunan yang mempunyai cerobong sampah menyebabkan sampah bertaburan atau berlonggok di bawah cerobong berkenaan;

v) Tindakan pemungut bahan kitar semula yang suka menyelongkar tong sampah untuk mencari bahan kitar semula seperti tin aluminium; dan

vi) Sikap orang awam yang membuang sampah terus ke dalam sungai, parit dan lagun terutama penduduk yang tinggal di penempatan tidak formal (setinggan).

Pihak Audit berpendapat Bandaraya perlu mempergiatkan usaha yang berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai kebersihan alam sekitar melalui aktiviti yang dilaksanakan dari semasa ke semasa.

81.2.7 Prestasi Kutipan Sampah

Seperti yang dirancang, Bandaraya telah menetapkan 3 bulan sebagai tempoh pemulihan untuk memperbaiki kelemahan pengurusan sampah. Pada awal tempoh pemulihan, pengutipan sampah di seluruh Kota Kinabalu adalah tidak memuaskan. Adalah didapati banyak aduan awam yang dilaporkan melalui akhbar mengenai sampah sarap yang tidak dikutip. Berdasarkan kepada rekod aduan awam, sejumlah 359 aduan awam diterima semasa awal tempoh pemulihan iaitu antara pertengahan bulan November 2003 hingga pertengahan bulan Disember 2003. Hal ini berlaku disebabkan oleh kekurangan lori kompaktor dan keadaan lori kompaktor yang sering rosak menyebabkan pungutan tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual. Keadaan ini dapat dilihat melalui **Foto 27**.

Foto 27
Sampah Sarap Berlonggok Di Hadapan Rumah Sampah Kawasan Kedai Di Sembulan Lama

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 14 Januari 2004 Jam 9.12 Pagi

Bagaimanapun, pada pertengahan bulan Januari hingga Februari 2004, hanya 62 aduan awam diterima iaitu penurunan sebanyak 83%

pada akhir tempoh pemulihan. Aduan awam yang berkurangan menggambarkan orang awam semakin berpuas hati terhadap prestasi pengutipan sampah yang dilaksanakan oleh kakitangan Bandaraya selepas perkhidmatan tersebut diambil semula daripada kontraktor. Sementara itu, lawatan Audit ke kawasan perumahan dan komersil mendapati masih ada longgokan sampah sarap yang tidak dikutip. Ini dapat dilihat melalui **Foto 28**.

Foto 28
Taman Kemajuan, Likas

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 16 Februari 2004 Jam 9.52 Pagi

Bagaimanapun, ada kawasan perumahan yang berkeadaan bersih di mana sampah sarap telah dikutip dengan teratur. Ini dapat dilihat melalui **Foto 29**.

Foto 29
Taman Seri Baru, Menggatal

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh: 16 Februari 2004 Jam 10.45 Pagi

Melalui soal selidik yang dijalankan, adalah didapati 61% daripada 221 responden rumah kediaman menyatakan kutipan sampah dilakukan pada hari yang tidak menentu. Bagi peniaga di kawasan komersil, 71% daripada 100 responden pula menyatakan kutipan sampah ada dibuat setiap hari**.** Dari segi mutu kerja pembersihan, kebanyakan responden iaitu 74% bagi rumah kediaman dan 36% pemilik kedai tidak berpuas hati dengan kerja yang dilakukan di mana sampah sarap masih bertaburan di sekitar tong sampah dan tempat kutipan sampah. Butiran terperinci hasil soal selidik Audit adalah seperti di **Jadual 72**.

Jadual 72
Maklum Balas Responden Mengenai
Kualiti Kerja Pungutan Sampah

Bil	Mutu Perkhidmatan	Rumah Kediaman		Komersil	
		Jumlah Sampel	Peratus (%)	Jumlah Sampel	Peratus (%)
1	Memuaskan	58	26	64	64
2	Tidak Memuaskan	163	74	36	36
JUMLAH		**221**	**100**	**100**	**100**

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Pada pandangan Audit, prestasi kutipan sampah boleh dipertingkatkan sekiranya jadual kutipan sampah disediakan dengan lengkap dan teratur terutama bagi kawasan perumahan. Jadual kutipan sampah ini juga perlu dimaklumkan kepada penduduk di kawasan perumahan yang terlibat. Selain itu, kemudahan seperti kenderaan perlu dibekalkan dengan mencukupi mengikut perancangan iaitu sekurang-kurangnya 30 buah berbanding 20 yang boleh digunakan sepenuhnya.

81.2.8 Kitar Semula

Kajian yang dilaksanakan oleh Bandaraya dan DANCED mendapati bahawa 50% daripada bahan buangan harian terdiri daripada kertas, plastik, kaca dan tin aluminium yang boleh dikitar semula. Oleh itu, Bandaraya telah melaksanakan pelbagai program kitar semula untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung kepentingan kitar semula. Salah satu kaedah yang dilaksanakan ialah dengan memperkenalkan konsep 3R iaitu *reduce, reuse, and recycle*. Bandaraya juga telah bekerjasama dengan sebuah syarikat tempatan bagi menjayakan pelaksanaan aktiviti kitar semula. Melalui kerjasama ini, Bandaraya telah membenarkan syarikat tersebut untuk meletakkan tong sampah kitar semula di beberapa kawasan awam yang dipersetujui. Pelbagai risalah berhubung program kitar semula turut diedarkan kepada orang awam melalui sekolah, pusat pengajian tinggi, Jawatankuasa Perumahan dan Badan Bukan Kerajaan.

Pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga telah memberi sokongan kepada program ini dengan membekalkan 100 set tong kitar semula pada tahun 2000 dan 40 set lagi pada tahun 2002. Tong kitar semula tersebut telah diedarkan ke sekolah, pusat membeli belah, pasar raya, perumahan, pejabat Kerajaan dan stesen minyak. Jumlah bahan yang telah dikitar semula pada tahun 2002 dan 2003 adalah seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Jumlah Bahan Yang Dikitar Semula
Pada Tahun 2002 Dan 2003

Jenis Bahan Kitar Semula	Tahun (kg)	
	2002	2003
Kertas	181,668	56,395
Plastik	3,734	9,819
Kaca	2,021	3,571
Tin Aluminium	204	1,045
JUMLAH	**187,627**	**70,830**

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Secara keseluruhannya, jumlah bahan yang telah dikitar semula menurun iaitu daripada 187,627 kg pada tahun 2002 menjadi 70,830 kg pada tahun 2003. Penurunan ini disebabkan jumlah penerimaan kertas untuk kitar semula menurun pada tahun 2003. Bagaimanapun, jumlah bahan kitar semula seperti kaca, plastik dan tin aluminium meningkat pada tahun 2003.

Pada pandangan Audit, usaha perlu ditingkatkan untuk menarik minat orang awam supaya menyertai aktiviti kitar semula, termasuklah dengan meletakkan lebih banyak tong sampah kitar semula di tempat awam seperti di pasar raya, pejabat Kerajaan, sekolah dan kawasan perumahan.

81.2.9 Pengawasan Oleh Pihak Pengurusan

Pihak Audit dimaklumkan bahawa Pengawas Kebersihan ada membuat pemeriksaan terhadap aktiviti pengutipan sampah setiap hari. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada laporan mengenai prestasi kebersihan kawasan yang diperiksa disediakan oleh Pengawas Kebersihan. Pengawas Kebersihan hanya memeriksa kehadiran kakitangan yang sepatutnya melaksanakan kerja pengutipan sampah dan mencatatkannya ke dalam *check roll*.

Pada pandangan Audit, satu rekod pemeriksaan perlu diselenggara oleh Pengawas Kebersihan.

81.2.10 Prestasi Perbelanjaan

Pada tahun 2003, Bandaraya telah berbelanja sejumlah RM7.56 juta berbanding RM7.09 juta pada tahun 2002. Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan oleh pembelian kenderaan yang meningkat daripada RM136,860 pada tahun 2002 menjadi RM899,418 pada tahun 2003. Peningkatan tersebut turut disumbangkan oleh peningkatan pembayaran gaji dan elaun kakitangan Unit Pengutipan Sampah yang meningkat daripada RM10,364 pada tahun 2002 menjadi RM450,752 pada tahun 2003. Selain itu, Bandaraya tiada membuat pembayaran tunggakan penswastaan pelupusan sampah pada tahun 2003 berbanding jumlah yang telah dibelanjakan pada tahun 2002 iaitu RM897,687.

81.2.11 Pembersihan Kawasan Perkampungan Dan Penempatan Tidak Formal (Setinggan)

i) Pelaksanaan Mikro Enterprise

Sehingga tahun 2003, sembilan Jawatankuasa Pelaksana Mikro Enterprise (Jawatankuasa) telah ditubuhkan dan berdaftar dengan Bandaraya. Bagaimanapun, sehingga awal bulan Januari 2004, hanya 3 daripada 9 Jawatankuasa tersebut masih aktif. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 74**.

Jadual 74
Kedudukan Jawatankuasa Pada Bulan Januari 2004

Bil.	Kawasan	Status Semasa
1.	Kampung Cenderamata II	Aktif
2.	Kampung Bakau I	Tidak aktif
3.	Kampung Bakau II	Tidak aktif
4.	Kampung Sembulan	Tidak aktif
5.	Kampung Kopungit	Aktif
6.	Kampung Warisan	Aktif
7.	Kampung Cempaka Baru	Tidak aktif sejak ditubuhkan
8.	Kampung Cenderamata I	Tidak aktif sejak ditubuhkan
9.	Kampung Nelayan/Jawa	Tidak aktif sejak ditubuhkan

Sumber: Rekod Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Semakan Audit seterusnya mendapati kegagalan pelaksanaan Mikro Enterprise berpunca daripada sikap penduduk kampung yang enggan bekerjasama terutama dari segi pembayaran yuran bulanan yang ditetapkan.

ii) Pembersihan Kawasan Lagun Sembulan

Lagun Sembulan merupakan salah satu kawasan yang perlu diberi perhatian oleh pihak Bandaraya kerana kedudukannya yang strategik iaitu berhampiran dengan pusat bandar dan berhadapan dengan sebuah hotel yang sering menjadi kunjungan para pelancong serta berhampiran jalan masuk ke Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Bagaimanapun, kawasan ini merupakan kawasan paling kotor di mana sampah sarap sering kelihatan terapung-apung di tepi Lagun. Hal ini berlaku disebabkan oleh sikap penduduk yang membuang sampah terus ke dalam kawasan lagun tanpa memikirkan kesan daripada perbuatan mereka walaupun pihak Bandaraya telah menyediakan tong sampah komunal yang diletakkan di kawasan darat. **Foto 30** menunjukkan keadaan Lagun Sembulan pada ketika ini.

Foto 30
Keadaan Lagun Sembulan Dipenuhi Sampah Sarap

Sumber: Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 28 Januari 2004 Jam 12.37 Tengah Hari

Pihak Audit berpendapat Kerajaan Negeri perlu mengambil tindakan untuk memindahkan penduduk setinggan di Lagun Sembulan ke penempatan baru.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan pengurusan sampah masih tidak memuaskan dan perlu dipertingkatkan lagi terutama bagi pengurusan kutipan sampah di kawasan perumahan dan Lagun Sembulan. Pihak Bandaraya juga perlu meningkatkan kempen kesedaran awam dan kitar semula. Selain itu, tindakan penguatkuasaan juga perlu dipertingkatkan.

81.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berkesan adalah penting bagi menentukan pengurusan sampah dapat dilaksanakan mengikut perancangan. Melalui pemantauan yang berterusan, tindakan segera boleh diambil terhadap masalah yang timbul dari semasa ke semasa. Semakan Audit mendapati pemantauan terhadap

kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan kerja pembersihan ada dilaksanakan oleh pihak pengurusan di mana tanggungjawab ini diletakkan kepada Ketua Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Bandaraya dan Ketua Unit Pengutipan Sampah. Sebarang masalah atau kesulitan yang berlaku akan disalurkan segera kepada Ketua Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal Dan Perkhidmatan Bandaraya supaya tindakan segera diambil untuk mengatasi masalah tersebut. Pemantauan ini dilaksanakan melalui mesyuarat mingguan pihak pengurusan yang diadakan pada setiap minggu.

Pada pandangan Audit, pemantauan terhadap pengurusan sampah masih perlu dipertingkatkan. Pihak pengurusan perlu membuat pemantauan terhadap penyediaan jadual kerja kakitangan yang terlibat dengan pungutan sampah supaya kerja pengutipan sampah dapat dibuat dengan lebih sistematik.

82. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, keberkesanan pelaksanaan perkhidmatan pengutipan sampah oleh Bandaraya masih belum mencapai matlamatnya untuk meningkatkan keselesaan dan kebersihan di kawasan Bandaraya Kota Kinabalu. Ini disebabkan oleh kekurangan lori kompaktor yang merupakan komponen utama perkhidmatan tersebut. Selaras dengan pertambahan penduduk dan pertumbuhan pembangunan, Bandaraya memerlukan 30 buah lori kompaktor untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan pengutipan sampah. Namun demikian, disebabkan masalah kewangan, Bandaraya hanya mampu memperolehi 20 lori kompaktor bagi menggantikan semua 28 lori kompaktor yang telah rosak. Selain itu, tahap kesedaran atau kerjasama orang awam untuk menjaga kebersihan yang kurang memuaskan juga menjadi penghalang utama pihak Bandaraya mencapai matlamat tersebut.

Bagi memperbaiki pengurusan perkhidmatan pengutipan sampah, Bandaraya perlu mengambil perhatian terhadap keperluan penambahan lori kompaktor selaras dengan pertumbuhan pembangunan dan pertambahan penduduk. Selain itu, pihak Bandaraya perlu mempergiatkan aktiviti/program kesedaran awam bagi meningkatkan tahap kepekaan dan kerjasama awam terhadap kepentingan penjagaan kebersihan.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

PENGGUNAAN GERAN MODAL DAN GERAN KHAS OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN DI SABAH

83. LATAR BELAKANG

Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan (Kementerian) bertanggungjawab mengkoordinasi penyediaan dan penguatkuasaan Undang-undang Kecil oleh 21 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Sabah berdasarkan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Sabah No. 11 Tahun 1961). Manakala Mayor Bandaraya Kota Kinabalu ditadbir oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah. Mengikut Undang-undang Kecil dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, antara fungsi PBT adalah merancang pembangunan kawasan bandar dan luar bandar, menjaga kebersihan serta menyediakan kemudahan dan perkhidmatan asas di kawasan perkadarannya. Selain itu, PBT juga mengenakan dan memungut ses serta cukai atas harta benda, bayaran atas penggunaan aset PBT dan lesen daripada berbagai perniagaan untuk membiayai operasinya.

Bagi projek pembangunan, Seksyen 57, Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 memperuntukkan supaya Kerajaan Negeri melalui Kementerian membayar kepada PBT setiap tahun bagi perkara berikut:

i) Kos pembinaan, pembinaan semula atau penyenggaraan jalan raya awam yang diambil alih oleh PBT daripada Kerajaan Negeri. Jumlah pembayaran bagi tujuan ini hendaklah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

ii) Kos pembinaan, pembinaan semula atau penyenggaraan jalan raya yang bukan tanggungjawab PBT tetapi diluluskan oleh Menteri.

iii) Perbelanjaan yang dibuat oleh PBT bagi melaksanakan projek yang bertujuan untuk meningkatkan kesihatan awam. Pembayaran bagi tujuan ini hendaklah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

Pemberian geran modal dan geran khas adalah untuk melaksanakan projek dan pemilikan harta modal yang tidak dapat dibiayai oleh PBT dan perlu diberi geran setiap tahun. Pada tahun 2001 hingga 2003, geran modal dan geran khas mengikut Anggaran Tahunan PBT adalah untuk maksud seperti penyenggaraan, pembaikan dan menaik taraf jalan raya, parit, kawasan tamu, tempat pembuangan sampah, taman rekreasi dan kemudahan awam, pembelian aset tetap, pembinaan dan pembaikan sistem saluran najis, titian umum dan lampu jalan raya serta pembinaan bangunan seperti pasar dan dewan masyarakat. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, sejumlah RM43.66 juta telah diagihkan kepada 21 PBT melalui Kementerian pada tahun 2001 hingga 2003 bagi maksud perbelanjaan modal dan khas.

84. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menentukan sama ada geran modal dan geran khas telah digunakan secara teratur dan projek dirancang dan dilaksana dengan cekap dan berkesan supaya dapat memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

85. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek yang dijalankan oleh Majlis Daerah. Pengauditan dilakukan terhadap fail projek, dokumen perjanjian, minit mesyuarat, rekod kewangan dan laporan berkaitan. Temu bual dengan pegawai di Kementerian dan Majlis Daerah yang terlibat juga telah dijalankan. Tiga Majlis Daerah telah dipilih untuk auditan berdasarkan jumlah agihan geran yang tertinggi pada tahun 2001 hingga 2003 iaitu Majlis Daerah Papar, Majlis Daerah Beaufort dan Majlis Daerah Keningau. Sebanyak 25 projek bernilai RM13.61 juta telah dipilih untuk pengauditan. Selain itu, lawatan ke tapak projek yang dipilih juga dijalankan. Perbandingan pengagihan geran sebenar kepada PBT oleh Kementerian dengan Anggaran Tahunan PBT juga dibuat.

86. PENEMUAN AUDIT

86.1 PERANCANGAN

Perancangan adalah penting bagi menentukan sesuatu aktiviti dapat dilaksanakan dengan lancar dan mencapai objektif. Semakan Audit terhadap aspek perancangan mendapati:

86.1.1 Dasar Geran Modal Dan Geran Khas

Geran modal diberi kepada PBT bagi membiayai kos pembinaan, pembinaan semula atau penyenggaraan jalan raya awam dan berbagai projek sambungan RMK7 dan projek baru yang diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk dilaksanakan semasa RMK8. Manakala geran khas adalah bertujuan menampung perbelanjaan secara *ad hoc* yang tidak dapat dibiayai oleh PBT. Keperluan geran khas ini adalah berasaskan keadaan mendesak, projek dan harta modal yang diberi keutamaan dan memberi impak yang ketara kepada kumpulan sasaran. Tujuan pelaksanaan projek dan perolehan harta modal adalah bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat tempatan sejajar dengan dasar Kerajaan. Pihak Kementerian berperanan sebagai Pegawai Pengawal, manakala PBT bertindak sebagai agensi pelaksana projek.

i) Tanggungjawab Kementerian

Tanggungjawab Kementerian berkaitan pemberian geran modal dan geran khas kepada PBT adalah seperti berikut:

a) menentukan keutamaan senarai projek serta kosnya yang dipohon oleh PBT dan menyediakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan untuk pertimbangan Kementerian Kewangan Sabah;

b) mengemukakan senarai projek pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk kelulusan;

c) mendapatkan peruntukan yang mencukupi daripada Kerajaan Negeri, mengagihkan peruntukan kepada PBT setelah mendapat kelulusan Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan dan membayar kepada PBT kos projek yang telah siap dilaksanakan atau mengikut kemajuan fizikal;

d) membantu PBT menyediakan pelan bangunan dan menyelia pelaksanaan projek bernilai RM1 juta ke bawah sekiranya PBT tidak mempunyai Pembantu Teknik dan Jurutera;

e) membantu PBT mendapatkan kelulusan pelantikan kontraktor daripada Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan atau Kementerian Kewangan Sabah mengikut had nilai perolehan dan juga kelulusan pelantikan juruperunding daripada Kementerian Kewangan Sabah; dan

f) memantau pelaksanaan dan operasi projek.

ii) Tanggungjawab PBT

Antara peranan PBT terhadap penggunaan geran modal dan geran khas adalah seperti berikut:

a) mengenal pasti dan memastikan projek dimanfaatkan oleh masyarakat umum;

b) mengemukakan cadangan projek kepada Kementerian, menyediakan dokumen sebut harga dan tender serta mempelawa sebut harga dan tender untuk mendapatkan kos yang kompetitif;

c) menyediakan perjanjian kontrak dan menyelia pelaksanaan projek;

d) memastikan projek disiapkan mengikut jadual, menepati spesifikasi kontrak dan bayaran dibuat mengikut kemajuan fizikal;

e) memastikan projek mencapai objektif serta memberi manfaat kepada kumpulan sasaran; dan

f) menyenggara dan menjaga keselamatan harta modal.

86.1.2 Perancangan Projek Secara Menyeluruh

Pada bulan Mei dan Jun setiap tahun, Kementerian akan mengeluarkan surat kepada semua PBT memaklumkan prosedur yang perlu diikuti semasa menyediakan dan mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan yang hendak dilaksanakan oleh PBT pada tahun berikutnya. Senarai projek serta kosnya akan dibincang semasa mesyuarat yang diadakan antara PBT dan Kementerian. Selepas semakan dan pindaan dibuat terhadap senarai projek yang dipohon, Kementerian akan menyediakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Perbekalan dan mengemukakannya kepada Kementerian Kewangan Sabah untuk kelulusan. Senarai projek yang dipohon oleh PBT dan Anggaran Pembangunan Dan Perbekalan yang dikemukakan oleh Kementerian untuk diluluskan oleh Kementerian Kewangan Sabah di bawah 6 pecahan kepala perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 75**.

Jadual 75
Senarai Projek Dipohon Oleh PBT Dan Cadangan Anggaran Pembangunan Dan Perbekalan Bagi Tahun 2002 Dan 2003

Tahun	Projek	Projek Dipohon Oleh PBT			Cadangan Anggaran Oleh Kementerian		
		Bil. PBT	Bil. Projek	RM	Bil. PBT	Bil. Projek	RM
2002	Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	21	50	7,990,793	*	*	3,000,000
	Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital	15	72	25,542,770	3	4	5,635,110
	Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	20	202	23,611,552	21	116	17,400,000
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	18	66	3,555,900	11	11	1,650,000
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	20	59	6,854,592	21	21	6,360,000
	Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	20	88	7,227,233	21	21	4,600,000
Jumlah				**74,782,840**			**38,645,110**
2003	Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	16	30	6,285,626	*	*	1,000,000
	Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital	15	86	35,596,070	5	5	4,300,000
	Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	21	126	19,936,659	21	36	5,799,980
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	13	48	1,936,800	*	*	*
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	20	71	36,936,560	*	*	*
	Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	14	61	8,615,675	*	*	*
Jumlah				**109,307,390**			**11,099,980**

Sumber: Rekod Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan
*Nota: * Bilangan PBT, bilangan projek atau jumlah tidak dinyatakan*

86.1.3 Rancangan Pengagihan Projek Kepada PBT

Mengikut Seksyen 62 Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, PBT perlu menyediakan Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan untuk pertimbangan oleh Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Pihak Kementerian akan menyemak semua butiran berkaitan projek serta anggaran kos

yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan Sabah sebelum dihantar untuk kelulusan Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Berdasarkan Anggaran PBT bagi tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 405 projek dengan anggaran perbelanjaan modal dan geran khas berjumlah RM50.49 juta dihantar untuk kelulusan Menteri seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76
Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Dan Khas PBT

Tahun	Bilangan PBT	Bilangan Projek Untuk Kelulusan	Anggaran Perbelanjaan Modal Dan Khas (RM)
2001	21	220	28,989,580
2002	11	115	12,621,538
2003	10	70	8,873,979
Jumlah		**405**	**50,485,097**

Sumber: Anggaran Tahunan PBT

86.1.4 Lokasi Projek

Bagi menentukan kesesuaian tapak dan lokasi projek, PBT perlu membuat kajian dan lawatan ke tapak projek terlebih dahulu. PBT juga perlu mengadakan perbincangan dengan Penolong Pemungut Hasil Tanah bagi projek yang melibatkan pengambilan tanah dan bayaran pampasan. Selain itu, perjumpaan dengan masyarakat setempat dan pihak Kementerian juga perlu dijalankan untuk mendapatkan pandangan mengenai kesesuaian lokasi projek. Temu bual Audit dengan pegawai di PBT dan semakan ke atas rekod PBT mendapati tapak dan projek yang akan dipilih adalah berdasarkan kepada permintaan penduduk atau pemimpin tempatan dan aduan orang awam.

86.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Sebelum pelaksanaan projek, PBT perlu menyediakan spesifikasi projek seperti pelan reka bentuk, dokumen tender atau sebut harga dan anggaran kos projek. Tender/sebut harga akan dipanggil untuk

mendapat kontraktor yang berupaya dengan tawaran kos yang kompetitif setelah Kementerian memaklumkan peruntukan kewangan dan projek telah diluluskan oleh Menteri. PBT dikehendaki mematuhi Surat Pekeliling Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan Bil. 1/1991 mengenai projek yang dibiayai dengan geran Kerajaan Negeri. Tatacara tawaran tersebut menetapkan perolehan tidak melebihi RM10,000 dibuat melalui pengeluaran Pesanan Pembelian Tempatan dan Perintah Kerja Am.

Bagi perolehan melebihi RM10,000 hingga RM50,000, sebut harga hendaklah dipanggil dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Sebut Harga PBT. Perolehan melebihi RM50,000 hingga RM100,000 dibuat melalui tender dan dipertimbangkan oleh Lembaga Tawaran Daerah. Semua perolehan bernilai RM100,000 ke bawah yang dibuat oleh PBT dan dibiayai dengan geran Kerajaan Negeri hendaklah mendapatkan kelulusan Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Bagi perolehan melebihi RM100,000 hingga RM500,000, ianya dikendalikan dan diputuskan oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Manakala tawaran bernilai RM500,000 dan ke atas dipertimbangkan oleh Lembaga Tawaran Negeri selaras dengan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 1995.

Selain itu, Kementerian Kewangan Sabah memberi pertimbangan semua tawaran terus yang dikecualikan daripada peraturan tawaran biasa mengikut Surat Kementerian Kewangan Bil. F.124/1/1 pt.VII/68 bertarikh 16 September 1981. Daripada 25 projek yang dipilih untuk diaudit, dua puluh projek telah dirancang untuk dilaksanakan menerusi sebut harga, dua projek melalui tender terbuka dan 3 projek dirancang untuk ditawarkan terus kepada kontraktor setelah mendapat pengecualian tatacara tender daripada Kementerian Kewangan Sabah.

86.1.6 Proses Permohonan Dan Pengambilan Balik Tanah

PBT dikehendaki memohon tanah Kerajaan Negeri untuk pelaksanaan projek pembinaan. Namun PBT tidak diwajibkan memohon tanah bagi kerja pembinaan dan penyenggaraan jalan raya di tanah Kerajaan. Borang permohonan yang lengkap diisi dikemukakan kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah yang seterusnya mengemukakannya kepada Jabatan Tanah Dan Ukur untuk tujuan penyediaan pelan pengukuran. Bagi pengambilan balik tanah swasta, Jabatan Tanah Dan Ukur akan membuat penilaian dan menetapkan bayaran pampasan tanah manakala Setiausaha Hasil Bumi menyiarkan pemberitahuan pengambilan balik tanah dalam Warta Kerajaan. Setelah pampasan tanah ditetapkan, Jabatan Tanah Dan Ukur akan memaklumkan kepada PBT tentang jumlahnya. PBT akan menggunakan geran yang diterima daripada Kementerian untuk menyelesaikan tuntutan pampasan tanah.

86.1.7 Pengawasan Oleh Agensi Pelaksana

PBT sebagai agensi pelaksana merancang kerja dan penyeliaan terhadap semua kerja kontrak dan sebut harga. Bagaimanapun ia bergantung kepada tenaga kerja yang ada dan harga kontrak. Sekiranya PBT tidak mempunyai Pembantu Teknik dan Jurutera, PBT akan meminta bantuan Kementerian dari segi penyediaan dokumen tender dan penyeliaan kerja pembinaan. Bagi projek bernilai melebihi RM1 juta, ianya akan direka bentuk dan diselia oleh juruperunding yang dilantik.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat perancangan projek yang akan dilaksanakan oleh PBT telah dibuat dengan teratur.

86.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan mengikut perancangan adalah penting bagi memastikan objektif dapat dicapai. Semakan Audit mendapati:

86.2.1 Peruntukan Kewangan

Adalah didapati Unit Perancang Ekonomi Negeri meluluskan peruntukan berjumlah RM20 juta untuk projek Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan dan Jalan Raya Lain dan RM36.61 juta untuk 26 projek Pemberian Geran Modal kepada Kuasa-kuasa Tempatan untuk Penyelenggaraan Jalan Raya dan Lain-lain Perbelanjaan Modal seperti di **Jadual 77**.

Jadual 77
Peruntukan Pembangunan Bagi Tempoh RMK8

Projek	Siling RMK8 Diluluskan			
	RM Juta	Bilangan PBT	Bilangan Projek	Jumlah (RM)
Pengambilalihan Jalan Raya Perumahan Dan Jalan Raya Lain	20.00	Pelbagai	-	20,000,000
Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital.	36.61		Sambungan RMK7	
		4	4 Dewan Serbaguna	15,620,670
		2	2 Pasar	3,500,000
			Projek Baru RMK8	
		4	6 Dewan Serbaguna	3,550,000
		4	5 Pasar	7,240,000
		4	4 Tapak dan Gerai Tamu	1,600,000
		4	4 Penyediaan Tapak Pelupusan Sampah	5,000,000
		1	1 Terminal Bas	100,000
Jumlah	**56.61**		**26**	**56,610,670**

Sumber: Rekod Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

Bagi tahun 2001 hingga 2003, sebanyak 6 projek baru dan 3 projek sambungan daripada RMK7 telah dirancang dan diluluskan melibatkan Anggaran Pembangunan disemak berjumlah RM16.22 juta. Bagi projek Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan dan Jalan Raya

Lain, sejumlah 67 projek telah diluluskan dengan Anggaran Pembangunan disemak berjumlah RM5.21 juta.

86.2.2 Pengagihan Peruntukan

Bagi tahun 2001 hingga 2003, pengagihan peruntukan pembangunan dan perbekalan berjumlah RM51.16 juta telah diluluskan oleh Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan kepada PBT di seluruh Sabah seperti di **Jadual 78**.

Jadual 78
Pengagihan Peruntukan Diluluskan Oleh Menteri

Projek	Pengagihan Peruntukan Diluluskan								
	2001			2002			2003		
	Bil. PBT	Bil. Projek	RM	Bil. PBT	Bil. Projek	RM	Bil. PBT	Bil. Projek	RM
Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	21	*	3,000,000	8	*	1,210,287	2	*	550,000
Pemberitan Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital.	9	13	7,180,670	3	3	3,955,100	5	5	4,300,000
Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	21	151	14,000,000	19	45	5,500,000	16	25	4,299,980
Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	12	18	500,000	9	9	500,000	-	-	-
Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	17	24	3,000,000	6	6	520,000	9	14	1,500,000
Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	18	22	1,000,000	2	4	150,000	-	-	-
Jumlah			**28,680,670**			**11,835,387**			**10,649,980**

Sumber: Rekod Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan

*Nota: * Bilangan projek tidak dinyatakan*

86.2.3 Prestasi Perbelanjaan

Pada tahun 2001 hingga 2003, jumlah peruntukan disemak adalah RM55.87 juta iaitu RM34.44 juta bagi 4 komponen perbelanjaan khas dan RM21.43 juta bagi 2 komponen perbelanjaan pembangunan di bawah kawalan Kementerian. Manakala bagi tempoh yang sama, perbelanjaan sebenar atau geran sebenar diagihkan kepada PBT adalah berjumlah RM30.69 juta bagi perbelanjaan khas dan RM12.97 juta bagi perbelanjaan pembangunan. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pembangunan dan khas bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah seperti di **Jadual 79**.

Jadual 79
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Dan Khas
Bagi Tahun 2001 Hingga 2003

Tahun	Projek	Peruntukan Disemak (RM)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember (RM)	Peratus (%)
2001	Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	3,000,000	2,194,606	73.15
	Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital	7,180,720	2,689,897	37.45
	Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	12,811,720	10,697,288	83.50
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	500,000	438,458	87.69
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	3,000,000	2,827,964	94.26
	Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	1,000,000	816,301	81.63
Jumlah		**27,492,440**	**19,664,514**	**71.52**
2002	Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	1,210,287	1,070,336	88.43
	Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital	4,744,813	4,025,917	84.84
	Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	8,465,000	7,637,321	90.22
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	50,000	47,850	95.70
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	350,000	346,568	99.01
	Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	150,000	98,378	65.58
Jumlah		**14,970,100**	**13,226,370**	**88.35**
2003	Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan Dan Jalan Raya Lain	1,000,000	557,195	55.71
	Pemberian Kapital Kepada Kuasa-kuasa Tempatan Untuk Penyelenggaraan Jalan Raya Dan Lain-lain Perbelanjaan Kapital	4,300,000	2,437,523	56.68
	Pemberian Kepada Kuasa-kuasa Tempatan	6,310,000	6,033,753	95.62
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Titian Umum	10	-	0.00
	Pemberian Untuk Pembinaan, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Sistem Saluran Bandar Dan Saluran Najis Kecil	1,800,000	1,745,386	96.96
	Pemberian Untuk Pembaikan Dan Penyelenggaraan Taman Dan Kemudahan Awam Lain	10	-	0.00
Jumlah		**13,410,020**	**10,773,857**	**80.34**

Sumber: Rekod Bendahari Negeri

Mengikut Laporan Status Pencapaian Kewangan RMK8 yang disediakan oleh Kementerian, sebanyak 6 projek baru dan 3 projek sambungan RMK7 telah siap dilaksanakan dan satu projek sedang dilaksanakan pada tahun 2001 hingga November 2003 melibatkan perbelanjaan modal berjumlah RM9.15 juta. Manakala 66 projek bagi Pengambilalihan Jalan Raya Kawasan Perumahan dan Jalan Raya Lain telah siap dilaksanakan melibatkan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM3.82 juta. Pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah projek yang diluluskan bagi perbelanjaan khas berjumlah RM30.69 juta kerana maklumat yang diperolehi daripada Kementerian dan PBT adalah kurang lengkap.

Pada pandangan Audit, pencapaian bagi perbelanjaan khas bagi tahun 2001 hingga 2003 adalah memuaskan di mana peratus perbelanjaan adalah antara 66% hingga 99%. Bagaimanapun, pencapaian bagi perbelanjaan pembangunan masih tidak memuaskan iaitu antara 37% hingga 88%. Selain itu, Kementerian perlu memastikan rekod mengenai projek khas yang diluluskan diselenggara dengan kemas kini bagi memudahkan pemantauan terhadap pelaksanaan projek tersebut.

86.2.4 Spesifikasi Projek

Spesifikasi projek seperti pelan lokasi projek, *bill of quantities* dan pelan reka bentuk perlu disediakan dengan lengkap dan disimpan dalam fail projek di pejabat PBT untuk memudahkan rujukan dan melicinkan kerja pelaksanaan dan perolehan. Pemeriksaan Audit terhadap 5 kontrak dan 20 sebut harga bagi kerja pembinaan, penyenggaraan dan perolehan mendapati 9 daripada 15 sebut harga bagi kerja pembinaan dan penyenggaraan di pejabat Majlis Daerah Keningau tidak mempunyai pelan lokasi projek. Bagaimanapun, spesifikasi projek bagi 5 kontrak dan 5 sebut harga telah disediakan dengan lengkap.

Pada pandangan Audit, pelan lokasi projek perlu disimpan di fail sebut harga untuk mengelakkan kekeliruan dan pertindihan dengan projek yang dilaksanakan oleh lain-lain Agensi Kerajaan serta memastikan tidak berlakunya tuntutan dibuat 2 kali atas projek yang sama.

86.2.5 Pelantikan Kontraktor

Pelaksanaan projek yang dibiayai dengan geran Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada peraturan Kerajaan Negeri yang berkuat kuasa. Semakan Audit terhadap 25 projek yang dipilih mendapati 20 projek bernilai RM952,774 telah dilaksanakan melalui sebut harga dan 2 projek bernilai RM6.66 juta telah dilaksanakan melalui tender terbuka. Manakala 3 projek lagi bernilai RM6 juta telah dilaksanakan secara tawaran terus kepada kontraktor setelah mendapat kelulusan pengecualian daripada tatacara tender biasa dari Kementerian Kewangan. Semakan Audit selanjutnya mendapati semua sebut harga di bawah RM50,000 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Majlis dan tender terbuka bernilai RM100,000 hingga RM500,000 telah dikendali dan diputuskan oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan. Bagi tender bernilai lebih RM500,000, ia telah dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Tawaran Negeri, selaras dengan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 2 Tahun 1995.

Pada pandangan Audit, proses pemilihan kontraktor adalah mematuhi peraturan dan harga yang dipersetujui adalah berpatutan.

86.2.6 Perjanjian Kontrak

Dokumen kontrak perlu diselenggarakan dengan lengkap dan jelas bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Antara syarat kontrak yang perlu dipatuhi ialah kontraktor dikehendaki mengambil Insurans Pampasan

Pekerja dan Insurans Tanggungan Awam serta jaminan bank atau wang cagaran sebagai *security deposit* bersamaan 5% daripada harga kontrak. Selain itu, kerja perlu dilaksanakan mengikut spesifikasi dan pembinaan perlu dimula dan disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit terhadap 5 perjanjian kontrak pembinaan mendapati dokumen tersebut telah disediakan dengan lengkap, surat perjanjian kontrak telah ditandatangani, tarikh pengambilalihan tapak dan tarikh siap projek telah ditetapkan, kadar denda kelewatan menyiapkan projek telah dinyatakan dan salinan insurans serta jaminan bank juga diperolehi. Selain itu, semua perjanjian kontrak tersebut telah dikemukakan kepada Pegawai Undang-undang di Kementerian Kerajaan Tempatan Dan Perumahan untuk disemak. Majlis juga telah memperolehi kelulusan daripada Menteri Kerajaan Tempatan Dan Perumahan untuk menandatangani perjanjian kontrak selaras dengan kehendak Seksyen 37, Ordinan Kerajaan Tempatan (Sabah No. 11 Tahun 1961).

Pada pandangan Audit, perjanjian kontrak telah dilaksanakan dengan teratur dan memuaskan bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

86.2.7 Proses Permohonan Dan Pengambilan Balik Tanah

Daripada 25 projek yang dilawati, semakan Audit mendapati 2 projek melibatkan pengambilan balik tanah individu. Adalah didapati proses pengambilan balik tanah mengambil masa 13 bulan bagi projek Dewan Masyarakat Kg. Kawang dan 3 tahun untuk projek Dewan Masyarakat Papar. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek Dewan Masyarakat Kg. Kawang tidak dilaksanakan pada tahun 1998 walaupun tarikh kebenaran memasuki tapak seluas 0.22 hektar telah diberikan oleh Jabatan Tanah Dan Ukur pada bulan Oktober 1996 dan peruntukan RM300,000 telah diluluskan pada tahun 1998. Projek ini lewat dimulakan kerana terdapat cadangan untuk menambah kapasiti

Dewan Masyarakat daripada 300 orang menjadi 500 orang. Cadangan ini melibatkan pengambilan tanah yang lebih luas dan kos tambahan bagi pengambilan tanah dan masa tambahan untuk penyediaan semula pelan bangunan. Walau bagaimanapun, projek ini dilaksanakan mengikut rancangan asalnya dan pembinaan Dewan Masyarakat bermula pada tahun 2000.

Pada pandangan Audit, proses permohonan dan pengambilan balik tanah telah dilaksanakan dengan teratur kecuali satu kes di mana berlaku kelewatan oleh kerana ketidaktentuan pemilihan tapak.

86.2.8 Prestasi/Pencapaian Fizikal

Hasil semakan dan lawatan Audit terhadap 25 projek yang dilaksanakan oleh 3 Majlis Daerah adalah seperti berikut:

i) Majlis Daerah Keningau

Pada tahun 2001 hingga 2003, Kementerian telah meluluskan sebanyak 100 projek yang dibiayai dengan geran berjumlah RM4.79 juta kepada Majlis Daerah Keningau. Sebanyak 99 projek dilaksanakan melalui sebut harga manakala 1 projek melalui tender. Sebanyak 19 projek bernilai RM932,774 telah dipilih untuk tujuan pengauditan. Senarai projek yang disemak dan dilawati adalah seperti di **Jadual 80**.

Jadual 80
Senarai Projek Yang Disemak Dan Dilawati
Di Daerah Keningau

Bil	Jenis Kerja	Bilangan Projek	Jumlah (RM)	Golongan Sasar
1.	Pembaikan lori/pembelian mesin rumput	4	193,884	Anggota Majlis
2.	Penyenggaraan parit/ sistem pembetungan	6	296,700	Masyarakat/ penduduk tempatan
3.	Pembinaan tempat letak tong sampah/kereta	2	96,600	Penduduk bandar/ masyarakat tempatan
4.	Pembinaan laluan pejalan kaki/stor dan rumah pekerja Majlis	2	99,200	Masyarakat tempatan/ anggota Majlis
5.	Penyenggaraan/ pembinaan jalan	5	246,390	Penduduk kampung/ anggota Majlis
Jumlah		**19**	**932,774**	

Sumber : Rekod Majlis Daerah Keningau

Hasil pemeriksaan dan lawatan Audit bersama pegawai dari agensi pelaksana mendapati perkara seperti berikut :

a) Tempoh Siap Dan Mutu Kerja

Arahan kerja bagi melaksanakan 18 projek dibuat melalui Perintah Kerja Am dan 1 perolehan dibuat melalui Pesanan Pembelian Tempatan. Majlis Daerah Keningau selaku agensi pelaksana telah menyelia secara keseluruhan pelaksanaan projek ini. Tempoh siap projek adalah dalam masa sebulan mengikut Perintah Kerja Am dan Pesanan Pembelian Tempatan yang dikeluarkan. Semakan Audit mendapati mutu kerja bagi projek berkenaan adalah memuaskan dan dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Selain itu, projek yang dilaksanakan adalah menepati tujuan dan dapat dinikmati oleh golongan sasar.

b) Bayaran Kemajuan

Mengikut peraturan, pihak Majlis Daerah Keningau perlu membuat pembayaran sekadar 95% harga sebut harga selepas Perakuan Siap Kerja disediakan, dan baki 5% iaitu wang tahanan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan selama 3 bulan. Setakat pertengahan bulan Disember 2003, sebanyak 16 projek telah disiapkan dan telah diserahkan kepada Majlis. Semakan Audit mendapati kos pembinaan projek tersebut telah dibayar sepenuhnya kepada kontraktor. Semakan selanjutnya mendapati 2 projek yang belum disiapkan dengan sepenuhnya tetapi telah dibayar kepada kontraktor masing-masing dengan kadar 95% dan 100%. Projek tersebut ialah kerja penyenggaraan parit di kawasan Blok Kedai B1 - B10 di Keningau bernilai RM47,263 dan di Blok Kedai C1 - C15 bernilai RM15,600.

Pada pandangan Audit, Pegawai Pengawal perlu menjaga kepentingan Kerajaan dan menentukan bayaran tidak dibuat sepenuhnya sebelum kerja siap.

ii) Majlis Daerah Beaufort

Pada tahun 2001 hingga 2003, geran modal dan geran khas yang diberi kepada Majlis Daerah Beaufort berjumlah RM5.25 juta untuk membiayai 41 projek. Daripada jumlah projek tersebut, sebanyak 3 projek telah dipilih untuk tujuan pengauditan seperti di **Jadual 81**.

Jadual 81
Senarai Projek Yang Disemak Dan Dilawati Di Daerah Beaufort

Bil.	Senarai Projek	Tatacara Perolehan	Harga Kontrak (RM)	Golongan Sasar
1.	Cadangan pembinaan Pasar Awam Baru di Beaufort, Sabah	Tender terbuka	6,287,649	Masyarakat tempatan
2.	Cadangan menaikkan taraf dan pengaspalan Jalan Pertanian Beaufort Blok B dan Blok C.	Tender terbuka	370,965	Penduduk kampung
3.	Pembelian mesin rumput Majlis	Sebut harga	20,000	Anggota Majlis

Sumber : Rekod Majlis Daerah Beaufort

Semakan Audit ke atas fail projek dan lawatan Audit bersama pegawai dari agensi pelaksana mendapati perkara seperti berikut :

a) Pasar Awam Baru Beaufort

Cadangan pembinaan projek ini adalah daripada pemimpin tempatan. Objektif projek ini bertujuan menyediakan satu tempat yang lebih besar dan selesa untuk penjaja di Pekan Beaufort di samping meningkatkan hasil Majlis. Sebelum projek ini dilaksanakan, penyewa gerai dan penjaja berniaga di Pasar Lama Beaufort. Pasar Lama Beaufort telah dirobohkan pada awal bulan Mac 1999 dan penjaja telah dipindahkan ke Pasar Sementara. Untuk menempatkan penjaja, Pasar Sementara telah dibina oleh Majlis di atas sebidang tanah yang disewa daripada *The Beaufort Club* dengan kadar RM700 sebulan selama 3 tahun. Penjaja sayur, buah-buahan, beras dan lain-lain masih menjalankan perniagaan di Pasar Sementara setakat pemeriksaan Audit dijalankan.

Projek pembinaan Pasar Awam Baru Beaufort dijadualkan bermula pada bulan Februari 1998 dan dijangka siap pada bulan Februari 2000. Bagaimanapun, projek ini hanya dapat disiapkan pada bulan Disember 2002 selepas 3 lanjutan masa diluluskan.

Harga kontrak asal berjumlah RM6.42 juta telah dikurangkan menjadi RM6.29 juta melalui 5 Perintah Perubahan Kerja yang diluluskan. Lawatan Audit ke Pasar Awam Baru Beaufort mendapati Pasar ini telah dibina mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mutu kerjanya adalah memuaskan. Bagaimanapun, Pasar ini yang telah siap pada bulan Disember 2002 masih belum dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar. Sehingga akhir bulan Disember 2003, para penjaja masih belum dapat berniaga di Pasar baru ini kerana Majlis Daerah Beaufort menghadapi masalah kewangan untuk menyediakan kemudahan asas seperti berikut:

- Kontrak asal merangkumi kerja pembinaan 500 meja gerai bernilai RM165,000 di tingkat bawah tetapi kerja ini telah dibatal dan diganti dengan kerja lain melalui satu Perintah Perubahan Kerja yang diluluskan; dan
- Kementerian tidak akan memberi geran lagi untuk kerja pemasangan 260 meja sayur dan 60 meja gerai makan bernilai RM254,000.

Untuk mengatasi masalah tersebut, Jawatankuasa Pemandu Projek yang bermesyuarat pada bulan Januari 2003 bersetuju Pasar tersebut disewakan kepada syarikat yang berminat dan berkemampuan. Syarat penyewaan merangkumi kos penyediaan 260 meja sayur dan 60 meja gerai makan bernilai RM254,000 ditanggung oleh pihak penyewa yang akan dikontrakan dengan sewa pasar yang diperolehi oleh Majlis. Majlis diminta menyediakan satu kertas kerja untuk dikemukakan kepada Kementerian untuk pertimbangan. Bagaimanapun, kertas kerja tersebut belum disiapkan semasa lawatan Audit pada akhir bulan Disember 2003.

Foto 31 dan 32 masing-masing menunjukkan Pasar Awam Baru Beaufort dan gerai di tingkat 2 tidak digunakan selama 13 bulan sejak disiapkan pada bulan Disember 2002.

Foto 31
Pasar Awam Baru Beaufort

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 24 Disember 2003

Foto 32
Kemudahan Kedai Makan Di Tingkat 2
Pasar Awam Baru Beaufort

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 24 Disember 2003

Kos pembinaan Pasar yang berjumlah RM6.29 juta telah dibayar kepada kontraktor melalui 21 sijil pembayaran *interim* dan satu baucar pembayaran pendahuluan. Sejumlah RM673,430 telah dibayar kepada juruperunding. Manakala sejumlah RM175,490 adalah perbelanjaan *reimbursable.*

b) Projek Menaikkan Taraf/Pengaspalan Jalan Pertanian Beaufort

Projek ini telah disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak dan diserahkan kepada Majlis Daerah Beaufort pada bulan Mei 2002. Lawatan Audit mendapati projek ini telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mutu kerja adalah memuaskan. Bagaimanapun, gambar sebelum dan selepas siap kerja tidak dibekalkan oleh kontraktor walaupun kontraktor diwajibkan membekalkan gambar tersebut seperti yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak. Kos projek sejumlah

RM370,965 telah dibayar kepada kontraktor. **Pada pandangan Audit, projek ini telah menepati tujuan yang ditetapkan dan boleh dinikmati oleh penduduk kampung.**

c) Pembelian Mesin Rumput

Sebanyak 20 unit mesin rumput bernilai RM20,000 telah diperolehi melalui sebut harga pada bulan Ogos 2001. Semakan Audit mendapati mesin rumput yang dibekalkan adalah mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam pesanan dan dokumen sebut harga. Ia telah diguna bagi maksud yang ditetapkan dan kos mesin tersebut telah dibayar kepada pembekal pada bulan November 2001.

iii) Majlis Daerah Papar

Pada tahun 2001 hingga 2003, geran modal dan geran khas yang diagihkan kepada Majlis Daerah Papar berjumlah RM5.91 juta melibatkan 18 projek. Daripada jumlah tersebut, tiga projek telah dipilih untuk tujuan pengauditan seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82
Senarai Projek Yang Disemak Dan Dilawati Di Daerah Papar

Bil.	Senarai Projek	Tatacara Perolehan	Harga Kontrak (RM)
1.	Cadangan Dewan Serbaguna Majlis Daerah Papar	Mendapat kelulusan pengecualian tender daripada Kementerian Kewangan	4,035,246
2.	Cadangan Dewan Serbaguna Bongawan, Papar	Mendapat kelulusan pengecualian tender daripada Kementerian Kewangan	1,561,849
3.	Cadangan Pembinaan Dewan Serbaguna di Kg. Kawang, Papar	Mendapat kelulusan pengecualian tender daripada Kementerian Kewangan	399,545

Sumber : Rekod Majlis Daerah Papar

Hasil pemeriksaan dan lawatan Audit bersama pegawai dari agensi pelaksana mendapati perkara seperti berikut :

a) Dewan Masyarakat Bongawan

Dewan ini dibina atas tanah Kerajaan seluas 0.58 hektar. Ianya diperlukan oleh masyarakat tempatan dan dicadangkan oleh pemimpin tempatan. Projek ini dimulakan pada akhir bulan Disember 2000 dan dijangka siap pada akhir bulan Mac 2002 dengan harga kontrak asal berjumlah RM1.70 juta. Bagaimanapun, projek tersebut disiapkan dan diserahkan kepada Majlis Daerah Papar pada bulan Mei 2002 dengan harga sebenar berjumlah RM1.56 juta.

Lawatan Audit mendapati Dewan tersebut telah dibina mengikut spesifikasi dan mutu kerjanya adalah teratur. Bagaimanapun, Dewan ini masih terbiar dan tidak digunakan sejak projek diserahkan kepada Majlis pada bulan Mei 2002 iaitu selama 19 bulan. Pihak Majlis memberi penjelasan bahawa Dewan ini tidak mempunyai bekalan elektrik kerana Majlis belum menerima geran untuk membuat pembayaran berjumlah RM99,867 kepada *Sabah Electricity Sdn. Bhd*. untuk pemasangan pencawang. **Foto 33** menunjukkan Dewan yang dimaksudkan.

Foto 33
Dewan Masyarakat Bongawan, Papar

Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sabah
Tarikh : 29 Disember 2003

Kos pembinaan berjumlah RM1.56 juta telah dibayar kepada kontraktor dengan sepenuhnya pada tahun 2002. Manakala sejumlah RM163,994 adalah bayaran juruperunding.

b) Dewan Masyarakat Papar

Projek ini dicadangkan oleh pemimpin tempatan. Ia dibina atas tanah seluas 4.14 ekar yang diperolehi daripada pihak swasta. Projek ini dijangka bermula pada bulan Disember 1999 dan disiapkan pada bulan Disember 2001 dengan harga kontrak asal berjumlah RM4.20 juta. Ia mula dibina pada bulan Disember 1999 dan disiapkan pada akhir bulan Jun 2002 dengan kos pembinaan berjumlah RM4.04 juta. Lawatan Audit mendapati Dewan ini dibina mengikut spesifikasi dan mutu kerja serta kualiti bahan adalah memuaskan. Fail projek yang diperiksa tidak mengandungi sebarang aduan awam. Kos pembinaan berjumlah RM4.04 juta telah dibayar dengan sepenuhnya. Manakala bayaran

juruperunding dan pampasan tanah masing-masing sejumlah RM346,047 dan RM351,195 juga telah dibayar.

c) Dewan Masyarakat Kg. Kawang

Pembinaan dewan ini diselia oleh Jurutera Kementerian. Projek ini dijadual bermula pada pertengahan bulan November 2000 dan dijangka siap pada pertengahan bulan Jun 2001. Harga kontrak adalah RM441,600. Dewan ini disiapkan dan diserahkan kepada Majlis pada akhir bulan Julai 2001 dengan harga RM399,545. Dua Perintah Perubahan Kerja telah diluluskan. Projek ini kemudiannya diserahkan kepada JKKK Kg. Kawang untuk diurus. Lawatan Audit mendapati Dewan ini beroperasi dengan baik. Mutu kerja dan kualiti bahan adalah memuaskan. Fail projek yang diperiksa tidak mengandungi sebarang aduan awam. Kos pembinaan telah dibayar kepada kontraktor dengan sepenuhnya.

Pada pandangan Audit, projek tersebut telah dilaksanakan mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mutu kerja adalah memuaskan. Selain itu, tujuan pelaksanaan projek pembinaan untuk memenuhi kepentingan golongan sasar juga telah tercapai kecuali Dewan Masyarakat Bongawan yang tidak dapat digunakan kerana tiada bekalan elektrik.

86.2.9 Pencapaian Matlamat Projek

Daripada 25 projek yang dipilih untuk auditan, sebanyak 24 projek telah siap dibina/diperolehi semasa auditan dijalankan. Lawatan Audit mendapati semua kemudahan yang disediakan telah digunakan bagi tujuan yang ditetapkan kecuali Pasar Awam Baru Beaufort di Daerah Beaufort dan Dewan Masyarakat Bongawan di Daerah Papar.

Pada pandangan Audit, pelaksanaan projek oleh PBT yang dibiayai melalui geran modal dan geran khas pada amnya telah diuruskan dengan

teratur. Bagaimanapun, PBT harus mengambil berat untuk menentukan kepentingan Kerajaan terjamin dan memastikan bayaran dibuat mengikut kemajuan fizikal. Selain itu, pihak Kementerian dan PBT hendaklah memastikan setiap projek yang dilaksanakan dapat dimanfaatkan oleh golongan sasar tanpa kelewatan.

86.3 PEMANTAUAN

Pemantauan atau penyeliaan yang rapi dapat memastikan pelaksanaan projek berjalan dengan lancar dan teratur. Bagi projek pembinaan, pemantauan adalah dibuat oleh pegawai di Bahagian Kejuruteraan/Pembangunan Majlis, pihak Kementerian atau juruperunding yang dilantik bergantung kepada saiz projek. Pemantauan projek termasuk mengadakan mesyuarat tapak, membuat lawatan ke tapak dan melaporkan prestasi dan kemajuan kerja kontraktor. Bagi projek yang besar seperti Pasar Awam Baru Beaufort, satu Jawatankuasa Pemandu Projek telah ditubuhkan untuk memantau pelaksanaan projek serta meneliti dan mengesyorkan tindakan diambil sekiranya masalah timbul semasa pelaksanaan dan operasi projek.

86.3.1 Buku Harian Tapak

Bagi projek pembinaan yang diperolehi melalui tender, Buku Harian Tapak perlu disediakan dengan lengkap untuk membolehkan pihak Majlis memastikan bilangan pekerja, bahan binaan yang diguna, keadaan cuaca, kekerapan lawatan yang diadakan oleh pegawai penyelia dan sebagainya di tapak projek. Maklumat ini juga diperlukan bagi pihak Majlis membuat pertimbangan tentang tempoh perlanjutan masa yang boleh diluluskan. Bagaimanapun, Buku Harian Tapak bagi kesemua 5 projek yang dilaksanakan melalui tender dan tawaran terus tidak diserah untuk pemeriksaan Audit oleh Majlis Daerah Beaufort dan Majlis Daerah Papar.

86.3.2 Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak sepatutnya diadakan semasa pelaksanaan projek untuk membincangkan dan menentukan tindakan diambil terhadap perkara yang dipersetujui. Semakan Audit mendapati pihak Majlis telah mengadakan mesyuarat tapak dengan pihak Kementerian, kontraktor dan juruperunding dari semasa ke semasa semasa melaksanakan projek.

86.3.3 Agensi Pelaksana

PBT sebagai agensi pelaksana harus membuat pemantauan terhadap semua projek yang dilaksanakan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada penyeliaan terhadap kerja yang dilakukan melalui sebut harga telah dipantau dengan baik kerana rekod mengenai laporan pemeriksaan dan tarikh lawatan tidak disediakan walaupun Perakuan Siap Kerja telah ditandatangani oleh seorang Jurutera/Pembantu Teknik.

86.3.4 Jawatankuasa Pemandu Projek

Jawatankuasa Pemandu Projek ditubuhkan pada bulan Julai 1999 di peringkat Kementerian bertujuan membincang dan mengesyorkan semua hal berkaitan dengan masalah projek Pasar Awam Baru Beaufort sebelum tindakan lanjut diambil di peringkat Kementerian. Bagaimanapun, Jawatankuasa tersebut hanya mengadakan mesyuarat 4 kali bagi tahun 1999 hingga 2003 iaitu pada bulan Julai 1999, Julai 2000, Jun 2001 dan Januari 2003. Tidak ada Jawatankuasa Pemandu Projek ditubuhkan bagi projek yang lain.

Pada pandangan Audit, tahap pemantauan di peringkat Kementerian dan PBT masih boleh dipertingkatkan lagi. Jawatankuasa Pemandu Projek harus mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap dan pihak PBT harus menentukan Buku Harian Tapak diselenggarakan dan disimpan dengan baik bagi projek yang dilaksanakan melalui kontrak.

87. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, pengurusan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri melalui geran modal dan geran khas adalah memuaskan dari segi perancangan dan pelaksanaan kecuali 2 projek yang tidak dipantau dengan berkesan kerana bayaran dibuat sebelum kerja siap dilaksanakan. Selain itu, dua projek yang bernilai RM8.86 juta belum dapat dimanfaatkan golongan sasar walaupun projek tersebut telah siap melebihi satu tahun. Tindakan segera hendaklah diambil oleh Kementerian dan PBT berkenaan untuk mengatasi masalah agar dewan dan pasar tersebut dapat digunakan untuk tujuan yang ditetapkan.

BAHAGIAN V
PERKARA AM

88. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincang semasa Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. **Bahagian** ini mengandungi perkara berikut:

i) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2002.

ii) Perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara sebelum tahun 2002 yang masih belum selesai.

iii) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam dan aktiviti Kementerian/Jabatan Negeri.

iv) Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Awam Negeri.

89. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2002

89.1 PENGURUSAN KEWANGAN KEMENTERIAN/JABATAN NEGERI

Pada tahun 2002, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Kementerian Kewangan Negeri, Jabatan Ketua Menteri, Jabatan Arkib Negeri Sabah, Jabatan Pengairan Dan Saliran, Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna dan Pejabat Tanah Daerah Ranau.

89.1.1 Jabatan Ketua Menteri

i) Surat kuasa menandatangani Pesanan Kerajaan, Perintah Kerja Am dan Waran Perjalanan Udara tidak disediakan.

ii) Maklumat tanggungan di Buku Vot tidak diisi.

iii) Surat Pelantikan Jawatankuasa Sebut Harga tidak disediakan.

iv) Buku Tunai Akaun Amanah tidak dikemas kini dan 1 Akaun Amanah berjumlah RM11,000 tidak bergerak sejak tahun 1989.

v) Sejumlah RM46,304 baki Pendahuluan Diri bagi 4 pegawai tidak bergerak antara 4 hingga 5 tahun.

vi) Semua aset dan inventori yang dibeli pada tahun 2002 tidak direkodkan ke daftar masing-masing.

vii) Pemeriksaan 2 tahun sekali terhadap harta modal tidak dijalankan.

viii) Fail sejarah bagi 19 kenderaan Jabatan tidak disediakan.

Kedudukan Masa Kini

Semua perkara yang tersebut di atas telah diambil tindakan dan selesai kecuali 1 Akaun Amanah berjumlah RM11,000 masih menunggu jawapan daripada Bendahari Negeri untuk dikreditkan kepada hasil.

89.1.2 Jabatan Arkib Negeri Sabah

i) Jabatan tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk rujukan dan panduan bagi 6 bahagian melainkan Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan. Selain itu, semua senarai tugas yang disediakan tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

ii) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun hanya bermesyuarat sekali pada tahun 2002. Mengikut Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 1998, mesyuarat perlu diadakan sekali setiap 2 bulan.

iii) Perwakilan kuasa bagi menandatangani Pesanan Kerajaan dan Perintah Kerja Am tidak diberi secara bertulis.

iv) Pada akhir tahun 2002, baki pendahuluan diri berjumlah RM37,927 belum dijelaskan antara 6 hingga 18 bulan. Selain itu, ada permohonan pendahuluan diri oleh pegawai yang masih mempunyai baki pendahuluan telah diluluskan permohonannya.

v) Jabatan tidak menjalankan pemeriksaan terhadap aset dan inventori seperti kehendak Tatacara Pengurusan Stor.

vi) Rekod perjalanan kenderaan di dalam Buku Log telah ditandatangani oleh pemandu dan bukannya pegawai yang bertanggungjawab seperti kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1980. Selain itu, adalah didapati kenderaan Jabatan disimpan di rumah pemandu dan tidak disimpan di kawasan pejabat.

vii) Jabatan tidak merekodkan butiran penyenggaraan, pembaikan dan alat ganti kenderaan ke dalam Daftar Harta Modal sejak tahun 1998.

Kedudukan Masa Kini

i) Jabatan sedang menyediakan Manual Prosedur Kerja untuk rujukan dan panduan semua kakitangan. Manakala senarai tugas bagi Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan sahaja yang telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun telah dijalankan sebanyak 4 kali pada tahun 2003 dan laporan suku tahun telah dihantar kepada Kementerian Kewangan.

iii) Perwakilan kuasa telah diberi secara bertulis kepada beberapa pegawai untuk menandatangani Pesanan Kerajaan dan Perintah Kerja Am.

iv) Sejumlah RM17,550 pendahuluan diri masih belum dijelaskan.

v) Pemeriksaan tahunan telah dibuat oleh Penolong Akauntan ke atas aset dan inventori.

vi) Rekod perjalanan masih ditandatangani oleh pemandu. Semua kenderaan Jabatan disimpan di pejabat selepas waktu pejabat. Bagaimanapun, kunci tidak diserahkan kepada pegawai yang bertanggungjawab.

vii) Semua maklumat penyenggaraan kenderaan disimpan dalam fail tetapi tidak direkodkan di dalam Daftar Harta Modal.

89.1.3 Jabatan Pengairan Dan Saliran

i) Senarai tugas tidak ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

ii) Dua sebut harga berjumlah RM170,152 dan RM277,777 sepatutnya dilaksanakan melalui tender. Kelulusan bagi

pengecualian pelaksanaan tender tidak diperolehi daripada Kementerian Kewangan Negeri.

Kedudukan Masa Kini

i) Senarai tugas masih belum ditandatangani oleh pegawai yang berkuasa.

ii) Kelulusan Kementerian Kewangan Negeri bagi pengecualian pelaksanaan tender belum diperolehi.

89.1.4 Kementerian Pembangunan Masyarakat Dan Hal Ehwal Pengguna

i) Kementerian belum menyediakan Manual Prosedur Kerja yang lengkap seperti kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

ii) Akaun Tabung Amanah Kebajikan Negeri Sabah yang sudah tidak aktif masih belum ditutup.

iii) Laporan Perbelanjaan Tabung Pemulihan Dan Pemeliharaan Negeri untuk mengakaun sumbangan atau derma bagi bantuan kepada mangsa bencana alam tidak disediakan.

Kedudukan Masa Kini

i) Kementerian sedang menyediakan Manual Prosedur Kerja dan djangka siap pada pertengahan tahun 2004.

ii) Kementerian akan melaksanakan penutupan akaun tersebut dalam masa yang terdekat.

iii) Laporan bulanan masih belum disediakan dan Kementerian akan menyusul perkara ini dengan Pejabat Daerah berkenaan.

89.1.5 Pejabat Tanah Daerah Ranau

i) Lima syarikat/pengusaha kuari beroperasi tanpa lesen dan 8 pengusaha resort beroperasi tanpa kelulusan menyebabkan cukai tanah yang sepatutnya dikutip tidak dapat dipungut. Selain itu, Pejabat Tanah tidak dibekalkan dengan kenderaan bagi tujuan pemantauan terhadap pengusaha kuari yang beroperasi secara haram.

ii) Sebanyak 7 draf geran tanah *Country Lease*, tiga *Town Lease*, tiga *Provisional Lease* dan 139 *Native Title* bagi tahun 1964 hingga 2002 masih belum dituntut oleh pemohon dengan anggaran hasil berjumlah RM139,865. Selain itu, sejumlah 7,766 permohonan tanah lewat diproses melebihi 2 tahun yang melibatkan permohonan antara tahun 1997 hingga 2000.

iii) Sebuah mesin pengimbas yang dibekalkan oleh Ibu Pejabat Jabatan Tanah Dan Ukur pada bulan Oktober 1999 masih belum digunakan.

Kedudukan Masa Kini

i) Mengikut daftar di Pejabat Tanah setakat bulan Mei 2004, adalah didapati 5 pengusaha kuari dan 8 pengusaha resort masih beroperasi tanpa lesen.

ii) Bagi 7 draf geran tanah yang belum dituntut dan permohonan yang lewat diproses, pihak Pejabat Tanah masih belum memberi penjelasan terhadap perkara ini.

iii) Mesin pengimbas yang dibekalkan adalah khas untuk sistem LAPMOS *(Land Application Monitoring System)* dan masih belum digunakan kerana sistem ini masih belum diaplikasikan oleh Pejabat Tanah.

89.2 AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN KAJIAN KHAS

Pada tahun 2002, sebanyak 4 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/ Jabatan Negeri telah dipilih untuk diaudit.

89.2.1 Jabatan Air Negeri Sabah

Penswastaan Pengeluaran Air

i) Sepanjang tempoh penswastaan, Bayaran Tetap Bulanan dan Bayaran Pukal Air telah disemak dan dinaikkan sebanyak 9 kali. Keadaan itu tidak selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan untuk tidak menaikkan tarif melebihi 5 kali bagi tempoh pegangan konsesi 30 tahun.

ii) Syarikat konsesi dikehendaki membayar sewa pajakan sejumlah RM50,000 satu tahun bagi kawasan Kota Kinabalu di atas penggunaan kemudahan yang ada termasuk tanah dan loji yang bernilai RM400 juta. Tiada bukti yang menunjukkan satu penilaian bebas oleh Badan Profesional telah diperolehi sebelum kadar sewa ditetapkan.

iii) Menurut perjanjian, kos penyenggaraan ditanggung oleh syarikat konsesi. Bagaimanapun pada tahun 2002, dua projek membaiki tebingan Sungai Tuaran telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri masing-masing bernilai RM355,000 dan RM505,000.

iv) Kerajaan Negeri telah gagal membuat Bayaran Tetap Bulanan dan Bayaran Pukal Air yang ditetapkan mengikut jadual. Setakat bulan Julai 2002, Kerajaan Negeri telah berhutang sejumlah RM244.60 juta kepada pemegang konsesi.

Kedudukan Masa Kini

i) Jabatan Air akan memberi perhatian sewajarnya bagi mengelakkan kenaikan tarif secara mendadak.

ii) Kadar sewa pajakan tersebut masih diguna pakai dan belum ada sebarang perubahan dibuat terhadap kadar sewa tersebut.

iii) Mengikut Kontrak Perjanjian, pihak syarikat konsesi hanya bertanggungjawab terhadap kawasan berpagar sahaja *(fenced area)*. Kerja membaik pulih tebing sungai yang berlaku di seberang Sungai Tuaran iaitu bersetentang dengan Loji Penapisan Air Talibong adalah bukan tanggungjawab pihak konsesi. Mengikut jawapan Jabatan Air, Kerajaan Negeri sedang dalam proses perbincangan dengan syarikat konsesi untuk berkongsi kos membaik pulih tebing sungai yang dimaksudkan.

iv) Setakat bulan Februari 2004, Kerajaan Negeri masih belum membayar tunggakan berjumlah RM370.98 juta kepada syarikat konsesi bagi kawasan Kota Kinabalu.

89.2.2 Kementerian Kewangan

Program Penswastaan Menaik Taraf Dan Menyenggara Jalan Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah

i) Program ini telah berjalan melebihi 5 tahun, namun kajian semula terhadap program tersebut tidak dijalankan.

ii) Pada tahun 1999 hingga 2002, empat kontrak kerja menaik taraf melibatkan 101 jalan sepanjang 149 kilometer dan 3 kontrak kerja penyenggaraan yang melibatkan 208 jalan sepanjang 230 kilometer telah ditandatangani.

iii) Setakat bulan Disember 2002, tunggakan bayaran kemajuan kerja berjumlah RM13.46 juta belum diselesaikan.

iv) Pihak Audit mencadangkan satu unit khas diwujudkan di Kementerian Kewangan bagi memantau pelaksanaan program ini supaya berjalan lancar.

Kedudukan Masa Kini

i) Kementerian Kewangan melalui Jawatankuasa Teknikal telah menyediakan kertas laporan berkenaan kajian semula program penswastaan dan sedang menunggu arahan dan keputusan Menteri Kewangan.

ii) Setakat bulan Disember 2003, empat pakej kerja telah selesai dilaksanakan melibatkan 97 jalan raya yang panjang keseluruhannya 147.40 kilometer. Baki 4 jalan raya tidak dilaksanakan dan digugurkan dari senarai kerana masalah pengambilan tanah. Penyenggaraan jalan raya telah dilaksanakan melalui perjanjian konsesi.

iii) Tunggakan bayaran kemajuan kerja sehingga bulan Disember 2003 telah diselesaikan.

iv) Kementerian telah mewujudkan satu unit khas bagi memantau pelaksanaan program Penswastaan Menaik Taraf Dan Menyenggara Jalan Majlis Perbandaran Dan Majlis Daerah mulai awal bulan Mac 2004.

89.2.3 Jabatan Hidupan Liar

Projek Pembangunan Taman Hidupan Liar Dan Botanik Sabah

Kajian kemungkinan yang dijalankan oleh *I.D. Engineering Canada Incorporation* menetapkan pelaksanaan projek dalam 2 fasa. Komponen projek yang akan dilaksanakan di bawah Fasa 1 dengan anggaran kos RM12 juta merangkumi sebahagian daripada setiap komponen projek yang dirancang bagi memastikan supaya apabila Fasa 1 siap, projek boleh digunakan dan terdapat pameran yang boleh menarik pelawat. Bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dipatuhi. Akibatnya, walaupun jumlah kos projek mencapai RM20.33 juta dan kemajuan fizikal adalah 100% bagi Fasa 1 dan 88% bagi Fasa 2A, projek ini belum bersedia untuk menarik kedatangan pelawat yang boleh menyumbang hasil kepada Taman.

Kedudukan Masa Kini

Jabatan Hidupan Liar menjelaskan bahawa cara pelaksanaan komponen projek sebagaimana dicadangkan oleh *I.D. Engineering Canada Incorporation* dalam kajian kemungkinannya tidak dapat dijalankan sepenuhnya tetapi hanya sebahagian kerja setiap komponen projek yang dirancang terutamanya tapak bagi *Enclosure* pameran binatang. Fasa 2A yang melibatkan pembinaan restoran/pusat pelawat, kurungan pameran binatang iaitu badak/tembadau, gajah, monyet dan orang utan telah disiapkan pada bulan April 2003. Bagaimanapun, sehingga bulan April 2004, Taman ini masih belum dibuka kepada orang ramai. Adalah didapati Jabatan Hidupan Liar telah memulakan kerja di bawah Fasa 2B dan dijadualkan siap pada bulan Oktober 2004.

89.2.4 Kementerian Belia Dan Sukan Negeri

Projek Menaik Taraf Kemudahan Sukan Di Kompleks Sukan Kota Kinabalu

i) Projek ini telah disahkan siap sepenuhnya pada bulan Julai 2002. Pemeriksaan Audit di tapak projek mendapati secara keseluruhannya komponen projek yang telah dinaik taraf/dibina berada dalam keadaan baik dan sedang digunakan kecuali kerosakan/kecacatan kerja di bawah Kontrak Kerja Utama yang perlu pembaikan segera oleh kontraktor sebelum tempoh tanggungan kecacatan tamat pada bulan Januari 2004. Lembaga Sukan Negeri sebagai pengurus kompleks sukan tersebut telah mengemukakan laporan kerosakan/kecacatan kepada Jabatan Kerja Raya yang merupakan Pegawai Penguasa Projek untuk tindakan pembaikan.

ii) Penyata Akaun Muktamad bagi Kontrak Kerja Utama dan Kontrak Pemasangan *Score Board* dan *Timing Equipment* belum disediakan. Kedua kontrak berkenaan masing-masing telah dibayar sejumlah RM66.49 juta dan RM5.22 juta (termasuk Wang Tahanan sejumlah RM312,868) berbanding harga kontrak muktamad berjumlah RM70.40 juta dan RM6.25 juta.

iii) Pada bulan April 2001, khidmat Juruperunding telah ditamatkan dan Jabatan Kerja Raya telah dilantik sebagai Pegawai Penguasa Projek. Berikutan dengan penamatan itu, Juruperunding telah menuntut bayaran profesional dan *Reimbursable Items* berjumlah RM10.76 juta. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan hanya bersetuju membayar sejumlah RM6.96 juta sahaja. Oleh itu, Juruperunding mencadangkan supaya khidmat timbangtara diperolehi untuk menyelesaikan perkara ini.

Kedudukan Masa Kini

i) Kerosakan/kecacatan kerja tersebut belum dibaiki sepenuhnya walaupun tempoh tanggungan kecacatan tamat pada bulan Januari 2004. Beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan perkara ini telah diadakan. Kontraktor bersetuju untuk membaiki kerosakan/kecacatan yang belum dibaiki. Jabatan Kerja Raya selaku Pegawai Penguasa Projek ini mengesahkan kontraktor telah menjalankan kerja pembaikan dan *Certificate of Making Good Defects* telah dikeluarkan pada bulan April 2004.

ii) Mengikut Jabatan Kerja Raya, Akaun Muktamad bagi Kontrak Kerja Utama telah disediakan dan nilai kontrak muktamad adalah berjumlah RM67.97 juta. Bagaimanapun, salinannya belum dikemukakan kepada pihak Audit untuk semakan. Bagi kontrak Pemasangan *Score Board* dan *Timing Equipment*, Akaun Muktamadnya belum disediakan lagi. Ini disebabkan kontraktor masih bertanggungjawab untuk menjalankan kerja penyenggaraan bulanan terhadap peralatan tersebut sehingga tempoh tanggungan kecacatan berakhir pada bulan Julai 2004. Jumlah yang telah dibayar bagi kedua kontrak tersebut tidak berubah iaitu masing-masing RM66.49 juta dan RM5.22 juta.

iii) Kementerian menjelaskan bahawa penamatan khidmat Juruperunding adalah disebabkan Juruperunding berkenaan tidak memberi kerjasama yang baik kepada Kementerian selaku Pegawai Penguasa Projek pada masa itu. Penamatan ini adalah berdasarkan Memorandum Perjanjian yang memperuntukkan hak Kerajaan menamatkan khidmat Juruperunding jika perkhidmatannya tidak memuaskan. Penimbangtara telah pun dilantik untuk menyelesaikan tuntutan bayaran profesional dan *Reimbursable Items* Juruperunding dan sehingga bulan Mei 2004, perkara ini masih lagi dalam proses timbangtara.

89.3 BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Jabatan Audit Negara telah mengaudit 1 aktiviti Badan Berkanun Negeri dan melaksanakan pengauditan pengurusan kewangan terhadap Majlis Ugama Islam, tiga Badan Berkanun Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2002.

89.3.1 Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah

Penjualan Rumah Kedai

i) Sejak tahun 1978 hingga 2002, syarikat subsidiari Perbadanan telah mengeluarkan pinjaman berjumlah RM70.31 juta melalui 51 projek rumah kedai kepada usahawan Bumiputera (perseorangan dan syarikat kumpulan) di bandar dan luar bandar.

ii) Sebanyak 20 unit rumah kedai yang dibina antara tahun 1998 hingga 2002 belum dapat dijual kepada peniaga tempatan kerana ketiadaan bekalan air dan Sijil Kelayakan Menduduki daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu, sebanyak 6 lot rumah kedai 2 tingkat di Kota Kinabatangan masih dalam pembinaan.

iii) Di Pekan Baru Membakut, empat daripada 10 unit rumah kedai telah disewakan kepada peniaga lain oleh pemilik. Bagi rumah kedai Fasa I di Sipitang, empat daripada 10 rumah kedai 2 tingkat yang disewa beli kepada peniaga Bumiputera telah disewakan kepada peniaga lain oleh pemilik. Tiga unit rumah kedai yang juga disewa beli kepada peniaga Bumiputera telah disewakan sebahagiannya kepada peniaga bukan Bumiputera.

iv) Pada tahun 1985 hingga 2002, sejumlah 62 rumah kedai telah disenaraikan untuk ditarik balik dan tunggakan bayaran yang

terlibat berjumlah RM3.11 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 30 pinjaman yang tertunggak berjumlah RM1.20 juta telah dihapus kira.

Kedudukan Masa kini

i) Sehingga bulan Disember 2003, jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh syarikat subsidiari Perbadanan kepada peniaga Bumiputera telah meningkat menjadi RM71.90 juta melalui 51 projek setelah beberapa unit rumah kedai yang dahulunya belum terjual telah pun dapat dijual kepada peniaga Bumiputera melalui skim sewa beli.

ii) Sehingga akhir tahun 2003, hanya 10 buah rumah kedai yang belum dijual iaitu 9 di Menumbuk dan 1 di Sipitang. Enam lot rumah kedai 2 tingkat di Kota Kinabatangan telah pun siap sepenuhnya dan dalam proses penjualan kepada usahawan Bumiputera.

iii) Sehingga akhir tahun 2003, status rumah kedai bagi kedua lokasi berkenaan masih kekal seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2002.

iv) Sehingga akhir tahun 2003, jumlah rumah kedai yang disenaraikan untuk ditarik balik telah berkurang menjadi 59 unit yang melibatkan jumlah tunggakan RM2.93 juta.

89.3.2 Majlis Ugama Islam Sabah

Pengurusan Kewangan

i) Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja dan tidak menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

ii) Majlis tidak mempunyai Tatacara Pengurusan Kewangan sendiri sebagai panduan untuk melaksanakan pengurusan kewangannya agar sejajar dengan hukum syarak.

iii) Daftar Kawalan Agihan tidak diselenggarakan untuk mengawal agihan zakat menerusi 33 amil bagi 28 Daerah di Sabah.

iv) Majlis tidak mengeluarkan Penyata Zakat kepada golongan sasaran serta membuat taksiran dan menjalankan bancian penduduk Islam di Sabah seperti kehendak Seksyen 9, Enakmen Zakat Dan Fitrah Tahun 1993.

v) Bajet tidak dikemukakan kepada Yang Dipertua Negeri seperti kehendak Seksyen 53, Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992.

vi) Buku Vot dan Daftar Bil yang diselenggara tidak lengkap dan kemas kini seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 95(a) dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 10 Tahun 1995.

vii) Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Majlis telah diwakili oleh Ahli Jawatankuasa yang tidak dilantik dan Majlis telah memecah kecil tawaran kerja di mana ia tidak selaras dengan kehendak Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 2 Tahun 1995.

viii) Majlis tidak menyelenggara daftar bagi merekod Pinjaman Peribadi, Kira-Kira Wang Amanah dan Deposit serta deposit sewa bangunan yang diterima.

ix) Dua Akaun Amanah iaitu Pinjaman Peribadi dan Kira-kira Wang Amanah tidak aktif masing-masing sejak tahun 1984 dan 1985 tetapi tiada tindakan diambil oleh Majlis terhadap akaun ini.

x) Garis Panduan Pelaburan dan Daftar Pelaburan belum diselenggarakan.

xi) Tabung Zakat Fitrah Dan Harta telah melabur dalam Amanah Saham Mara di mana ia tidak selaras dengan Enakmen Zakat Dan Fitrah Tahun 1993.

xii) Majlis tidak menyelenggara Daftar Pinjaman untuk merekod dan mengawal urus niaga pinjaman yang dibuat.

xiii) Majlis tidak menyelenggara Daftar Hartanah yang lengkap dan kemas kini dan tidak menyelenggara Daftar Harta Modal Dan Inventori untuk merekod dan mengawal harta modal dan inventori.

xiv) Fail Sejarah Kenderaan dan Buku Log tidak kemas kini dan tidak diperiksa oleh pegawai kanan.

xv) Majlis belum menyediakan satu garis panduan mengenai tatacara pengurusan harta wakaf. Selain itu, Daftar dan Rekod Harta Wakaf tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Kedudukan Masa Kini

i) Majlis sedang mengambil tindakan untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja dan telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

ii) Majlis belum mengambil tindakan untuk mewujudkan Tatacara Pengurusan Kewangan. Majlis juga memaklumkan akan menerima pakai panduan dalam Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan bagi Majlis Agama Islam yang diusahakan oleh Jabatan Audit Negara setelah selesai kajian oleh Jawatankuasa Kewangan Majlis dan diluluskan oleh Majlis Tertinggi.

iii) Perkara lain yang dibangkitkan di atas belum lagi diambil tindakan oleh pihak Majlis.

89.3.3 Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) Pengurusan Kewangan

i) Ko-Nelayan tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja, Fail Meja dan Senarai Tugas seperti kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

ii) Ko-Nelayan belum menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun seperti kehendak Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Bil. 1 Tahun 1998.

iii) Pemeriksaan mengejut oleh Ketua Jabatan terhadap peti besi, peti wang tunai awam, setem atau barang lain yang berharga dan penyelenggaraan daftar pemeriksaan berkenaan belum dibuat sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 309 (b).

iv) Mengikut perjanjian dengan syarikat swasta, Ko-Nelayan akan dibayar komisen 1.5 sen bagi setiap liter bahan api yang dijual dan 1% bonus daripada keuntungan bersih. Hanya sejumlah RM24,210 diterima pada bulan Mac hingga Disember 2001 dan RM36,837 pada tahun 2002. Manakala bonus masih belum diterima.

v) Pelaburan Ko-Nelayan dalam 6 syarikat subsidiarinya yang melibatkan RM70 juta tidak dapat dipastikan sama ada telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan sebagaimana kehendak Seksyen 28 Enakmen Ko-Nelayan 1981.

Kedudukan Masa Kini

Semua perkara yang dibangkitkan telah dipatuhi dan selesai kecuali bayaran bonus masih belum diterima daripada syarikat swasta.

89.3.4 Perbadanan Kemajuan Pelancongan Sabah

Pengurusan Kewangan

i) Perbadanan tidak mematuhi peraturan kewangan kerana pendahuluan diri masih diberikan walaupun baki belum diselesaikan. Gaji pemohon tidak dipotong dan kadar penalti 10% setahun tidak dikenakan untuk mendapatkan kembali Pendahuluan Diri yang lewat dijelaskan.

ii) Perbadanan tidak menyelenggara Daftar Harta Modal dan Buku Log bagi setiap kenderaan sebaliknya hanya buku biasa diselenggara untuk merekod perjalanan harian kenderaan.

Kedudukan Masa Kini

i) Perbadanan berpendapat bahawa tidak wajar mengenakan penalti ke atas baki pendahuluan diri. Ini adalah kerana wang pendahuluan tersebut bukan untuk kegunaan peribadi tetapi untuk perbelanjaan yang telah diluluskan sepertimana yang ada dalam anggaran masing-masing. Bagaimanapun, pihak Perbadanan akan mengawal pemberian pendahuluan diri kepada kakitangan agar baki tunggakan yang besar dapat dielakkan.

ii) Pihak Perbadanan telah mengambil tindakan untuk menyelenggara Daftar Harta Modal dan Buku Log.

89.3.5 Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah

Pengurusan Kewangan

i) Majlis tidak menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja sebagaimana kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 8 Tahun 1991.

ii) Pemeriksaan mengejut tidak pernah dilakukan oleh Ketua Pejabat/Wakil dan Daftar Pemeriksaan Mengejut tidak diselenggarakan seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 309.

iii) Majlis tidak menyelenggara Buku Vot sebagaimana kehendak Arahan Perbendaharaan 95(a).

iv) Majlis tidak menyelenggara Daftar Bil untuk merekodkan semua bil yang diterima daripada pembekal seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 103(b).

v) Daftar Harta Modal Dan Inventori, Fail Sejarah dan Buku Log Kenderaan tidak diselenggarakan dan pembelian aset pada tahun 2001 dan 2002 masih belum direkodkan.

Kedudukan Masa Kini

i) Sistem pentadbiran yang diguna pakai oleh Majlis adalah ditentukan oleh Majlis Tertinggi MPMS. Dalam hal ini, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam hanya diambil sebagai garis panduan sahaja.

ii) Teguran telah diambil tindakan oleh pihak Majlis.

iii) Berkenaan dengan penggunaan Buku Vot, Majlis memaklumkan ia telah melaksanakan *'self accounting - accrual system'* pada tahun 1999 dan tidak lagi menyelenggarakan Buku Vot sebaliknya menggunakan Buku Tunai. Jika berlaku lebihan perbelanjaan, perkara tersebut akan dikemukakan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan MPMS untuk kelulusan.

iv) Bil yang diterima telah direkodkan ke Daftar Bil.

v) Pembelian aset baru pada tahun 2002 telah direkodkan dalam Daftar Harta Modal Dan Inventori pada tahun 2003. Selain itu, Fail Sejarah dan Buku Log untuk 3 kenderaan telah diselenggarakan.

89.3.6 Majlis Daerah Semporna

Pengurusan Kewangan

i) Majlis tidak menyediakan Penyata Tunggakan Hasil dengan kemas kini.

ii) Semakan yang dibuat terhadap keratan cek dan fail baucar mendapati 11 cek bernilai RM144,652 telah dikeluarkan untuk pembayaran bagi bulan Januari dan Februari 2002 tanpa menggunakan baucar.

iii) Majlis mempunyai tanggungan kepada Agensi Kerajaan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (RM190,559), Perbadanan Pinjaman Sabah (RM10,712), Telekom Malaysia Berhad (RM52,564), *Sabah Electricity Sdn. Bhd.* (RM316,997) dan beberapa syarikat swasta (RM277,456).

iv) Majlis mempunyai 5 kenderaan yang telah usang dan tidak ekonomik untuk dibaiki.

Kedudukan Masa Kini

i) Majlis telah mengemaskinikan Penyata Tunggakan Hasil bagi tahun 1996 hingga 2003. Bagaimanapun, tunggakan bagi tahun 1995 dan sebelumnya tidak diambil kira dalam penyata tersebut.

ii) Majlis telah memperolehi semua dokumen sokongan berkaitan perbelanjaan tersebut. Bagaimanapun, perakuan daripada pegawai bertanggungjawab masih belum diperolehi.

iii) Majlis telah menyelesaikan semua tanggungan tersebut kecuali tanggungan kepada *Sabah Electricity Sdn. Bhd.*

iv) Majlis belum mengambil tindakan untuk melupuskan kenderaan tersebut.

89.3.7 Majlis Daerah Kinabatangan

Pengurusan Kewangan

i) Majlis telah mengisi 21 jawatan Pekerja Rendah Awam bergaji hari tanpa kelulusan.

ii) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja belum disediakan.

iii) Daftar Kaunterfoil bagi borang terkawal tidak kemas kini dan tiada pengasingan tugas terhadap pegawai yang terlibat dalam pungutan hasil. Selain itu, kutipan juga lewat dibankkan dan pemeriksaan mengejut terhadap wang pejabat tidak dijalankan.

iv) Penyata Penyesuaian Bank hanya disediakan setakat bulan November 2000 dan Penyata Tunggakan Hasil tidak disediakan.

v) Lapan meja jamuan jenis kayu yang bernilai RM6,080 belum dibekalkan oleh pembekal walaupun bayaran telah dibuat.

vi) Bil berjumlah RM174,575 setakat bulan Ogos 2002 belum dibayar dan Daftar Bil tidak disediakan.

vii) Lima kenderaan yang dibeli oleh Majlis belum direkodkan ke Daftar Harta Modal.

Kedudukan Masa Kini

i) Permohonan bagi pewujudan 21 jawatan Pekerja Rendah Awam telah dibuat kepada Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan dan pihak Majlis sedang menunggu jawapannya.

ii) Tindakan untuk menyediakan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja sedang dibuat.

iii) Daftar Kaunterfoil bagi borang terkawal telah dikemas kini dan pengasingan tugas bagi memungut wang awam telah dilaksanakan pada bulan September 2003. Majlis memberi penjelasan kelewatan penyerahan wang ke bank tidak dapat dielakkan kerana kedudukan pejabat Majlis adalah 80 kilometer dari bank yang terdekat. Bagi mengatasi masalah ini, pihak Majlis ada memiliki polisi insurans yang meliputi pemegangan berjumlah RM5,000 pada satu-satu masa. Manakala pemeriksaan mengejut telah dibuat oleh pegawai yang bertanggungjawab dan hasil pemeriksaan telah direkodkan.

iv) Penyata Penyesuaian Bank telah dibuat setakat bulan November 2003 dan pihak Majlis sedang berusaha untuk mengemas kini rekod Penyata Penyesuaian Bank tersebut. Manakala Penyata Tunggakan Hasil bagi ses tanah belum disediakan.

v) Lapan meja jamuan jenis kayu telah dibekalkan oleh pembekal berkenaan.

vi) Tindakan untuk menyelesaikan tunggakan bil telah diambil di mana tunggakan bil setakat tahun 2003 telah berkurangan menjadi RM57,377. Daftar Bil juga ada disediakan.

vii) Kenderaan berkenaan telah direkodkan ke Daftar Harta Modal.

90. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SEBELUM TAHUN 2002 YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan juga telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2001 dan sebelumnya untuk menentukan tindakan susulan telah diambil terhadap perkara yang dibangkitkan. Secara umumnya tindakan susulan terhadap perkara berbangkit telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkenaan kecuali perkara berikut masih belum selesai.

90.1 PEJABAT TANAH DAERAH KENINGAU

Dua pengusaha kuari (pengambilan batu dan pasir) masih beroperasi tanpa lesen. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak dapat mengutip hasil daripada operasi pengambilan batu dan pasir sepertimana kehendak Ordinan Tanah.

90.2 PEJABAT PEMUNGUT HASIL TANAH PENAMPANG

Sejumlah RM123,120 pungutan hasil tanah pada tahun 2000 hingga 2001 tidak diperakaunkan. Selain itu, kerani hasil hanya memulangkan semula RM5,626 selepas teguran Audit dan laporan polis oleh Penolong Pemungut Hasil Tanah Penampang. Kes ini masih disiasat oleh pihak polis.

90.3 KORPORASI PEMBANGUNAN DESA

Baki pinjaman daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai *Rural Credit Scheme/Bumiputra Participation Unit* berjumlah RM122.77 juta. Korporasi hanya menjelaskan pinjaman RM1 juta kepada Kerajaan Negeri walaupun berjaya mengutip RM35.83 juta daripada peminjam skim. Korporasi sebaliknya menggunakan kutipan tersebut bagi membiayai projek sendiri. Selain itu, Korporasi belum mengemukakan sijil saham bagi pelaburan di syarikat swasta yang telah hilang dan sijil saham syarikat kewangan untuk pengesahan Audit.

91. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM DAN AKTIVITI JABATAN

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Selain itu, mengikut Enakmen Badan-badan Berkanun (Peruntukan-peruntukan Tambahan) 1997 dan Ordinan Kerajaan Tempatan 1961, Laporan atau Sijil Ketua Audit Negara mengenai Akaun Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan juga hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2002 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sabah pada 23 April 2004.

92. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Pada tahun 2003, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah selesai memeriksa Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Sabah tahun 2001. Pada tahun 2003, Jawatankuasa bermesyuarat sebanyak 2 kali. Butiran mesyuarat Jawatankuasa dan perbincangan Laporan Ketua Audit Negara adalah seperti di **Jadual 83.**

Jadual 83
Butiran Mesyuarat JKKWN Dan Perbincangan Laporan Ketua Audit Negara Pada Tahun 2003

Tarikh	Kementerian/Jabatan/Agensi	Perkara Yang Dibincang
24.06.2003	-	• Pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara Sabah Tahun 2001. • Kementerian/Jabatan/Pejabat/Agensi yang akan dipanggil dan penetapan tarikh mesyuarat yang akan datang.
14.08.2003	Jabatan Ketua Menteri Pejabat Daerah Keningau Pejabat Daerah Kunak Pejabat Daerah Papar (Mantan DO Kunak) Pejabat Daerah Beluran Pejabat Pegawai Daerah (Pembangunan) Keningau, Kunak, Beluran	• Projek Pembangunan Jabatan Ketua Menteri.
	Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan Unit Penswastaan Negeri (EPU) Jabatan Tanah Dan Ukur	• Pembinaan Kompleks Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan.
	Jabatan Kerja Raya	• Pengurusan bangunan Kerajaan yang disewakan.
15.08.2003	Jabatan Pengairan Dan Saliran	• Projek Pembangunan Saliran Bandar Tawau.
	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negeri Sabah	• Taklimat aktiviti Perbadanan.
	Korporasi Pembangunan Desa	• Taklimat pengurusan kewangan.
	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	• Taklimat pengurusan pungutan hasil dan aktiviti kutipan sampah.
18.08.2003	Jabatan Cetak Kerajaan	• Perolehan barang.
	Pejabat Daerah Semporna	• Pejabat Daerah Semporna.
	Pejabat Penolong Pemungut Hasil Tanah, Keningau Jabatan Tanah Dan Ukur	• Pejabat Tanah Daerah Keningau.

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

PENUTUP

Secara keseluruhannya ada kemajuan dalam pengurusan kewangan Kerajaan Negeri di mana tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan adalah lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Bagaimanapun, tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Sepertimana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjejaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan.

Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan dalam pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan, peruntukan kewangan yang terhad dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA
Putrajaya
14 Ogos 2004

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA AKAUN AWAM
KERAJAAN NEGERI SABAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2003

Penyata Akaun Awam Kerajaan Negeri Sabah bagi tahun berakhir 31 Disember 2003 telah diperiksa dan diaudit atas arahan saya mengikut peruntukan di bawah Seksyen 9(1) Akta Audit 1957.

Pada pendapat saya, Penyata Akaun Awam ini memberikan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Sabah pada 31 Disember 2003 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sijil ini hendaklah dibaca bersama-sama laporan saya mengenai Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri tahun 2003.

(TAN SRI DR. HADENAN BIN A. JALIL)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
22 Jun 2004

LEMBARAN IMBANGAN
seperti pada 31 Disember 2003

	Penyata	*Nota*	*2003*	*2002*
			RM	*RM*
	ASET			
A	**WANG TUNAI**	8	73,481,145	67,178,686
B	**PELABURAN**	9	327,272,379	144,119,625
			400,753,524	211,298,311
	JUMLAH ASET DIPEGANG BAGI:-			
C	**AKAUN HASIL DISATUKAN**	10	476,661,480	322,321,517
D	**AKAUN AMANAH DISATUKAN**	11	(75,907,956)	(111,023,206)
E	**AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**	12	-	-
			400,753,524	211,298,311

Lampiran ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

DATUK PHILIP N.K. CHIU
Bendahari Negeri
Sabah

02 April 2004

DATUK HAJI S. ABDILLAH HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan, Sabah

02 April 2004

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
seperti pada 31 Disember 2003

	Penyata	*Nota*	*2003*	*2002*
			RM	*RM*
	ASET			
F1	**PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**	13a	1,658,404,316	1,950,984,905
F2	**PELABURAN**	13b	2,483,020,376	2,252,086,242
F3	**TUNGGAKAN HASIL**	13c	446,994,641	512,522,024
	TANGGUNGAN			
G1	**HUTANG AWAM**	14a	762,590,746	711,860,326

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

DATUK PHILIP N.K. CHIU
Bendahari Negeri
Sabah

02 April 2004

DATUK HAJI S. ABDULLAH HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan, Sabah

02 April 2004

C PENYATA AKAUN HASIL YANG DISATUKAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Perihal	2003			2002	
	Anggaran Disemak *RM*	Sebenar *RM*	Anggaran %	Sebenar *RM*	Anggaran %
Baki Pada 1 Januari		322,321,517.35		164,884,672.26	
C1. HASIL					
Kelas I - Cukai dan Lesen-lesen	987,053,896.00	1,087,956,461.14	110.22	836,082,261.36	117.68
Kelas II - Hasil Daripada Perkhidmatan Kerajaan Yang Tertentu	2,015,800.00	2,802,525.14	139.03	2,948,923.63	161.52
Kelas III - Hasil Daripada Perkhidmatan Yang Berupa Perniagaan	80,150,250.00	81,746,142.29	101.99	65,022,182.63	87.99
Kelas IV - Hasil Daripada Harta Kerajaan	88,568,942.00	118,365,507.11	133.64	240,195,393.74	100.35
Kelas V - Pelabuhan dan Dermaga	1,898,510.00	2,516,577.37	132.56	2,463,995.36	135.03
Kelas VI - Pelbagai Hasil	193,794,300.00	289,674,697.75	149.48	41,071,123.86	17.59
Kelas VII - Bayaran Peruntukan Persekutuan, Bayaran Balik Dan Hasil Peruntukan	203,481,132.00	249,344,191.27	122.54	272,535,187.12	101.66
Kelas VIII - Peruntukan Persekutuan, Sumbangan Dan Bayaran Balik	59,510,100.00	47,213,000.41	79.34	39,311,541.06	103.84
JUMLAH HASIL	1,616,472,930.00	1,879,619,102.48	116.28	1,499,630,608.76	95.71
C2. PERBELANJAAN MENGURUS					
Gaji-gaji	465,420,883.26	455,442,002.29	97.86	414,783,254.66	93.08
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain, Berulang Tiap-tiap tahun	460,776,698.19	388,803,744.71	84.38	381,512,296.28	91.03
Perbelanjaan Khas	926,694,158.55	881,033,392.95	95.07	545,898,212.73	89.84
JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS	1,852,891,740.00	1,725,279,139.95	93.11	1,342,193,763.67	91.16
LEBIHAN/(KURANGAN) BAGI TAHUN (C1-C2)		154,339,962.53		157,436,845.09	
BAKI PADA 31 DISEMBER		476,661,479.88		322,321,517.35	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

DATUK PHILIP NK. CHIU
Bendahari Negeri
Sabah

02 April 2004

DATUK HAJI SY ABDILLAH HASSAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan, Sabah

02 April 2004

Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan Badan Berkanun Negeri Setakat 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Sedang Diaudit	Penyata Belum Diserah	
				Tahun	Bil.
1.	Korporasi Pembangunan Desa	1998	-	1999-2002	4
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2002	-	-	-
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2002	-	-	-
4.	Kumpulan Wang Amanah Warisan Negeri Sabah	Belum Operasi	-	-	-
5.	Lembaga Industri Getah Sabah	2002	-	-	-
6.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2002	-	-	-
7.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2001	2002	-	-
8.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2001	2002	-	-
9.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2001	2002	-	-
10.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	1998	1999-2001	2002	1
11.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2002	-	-	-
12.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2001	2002	-	-
13.	Perbadanan Pinjaman Negeri Sabah	2003	-	-	-
14.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2001	-	2002	1
15.	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negeri Sabah	2002	-	-	-
16.	Taman-Taman Sabah	2002	-	-	-
17.	Yayasan Tun Fuad	2002	-	-	-
18.	Yayasan Sabah	2000	2001	2002	1
19.	Majlis Ugama Islam Sabah	2000	2001	2002	1
Jumlah					**8**

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Lampiran IV

Kedudukan Penyerahan Dan Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan Setakat 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Sedang Diaudit	Penyata Belum Diserah	
				Tahun	Bil.
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2002	-	-	-
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	2002	-	-	-
3.	Majlis Perbandaran Tawau	2001	2002	-	-
4.	Lembaga Bandaran Kudat	2000	2001	2002	1
5.	Majlis Daerah Beaufort	2002	2003	-	-
6.	Majlis Daerah Keningau	2002	-	-	-
7.	Majlis Daerah Kinabatangan	2001	-	2002	1
8.	Majlis Daerah Kota Belud	2001	2002	-	-
9.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2002	2003	-	-
10.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2002	2003	-	-
11.	Majlis Daerah Kunak	2000	-	2001-2002	2
12.	Majlis Daerah Lahad Datu	2002	-	-	-
13.	Majlis Daerah Labuk/Sugut	2002	-	-	-
14.	Majlis Daerah Papar	2002	-	-	-
15.	Majlis Daerah Penampang	2001	-	2002	1
16.	Majlis Daerah Pensiangan	2002	-	-	-
17.	Majlis Daerah Ranau	2002	-	-	-
18.	Majlis Daerah Sipitang	2003	-	-	-
19.	Majlis Daerah Tambunan	2003	-	-	-
20.	Majlis Daerah Tenom	2003	-	-	-
21.	Majlis Daerah Tuaran	1999	2000	2001-2002	2
22.	Majlis Daerah Semporna	2000	2001-2003	-	-
				Jumlah	**7**

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Lampiran V

Kelewatan Penyerahan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Bil	Badan Berkanun Negeri	Tahun Akaun	Punca Penyata Kewangan Lewat Dikemukakan		
			Kakitangan	Ketua Jabatan	Lain-lain
1	Yayasan Sabah	2002		1. Belum mendapat kelulusan daripada Lembaga Pemegang Amanah. 2. Lanjutan masa tidak dipohon daripada Kementerian Kewangan.	Penyata kewangan sedang dikemas kini oleh Pengurusan.
2	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2002			1. Penyata kewangan disatukan sedang disediakan kerana subsidiari lewat kemukakan akaun yang telah diaudit. 2. Perbadanan telah mohon lanjutan masa penyerahan akaun daripada Kementerian Kewangan.
3	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	2002	1. Lembaga dalam proses penstrukturan semula dan pegawai baru belum diberi latihan yang bersesuaian dengan bidang kewangan dan perakaunan. 2. Rekod kewangan sedang dikemas kini.	Lanjutan masa penyerahan akaun 2002 tidak dipohon daripada Kementerian Kewangan.	Sistem Perakaunan Baru diwujudkan dan siap pada bulan Mei 2003. Hingga kini masih dalam proses percubaan dan penyesuaian.

Bil	Badan Berkanun Negeri	Tahun Akaun	Punca Penyata Kewangan Lewat Dikemukakan		
			Kakitangan	Ketua Jabatan	Lain-lain
4	Korporasi Pembangunan Desa	1999-2002	Akauntan yang dilantik sering bertukar ataupun meletakkan jawatan dalam tempoh yang singkat.	1. Pertukaran pengurusan dari semasa ke semasa telah menjejaskan penyediaan penyata kewangan. 2. Lanjutan masa penyerahan akaun tidak dipohon daripada Kementerian Kewangan.	1. Korporasi dalam proses penstrukturan semula organisasi secara menyeluruh dan ini menjejaskan komitmen pegawai menyiapkan penyata kewangan. 2. Pihak Lembaga Pengarah memutuskan draf penyata kewangan bagi tahun 1999-2001 diaudit oleh Firma Audit Swasta terlebih dahulu sebelum dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.
5	Majlis Ugama Islam Sabah	2002	1. Pegawai dan kakitangan di Bahagian Kewangan Dan Akaun tidak mendapat latihan sewajarnya walaupun mempunyai seorang pegawai Gred W48 dan 2 pegawai Gred W41 serta dibantu oleh beberapa Pembantu Tadbir (Akaun). 2. Penyediaan penyata kewangan tahun 2002 berasaskan akruan diswastakan kepada Firma Perakaunan.	Mengikut minit mesyuarat khas yang diadakan antara Jabatan Audit Negara dan Majlis telah dinyatakan bahawa pengurusan Majlis kurang beri perhatian jitu dan pemantauan terhadap masalah perakaunan dan kewangan.	1. Rekod kewangan dan dokumen lain yang berkaitan tidak diselenggarakan dengan kemas kini. Ini menjejaskan penyediaan penyata kewangan. 2. Lanjutan masa penyerahan akaun tidak dipohon daripada Kementerian Kewangan.

Persijilan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

Setakat 31 Julai 2004

Bil	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disijilkan			Jenis Sijil
		Tahun	Bilangan	Tarikh	
1.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2000 2001	1 1	29.12.2003 25.05.2004	Berteguran Berteguran
2.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2001	1	10.04.2003	Tanpa Teguran
3.	Majlis Ugama Islam Sabah	1996 1997-1998 1999-2000	1 2 2	14.01.2003 12.03.2004 16.07.2004	Berteguran Berteguran Berteguran
4.	Lembaga Industri Getah Sabah	1999 2000-2002	1 3	14.07.2003 10.03.2004	Berteguran Berteguran
5.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2000 2001	1 1	28.01.2003 25.05.2004	Berteguran Berteguran
6.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	1996-1998	3	04.02.2004	Berteguran
7.	Korporasi Pembangunan Desa	1995-1998	4	20.01.2004	Penafian
8.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	1999-2001 2002	3 1	16.03.2004 02.07.2004	Berteguran Berteguran
9.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2001 2002	1 1	20.05.2003 15.03.2004	Berteguran Berteguran
10.	Yayasan Sabah	2000	1	25.04.2003	Berteguran
11.	Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah	2001 2002	1 1	16.01.2003 06.11.2003	Berteguran Tanpa Teguran
12.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2001	1	15.01.2003	Berteguran
13.	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negeri Sabah	2001 2002	1 1	14.07.2003 28.02.2004	Tanpa Teguran Berteguran
14.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	1999 2000 2001-2002	1 1 2	14.07.2003 08.01.2004 28.02.2004	Berteguran Berteguran Berteguran
15.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2002 2003	1 1	27.10.2003 05.05.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
16.	Yayasan Tun Fuad	2000-2001 2002	2 1	12.05.2003 18.11.2003	Tanpa Teguran Tanpa Teguran
17.	Taman-taman Sabah	2000 2001 2002	1 1 1	28.01.2003 09.02.2004 28.06.2004	Tanpa Teguran Tanpa Teguran Berteguran
18.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2001	1	14.02.2004	Berteguran
Jumlah Penyata Disijilkan			**46**		

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Persijilan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

Setakat 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Penyata Kewangan Disijilkan			Jenis Sijil
		Tahun	Bilangan	Tarikh	
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2001 2002	1 1	19.06.03 13.01.04	Berteguran Berteguran
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	1996-1998 1999-2000 2001-2002	3 2 2	07.02.03 24.02.04 27.07.04	Berteguran Berteguran Berteguran
3.	Lembaga Bandaran Kudat	2000	1	13.05.03	Berteguran
4.	Majlis Daerah Keningau	1996-1998 1999-2000 2001-2002	3 2 2	04.02.03 12.08.03 27.01.04	Berteguran Berteguran Berteguran
5.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2002	1	01.08.03	Berteguran
6.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2002	1	20.10.03	Berteguran
7.	Majlis Daerah Papar	1998-2000 2001 2002	3 1 1	22.02.03 01.08.03 30.04.04	Berteguran Berteguran Berteguran
8.	Majlis Daerah Lahad Datu	2001 2002	1 1	22.01.03 18.12.03	Berteguran Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Kota Belud	2001	1	21.01.03	Berteguran
10.	Majlis Daerah Pensiangan	1998-1999 2000 2001 2002	2 1 1 1	08.05.03 04.07.03 03.11.03 21.11.03	Berteguran Berteguran Berteguran Berteguran
11.	Majlis Daerah Ranau	2002	1	08.07.03	Berteguran
12.	Majlis Daerah Semporna	1996-1998 1999-2000	3 2	18.06.03 17.10.03	Berteguran Berteguran
13.	Majlis Daerah Sipitang	2002 2003	1 1	22.09.03 17.06.04	Berteguran Berteguran
14.	Majlis Daerah Tambunan	2002 2003	1 1	25.06.03 06.05.04	Berteguran Berteguran
15.	Majlis Daerah Tenom	2001 2002 2003	1 1 1	23.01.03 29.10.03 28.07.04	Berteguran Tanpa Berteguran
16.	Majlis Daerah Tuaran	1999	1	02.04.03	Berteguran
17.	Majlis Daerah Penampang	1999 2000-2001	1 2	17.01.03 13.01.04	Berteguran Berteguran
18.	Majlis Daerah Labuk/Sugut	2000-2001 2002	2 1	12.05.03 02.01.04	Berteguran Berteguran
19.	Majlis Daerah Beaufort	2002	1	19.01.04	Berteguran
20.	Majlis Perbandaran Tawau	1999-2001	3	14.06.04	Berteguran
21.	Majlis Daerah Kinabatangan	2000-2001	2	23.06.04	Berteguran
Jumlah Penyata Disijilkan			**58**		

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Lampiran VIII

Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri Setakat 31Julai 2004

Bil	Nama Agensi	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Terakhir Dibentangkan	Penyata Belum Dibentangkan	
				Tahun	Bil
1.	Korporasi Pembangunan Desa	1998	1993	1994-1998	5
2.	Korporasi Kemajuan Perikanan Dan Nelayan Sabah	2001	1996	1997-2002	6
3.	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah Sabah	2002	1994	1995-2002	8
4.	Lembaga Industri Getah Sabah	2002	1997	1998-2002	5
5.	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	2002	2001	2002	1
6.	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah	2001	2001	-	-
7.	Lembaga Sukan Negeri Sabah	2001	2000	2001	1
8.	Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah	2001	2000	2001	1
9.	Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah	1998	1995	1996-1998	3
10.	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	2002	2002	-	-
11.	Majlis Ugama Islam Sabah	2000	1994	1995-2000	6
12.	Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah	2001	2001	-	-
13.	Perbadanan Pinjaman Sabah	2003	2002	2003	1
14.	Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah	2001	1999	2000-2001	2
15.	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negeri Sabah	2002	2002	-	-
16.	Taman-Taman Sabah	2002	2000	2001-2002	2
17.	Yayasan Tun Fuad	2002	1998	1999-2002	4
18.	Yayasan Sabah	2000	2000	-	-
Jumlah					**45**

Sumber : Rekod Jabatan Audit Negara

Kedudukan Pembentangan
Penyata Kewangan Tahunan Pihak Berkuasa Tempatan
Setakat 31 Julai 2004

Bil.	Nama Agensi	Penyata Terakhir Disahkan	Penyata Terakhir Dibentang	Penyata Belum Dibentang	
				Tahun	Bil.
1.	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	2002	2002	-	-
2.	Majlis Perbandaran Sandakan	2000	2000	-	-
3.	Majlis Perbandaran Tawau	2001	1998	1999-2000	2
4.	Lembaga Bandaran Kudat	2000	2000	-	-
5.	Majlis Daerah Beaufort	2002	2002	-	-
6.	Majlis Daerah Keningau	2002	2002	-	-
7.	Majlis Daerah Kota Belud	2001	2001	-	-
8.	Majlis Daerah Kota Marudu/Pitas	2002	2002	-	-
9.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2002	2002	-	-
10.	Majlis Daerah Kunak	2000	2000	-	-
11.	Majlis Daerah Lahad Datu	2002	2002	-	-
12.	Majlis Daerah Labuk/Sugut	2002	2002	-	-
13.	Majlis Daerah Papar	2002	2001	2002	1
14.	Majlis Daerah Penampang	2001	2001	-	-
15.	Majlis Daerah Pensiangan	2002	2002	-	-
16.	Majlis Daerah Ranau	2002	2002	-	-
17.	Majlis Daerah Sipitang	2003	2001	2002-2003	2
18.	Majlis Daerah Tambunan	2003	2002	2003	1
19.	Majlis Daerah Tenom	2003	2002	2003	1
20.	Majlis Daerah Tuaran	1999	1999	-	-
21.	Majlis Daerah Semporna	2000	2000	-	-
Jumlah					**7**

Sumber: Rekod Jabatan Audit Negara

Prestasi Kewangan
Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002

Bil	Nama Agensi	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus /(Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Harta Bersih Semasa (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI							
1	Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar	18.50	17.58	0.92	80.94	74.87	6.07
2	Perbadanan Kemajuan Pelancongan Negeri Sabah	17.82	11.81	6.01	17.97	3.18	14.79
3	Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah	127.15	108.64	18.51	117.75	16.11	101.64
4	Perbadanan Pinjaman Sabah	34.00	24.55	9.45	479.30	449.91	29.39
5	Yayasan Tun Fuad	0.34	0.14	0.20	10.78	0.02	10.76
6	Lembaga Industri Getah Sabah	75.86	94.66	(18.80)	26.86	11.78	15.08
7	Kumpulan Wang Penanaman Semula Getah	16.17	13.92	2.25	28.65	17.69	11.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN							
1.	Mayor Bandaraya Kota Kinabalu	61.82	60.57	1.25	10.87	9.62	1.25
2.	Majlis Daerah Lahad Datu	7.88	7.98	(0.10)	1.65	1.46	0.19
3.	Majlis Daerah Keningau	6.58	6.88	(0.30)	0.39	1.54	(1.15)
4.	Majlis Daerah Beaufort	5.06	4.67	0.39	0.42	4.03	(3.61)
5.	Majlis Daerah Tenom	1.67	2.24	(0.57)	2.80	0.76	2.04
6.	Majlis Daerah Ranau	2.40	1.98	0.42	0.33	0.22	0.11
7.	Majlis Daerah Tambunan	2.47	2.17	0.30	0.24	1.95	(1.71)
8.	Majlis Daerah Sipitang	2.02	1.66	0.36	0.81	1.27	(0.46)
9.	Majlis Daerah Kuala Penyu	2.69	2.80	(0.11)	0.45	1.83	(1.38)
10.	Majlis Daerah Kota Marudu/ Pitas	1.05	1.24	(0.19)	0.12	0.40	(0.28)
11.	Majlis Daerah Pensiangan	0.50	0.66	(0.16)	0.07	0.92	(0.85)
12.	Majlis Daerah Labuk/Sugut	1.40	1.27	0.13	1.04	1.73	(0.69)
13.	Majlis Daerah Papar	5.60	5.49	0.11	0.30	0.71	(0.41)

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri
Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan